PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan perkembangan terkini pembinaan RMM Selangorku.

b) Sila nyatakan apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi.

c) Sila kemukakan perbandingan harga dan proses pembinaan Rumah Selangorku dengan RMM PRIMA di Negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Daripada tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 138 projek berjumlah 62,516 unit telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 2,546 unit telah siap dibina manakala sebanyak 20,254 unit sedang dibina.

Pada Mac 2015, terdapat 14 projek berjumlah 20,008 unit dan Pada 2016 terdapat 2 projek berjumlah 1,550 unit Di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor. Status Kemajuan adalah seperti di lampiran A.

Perkembangan pembinaan Rumah Selangorku sentiasa dipantau rapi dan dilaporkan setiap bulan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Rumah Selangorku Negeri Selangor yang terdiri daripada pihak PBT, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS), Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) dan lain-lain agensi. Pihak Jawatankuasa komited mengadakan perbincangan dengan pihak pemaju terhadap perancangan mereka setelah kelulusan MMKN dikeluarkan tentang permasalahan yang timbul.

Pihak pemaju digesa menyegerakan pembinaan Rumah Selangorku bagi membolehkan kelulusan Kebenaran Merancang pembangunan lain dapat dikeluarkan dan dibina bersekali dengan pembangunan Rumah Selangorku. Isu kelulusan dan pembinaan Rumah Selangorku berjalan lancar kerana pihak PBT dan lain agensi komited mempercepatkan proses kelulusan.

TAHUN 2015

PBT	PEMAJU	LOKASI	TARIKH PENAWARAN	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU			MMKN (PINDAAN)	KELULUSAN KM	KELULUSAN BP	STATUS DITAPAK
MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	27 Mac 2015	Jenis C	=	536	30 Nov 2011	14 Feb 2014	30 Julai 2013	**Projek Siap Dibina Dan Telah Diduduki** **(Kelulusan CCC – 22 Mac 2016)**
				JUMLAH	**=**	**536**				
	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439, HS(D) 252841 PT 23564, HS(D) 303258 PT 36170, HS(D) 303259 PT 36171, HS(D) 303260 PT 36172 Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	-	Jenis A (Fasa 4)	=	750	9 Mac 2016 (Pindaan)	-	-	Projek Belum Dibina
			-	Jenis B	=	1,508		-	-	
			10 Dis 2015	Jenis C1 (De Palma - 730, De Kiara – 737)	=	1,467	4 Feb 2015	15 Julai 2015 (De Palma) 28 julai 2015 (De Kiara)	13 Oct 2015 (De Palma) 13 Oct 2015 (De Kiara)	**Projek Dalam Pembinaan** **De Palma** (Kerja – Kerja pembinaan sedang dijalankan.) **De Kiara** (Kerja – kerja penanaman cerucuk telah selesai.) **De Bayu** (Kerja – kerja penanaman cerucuk sedang dijalankan.)
			1 Julai 2016	Jenis C2 (De Bayu)	=	723		14 Julai 2015 (De Bayu)	20 Oct 2015 (De Bayu)	
				JUMLAH	**=**	**4,448**				

PBT	PEMAJU	LOKASI	TARIKH PENAWARAN	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU			MMKN (PINDAAN)	KELULUSAN KM	KELULUSAN BP	STATUS DITAPAK
MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Di Atas hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD 15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	21 Oct 2015	Jenis C	=	903	7 Jan 2015	19 Mac 2015 (Fasa 17A) 4 Jan 2016 (Fasa 17B)	14 Ogos 2015 (Fasa 17A) 24 Feb 2016 (Fasa 17B)	**Projek Dalam Pembinaan** **(Fasa 17A)** Kerja - Kerja penanaman cerucuk dan pembinaan "ground beam" sedang dijalankan.
			21 Oct 2015	Jenis D	=	1,500				
				JUMLAH	**=**	**2,403**				
	Gemilang Waras Sdn. Bhd. (WCT Holdings Berhad)	Di Atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J) dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang.	10 Dis 2015	Jenis C2 (Fasa 1J)	=	323	7 Jan 2015	19 Jun 2015 (Fasa 1H)	21 Ogos 2015 (Fasa 1H)	**Projek Dalam Pembinaan** **Fasa 1H** (Kerja – Kerja pembinaan sedang dijalankan sehingga tingkat 3). **Fasa 1J** (Kerja –Kerja Pembinaan sedang dijalankan. Pembinaan lantai aras bawah telah selesai.)
				Jenis D (Fasa 1H)	=	372		1 Sept 2015 (Fasa 1J)	5 Feb 2016 (Fasa 1J)	
				JUMLAH	**=**	**695**				
	Gabungan Efektif Sdn. Bhd. (WCT Holdings Berhad)	Di Atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	7 Oct 2015	Jenis C2 (A6)	=	321	7 Jan 2015	20 April 2015 (Fasa A6 & Fasa A7)	21 April 2015 (Fasa A6 & Fasa A7)	**Projek Dalam Pembinaan** **Fasa A6 & Fasa A7** (Kerja – Kerja Pembinaan diperingkat *'Architecture Work'*.) **Fasa A9 & A10** (Projek Belum Dibina)
			2 Jun 2015	Jenis C2 (A7)	=	240				
			-	Jenis C (A9)	=	160		10 Ogos 2015 (Fasa A9)	12 Nov 2015 (Fasa A9)	
			-	Jenis D (A10)	=	320		20 April 2015 Fasa A10)	11 Ogos 2015 (Fasa A10)	
				JUMLAH	**=**	**1,041**				

PBT	PEMAJU	LOKASI	TARIKH PENAWARAN	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU			MMKN (PINDAAN)	KELULUSAN KM	KELULUSAN BP	STATUS DITAPAK
MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd. (Selaman Sdn. Bhd.)	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	-	Jenis A (OKU)	=	4	6 April 2016	7 April 2015 (Lulus Bersyarat)	Dalam Proses menunggu kelulusan	**Projek Dalam Pembinaan** Kerja - kerja pemampatan tanah sedang dijalankan.
				Jenis B	=	40				
				Jenis C	=	40				
				JUMLAH	**=**	**84**				
MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di Atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	11 Feb 2016	Jenis B	=	870	25 Feb 2015	2 Julai 2015	30 Sept 2015	**Projek Dalam Pembinaan** Kerja – kerja penanaman cerucuk sedang dijalankan dan dijangka selesai pada penghujung bulan Julai 2016.
				JUMLAH	**=**	**870**				
	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT 71607, PT 71608 Dan PT 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	-	Jenis A	=	142	10 Disember 2014	30 Mac 2016 (Pindaan)	4 Mei 2016	**Projek Dalam Pembinaan** Kelulusan APDL telah diperolehi dan permohonan senarai nama telah dibuat. Kerja – kerja penanaman cerucuk sedang dijalankan.
				Jenis B	=	72				
				Jenis C	=	72				
				Jenis D	=	428				
				JUMLAH	**=**	**714**				

PBT	PEMAJU	LOKASI	TARIKH PENAWARAN	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU			MMKN (PINDAAN)	KELULUSAN KM	KELULUSAN BP	STATUS DITAPAK
MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	28 Ogos 2015	Jenis C	=	488	25 Februari 2015 8 April 2015 (Pindaan)	13 Jun 2013	18 Mac 2015	**Projek Dalam Pembinaan** **Blok A** (Kerja – Kerja pembinaan sedang dijalankan.) **Blok B** (Kerja – kerja pembinaan ditangguhkan sementara memandangkan kurang permintaan bagi pembangunan Blok A**.**
				JUMLAH	**=**	**488**				
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	-	(Fasa 1 – 140) Fasa 2 – 210)	=	4,471	-	-	-	**Projek Belum Dibina**. (Masih menunggu Kelulusan Pelan Induk bagi keseluruhan projek.)
				JUMLAH	**=**	**4,471**				
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	-	RMM	=	418	23 Mei 2012	28 Okt 2015 (Lulus Bersyarat)	-	**Projek Belum Dibina**. (Masih menunggu kelulusan penuh Kebenaran Merancang. Dijangka diperolehi pada penghujung bulan Julai 2016.)
				JUMLAH	**=**	**418**				
	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 5, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	-	RMM	**=**	198	-	-	-	**Projek Dalam Pembinaan** Kerja – kerja infrastruktur sedang dijalankan. Dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2016.
				JUMLAH	**=**	**198**				

PBT	PEMAJU	LOKASI	TARIKH PENAWARAN	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU			MMKN (PINDAAN)	KELULUSAN KM	KELULUSAN BP	STATUS DITAPAK
MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (IJM Land Berhad)	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	-	Jenis A	=	330	30 Sept 2014	6 Mei 2015	13 Mei 2016	**Projek Dalam Pembinaan** Kerja - kerja penanaman cerucuk sedang dijalankan di tapak. Penawaran hanya boleh dilakukan selepas isu berkenaan perkuburan selesai.
				Jenis B	=	660				
				Jenis C	=	670				
				Jenis D	=	670				
				JUMLAH	**=**	**2,330**				
	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Bina Group Berhad)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	-	Jenis C1	=	262	18 Mac 2015	28 Sept 2015	27 Julai 2015 (Lulus Bersyarat)	**Projek Dalam Pembinaan** Kerja - kerja tanah sedang dijalankan di tapak. Masih menunggu sokongan daripada Jabatan Teknikal MPSp berhubung jalan keluar masuk ke Daerah Sepang.
				Jenis C2	=	1,050				
				JUMLAH	**=**	**4,471**				
MPS	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di Atas PT 2802 HS(D) 75285, Mukim Rawang Daerah Gombak.	-	Jenis B	=	560	20 Mei 2015	16 Mei 2016 (Lulus Bersyarat)	-	**Projek Belum Dibina** (Pemajuan akan dibuat sehingga pembangunan Elite Park habis dijual.)
				JUMLAH	**=**	**560**				

TAHUN 2016

PBT	PEMAJU	LOKASI	TARIKH PENAWARAN	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU			MMKN (PINDAAN)	KELULUSAN KM	KELULUSAN BP	STATUS DITAPAK
MBSA	Worldwide Holdings Berhad	Hakmilik PM 4845 Lot 37309 dan HS(M) 10274 PT 34425 di Subang Bestari, Seksyen U5 Shah Alam, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	-	Jenis C	=	240	30 Dis 2015 (Pindaan)	1 Feb 2016	Masih menunggu kelulusan	**Projek Dalam Pembinaan** Kerja - kerja tanah sedang dijalankan di tapak.
				Jenis D	=	148				
				JUMLAH	**=**	**388**				
MPSJ	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	GRN 57646 Lot 1333 Di Taman Puchong Utama,Pekan Puchong perdana, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	-	Jenis B	=	464	2 Dis 2015	17 Mac 2016	Dalam proses permohonan	**Projek Belum Dibina**. (Dalam proses permohonan Pelan Bangunan.)
				Jenis C2	=	464				
				Jenis D	=	234				
				JUMLAH	=	**1,162**				

b) Terdapat beberapa kekangan dan cabaran dalam melaksanakan pembinaan Rumah Selangorku di Negeri Selangor antaranya berikut :-

i) Kenaikan Harga Barangan Pembinaan

Pemaju menegaskan mereka dibebani dengan kenaikan harga batu bata, simen dan pasir yang secara tidak langsung akan meningkatkan kos- kos lain seperti kos pengangkutan, dan kos infrastruktur.

ii) Pengenaan Kadar premium tanah

Pemaju menegaskan kadar premium tanah yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) agak tinggi iaitu berdasarkan kepada pasaran harga semasa.

iii) Pengenaan Caj-Caj / Bayaran Caruman

Berdasarkan semakan lebih daripada 30 jenis bayaran / caj yang akan dikenakan oleh pihak berkuasa kepada pemaju bagi sesuatu pembangunan. Caj-caj ini termasuklah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan juga termasuklah Agensi-Agensi Teknikal Swasta.

iv) Kos Infrastruktur

Hasil tinjauan yang pernah dijalankan, kebanyakan pemaju merasakan kos infrastruktur merupakan faktor yang paling utama terhadap peningkatan kos pembangunan projek. Ini kerana pemaju perlu menyempurnakan segala kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti penyediaan jalan keluar masuk, penyediaan kemudahan dan bekalan air yang sempurna (SYABAS – seperti laluan paip dan tangki air), penyediaan kemudahan dan bekalan elektrik (TNB – seperti laluan kabel elektrik, penyediaan pencawang masuk elektrik) dan penyediaan kemudahan dan sistem pembentungan (IWK – penyediaan Sistem Kumbahan STP).

c) Untuk makluman Yang Berhormat, harga jualan Rumah Selangorku adalah berdasarkan Pekeliling Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) Bilangan 1 Tahun 2013 yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 1 Januari 2014 manakala RMM PR1MA adalah berdasarkan penubuhan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012. Berikut merupakan perbandingan harga di antara Rumah Selangorku dan RMM PR1MA seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Perbandingan Harga Jualan Rumah Mampu Milik

Jenis Rumah Mampu Milik	Harga Jualan (RM)
Rumah Selangorku	42,000.00 – 250,000.00
RMM PR1MA	100,000.00 – 400,000.00

Bagi proses pembinaan Rumah Selangorku dan RMM PR1MA di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Rumah Selangorku	RMM PR1MA
Proses pembinaan / penyediaan Rumah Selangorku adalah mengikut kuota pembangunan / keluasan pembangunan. Peruntukan kuota Rumah Selangorku dikenakan bagi pembangunan yang berkeluasan melebihi 2.00 ekar dan ke atas di zon 1 pembangunan dengan minima penyediaan 20%. Di zon 2 pembangunan adalah melebihi 5.00 ekar dengan penyediaan 20% manakala di zon 3 pembangunan adalah melebihi 10.00 ekar dengan penyediaan 40%.	Penetapan penyediaan Rumah Selangorku di dalam pembangunan RMM PR1MA adalah mengikut keluasan dan zon pembangunan Rumah Selangorku. Peratusan penyediaan Rumah Selangorku akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah bas *Smart Selangor* yang telah beroperasi dan nyatakan laluan yang terilibat.

b) Berapakah kos operasi yang telah dibelanjakan sehingga akhir Jun 2016?

c) Adakah kerajaan berhasrat untuk terus menyediakan pekhidmatan bas *Smart Selango*r ini secara percuma?

JAWAPAN:

a) Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016, sebelas (11) laluan telah diperkenalkan dengan 34 buah Bas Smart Selangor digunakan di semua daerah kecuali di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah mempunyai bas komuniti sendiri iaitu PJ CityBus sebanyak 22 buah bas. Bagi laluan tambahan terbaru pada tahun 2016, Bas Smart Selangor telah beroperasi di kawasan pentadbiran Ampang Jaya, Kajang, Sepang, Kuala Langat, Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Laluan-laluan Bas Smart Selangor pada masa ini melibatkan laluan-laluan berikut:

1. Laluan Bas Smart Selangor MBSA
   - Dari Stesen Komuter Shah Alam Seksyen 19 ke Hospital Shah Alam, Seksyen 7.

2. Laluan Bas Smart Selangor MPSJ
   - Dari Persiaran Bakti (MPSJ) ke Persiaran Murni (Sekolah Agama Bestari).

3. Laluan Bas Smart Selangor MPK
   - Dari SRJK (C) Kong Hoe / Jalan Batu Tiga Lama Ke Plaza MPK (Mydin) / Jalan Pos Baru.

4. Laluan Bas Smart Selangor MPAJ
   - Dari Jalan Ukay Perdana ke Jalan Taman Melawati.

5. Laluan Bas Smart Selangor MPKj
   - Dari/Ke Kompleks Hentian Kajang melalui Jalan Reko, Persiaran Bangi, Persiaran Cempaka, Jalan 7/2, Jalan 7/5, Jalan 7/1, Jalan Wan Siew, Jalan Sungai Chua, Jalan Mendaling, Jalan Tukang, Jalan Besar, Jalan Cheras dan Jalan Timur.

6. Laluan Bas Smart Selangor MPS
   - Dari Selayang Mutiara ke Terminal Putra Gombak.

7. Laluan Bas Smart Selangor MPSp
   - Dari Klinik Kesihatan Tanjong Sepat ke Stesen ERL Kota Warisan.
   - Dari Bandar Baru Salak Tinggi ke Stesen ERL Kota Warisan.

8. Laluan Bas Smart Selangor MDKL
   - Dari Bandar Banting ke Stesen ERL Kota Warisan.

9. Laluan Bas Smart Selangor MDSB
   - Dari/ke Sekinchan ke/dari Sabak Bernam.

10. Laluan Bas Smart Selangor MDKS
    - Dari Terminal Bas dan Teksi Kuala Selangor – Tanjong Karang – Perhentian Bas Sekinchan.

11. Laluan Bas Smart Selangor MDHS
    - Terminal Bas Kuala Kubu Bharu – ke/dari Terminal Bas Bukit Sentosa.

b) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM12,317,278.64 bagi pelaksanaan Bas Smart Selangor di sebelas kawasan pentadbiran PBT di Negeri Selangor. Keseluruhan kos tersebut adalah bagi 34 buah yang digunakan dan ianya merupakan kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan sebanyak 6 peratus (6%) bagi tempoh 12 bulan (setahun). Manakala bagi bas komuniti PJ CityBus pula, bagi tahun 2015 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah membelanjakan sebanyak RM2.92 juta manakala untuk tahun 2016 MBPJ telah memperuntukan sebanyak RM6,599,000.00.

c) Inisiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Program Bas Smart Selangor bukanlah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Sebaliknya objektif Bas Smart Selangor ini adalah untuk menggalakkan penggunakan pengangkutan awam oleh semua lapisan masyarakat, disamping dapat mengurangkan bebanan kewangan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menggunakan perkhidmatan awam di dalam urusan harian.

Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016, penumpang Bas Smart Selangor telah menjangkau sehingga 1,951,530 penumpang. Oleh yang demikian, berdasarkan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor setakat ini dan permintaan-permintaan untuk menambah lagi jumlah perkhidmatan tersebut yang banyak diterima, Kerajaan Negeri percaya bahawa masyarakat menerima baik perkhidmatan ini di samping mengharap supaya perkhidmatan ini diperluaskan ke kawasan lain.

Kelangsungan perkhidmatan Bas Smart Selangor juga bergantung kepada komitmen yang diberikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri serta faktor kewangan terutama untuk menyedia dan mengekalkan lebih banyak laluan operasi Bas Smart Selangor di semua PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : MENANGANI ISU BANJIR DI KAJANG

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah cadangan untuk menaiktaraf sungai di sekitar Kajang seperti Sungai Langat, Sungai Merbau, Sungai Balak dan Sungai Jernih yang sering melimpah akibat hujan lebat?

b) Apakah status pemantauan yang dilakukan terhadap projek MRT yang didapati sebagai antara punca banjir di Kajang?

JAWAPAN:

a) Cadangan untuk menaiktaraf sungai di sekitar Kajang seperti Sungai Langat, Sungai Balak dan Sungai Jernih yang sering melimpah akibat hujan lebat adalah seperti senarai dibawah;

Cadangan Kerja	Peruntukan	Status
Membina RTB Sungai Balak	Caruman Parit RM 5 juta	Dijangka diiklan pada Ogos 2016
Menaiktaraf Sungai Langat	Persekutuan RM 1,667,400.00	2 sebutharga dalam perlaksanaan 3 sebutharga dalam proses penyediaan.
Menaiktaraf Sungai Jernih	Mengurus	Kerja-kerja awalan cuci gali sungai Jernih telah dilaksanakan oleh JPS Daerah Hulu langat pada awal Jan – Feb 2016. Kejadian Banjir baru-baru ini disebabkan paras air Sg. Langat yang tinggi serta Projek Pembinaan Depo – MRT Kajang masih dalam perlaksanaan. Struktur tapak pembinaan Depo Kajang tinggi dari paras Sg Jernih

b) Projek MRT dipantau bersama oleh MPKj, JPS & JKR. Pemantauan bersama diadakan setiap bulan manakala laporan oleh pihak MRT dihantar 2 minggu sekali kepada MPKj.

Hasil siasatan didapati masih terdapat OSD yang tidak diselenggara sepenuhnya oleh pihak MRT. Begitu juga dengan longkang-longkang tepi jalan (roadside drain).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : BANTUAN *SMART SELANGOR FOOD STAMP*

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah program ini dapat membantu usaha pembasmian kemiskinan rakyat Selangor?

b) Berapakah kos pengurusan berbanding kos sebenar bantuan keperluan asas yang diterima oleh penerima?

c) Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan bagi program ini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini rundingan bersama SPLASH?

b) Apakah faktor penyebab proses rundingan mengambil masa yang panjang?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : AJARAN SESAK MILITAN *ISLAMIC STATE* (IS)

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan Ahli Islamic State tidak sebarkan konsep jihad atas nama Agama Islam Demi kestabilan ekonomi negeri ?

b) Adakah Kerajaan Negeri setuju tindakan PDRM menggunakan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (pindaan dan pemeluasan) 2013 dalam tangkapan Ahli Militan IS?

JAWAPAN:

a) Isu ajaran sesat Militan Islamic State (IS) melibatkan keselamatan negara. Justeru tindakan menangani penyebaran ideologi tersebut melibatkan penguatkuasaan di peringkat persekutuan dan negeri. Di peringkat Jabatan Mufti Negeri Selangor, langkah-langkah menangani penyebarannya telah dilaksanakan antaranya melalui :

1. Pengeluaran Fatwa Gerakan Militan Al Dakwah Al Islamiya Fi Iraq Wal Al Sham (DAESH) atau Militan Islamic State In Iraq Anad Syams (ISIS) atau Militan Islamic State (IS) yang telah diwartakan pada **3 Februari 2016.**
2. Khutbah Jumaat berkenaan IS dan konsep Jihad yang telah dibaca di setiap masjid dan surau kebenaran solat jumaat di seluruh negeri Selangor pada 27 November 2015, bertajuk : IS Pengganas Bertopengkan Islam.
3. Program Bicara Fatwa Selangor. Dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa secara umum termasuklah juga fatwa berkaitan IS.

Setakat Mei jadual program ini adalah seperti berikut :

BIL.	TARIKH	SASARAN PESERTA	TEMPAT
01.	24 Februari 2016 Rabu	Pemegang Tauliah	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
02.	29 Februari 2016 Isnin	Pelajar	Sek. Men. Keb. Setia Alam, Shah Alam
03.	24 Mac 2016	Pelajar	Sek. Jenis Keb. Cina Yoke

	Khamis		Kuen, Sekinchan
04.	29 Mac 2016 Selasa	Pelajar	Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh
05.	28 April 2016 Khamis	Pelajar	Masjid Kampung Johan Setia, Klang
06.	4 Mei 2016 Rabu	Pelajar	Masjid Sultan Abdul Samad KLIA, Sepang

4. Siaran di Akhbar Nasional (Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, Utusan, Selangor Kini)

5. Program Turun Padang " Dialog Fatwa @ Mesra Ummah Bersama JMNS". Program ini di laksanakan di masjid-masjid terpilih di negeri Selangor dan di dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan secara umum dan mengadakan sesi dialog atau soal jawab berkaitan fatwa yang telah dijelaskan dan isu-isu berkaitan hukum syarak di lokasi-lokasi berikut :

   i. Masjid Ijtimai', Tebuk Pulai
   ii. Masjid Al Bakri, Bukit Naga
   iii. Masjid As Syakirin, Dengkil
   iv. Masjid Ubudiyah, Kerling
   v. Masjid Rinching Hilir, Semenyih
   vi. Masjid Ara Damansara, Petaling
   vii. Masjid Bukit Antarabangsa, Bukit Antarabangsa

6. Radio (Selangor.fm). Slot di Selangor.fm 2 kali seminggu iaitu pada hari Khamis dan Jumaat, bermula jam 6.15 petang hingga 6.45 petang. Di dalam slot ini pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor menjelaskan tentang-tentang fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan termasuklah fatwa dan isu berkaitan IS.

7. Laman Web JMNS

b) Kerajaan Negeri **bersetuju** dengan tindakan PDRM menggunakan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (pindaan dan pemeluasan) 2013 dalam tangkapan Ahli Militan IS

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : RIZAB KEWANGAN PBT

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rizab dan prestasi kewangan setiap PBT di Selangor pada tahun 2013, 2014 dan 2015?

JAWAPAN:

a) Secara keseluruhannya, rizab tunai di semua PBT telah meningkat melebihi 100% perbandingan bagi tahun 2013 dan 2014 daripada RM626.28 juta kepada RM1,439 juta. Bagi data rizab tunai PBT tahun 2015, data masih lagi di dalam semakan Jabatan Audit Negara.

Butiran kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira keserataraan tunai ditolak dengan liabiliti semasa sejak tahun 2013 tahun 2014 adalah seperti di Jadual berikut:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RIZAB TUNAI TAHUN 2013 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2014 (RM JUTA)
MBSA	44.16	370.84 (100%)
MBPJ	308.25	420.85 (37%)
MPK	(68.15)	28.86 (100%)
MPAJ	69.43	92.87 (34%)
MPSJ	67.03	128.49 (92%)
MPS	3.87	44.77 (91%)
MPKJ	97.78	172.84 (77%)
MPSP	84.12	133.04 (36%)
MDKS	(6.38)	(8.05) (26%)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RIZAB TUNAI TAHUN 2013 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2014 (RM JUTA)
MDHS	11.58	16.32 (40%)
MDKL	11.29	28.77 (100%)
MDSB	7.75	9.40 (21%)
JUMLAH	**626.28**	**1,439.00 (100%)**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PROJEK JAMBATAN KE 3 KLANG FASA 2

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah projek fasa ke 2 Jambatan ke 3 Klang bermula?

b) Berapakah kos yang diluluskan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memohon menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos projek Jambatan Ke-3 Klang (Fasa 2).

Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah bagi projek ini diteruskan dan dijangka selesai pada tahun 2017. Kos pampasan akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

b) Kos yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Ke – 11 adalah berjumlah RM320 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : SUMBANGAN KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah menerima sumbangan dan jumlah yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor dari 2008 sehingga kini.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN DI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pelabur-pelabur di Selangor pada tahun 2016.

b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah peluang pekerjaan di Selangor?

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, sebanyak 51 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor. Daripada projek yang diluluskan ini, sebanyak 2,933 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor perindustrian.

b) Bagi meningkatkan peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri telah meningkatkan program promosi pelaburan bagi memperkenalkan peluang – peluang pelaburan di Selangor untuk menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di Negeri Selangor.

Antara program promosi pelaburan yang dirancang dan dilaksanakan seperti berikut;-

i. Meningkatkan program promosi pelaburan di dalam dan luar negara.
ii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
iii. Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
iv. Program - program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
v. Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.
vi. Penyertaan di dalam pameran-pameran yang berkaitan dalam dan luar negara.

vii. Memantau kemajuan serta membantu mempercepatkan proses kelulusan cadangan - cadangan projek pelaburan melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang dipengerusikan oleh YB EXCO.

viii. Mengadakan mesyuarat IPMC secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu - isu infra di kawasan – kawasan perindustrian melalui Mesyuarat IPMC yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.

ix. Meningkatkan program *Engagement* bersama *Stakeholder.*

x. Initiatif *E - Commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.

xi. *Invest Selangor Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.

xii. *Invest Selangor Advisory Network* – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah rizab kerajaan negeri Selangor setakat ini?

b) Bagaimanakah rizab ini dikendali?

c) Berapakah yang boleh ditunaikan?

JAWAPAN:

a) Rizab negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM3,950.64 juta.

b) Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri dikendalikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

c) Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : SKIM TUNAS

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah terdapat kelewatan pembayaran kepada pengusaha pengusaha tadika dan kenapakah perkara ini masih berlaku?

JAWAPAN:

a) Permohonan bagi mendapatkan Skim TUNAS untuk setiap tahun akan dibuka mulai 1 November dan akan ditutup pada awal tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2016 Skim Tunas telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta menjadikan peruntukan keseluruhan Skim TUNAS 2016 adalah sebanyak RM5 juta. Atas faktor tersebut, tarikh tutup permohonan Skim TUNAS 2016 dilanjutkan sehingga 29 Mac 2016 yang menyebabkan sedikit kelewatan proses penilaian bagi tujuan kelulusan olehRMSB sebelum senarai pemohon yang berjaya dapat dikemukakan kepada UPEN dan PNS bagi kelulusan *directgrant*. RMSB bersama-sama Unit Pendidikan BPSM sentiasa berusaha untuk memastikan kelancaran kelulusan permohonan dan agihan bayaran kepada setiap pengusaha tadika supaya bantuan ini memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : SELENGGARA KEMUDAHAN BERSAMA PANGSAPURI KOS RENDAH

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah jumlah peruntukkan yang diluluskan untuk membiaya kos selenggara kemudahan awam di pangsapuri kos rendah?

b) Nyatakan prosedur dan syarat-syarat bagi mendapat bantuan penyelenggaraan tersebut.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan bantuan berbentuk baikpulih harta bersama bagi pangsapuri kos rendah. Ia dikenali sebagai Skim CERIA yang mana peruntukan disalurkan melalui Penubuhan Tabung Amanah berjumlah RM25 juta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga membantu pangsapuri kos rendah untuk urusan pembaikan jalan untuk Fasa I mulai Januari – Jun 2016 telah dikenalpasti 34 projek yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan seperti di **LAMPIRAN A.** Kos yang terlibat adalah sebanyak RM10,684,801.00. Sementara Fasa II pula akan bermula bulan Ogos – Disember 2016. Tugas menyenggara harta bersama sesebuah pangsapuri adalah terletak di bawah tanggungjawab Pengurusan Bangunan sepertimana yang termaktub di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

b) Prosedur dan syarat bagi permohonan Skim CERIA adalah seperti pada **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK BAGI PROGRAM PEMBAIKAN JALAN DALAM PANGSAPURI KOS RENDAH NEGERI SELANGOR BAGI FASA 1 2016

BIL	PBT	PANGSAPURI	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	JUMLAH (RM)
1	MBSA	1. Blok 31-36, Taman Bunga Negara, Seksyen 27	344,286.00	**865,301.00**
		2. Blok 40-42, Taman Bunga Negara, Seksyen 27	208,170.00	
		3. Taman Alam Indah, Seksyen 33	312,845.00	
2	MBPJ	4. Taman Medan 32, PJS 3	459,750.00	**1,094,310.00**
		5. Blok A-B, Petaling Utama, PJS 1	194,890.00	
		6. Sri Cemara, PJS 9	439,670.00	
3	MPK	7. Pendamar Blok A & B	185,000.00	**535,000.00**
		8. Blok Mawar & Cempaka, Bandar Baru Klang	350,000.00	
4	MPSJ	9. Jalan Permai 1/18, Puchong Permai	49,000.00	**829,000.00**
		10. Jalan Permai 1/14-1/16, Puchong Permai	58,000.00	
		11. Jalan Permai 1/11-1/19, Puchong Permai	102,000.00	
		12. Jalan Permai 1/13-1/15, Puchong Permai	144,000.00	
		13. Jalan Permai 1/10-1/12, Puchong Permai	144,000.00	
		14. Jalan Permai 1/1-1/3, Puchong Permai	52,000.00	
		15. Jalan Permai 1/6-1/8, Puchong Permai	52,000.00	
		16. Jalan Permai 1/5-1/7, Puchong Permai	70,000.00	
		17. Jalan Permai 1/2-1/4, Puchong Permai	158,000.00	

BIL	PBT	PANGSAPURI	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	JUMLAH (RM)
5	MPAJ	18. Taman Ampang Hilir	250,000.00	**1,387,300.00**
		19. 5 Tingkat, Taman Ampang Saujana	570,000.00	
		20. Taman Cahaya Indah	186,000.00	
		21. LC 700, Pandan Perdana	381,300.00	
6	MPS	22. Kg. Melayu Batu 16, Rawang	691,200.00	**4,005,360.00**
		23. Pinggiran Batu Caves	1,746,000.00	
		24. Bukit Rawang Jaya	644,160.00	
		25. Desa 1, Desa Aman Puri	924,000.00	
7	MPKj	26. Taman Rakan, Cheras	190,000.00	**673,300.00**
		27. Taman Bukit Mewah, Fasa 6	256,600.00	
		28. Taman Sentosa	226,700.00	
8	MPSp	29. Dahlia Bandar Baru Salak Tinggi	121,600.00	**720,480.00**
		30. Desa Sentosa	598,880.00	
9	MDKL	31. Taman D'Menara	138,750.00	**138,750.00**
10	MDHS	32. Kenanga, Taman Bunga Raya	350,000.00	**436,000.00**
		33. Anggerik 1, Prima Beruntung	43,000.00	
		34. Widuri, Bukit Beruntung 20	43,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN				**10,684,801.00**

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN BANTUAN SKIM CERIA

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah.

JENIS PANGSAPURI	HARGA BELIAN DENGAN PEMAJU
KOS RENDAH	RM42,000.00 dan ke bawah
KOS SEDERHANA RENDAH	RM42,001.00 sehingga RM72,000.00
KOS SEDERHANA	RM72,001.00 sehingga RM150,000.00

- Satu (1) atau MAKSIMUM dua (2) jenis kerja baikpulih dengan anggaran keseluruhan kos tidak melebihi RM300,000.00.
- Mempunyai kedudukan kewangan yang stabil.
- Keutamaan kepada kerosakan yang paling kritikal.

2. PERMOHONAN

Permohonan bagi mendapatkan bantuan Skim CERIA **hanya boleh dibuat oleh pihak pengurusan bangunan** bukan secara pembeli individu.

Borang Skim CERIA boleh didapati melalui:-

Kaunter Unit Pengurusan Bangunan Strata, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) di tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.	Muat turun :- *http://lphs.selangor.gov.my*

3. KAEDAH PEMBIAYAAN KOS KERJA BAIK PULIH

JENIS PANGSAPURI	NISBAH TANGGUNGAN KOS BAGI KERAJAAN NEGERI	NISBAH TANGGUNGAN KOS BAGI PENDUDUK
KOS RENDAH	80%	20%
KOS SEDERHANA RENDAH	60%	40%
KOS SEDERHANA	60%	40%

- JMB/MC/Pemaju/Ejen Pengurusan/Persatuan Penduduk berdaftar hendaklah menandatangani surat aku janji sebagai perakuan setuju menerima tawaran dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

- Proses untuk perolehan Skim CERIA **(iklan, pemilihan dan pelantikan kontraktor)** hanya akan bermula setelah bayaran fi komitmen dibuat dan aku janji lengkap ditandatangani.

KATEGORI BAYARAN	KADAR BAYARAN	
	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA RENDAH/SEDERHANA
BAYARAN PERTAMA (SEBELUM KERJA BAIKPULIH)	5%	5%
BAKI BAYARAN (KERJA BAIKPULIH SIAP 100%)	15%	35%
JUMLAH	20%	40%

Bayaran daripada penduduk yang dibiayai melalui sebarang akaun penyenggaraan bangunan berkaitan hendaklah mendapat perakuan dalam Mesyuarat Agung JMB/MC.

4. PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Perlantikan kontraktor dibuat oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) atau Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Permohonan untuk melantik terus kontraktor yang dicadangkan oleh JMB/MC/Pemaju/Ejen Pengurusan/Persatuan Penduduk berdaftar boleh dilaksanakan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

- Terhad kepada kerja bernilai RM20,000.00 dan ke bawah ;
- Kontraktor berdaftar sebagaimana yang ditetapkan oleh prosedur kewangan ;
- *Bill of quantity* (jadual kerja dan kadar harga) yang dicadangkan dan kaedah perolehan adalah mengikut piawaian serta prosedur LPHS ; dan
- Bayaran akan dibuat secara terus kepada pihak kontraktor setelah kerja siap sepenuhnya dan memperolehi perakuan teknikal daripada LPHS.

5. JENIS-JENIS HARTA BERSAMA YANG BOLEH DIBAIKPULIH

Harta bersama berdasarkan tafsiran di bawah peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663].

6. PENGECUALIAN

Skim CERIA **TIDAK DITAWARKAN** kepada permohonan di bawah kategori seperti berikut:

i- Kerja baikpulih yang berkaitan dengan keperluan **SIJIL LAYAK MENDUDUKI BANGUNAN** (*Certificate Of Fitness*) ;

ii- Kerja baik pulih yang terletak di bawah kategori **KECACATAN STRUKTUR BANGUNAN** ; dan

iii- Kerja baikpulih seperti taman permainan, tebang pokok, tiang lampu, jalan, dewan dan tempat letak kereta.

(Tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan CERIA)

7. KAEDAH PEMILIHAN PESERTA

Setiap peserta akan **DIBERI MERIT** (markah) mengikut **TAHAP KRITIKAL** kerosakan harta bersama pangsapuri seperti skala berikut:

Seterusnya, kaedah pemilihan **PESERTA YANG LAYAK MENERIMA BANTUAN** dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan CERIA berdasarkan **NISBAH KUOTA** seperti berikut:-

JENIS SKOR	NISBAH KUOTA
SKOR 1 DAN 2	80%
SKOR 3, 4 DAN 5	20%

CONTOH nisbah kuota untuk sejumlah lima (5) permohonan:-

JENIS SKOR	NISBAH KUOTA	BILANGAN PESERTA
Skor 1 dan 2	80% daripada jumlah permohonan	4 kawasan
Skor 3, 4 dan 5	20% daripada jumlah permohonan	1 kawasan

Oleh demikian, bantuan Skim CERIA adalah tertakluk kepada **MERIT SKOR KEUTAMAAN** yang diberi serta **PERUNTUKAN KEWANGAN YANG MENCUKUPI**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(NORZATON AINI BINTI MOHD KASSIM SMS., BPC., PPT.)
Pengarah Eksekutif,
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor.

Jun 2016

'Bersama Kita Membanteras Vandalisme'

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : IMPAK BREXIT

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauhmanakah impak Brexit terhadap perkembangan ekonomi negeri?

b) Apakah mekanisme untuk mengekal tahap ekonomi negeri jika berlaku sebarang ketidaktentuan ekonomi global seperti Brexit?

JAWAPAN:

a) Secara dasarnya Brexit tidak membawa impak negatif yang besar ke atas pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor kerana impak Brexit lebih tertumpu kepada UK dan Negara-Negara Eropah. Aktiviti perdagangan Malaysia lebih tertumpu kepada kepelbagaian eksport ke Negara China, India dan Timur Tengah. Oleh itu impak negatif Brexit kepada ekonomi Malaysia dan Selangor khususnya adalah minimum.

Berdasarkan statistik kelulusan projek-projek perkilangan di Selangor daripada tahun 1987 hingga Mac 2016, pelabur - pelabur utama yang melabur di Negeri Selangor adalah para pelabur daripada Jepun (RM 24.235 bilion), Amerika Syarikat (RM 14.676 bilion), Singapura (RM 10.666 bilion), Jerman (5.695 bilion), Taiwan (RM 4.207 bilion) dan Korea (RM 3.735 bilion). Manakala pelabur daripada United Kingdom berada ditangga ke tujuh sebagai pelabur utama di Negeri Selangor dengan pelaburan bernilai RM 2.356 bilion.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mengkaji samada Brexit akan membawa impak yang positif kepada Negeri Selangor kerana United Kingdom akan mencari ruang dan peluang pelaburan di luar Eropah selepas Brexit.

b) Bagi mengekalkan tahap ekonomi dan mengekalkan sektor perindustrian dan perkhidmatan sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK Negeri, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan seperti berikut;-

i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakkan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.
iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.
vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded.*
viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
ix. Initiatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
x. Invest Selangor Talent initiative – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
xi. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur yang memerlukan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : BEKAS POLISTERIN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri atau mana mana PBT telah melarangkan pengunaan bekas polisterin di Selangor?

b) Apakah tarikh ia berkuatkuasa?

c) Apakah peruntukan undang-undang sediada untuk menguatkuasakan larangan ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena di Negeri Selangor melalui Kertas Pertimbangan MMKN Ke 21/2016 yang telah diadakan pada 23 Jun 2016 dan telah disahkan oleh MMKN ke 22/2016 pada 13 Julai 2016.

Pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di Negeri Selangor akan dilaksanakan pada setiap hari bermula bulan Januari 2017. Namun begitu, semua majlis rasmi dan bangunan kerajaan Negeri Selangor harus menghentikan penggunaan beg plastik dan polistirena pada setiap hari bermula bulan September 2016.

Kerajaan Negeri turut menyambut baik inisiatif PBT-PBT yang telahpun melaksanakan kempen ini di kawasan pentadbiran masing-masing. Berikut adalah butiran pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di peringkat PBT:

PBT	TARIKH KUATKUASA LARANGAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG (JIKA ADA)
MBSA	16 Mei 2016	Undang-Undang Kecil Penjaja (Tidak mematuhi syarat permit)
MBPJ	1 Sept 2016	Undang-Undang Kecil Penjaja (Tidak mematuhi syarat permit)
MPSJ	6 Jun 2015	Undang-Undang Kecil Penjaja (Tidak mematuhi syarat permit)
MPSP	2015	Undang-Undang Kecil Penjaja (Tidak mematuhi syarat permit)
MPAJ	1 Jun 2015	Tiada
MDHS	1 November 2015 (hanya di kawasan pejabat sahaja)	Tiada
MPK	Tiada	Tiada
MDKL	Tiada	Tiada
MDKS	Tiada	Tiada
MDSB	Tiada	Tiada
MPS	Tiada	Tiada
MPKJ	Tiada	Tiada

Sumber: semua PBT Negeri Selangor

c) Buat masa ini, kerajaan negeri dan PBT masih belum mengeluarkan peruntukan undang-undang khas berhubung larangan penggunaan bekas polistirena.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peruntukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang telah digunakan oleh setiap DUN

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan serius dalam membangunkan wanita di Selangor. Jesteru itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan setiap tahun bagi menjayakan agenda Pemberdayaan Wanita Selangor yang berjumlah RM1,680,000.00 melalui aktiviti dan program pembangunan serta latihan Pusat Wanita Berdaya. Sehingga Jun 2016, sebanyak RM568,885.00 telah digunakan oleh PWB di seluruh Selangor daripada jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

Dengan jumlah tersebut setiap PWB DUN telah mendapat agihan sebanyak RM30,000.00 dan telah disalurkan sepenuhnya kepada setiap PWB DUN bagi menjalankan program-program pemberdayaan wanita berskala kecil dalam bentuk program kursus dan latihan mengikut keperluan dan kreativiti wanita di DUN masing-masing. Peruntukan yang telah digunakan oleh setiap DUN adalah seperti di Lampiran A.

JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DIBELANJAKAN SETIAP PWB DUN PADA JANUARI SEHINGGA JUN TAHUN 2016

BIL	DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)
1	N.01 - SUNGAI AIR TAWAR	9,300.00
2	N.02 - SABAK	15,290.00
3	N.03 - SUNGAI PANJANG	15,090.00
4	N.04 - SEKINCHAN	16,600.00
5	N.05 - HULU BERNAM	3,500.00
6	N.06 - KUALA KUBU BAHARU	3,050.00
7	N.07 - BATANG KALI	5,560.00
8	N.08 - SUNGAI BURONG	7,650.00
9	N.09 - PERMATANG	11,400.00
10	N.10 - BUKIT MELAWATI	18,250.00
11	N.11 - IJOK	9,000.00
12	N.12 - JERAM	3,200.00
13	N.13 - KUANG	14,840.00
14	N.14 - RAWANG	15,550.00
15	N.15 - TAMAN TEMPLER	4,500.00
16	N.16 - BATU CAVES	13,800.00
17	N.17 - GOMBAK SETIA	9,900.00
18	N.18 – HULU KLANG	0.00
19	N.19 - BUKIT ANTARABANGSA	13,000.00

BIL	DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)
20	N.20 - LEMBAH JAYA	18,080.00
21	N.21 - CHEMPAKA	11,700.00
22	N.22 - TERATAI	13,000.00
23	N.23 - DUSUN TUA	17,250.00
24	N.24 - SEMENYIH	4,800.00
25	N.25 - KAJANG	16,510.00
26	N.26 - BANGI	14,900.00
27	N.27 - BALAKONG	14,560.00
28	N.28 - SERI KEMBANGAN	8,620.00
29	N.29 - SERI SERDANG	5,700.00
30	N.30 - KINRARA	10,900.00
31	N.31 – SUBANG JAYA	0.00
32	N.32 - SERI SETIA	12,040.00
33	N.33 - TAMAN MEDAN	7,700.00
34	N.34 - BUKIT GASING	13,900.00
35	N.35 - KAMPUNG TUNKU	0.00
36	N.36 - DAMANSARA UTAMA	0.00
37	N.37 - BUKIT LANJAN	0.00
38	N.38 - PAYA JARAS	14,130.00
39	N.39 - KOTA DAMANSARA	17,300.00
40	N.40 - KOTA ANGGERIK	5,000.00

BIL	DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)
41	N.41 - BATU TIGA	8,700.00
42	N.42 - MERU	13,520.00
43	N.43 - SEMENTA	12,200.00
44	N.44 – SUNGAI PINANG	1,500.00
45	N.45 – SELAT KLANG	27,055.00
46	N.46 - PELABUHAN KLANG	13,300.00
47	N.47 - PANDAMARAN	12,260.00
48	N.48 - KOTA ALAM SHAH	3,500.00
49	N.49 - SERI ANDALAS	6,800.00
50	N.50 - SRI MUDA	10,400.00
51	N.51 - SIJANGKANG	4,500.00
52	N.52 - TELOK DATOK	1,200.00
53	N.53 - MORIB	16,130.00
54	N.54 - TANJONG SEPAT	4,200.00
55	N.55 - DENGKIL	21,350.00
56	N.56 - SUNGAI PELEK	16,700.00
	JUMLAH (RM)	**568,885.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PERTANIAN UNTUK ANAK MUDA

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan kerajaan sebagai galakkan kepada golongan muda untuk menceburi bidang pertanian terutamanya di kawasan Bandar?

b) Sejauhmana bimbingan akan diberikan sekiranya mereka ini berminat samada dari segi peruntukan kewangan dan latihan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-alukan dan menggalakkan pembabitan golongan generasi muda untuk menceburi bidang pertanian khususnya di kawasan bandar. Galakan dan sokongan Kerajaan Negeri Selangor ke atas golongan generasi muda tersebut adalah dengan mewujudkan program-program seperti berikut :-

1. **Program Agro Generasi Muda (AGROGEMS)**
   Program AGROGEMS adalah merupakan satu program yang bertujuan untuk mengenal pasti golongan generasi muda yang telah memulakan projek-projek pertanian dan seterusnya mereka ini akan dibantu dari segi bantuan peralatan ataupun kursus dan latihan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap produktiviti dan kualiti produk. Manakala bagi yang belum memulakan projek pertanian tetapi berminat akan diberikan pendedahan melalui program seminar dan kursus yang disesuaikan mengikut minat mereka.

2. **Program Ladang #SmartSelangor**
   Program ini diwujudkan bagi memberikan peluang kepada semua golongan termasuk golongan generasi muda yang berpengalaman, berpengetahuan dan berminat untuk menceburi sektor pertanian tetapi tidak mempunyai tanah atau kawasan yang boleh dimajukan. Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada keluasan kawasan pertanian makanan yang baharu dibuka diperuntukkan kepada golongan generasi muda melalui Program AGROGEMS untuk diusahakan secara berkelompok atau di dalam satu kawasan khas.

3. **Program Kebun Komuniti**

   Program ini diwujudkan bagi memastikan setiap inci tanah milik Kerajaan Negeri Selangor yang terbiar khususnya di kawasan bandar dapat dibangunkan untuk tujuan mengeluarkan hasil tanaman makanan secara berkelompok dengan menggunakan teknologi-teknologi pertanian yang moden sebagai contoh tanaman berkonsepkan fertigasi mamandangkan keluasan tanah khususnya di kawasan bandar amat terhad.

b) Melalui program-program seperti yang telah nyatakan, golongan generasi muda yang berminat untuk menjadikan bidang pertanian sebagai satu kerjaya atau sumber ekonomi, Kerajaan Negeri Selangor telahpun menyediakan beberapa insentif galakan seperti berikut :-

1. Peruntukan kewangan secara tunai tidak diberikan tetapi bantuan dari segi peralatan bagi mereka yang telah memulakan projek dengan jumlah tidak melebihi RM30,000.00 untuk setiap peserta. Tujuan bantuan tersebut adalah untuk membantu mereka bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti hasil projek yang mereka ceburi.

2. Bagi mereka yang berminat tetapi belum memulakan projek pertanian, Kerajaan Negeri Selangor menganjurkan program-program seminar dan kursus serta latihan yang berkaitan dengan sektor pertanian seperti Program Kursus Tanaman Berkonsepkan Fertigasi, Penternakan Kambing / Ayam Pedaging, Penternakan Ikan Air Masin / Tawar dan Penternakan Lebah Kelulut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : *GRADUATE EMPLOYABILITY ENHANCEMENT PROGRAMME* (GEEP)

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah keberhasilan GEEP?

b) Senaraikan kursus pendek yang telah dilaksanakan dalam GEEP?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Negeri Selangor 2016 berlandaskan konsep Membangun Smart Selangor Yang Peduli, telah melahirkan hasrat untuk membina satu sistem pendidikan-sehingga-pencapaian kerjaya bagi memastikan graduan di Selangor mempunyai kebolehpasaran dalam bidang pekerjaan.

Dalam hal ini, ***Programme On Graduate Employability Enhancement For SMART Selangor*** (PROGRESS) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 1 Januari 2016 yang dilaksanakan oleh syarikat Irshad HR Consulting Sdn. Bhd. (IRSHAD) dengan kos program sebanyak RM RM1,503,292.00. Program ini yang dilaksanakan sepenuhnya menggunakan Bahasa Inggeris merupakan sebuah projek perintis bertujuan menyediakan graduan terpilih dengan pengalaman dan kemahiran terutama *soft skill* untuk membantu kebolehpasaran graduan ini mendapat peluang pekerjaan.

Program ini akan mensasarkan seramai 100 graduan yang akan dipilih oleh pihak IRSHAD untuk dilatih dalam tempoh selama 7 bulan (1 bulan pembelajaran dalam kelas dan 6 bulan *Internship Program).* Kriteria pemilihan graduan adalah seperti berikut:

i. Warganegera Malaysia;
ii. Lahir di Selangor;
iii. Berumur di bawah 27 tahun;
iv. Graduan Ijazah Sarjana Muda IPT dengan CGPA 2.0 ke atas; dan
v. Tidak bekerja sekurang-kurangnya 4 bulan dari tarikh menamatkan pengajian.

Sehingga Julai 2016, status semasa pelaksanaan PROGRESS adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Bilangan Pelatih
1.	Telah mendapat pekerjaan	37
2.	Melanjutkan pelajaran	1
3.	Menjalani latihan lapangan di syarikat terpilih	56
4.	Dalam proses penempatan latihan lapangan	6
JUMLAH		**100**

Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

b) Secara keseluruhan, program PROGRESS ini dilaksanakan dalam tempoh masa 12 bulan (Januari 2016 sehingga Disember 2016) dengan perincian seperti berikut:

BIL.	PELAN PELAKSANAAN	TEMPOH
1.	**Pra-Pelaksanaan**: I. Merekabentuk Program; II. Pemilihan Peserta; dan *III. Company Engagement*	3 bulan
2.	**Fasa 1:** *I. Group Live Projects;* *II. Business English Enhancement, Facilitation and Upgrading Programmes;* *III. Organisational and Job-Based Simulations;* *IV. Guided Self Learning Assignments;* *V. Industrial Studies*; dan *VI. Spiritual Uplift Activities*	1 bulan
3.	**Fasa 2:** *Internship Program*	6 bulan
4.	**Penilaian Program:** I. *Participants Tracking*; dan II. Penyediaan Laporan	2 bulan
JUMLAH		12 bulan

Walau bagaimanapun, seperti yang dijadualkan di dalam Fasa Satu dalam jadual di atas, graduan terpilih akan menjalani kursus intensif/ pendek selama satu (1) bulan di dalam di dalam kelas (*in-class training*) yang melibatkan sembilan (9) modul iaitu:

i. Modul 1 : Building and Achieving Self Efficasy
ii. Modul 2 : Effective Business Writing
iii. Modul 3 : Project and Event Management
iv. Modul 4 : Dynamic Business Interpersonal Skills
v. Modul 5 : Business Management and Appreciation
vi. Modul 6 : Persuasive Business Presentation
vii. Modul 7 : Problem Solving and Critical Thinking
viii. Modul 8 : ICT Skills for SMART Selangor
ix. Modul 9 : Exceeding Demand Gearing for Excellence

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : BAS SMART SELANGOR DI LUAR BANDAR

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kos perbelanjaan bagi penyediaan Bas Smart Selangor di luar bandar.

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menjalankan kaji selidik kepuasan penumpang terhadap Bas Smart Selangor di luar bandar?

c) Nyatakan jumlah penumpang Bas Smart Selangor di luar bandar setakat ini.

JAWAPAN:

a) Pelaksanaan Bas Smart Selangor di luar bandar pada tahun 2016 melibatkan enam (6) kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Selayang, Sepang, Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Kos perbelanjaan yang ditanggung Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM4,363,532.64 bagi penyewaan bas, penyelenggaran dan pengoperasian bas tersebut oleh operator bas yang telah dilantik.

b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau pencapaian perkhidmatan Bas Smart Selangor melalui kaedah bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut di semua PBT. Di peringkat PBT, pemantauan berterusan juga dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memberi kepuasan dan keselesaan terhadap penumpang. Berbalik kepada soalan YB, perkara tersebut adalah suatu yang baik dan boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

c) Perkhidmatan Bas Smart Selangor luar bandar yang melibatkan enam (6) PBT baru beroperasi pada pertengahan Mei 2016. Jumlah penumpang sehingga 30 Jun 2016 adalah sebanyak 99,628 penumpang dan pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:

Statistik Penumpang Bas Smart Selangor Dari Mei 2016 hingga 30 Jun 2016

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENUMPANG
1	Majlis Perbandaran Selayang	65,156
2	Majlis Perbandaran Sepang	4,252
3	Majlis Daerah Kuala Langat	9,417
4	Majlis Daerah Sabak Bernam	6,355
5	Majlis Daerah Kuala Selangor	4,185
6	Majlis Daerah Hulu Selangor	10,263
	Jumlah Keseluruhan	**99,628**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa peratuskah pendapatan dari sumber sektor ini kepada kerajaan negeri?

b) Nyatakan pertambahan semasa pentadbiran kini dan BN dahulu.

c) Bagaimanakah pelancongan di Selangor dapat meningkatkan sumber pendapatan negeri?

JAWAPAN:

a) Bagi sektor pelancongan, nilai kadar pertumbuhan KDNK Negeri Selangor dapat dilihat melalui sektor Perkhidmatan di mana dibawah sektor perkhimatan ianya dapat dinilai melalui 'Perkhidmatan Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi' dan 'Perkhidmatan Perdagangan Borong, & Runcit, Penginapan & Restoran'. Jenis aktiviti-aktiviti ini lebih menunjukkan perkhidmatan di dalam ekonomi industri pelancongan yang saling berkait rapat dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan pendapatan Negeri Selangor.

Merujuk kepada **Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2014/2015** oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Peratusan bagi perbandingan antara sektor pada tahun 2015, menunjukkan sektor perkhidmatan menyumbangkan, **59.4%** daripada nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Negeri Selangor mengikut sektor, pada Harga Malar 2010. Hal ini juga menunjukkan sumbangan besar sektor perkhidmatan termasuk industri pelancongan kepada Negeri Selangor bagi tahun 2015.

Berikut merupakan Jadual penuh bagi Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Selangor mengikut Sektor, untuk tahun 2013 sehingga tahun 2015.

Jadual 2.5
Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Selangor mengikut Sektor, 2013-2015 pada Harga Malar 2010

Jenis Aktiviti Ekonomi	2013	2014	2015	2013	2014	2015
		RM juta			Pertumbuhan, %	
Pertanian	4,105	3,863	3,893	-2.5	-5.9	0.8
Perlombongan dan Kuari	443	494	498	12.4	11.5	0.8
Pembuatan	62,863	67,032	70,581	3.7	6.6	5.3
Pembinaan	12,415	13,885	15,793	15.4	11.8	13.7
Perkhidmatan	126,649	135,094	143,403	6.7	6.7	6.2
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	37,834	40,330	42,777	7.3	6.6	6.1
Perdagangan Borong dan Runcit, Penginapan dan Restoran	41,828	45,423	47,752	6.8	8.6	5.1
Kewangan dan Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	25,267	26,336	28,576	4.8	4.2	8.5
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	9,815	10,278	11,193	6.4	4.7	8.9
Perkhidmatan Kerajaan	11,904	12,728	13,106	9.3	6.9	3.0
campur: Duti Import	6,285	6,716	7,168	0.6	6.9	6.7
KDNK pada Harga Pembeli	212,760	227,085	241,335	5.9	6.7	6.3

Sumber: Bab 2, Prestasi Ekonomi Selangor, M/S 39. Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2014/2015,

oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor

b) Perbandingan sektor perkhidmatan dalam pendapatan ekonomi Negeri Selangor dapat dilihat dari peratusan peningkatan seperti yang berikut:

SUMBANGAN SEKTOR PERKHIDMATAN KEPADA EKONOMI NEGERI SELANGOR 2009 & 2015

Bil.	Tahun	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus Peningkatan
01.	2009	67.8 juta	**111.5%**
02.	2015	143.4 juta	

Sumber: Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2011/2012, 2014/2015

oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor

c)

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor giat mempromosikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor di dalam dan luar negara untuk menggalakkan kemasukan pelancong ke Selangor.

2. Kempen-kempen pelancongan yang dijalankan secara berterusan seperti "Discover Selangor" membantu meningkatkan sumber pendapatan sektor pelancongan. Kempen-kempen ini dijalankan untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor agar menjadi destinasi pilihan para pelancong domestik dan antarabangsa.

3. Terdapat banyak lokasi pelancongan yang terkenal dan menjadi tarikan pelancong-pelancong dalam dan luar negara seperti Kelip-kelip Kampung Kuantan, Sunway Lagoon, Batu Caves, Zoo Negara, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, FRIM dan sebagainya.

4. Selain daripada produk pelancongan sedia ada, produk pelancongan yang terbaharu juga membantu merancakkan industri pelancongan dan seterusnya meningkatkan kedatangan pelancong dan pendapatan dalam sektor pelancongan di Negeri Selangor. Antara produk-produk pelancongan baharu tersebut adalah seperti Nickelodean Lost Lagoon, Jump Street, District 21, One City Mall dan banyak lagi.

5. Pada masa yang sama juga acara-acara yang dijalankan di Negeri Selangor seperti Formula One, Kejohanan Golf, Malaysia Women Marathon, Bon Odori Festival, Moto GP, Raja Muda Selangor International Regatta juga menjadi penyumbang pendapatan hasil pelancongan.

6. Kepelbagaian segmen-segmen pelancongan seperti pelancongan eko, pelancongan kesihatan, warisan dan kebudayaan, pendidikan, pelancongan sukan dan MICE dapat memenuhi keperluan dan kehendak pelancong daripada seluruh negara untuk datang ke Negeri Selangor.

7. Di Negeri Selangor juga terdapat banyak pusat membeli-belah yang dapat menarik kunjungan pelancong untuk membeli belah di Selangor. Pusat membeli-belah yang popular antaranya ialah Sunway Pyramid, One Utama, Ikea Damansara, Empire Gallery Subang, GM Klang, SACC Mall, The Curve, dan Mitsui Outlet.

Dengan kepelbagaian daya tarikan dan produk-produk pelancongan ini, ianya sangat membantu di dalam meningkatkan hasil pendapatan sektor pelancongan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PERLAKSANAAN PROGRAM KARNIVAL KAMPUNGKU KESAYANGANKU

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakan kos pengendalian program Karnival Kampungku Kesayanganku?

b) Berapa jumlah program dilaksanakan di setiap daerah?

c) Apakah kesan jangka panjang kepada ekonomi desa di atas penganjuran program ini?

JAWAPAN:

a) Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) merupakan program tahunan yang telah dilaksanakan bermula tahun 2015 untuk memperkasakan institusi kampung. Program ini juga diteruskan pelaksanaan pada tahun 2016 selepas mendapat maklum balas yang positif daripada Pejabat Daerah dan juga penduduk kampung. Anggaran kos pelaksanaan karnival ini bagi satu (1) daerah adalah sebanyak RM107,200.00 dan perinciannya adalah seperti berikut:

BIL.	JABATAN / BAHAGIAN / AGENSI	JUMLAH (RM)
1.	UPEN (Sektoral) Standco Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi	70,000.00
2.	JAIS Standco Hal Ehwal Agama Islam	3,000.00
3.	PADAT Standco Adat Melayu dan Warisan	9,000.00
4.	Lembaga Zakat Selangor	5,700.00
5.	JKKK	2,000.00
6.	JAIS	6,200.00

	Bahagian Dakwah & UUKD	
7.	Jabatan Mufti Selangor	300.00
8.	Masjid	1,000.00
9.	PKM	10,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**RM107,200.00**

Kos Pelaksanaan Karnival 3K untuk satu (1) Daerah

b) Pelbagai program dilaksanakan sepanjang dua (2) hari karnival ini berlangsung. Antara pengisian penting program ini ialah perjumpaan antara YB EXCO bersama-sama penjawat awam di peringkat daerah dan program Akad Nikah Perdana. Perjumpaan ini telah dijadikan medan untuk YB EXCO mengambil tindakan drastik terhadap permasalahan yang timbul di daerah-daerah terlibat bersama-sama dengan jabatan yang berkaitan. Selain itu, acara kayuhan basikal juga dijadikan medan untuk YB EXCO melihat prasarana dan keadaan kemudahan asas yang terdapat di kampung tersebut. Semasa Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) juga, diadakan acara penyampaian sumbangan oleh ADUN tempatan serta Lembaga Zakat Selangor (LZS) dari rumah ke rumah oleh YB EXCO. Acara ini turut mendapat reaksi positif kerana ini merupakan peluang untuk YB EXCO berjumpa terus dengan penduduk kampung untuk mengetahui permasalahan di samping memaklumkan tentang dasar-dasar baru Kerajaan Negeri.

c) Semasa penganjuran Karnival Kampungku Kesayanganku (3K), penduduk kampung telah diberi peluang untuk menjalankan perniagaan masing-masing. Karnival ini juga telah dijadikan medium untuk peniaga kampung memperkenalkan produk-produk yang mereka miliki kepada orang ramai yang antaranya terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan yang datang ke karnival tersebut. Pengenalan ini seterusnya akan membantu peniaga kampung untuk mempromosikan produk-produk mereka kepada masyarakat dari luar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KEDAI MESIN JUDI

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah terkini kedai mesin judi yang berlesen dan anggaran yang tidak berlesen mengikut daerah di Selangor

b) Sejauh mana bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk membanteras judi haram di Selangor?

c) Berapakah bilangan pengusaha judi haram di Selangor yang telah dikenakan tindakan?

JAWAPAN:

a), b) dan c) adalah bersekali.

Maklumat daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah terkini kedai mesin judi yang didapati di Negeri Selangor adalah:-

i) **berlesen 21 unit** kedai/premis;
ii) **anggaran yang tidak berlesen 1099 unit** kedai/premis.

Pecahan bilangan kedai mesin judi mengikut Daerah adalah seperti di **Lampiran 1.**

Antara tindakan yang boleh dikenakan terhadap pengusaha judi haram adalah di bawah:-

i) **Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953**;
ii) **Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 Negeri Selangor;**
iii) **Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007 dan Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan**

Sehubungan itu, bilangan pengusaha judi haram yang dikenakan tindakan adalah seperti berikut:-

i)	**Tahun 2015**	**-**	**4541 pengusaha**
ii)	**Tahun 2016 (Jan-Jun)**	**-**	**1293 pengusaha**
iii)	**Tahun 2016**	**-**	**1 orang pengusaha** dikenakan Tindakan di **bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959**

LAMPIRAN 1

JUMLAH TERKINI KEDAI MESIN JUDI YANG BERLESEN DAN ANGGARAN YANG TIDAK BERLESEN MENGIKUT DAERAH DI SELANGOR

Daerah	Bilangan kedai judi berlesen (Jackpot)	Anggaran bilangan kedai judi tidak berlesen	*Bilangan pengusaha yang telah dikenakan tindakan (Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 6(1) EHTTH 1995 Negeri Selangor, Seksyen 3 UUKPKPS 2007 dan Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan)*	
			2015	*JAN-JUN 2016*
Petaling Jaya	10	260	*1006*	*191*
Serdang	2	137	*228*	*109*
Sg Buloh	0	110	*369*	*85*
Kajang	0	102	*473*	*191*
Klang Selatan	1	97	*838*	*81*
Sepang	0	85	*168*	*139*
Subang Jaya	2	80	*611*	*128*
Ampang Jaya	3	67	*80*	*49*
Gombak	0	56	*247*	*102*
Shah Alam	2	54	*218*	*48*
Hulu Selangor	0	34	*5*	*20*
Klang Utara	1	15	*291*	*115*
Kuala Selangor	0	2	*3*	*35*
Kuala Langat	0	0	*1*	*0*
Sabak Bernam	0	0	*3*	*0*

JUMLAH	**21**	**1099**	***4541***	***1293***
Tindakan POCA			***0***	***1***

****Sumber: PDRM*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : KREMATORIUM AWAM

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kremotarium awam di seluruh Selangor mengikut setiap PBT.

b) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam menyelenggara dan membaik pulih kremotarium-kremotarium tersebut?

c) Nyatakan perbadanan atau organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan sewaan setiap kremotarium tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali.

Jumlah Krematorium awam di seluruh negeri Selangor mengikut PBT adalah sebanyak 6 buah dan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam menyelenggara dan membaik pulih krematorium-krematorium awam bagi tahun 2016 berjumlah RM280,000.00. Pecahan mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1.

PBT	KREMATORIUM AWAM	JUMLAH KOS SELENGGARA DAN BAIKPULIH TAHUN 2016 (RM)	KREMATORIUM SWASTA	JUM KREMATORIUM
MBSA	-	-	2	**2**
MBPJ	4	180,000.00	-	**4**
MPSJ	1	100,000.00	-	**1**
MPK	1			**1**
MPAJ	-	-	-	**-**
MPKJ	-	-	-	**-**
MPSP	-	-	-	**-**
MPS	-	-	-	**-**
MDKS	-	-	-	**-**
MDHS	-	-	3	**3**
MDKL	-	-	-	**-**
MDSB	-	-	-	**-**
JUM	**6**	**280,000.00**	**5**	**11**

c) Bagi krematorium awam, pengurusan adalah di bawah PBT masing-masing. Manakala krematorium-krematorium swasta diurus oleh badan-badan yang dilantik seperti berikut :

BIL	KREMATORIUM	BADAN PENYELIA
1	Krematorium Serendah (Hindu)	Sri Selva Vinayagar Temple
2	Krematorium Kuala Kubu Bharu (Hindu)	Srithivinagayar Tample
3	Krematorium Kuala Kubu Bharu (Sikh)	Gudwara Sahib Kuala Kubu Bharu
4	Krematorium Seksyen 21	Syarikat Tetuan Nirvana Memorial Park Shah Alam
5	Krematorium di Seksyen U14	Syarikat Tetuan Twin Velley Holding Sdn Bhd

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : ISU PERUMAHAN DAN WABAK DENGGI

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan sedar bahawa wabak denggi banyak dilapurkan berlaku dikawasan apartment atau taman-taman perumahan bukan dikawasan-kawasan kampung?

b) Difahamkan Kerajaan telah meluluskan peruntukan khas bagi pencegahan denggi sebanyak RM10K setahun bagi satu DUN?

c) Jika ia, sila nyatakan kedudukannya pada masa ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat sedar bahawa kes denggi banyak dilaporkan berlaku di kawasan apartmen atau taman-taman perumahan memandangkan kawasan rumah bertingkat mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi berbanding dengan kawasan kampung. Merujuk kepada senarai lokaliti hotspot bagi minggu epid ke 29 (minggu berakhir 23 Julai 2016), pecahan mengikut jenis kediaman bagi hotspot di negeri Selangor adalah seperti Jadual 1.

JENIS KEDIAMAN	BILANGAN HOTSPOT	PERATUSAN
BERTINGKAT	39	43.3%
TAMAN	38	43.2%
KAMPUNG	8	9.1%
KAWASAN INDUSTRI	3	3.4%
JUMLAH	**88**	

Jadual 1: kategori kediaman di kawasan hotspot

Jadual 1 menunjukkan bahawa kawasan rumah bertingkat dan di kawasan taman adalah kawasan yang banyak menyumbang kepada peningkatan kes Denggi negeri Selangor.

Kerajaan negeri pada Mei 2016 telah bersetuju memperuntukkan sebanyak RM1,186,500 untuk pembersihan sampah pukal oleh Pihak Hebat Abadi Sdn. Bhd. bagi Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah di kawasan Hotspot. Disamping itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk membekalkan tong sampah sebanyak 1,000 unit yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.0 juta kepada kawasan berstrata yang mempunyai masalah sampah.

Kawasan-kawasan kampung juga tidak terkecuali sekiranya vector (Nyamuk Aedes) yang terdedah kepada virus Denggi menjangkiti kepada masyarakat kampung. Didapati sikap penduduk yang menyimpan barang-barang lama yang terdedah kepada air hujan salah satu punca tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Apabila berlaku kes di sesuatu kawasan, Penghapusan Tempat Pembiakan (PTP) dan semburan kabus (*fogging)* akan dijalankan meliputi keseluruhan premis dalam 200m radius. Disamping itu, kempen kesedaran Wabak Denggi akan dijalankan di kawasan-kawasan berlaku wabak serta penerangan kepada penduduk tentang penggunaan abate dan menghapuskan tempat takungan air yang boleh menjadi tempat pembiakan.

b) dan c) diawab bersekali.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 17/2016 yang telah diadakan pada 18 Mei 2016 telah meluluskan pengagihan peruntukkan sebanyak RM10,000.00 kepada Ahli Dewan Negeri untuk pelaksanaan kawalan denggi di kawasan masing-masing.

Di antara aktiviti pencegahan dan kawalan denggi yang ditetapkan adalah seperti:

- Menganjurkan program gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran;
- Pembelian barang pencegahan Denggi; dan
- Inisiatif baru untuk kawalan Denggi.

Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Pejabat Tanah dan Daerah masing-masing. Kerajaan Negeri berharap dengan penyaluran peruntukan ini, pihak ADUN dapat melaksanakan aktiviti kawalan penularan Denggi di kawasan masing-masing dan mengutamakan kawasan yang telah menjadi wabak terlebih dahulu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : SYARIKAT KONSENSI TEMPAT LETAK KERETA

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan syarikat, nilai dan tempoh kontrak serta lokasi untuk tempat letak kereta awam yang diswastakan mengikut pecahan PBT.

b) Mengapakah tempat letak kereta awam hendak diswastakan kepada syarikat konsensi?

c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengkaji semula perjanjian konsensi yang telah ditanda tangani?

JAWAPAN:

a)

Jadual: Pecahan Syarikat Konsesi , Nilai dan Tempoh Kontrak serta Lokasi Untuk Tempat Letak Kereta Awam Yang Diswastakan Mengikut Pecahan PBT

PBT	SYARIKAT KONSESI	NILAI	TEMPOH KONTRAK	LOKASI
MBSA	Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd	34,669 petak	20 tahun	Seksyen 2 hingga Seksyen U20
MBPJ	Godell Parking Sdn Bhd	9,300,000.00	2/1/2000 – 31/12/2019 (20 TAHUN)	Tempat Letak Kereta “On-Street” Di Kawasan Petaling Jaya.
	Selangor	780,000.00	1/1/2015 –	Kompleks Letak

	Industrial Corporation		31/12/2017 (3 TAHUN)	Kereta A, Jalan 52/1, Petaling Jaya
	Era Success Resources	183,600.00	1/8/2015 – 31/7/2018 (3 TAHUN)	Kompleks Letak Kereta C, Jalan Sultan Petaling Jaya
	Orbitech Solution Sdn Bhd	540,000.00	1/3/2015 – 28/2/2018 (3 TAHUN)	Kompleks Letak Kereta Seksyen 14, Jalan 14/21, Petaling Jaya
	First City Parking Sdn Bhd.	138,000.00	1/8/2014 – 31/7/2016 (2 TAHUN)	Kompleks Letak Kereta Seksyen 4, Jalan Othman, Petaling Jaya
MPK	TIDAK MELAKSANAKAN LAGI			
MPAJ	Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd	1,273,553.28	20 Tahun	Seluruh kawasan Ampang Jaya
MPSJ	Godell Parking Sdn. Bhd	7,259.000.20	20 Tahun	Seluruh kawasan tempat letak kereta awam di kawasan MPSJ
MPS	Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd	MPS sebanyak 30% dan Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd 70%.	bermula 3 Disember 1998 sehingga kini	
MPKj	Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd	menerima bayaran sewaan sebanyak RM15.29 sepetak dengan bayaran 4% sebulan daripada jualan	20 Tahun	-Pekan Batu 11, Balakong -Taman Taming Jaya, Balakong -Taman Majlis Jaya, Sg. Chua, Kajang -Taman Saga, Sg.

		tiket tempat letak kereta.		Chua, Kajang -Pekan Kajang Metropoint Kajang(Lokasi Baru)
MPSp	Suasa Efektif (M) Sdn Bhd	-	20 tahun (1999-2019)	Keseluruhan Sepang
MDKL	Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd.	144,000.00	20 TAHUN	Bandar Banting Taman Cempaka, Banting Taman Baiduri, Banting Telok Panglima Garang Bandar Sungai Emas
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor masih belum melaksanakan Sistem Tempat Letak Kereta Berbayar. Syarikat konsesi yang telah dilantik melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada 5/8/1999 adalah Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. Tempoh kontrak adalah 20 tahun dari tahun pengambilalihan / pelaksanaan sistem parkir.			
MDKS	Suasa Efektif (M) Sdn Bhd	11.00 sebulan	20 tahun	Kawasan pentadbiran MDKS
MDSB	TIDAK MELAKSANAKAN LAGI			

Nota: Sumber didapati daripada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (PBT).

b) Kerajaan Negeri meluluskan dasar penswastaan perkhidmatan tempat letak kereta awam pada tahun 1998 kerana ingin membantu PBT-PBT mengurangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan disamping meningkatkan fasiliti dan kemudahan parkir awam di kawasan PBT.

c) Pelaksanaan Sistem Kutipan Hasil Tempat Letak Kereta Bersepadu Secara Bayar dan Peraga di seluruh Negeri Selangor telah diswastakan kepada dua (2) Syarikat iaitu Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd.(SESB) dan Syarikat Godell Parking Sdn Bhd (GPSB) berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 10/98 pada 1 April 1998. Dalam hal ini, tiada perjanjian utama ditandatangani antara pihak Syarikat dengan Kerajaan Negeri. Perjanjian hanya ditandatanagni oleh kedua-dua Syarikat dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tempoh selama 20 tahun dan berakhir pada tahun 2019 dan 2020. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula perjanjian konsesi tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : KENAIKAN KADAR PEMERIKSAAN SARINGAN MAMMOGRAM

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah faktor Kerajaan Negeri menaikkan kadar pemeriksaan saringan mammogram?

b) Adakah Kerajaan Negeri menerima runguntan berkenaan kenaikan kadar tersebut?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan senantiasa berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada golongan wanita Selangor melalui Skim Kesihatan Wanita – Pemeriksaan Saringan Mammogram ini. Berikut adalah beberapa faktor yang menyebabkan Kerajaan Negeri membuat penambahbaikan ke atas kadar pemeriksaan saringan mammogram tersebut :

(i) Penambahbaikan dari segi kos pemeriksaan mammogram yang dahulunya RM90.00 seorang kepada had maksima RM150.00 seorang setelah mengambilkira kenaikan harga pasaran yang mana tiada lagi pembekal perkhidmatan yang dapat menawarkan harga pemeriksaan saringan mammogram serendah RM90.00 dan ianya tidak mengambilkira pelaksanaan GST pada ketika itu.

(ii) Manakala bagi peserta yang perlu kepada pemeriksaan susulan melalui ultrasound atas nasihat doktor yang membuat saringan mammogram tersebut, kos pemeriksaan ultrasound turut diperuntukkan dengan had maksima berjumlah RM100.00 kepada peserta mammogram ini.

(iii) Dengan penambahbaikan kadar kos bagi pemeriksaan saringan mammogram ini kepada had maksima RM150 seorang, Kerajaan Negeri dapat memperluaskan kemudahan penyediaan perkhidmatan ini kepada golongan wanita dengan menambahkan lagi penyertaan pihak hospital swasta di seluruh Selangor yang dapat menawarkan perkhidmatan mammogram dengan harga tersebut. Perkhidmatan ini tidak lagi tertakluk dan terhad kepada satu *service provider* sahaja.

(iv) Ini secara tidak langsung mewujudkan persaingan yang sihat dikalangan *service provider* yang terpilih di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Negeri dan golongan wanita Selangor.

(v) Selain itu, logistik dan pergerakan para peserta skim ini ke *service provider* berhampiran dapat dirancang dengan lebih baik dan teratur oleh agensi pelaksana program iaitu RMSB.

(vi) Tujuh (7) pembekal perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut :

Bil	Hospital Swasta	Bilangan Lokasi
1	Majlis Kanser Negara (MAKNA)	1
2	*National Canser Society Malaysia* (NCSM)	1
3	Columbia Asia	5 Petaling Jaya, Puchong, Bukit Rimau, Cheras & Setapak
4	BP Health Care	2 Glenmarie & Bukit Tinggi Klang
5	KPJ	3 Shah Alam, Rawang & Klang
6	SALAM Specialist Hospital	1
7	*Darul Ehsan Medical Centre* (DEMC)	1

b) Sebagai Kerajaan Negeri yang berkebajikan, Kerajaan Negeri Selangor senantiasa memastikan kebajikan dan keperluan rakyat Selangor terpilihara dan terjaga terutama sekali dari aspek kesihatan. Dengan kenaikan kadar pemeriksaan saringan mammogram tersebut, Kerajaan Negeri berharap agar perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali perkhidmatan adalah yang terbaik kepada rakyat Selangor. Oleh yang demikian, tiada sebarang rungutan yang diterima oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : HAL EHWAL SELAIN ISLAM

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan penerima bantuan peruntukan HESI sejak 2009 sehingga kini dan jumlah peruntukan yang di beri mengikut jenis keagamaan dan DUN masing-masing.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bantuan untuk rumah ibadat selain Islam mengikut jenis agama utama dan kelulusan diberikan berdasarkan permohonan daripada rumah ibadat tersebut. Ia disalurkan mengikut keperluan dan bukan mengikut DUN. Sebanyak RM32,194,990.00 telah diperuntukan sejak tahun 2009 hingga 2016 bagi kegunaan hal ehwal selain Islam. Sumbangan ini untuk tujuan membaikpulih rumah keagamaan, melaksanakan aktiviti keagamaan dan bantuan khas perayaan selain Islam. Butir-butir bantuan peruntukan hal ehwal selain Islam adalah seperti Jadual berikut:

Jadual 1

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEPADA RUMAH-RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

BAGI TAHUN 2009 - 2016

JENIS RUMAH IBADAT	PERUNTUKAN								JUMLAH
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	
KUIL	2,654,500	1,980,000	1,949,000	1,186,500	1,332,500	1,050,000	1,748,400	1,748,400	**13,649,300**
TOKONG	1,291,500	814,500	1,147,490	1,239,500	1,445,000	1,498,000	3,678,600	3,678,600	**14,793,190**
GEREJA	809,500	202,000	638,000	137,500	369,500	450,000	573,000	573,000	**3,752,500**
JUMLAH	**4,755,500**	**2,996,500**	**3,734,490**	**2,563,500**	**3,147,000**	**2,998,000**	**6,000,000**	**6,000,000**	**32,194,990**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : BANTUAN ASNAF LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Agihan serahan kepada rawatan dan perubatan, berapa peratus daripada keseluruhan agihan?

b) Apakah jenis perubatan yang tinggi agihannya?

c) Bagaimanakah perancangan sekiranya permohonan melebihi daripada terimaan sumbangan zakat?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman sehingga bulan Jun 2016, LZS telah mengagihkan zakat sebanyak RM358.3 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM37.9 juta iaitu 11 peratus telah diagihkan bagi tujuan perubatan kepada asnaf fakir, miskin, mualaf dan gharimin. Butirannya adalah seperti berikut:

AGIHAN PERUBATAN BAGI JAN-JUN 2016

JAN-JUN 2016	
Agihan Keseluruhan	RM358,268,471
Bantuan Perubatan	RM37,865,229
Peratus Bantuan Perubatan Yang Diagihkan	**11%**

b) Bantuan rawatan dialisis merupakan bantuan tertinggi yang disalurkan oleh LZS bagi tempoh Jan-Jun 2016 dengan jumlah agihan sebanyak RM23.7 juta melibatkan seramai 2,310 orang pesakit.

c) Sekiranya permohonan bantuan yang diterima tinggi dan melebihi terimaan sumbangan zakat, masyarakat harus maklum mereka tidak boleh mengharap kebergantungan kepada LZS semata-mata.

Bagaimanapun, LZS akan memberi keutamaan kepada asnaf fakir, miskin dan mualaf yang merupakan asnaf muqaddam (paling utama). Manakala bagi asnaf selain daripada yang disebutkan, mereka boleh memohon bantuan kepada pihak yang berkaitan seperti PERKESO, KWSP, NGO dan mahupun Tabung Bantuan Perubatan Malaysia yang turut menerima sumbangan dari LZS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN SENI BUDAYA

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan kerajaan dalam pembangunan seni dan budaya setempat di setiap daerah?

b) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan menubuhkan institusi atau akademi kesenian dan kebudayaan?

c) Apakah rancangan Kerajaan dalam pemeliharaan seni dan budaya Orang Asli di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) PADAT telah berjaya mengumpulkan jawapan daripada agensi bertanggungjawab dan berikut adalah jawapan yang diberikan. Pembangunan seni dan budaya setempat dilaksanakan oleh PBT dan pejabat daerah. Kerajaan melalui agensi-agensi terbabit sedang dalam usaha untuk mengetengahkan kebudayaan khusus bagi daerah tersebut antaranya seperti tarian tradisional, makanan tradisi, kraftangan dan sebagainya. Antara contoh program yang danjurkan oleh PBT, dan pejabat daerah adalah seperti bengkel tarian, pertandingan muzik, festival dan sebagainya.

   Sementara di pihak PADAT antara program yang diadakan bagi pembangunan seni dan budaya setempat adalah seperti Temasya PADAT: Budaya dan Warisanku, Temasya Seni Muzik Cempuling 25 Jam Tanpa Henti, dan lain-lain.

b) PADAT telah berjaya mengumpulkan jawapan daripada agensi bertanggungjawab dan berikut adalah jawapan yang diberikan. Buat masa ini pihak kerajaan belum merancang untuk menubuhkan institusi atau akaedmi kesenian dan kebudayaan.

c) PADAT telah berjaya mengumpulkan jawapan daripada agensi bertanggungjawab dan berikut adalah jawapan yang diberikan. Pemeliharaan seni dan budaya Orang Asli di negeri Selangor dilaksanakan oleh beberapa agensi iaitu PBT dan Tourism Selangor. Antara rancangan yang dilakukan adalah melalui penganjuran festival kesenian seperti Selangor International Indigenous Arts Festival 2016, Festival Orang Asal 2015, Karnival Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli 2014. Selain daripada penganjuran program, pemeliharaan turut dilakukan melalui pembangunan yang telah dilakukan di perkampungan orang Asli Sungai Rasau Hilir untuk dijadikan sebagai produk

pelancongan. Dan di pihak PADAT pula, penyelidikan dan dokumentasi pantang larang masayarakat orang Asli sedang dijalankan untuk sebahagian daripada kajian Pantang Larang Masyarakat di Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROJEK HORAS

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci status terkini Projek HORAS?

b) Apakah faktor yang menyebabkan pelaksanaan HORAS tergendala?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali:

1) HORAS 600 dibangunkan di kawasan bekas lombong di Kg Sungai Darah, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor membekal dan menyalurkan air mentah tambahan sebanyak 300 JLH bagi tujuan menambah kapasiti (*overloading*) LRA SSP 1 & 3. Komponen kerja utama yang akan dibangunkan bagi tujuan melaksanakan HORAS 600 adalah:-

1.1 Pembinaan Kolam Utama dengan kapasiti 30 MCM berkemampuan (*sustainability*) untuk membekalkan jumlah kapasiti air mentah tambahan sebanyak 600 JLH. Walaupun Kolam Utama mampu membekalkan air mentah sebanyak 600 JLH, namun jumlah yang diperlukan untuk menampung kapasiti (*overloading*) LRA SSP 1 & 3 khususnya semasa musim kemarau atau lebih tepat lagi apabila aliran sungai sangat rendah adalah hanya sebanyak 300 JLH.

1.2 Pembinaan Kolam Hang Tuah sebagai muka sauk (*Intake point*) dan kolam penapis (*filter pond*); dan

1.3 Pembinaan Rumah pam baru dengan kapasiti pengepaman 300MLD untuk keperluan overloading SSP 1 & 3.

2) Terdapat dua (2) Fasa pembangunan yang terlibat dalam Projek HORAS 600 adalah seperti berikut:-

2.1 Fasa 1 terbahagi kepada 3 Pakej Kerja iaitu:-

2.1.1 **Pakej 1 – Kerja Pengorekan Kolam Utama oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)**.

i. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik KSSB untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan Kolam Takungan. Kerajaan Negeri Selangor tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan oleh KSSB telah bermula semenjak 15 Mac 2014.

ii. Dalam melaksanakan kerja-kerja Pengorekan Kolam Utama di bawah Pakej 1, pihak KSSB telah membahagikan kerja kepada 3 Seksyen kerja seperti berikut :-

a) Seksyen 1 melibatkan kawasan seluas 48 hektar. Kerja-kerja pengorekan hingga mencapai paras kedalaman (ODL) antara –13 meter hingga -15 meter telah siap sepenuhnya.

b) Seksyen 2 melibatkan kawasan rumah pam. Kerja-kerja pengorekan dijangka siap pada akhir Ogos 2016.

c) Seksyen 3 telah mencapai 30% dan perlu disiapkan sepenuhnya pada Disember 2017

iii. Mengikut perancangan asal Seksyen 2 dan Seksyen 3 sepatutnya siap pada Oktober 2015 tetapi dari segi pelaksanaan, KSSB memaklumkan ia hanya boleh siap pada Disember 2017. KSSB memaklumkan bahawa kelewatan dari segi pelaksanaan Seksyen 2 dan Seksyen 3 adalah disebabkan oleh masalah berikut:-

1. Masalah penjualan pasir

2. Keadaan tapak yang dikorek seperti di Seksyen 2, merupakan kawasan batu keras dan bukan pasir. Ini menyebabkan KSSB perlu menukar kaedah

pengorekan dan melibatkan kepada pelantikan kontraktor baru;

3. Penemuan beberapa mata air di kawasan cerun di dalam kawasan Seksyen 2. Kadar aliran mata air sangat tinggi dan menyebabkan hakisan kepada cerun yang telah dibina. Ini menyebabkan KSSB perlu melantik kontraktor untuk membaiki hakisan cerun sebelum kerja-kerja pengorekan boleh diteruskan.

4. Masalah kekangan kawasan untuk meletakkan stockpile untuk pasir yang dikorek dan lebihan tanah.

2.1.2 **Pakej 2 – Kerja-kerja Membina Cerun Kolam & *External Works*.**

Kerja-kerja di tapak telah bermula pada 16 November 2015 dan akan siap pada 16 Februari 2017. Kerja-kerja ditapak telah mencapai 43% berbanding disasarkan 41%.

2.1.3 **Pakej 3 – Pembinaan kolam Hang Tuah**

Berdasarkan kepada kajian dan analisi yang dibuat, pihak Perunding mencadangkan supaya pelaksanaan Pakej ini ditangguhkan kerana air mentah dari HORAS 600 akan dipam terus ke sungai dan bukan ke loji rawatan air. Justeru itu, tidak ada keperluan untuk menambahbaik kualiti air melalui Kolam Hang Tuah.

2.2 **Fasa 2 – Pembinaan Rumah Pam**

Reka bentuk terperinci telah disiapkan oleh perunding. Pelantikan kontraktor akan dibuat sebaik sahaja kerja-kerja pengorekan kolam di Seksyen 2 oleh KSSB siap iaitu pada bulan Ogos 2016.

3) Terdapat 5 loji rawatan air di Lembangan Sungai Selangor yang pada ketika ini bergantung sepenuhnya pada Pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi dan Aliran asas (*river base flow)* air di

Sungai Selangor. Jumlah air mentah yang diperlukan adalah sebanyak 3000JLH.

4) Pada ketika dengan siapnya Projek Mitigasi 2 pada bulan April 2016, sebanyak 300 JLH air mentah tambahan diperlukan bagi tujuan menambah kapasiti (*overloading*) LRA SSP 1 & 3. Justeru itu, dengan adanya HORAS 600 yang berkemampuan untuk membekalkan jumlah kapasiti air mentah tambahan sehingga 600 JLH.

5) Walaupun HORAS 600 belum siap sepenuhnya, pada ketika ini bermula dari bulan April 2014, HORAS 600 telah dapat membekalkan air mentah sebanyak 160JLH untuk dialirkan ke Sungai Selangor bagi meningkatkan paras aliran sungai dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi.

6) Dengan adanya bantuan yang disumbangkan dari Kolam HORAS 600 yang masih belum siap bersama-sama dengan kolam kolam takungan lain, paras Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Sungai Selangor tidak terjejas sepanjang musim panas tahun ini. Kedudukan paras kedua empangan setakat 15 Julai 2016 terkawal walaupun keadaan musim panas melanda jika dibandingkan dengan tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

Empangan	**Paras Simpanan pada 15 Julai 2016**
Empangan Sungai Selangor	66.63%
Empangan Sungai Tinggi	73.07%

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : HAKMILIK BARU DIKELUARKAN UNTUK PROJEK SAKIT ATAUPUN PROJEK TERBENGKALAI

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah polisi Kerajaan Negeri untuk menjaga kepentingan pembeli rumah projek sakit / terbengkalai?

b) Berapakah hakmilik baru ("new title/geran") telah dikeluarkan untuk projek sakit / projek terbengkalai sehingga masa kini?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, polisi Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) adalah untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah berkaitan.

Antara polisi Kerajaan Negeri melalui LPHS ke atas projek terbengkalai adalah seperti berikut :

i) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli perlu diperolehi terlebih dahulu.

ii) LPHS berperanan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.

iii) LPHS juga mengadakan perbincangan dengan *pelikuidasi (liquidator)* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

iv) LPHS turut mengadakan perbincangan antara *pelikuidasi (liquidator),* bersama semua jabatan teknikal seperti Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa

Tempatan, SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

v) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.

vi) Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.

vii) Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank yang terlibat diurus setia oleh LPHS di mana dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011 bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak terlibat dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat pemantauan sehingga projek siap dengan Sijil Layak Menduduki.

viii) Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

ix) LPHS juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen

100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku *"breach of contract"* maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, tiada hak milik baru yang akan dikeluarkan untuk projek sakit / terbengkalai kerana setiap projek sakit / terbengkalai akan kekal dengan pemilikan sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PUNGUTAN SAMPAH

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah syarikat konsensi pungutan sampah di Selangor dan nyatakan kawasan perkhidmatan masing-masing?

b) Berapa banyak sampahkah yang dipungut dalam sehari mengikut kawasan PBT?

c) Apakah perancangan kerajaan bagi mengurangkan masalah sampah di Selangor?

JAWAPAN:

Jawapan a) dan b) adalah bersekali.

Jumlah Syarikat Kutipan sampah pungutan sampah yang dilantik oleh PBT Negeri Selangor setakat bulan Jun – Julai 2016 adalah sebanyak 273 syarikat seperti di Jadual 1. Manakala kawasan perkhidmatan masing-masing dan jumlah sampah yang dipungut dalam masa sehari mengikut kawasan seperti di Jadual 2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan pecahan mengikut kaum dan DUN, penerima Insentif Perkahwinan Belia seluruh Negeri hingga kini.

b) Butirkan jumlah bayaran yang telah dibayar kepada mereka yang layak menikut DUN di seluruh Negeri hingga kini.

c) Berapa lamakah proses sehingga pemohon menerima bayaran insentif?

JAWAPAN:

a),b) dan c)

Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumahtangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumahtangga.

Jumlah penerima insentif perkahwinan belia sejak diwujudkan bermula pada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah :-

STATISTIK PERMOHONAN 2013 – 2016 (SETAKAT APRIL 2016)

PERMOHONAN / TAHUN	LULUS		JUMLAH PENERIMA	JUMLAH KOS (RM)
	ISLAM	BUKAN ISLAM		
2013	4041	1911	5952	1,190,400.00
2014	4010	2441	6451	3,225,500.00
2015	4862	2693	7555	3,777,500.00
PERMOHONAN / TAHUN	**LULUS**		**JUMLAH PENERIMA**	**JUMLAH KOS (RM)**
	ISLAM	**BUKAN ISLAM**		
2016 (SETAKAT APRIL 2016)	3802	2378	6180	3,090,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				**11,283,400.00**

DATA PENDAFTARAN PERKAHWINAN NEGERI SELANGOR

Berdasarkan kepada data pendaftaran perkahwinan daripada Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), statistik golongan muda yang berkahwin setiap tahun di Selangor bagi yang beragama Islam adalah seperti berikut :

DATA PENDAFTARAN PERKAHWINAN DARIPADA BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS) 2012-2015

DAERAH	TAHUN							
	2012		2013		2014		2015	
	L	P	L	P	L	P	L	P
KLANG	2622	2776	2624	2787	2826	2960	2175	2265
PETALING	1741	1802	1569	1879	2817	2931	1442	1483
SHAH ALAM	2547	2684	2739	2852	1789	1882	1173	1230
GOMBAK KUANG	823	847	869	930	841	837	696	703
GOMBAK KERAMAT	1647	1915	1645	1739	2031	2140	1375	1433
HULU LANGAT	2786	2744	2606	2680	3184	3099	2294	2371
HULU SELANGOR	824	859	971	1006	1009	1053	772	790
KUALA LANGAT	1140	1217	1199	1233	1119	1130	659	659
KUALA SELANGOR	1663	1290	1316	1386	1260	1346	1002	1042
SEPANG	649	577	636	676	727	774	585	614
SABAK BERNAM	1264	942	954	990	916	983	651	702
JUMLAH	**17706**	**17653**	**17128**	**18158**	**18519**	**19135**	**12824**	**13292**

PENILAIAN KERAJAAN TENTANG PRESTASI DAN KEJAYAAN PROGRAM

Program Insentif Perkahwinan Belia telah membantu untuk meringankan beban hidup pasangan yang baru mendirikan rumahtangga dengan peningkatan jumlah permohonan dan jumlah perkahwinan saban hari.

Seterusnya, dengan peningkatan jumlah perkahwinan, program ini telah dapat mengurangkan masalah sosial seperti pembuangan bayi, pergaulan bebas dan sebagainya yang semakin membimbangkan masyarakat pada masa kini.

Selain daripada itu, program ini juga dapat menggalakkan perkahwinan yang berdaftar yang sekaligus dapat menunjukkan kejayaan dan program ini perlu diteruskan pada masa akan datang.

DATA PENERIMA INSENTIF PERKAHWINAN TAHUN 2013 – 2016 MENGIKUT DUN

Penerima insentif mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri adalah seperti berikut :

STATISTIK PERMOHONAN MENGIKUT DUN 2013-2016

Bil	DUN	Jumlah Penerima Islam				Jumlah Penerima Bukan Islam			
	TAHUN	2013	2014	2015	2016	2013	2014	2015	2016
1.	BALAKONG	72	46	27	80	157	25	58	71
2.	BANGI	66	207	98	89	61	37	83	36
3.	BATANG KALI	9	23	64	71	28	7	53	22
4.	BATU CAVES	31	61	65	84	68	14	21	49
5.	BATU TIGA	100	64	92	102	58	15	12	28
6.	BUKIT ANTARABANGSA	22	11	68	13	5	3	10	1
7.	BUKIT GASING	7	68	52	4	21	73	35	16
8.	BUKIT LANJAN	20	8	6	56	28	12	98	14
9.	BUKIT MELAWATI	20	85	44	80	71	32	16	33
10.	CHEMPAKA	52	27	18	22	35	53	6	8
11.	DAMANSARA UTAMA	21	89	14	14	146	29	46	74
12.	DENGKIL	85	161	78	107	58	310	78	22
13.	DUSUN TUA	45	90	40	34	20	10	50	40

14.	GOMBAK SETIA	23	114	60	87	26	16	15	9
15.	HULU BERNAM	69	50	22	24	21	2	80	5
16.	HULU KELANG	23	47	30	88	11	32	97	9
17.	IJOK	9	63	31	58	69	19	10	41
18.	JERAM	50	93	150	93	21	3	89	12
19.	KAJANG	25	62	74	79	192	79	50	94
20.	KAMPUNG TUNKU	4	19	25	4	24	2	95	11
21.	KINRARA	27	10	12	15	62	54	39	66
22.	KOTA ALAM SHAH	24	26	20	22	115	14	15	36
23.	KOTA ANGGERIK	18	9	86	111	24	1	12	27
24.	KOTA DAMANSARA	70	30	95	61	54	15	14	33
Bil	**DUN**	**Jumlah Penerima Islam**				**Jumlah Penerima Bukan Islam**			
	TAHUN	**2013**	**2014**	**2015**	**2016**	**2013**	**2014**	**2015**	**2016**
25.	KUALA KUBU BAHARU	56	56	36	55	21	80	32	45
26.	KUANG	55	35	30	21	10	11	69	2
27.	TERATAI	16	12	58	21	48	26	12	151
28.	LEMBAH JAYA	10	222	41	52	52	22	32	10
29.	MERU	30	225	134	159	147	150	54	112
30.	MORIB	6	30	65	119	23	3	23	49
31.	PANDAMARAN	70	65	250	67	52	38	101	211
32.	PAYA JARAS	16	35	50	63	58	17	22	11
33.	PELABUHAN KLANG	15	250	59	63	84	80	250	70
34.	PERMATANG	20	57	89	49	58	5	85	15
35.	RAWANG	15	61	41	30	20	65	26	65
36.	SABAK	59	45	76	94	26	50	15	15
37.	SEKINCHAN	85	80	56	35	80	14	150	32
38.	SELAT KLANG	56	89	126	112	28	89	23	29
39.	SEMENTA	10	40	66	55	20	20	100	62
40.	SEMENYIH	17	70	67	37	76	35	11	49
41.	SERI ANDALAS	93	89	250	56	40	46	180	102
42.	SERI KEMBANGAN	16	50	10	62	52	9	32	70
43.	SERI MUDA	78	42	44	56	102	40	26	65
44.	SERI SERDANG	70	45	31	13	73	36	150	17
45.	SERI SETIA	51	165	21	23	178	14	150	16
46.	SIJANGKANG	10	28	107	87	41	16	102	15
47.	SUBANG JAYA	58	84	33	35	178	64	44	140
48.	SUNGAI AIR TAWAR	40	224	50	32	68	19	80	23
49.	SUNGAI BURONG	10	50	101	66	28	8	68	28

50.	SUNGAI PANJANG	50	50	135	130	103	12	29	16
51.	SUNGAI PELEK	60	30	22	14	60	60	15	37
52.	SUNGAI PINANG	90	83	15	142	80	24	46	50
53.	TAMAN MEDAN	30	86	49	53	28	9	30	12
54.	TAMAN TEMPLER	80	86	24	29	40	16	68	12
55.	TANJONG SEPAT	62	28	36	24	67	50	10	20
56.	TELUK DATUK	30	80	150	28	30	20	195	92
57.	LAIN-LAIN (*tidak melalui DUN*)	250	200	300	250	100	191	350	250
JUMLAH KESELURUHAN		**2506**	**4255**	**3893**	**3530**	**3446**	**2196**	**3662**	**2650**

PROSES PERMOHONAN PROGRAM INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

Kerajaan Negeri telah menambahbaik pengurusan sedia ada di mana tempoh 6 bulan yang diperlukan untuk kelulusan telah dipercepatkan kepada tiga (3) hingga empat (4) bulan. Tempoh tersebut diperlukan memandangkan borang permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri setiap hari adalah lebih kurang 150 permohonan. Seterusnya semakan perlu dibuat ke atas permohonan tersebut melalui sistem online bagi menentukan samada permohonan tersebut diluluskan atau ditolak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan serta dokumen-dokumen yang diperlukan telah dikemukakan bersama borang permohonan.

Seterusnya, jumlah permohonan yang telah diluluskan perlu dihantar kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan dan seterusnya dipanjangkan kepada Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk tujuan penyaluran insentif tersebut.

Walau bagaimanapun, proses penyaluran di Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan mengambil masa dalam tempoh sebulan untuk disalurkan kepada pemegang akaun Tabung Haji dan penyediaan Sijil Bank Simpanan Nasional (BSN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : ELAUN GURU KAFA

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pembayaran elaun Guru KAFA mengikut tahap kenaikan sebagaimana diumumkan dalam belanjawan 2016 sehingga Jun 2016?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaraskan jumlah kenaikan elaun pada masa akan datang?

JAWAPAN:

a) Jumlah pembayaran kenaikan Elaun Guru KAFA bagi tahun 2016 adalah seperti di LAMPIRAN 1.

b) Semua guru lantikan sebelum 2016 akan mendapat elaun yang sama dan selaras menjelang tahun 2031. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri akan mengkaji serta meneliti kontrak S17 kepada guru-guru KAFA di KAFA Integrasi dan DG29 kontrak kepada guru-guru KAFA di SRA, SRAI & Pra Sekolah Negeri Selangor.

LAMPIRAN 1

JUMLAH BAYARAN KENAIKAN ELAUN GURU KAFA MENGIKUT TAHAP KENAIKAN BAGI TAHUN 2016

KENAIKAN ELAUN GURU KAFA

BIL	TEMPOH PERKHIDMATAN	ELAUN ASAL (RM)	JUMLAH KENAIKAN (RM)	JUMLAH GURU	JAN - JUN 2016	KWSP 13%	JUMLAH BESAR (RM)
1	LEBIH 15 TAHUN - lantikan 2001 ke bwh - (RM1,500.00)	1,300.00	200.00	1,892	6	295,152.00	2,565,552.00
2	10 - 15 TAHUN - lantikan 2002 hingga 2006 - (RM1,450.00	1,300.00	150.00	1,481	6	173,277.00	1,506,177.00
3	5 - 10 TAHUN - lantikan 2007 hingga 2011 - (RM1,400.00)	1,300.00	100.00	1,754	6	136,812.00	1,189,212.00
4	0 - 5 TAHUN - lantikan 2012 ke atas - (RM1,350.00)	1,300.00	50.00	1,733	6	67,587.00	587,487.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				**6,860**		**672,828.00**	**5,848,428.00**

KENAIKAN ELAUN TANGUNGJAWAB

BIL	JAWATAN	ELAUN ASAL (RM)	JUMLAH KENAIKAN (RM)	JUMLAH GURU	JUMLAH BESAR (RM)
1	KETUA GURU	100.00	50.00	290	14,500.00
2	GURU PENOLONG KANAN 1	0.00	80.00	290	23,200.00
3	GURU PENOLONG KANAN HEM	0.00	80.00	290	23,200.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				**870**	**60,900.00**
JUMLAH KESELURUHAN BAYARAN KENAIKAN ELAUN GURU KAFA + ELAUN TANGGUNGJAWAB					**5,909,328.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)

TAJUK : STATUS TERKINI TENTANG MASALAH PEMINDAHAN PENGHUNI-PENGHUNI DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT KERAYONG

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong.

b) Berapakah unit rumah teres dan unit pangsapuri akan dibina di atas tapak Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong?

c) Apakah isu yang masih tertunggak?

JAWAPAN:

a) Bagi status peneroka bandar Jalan Papan beberapa mesyuarat dan perbincangan telah diadakan. Pihak Majlis mengambil maklum dan menerima senarai nama yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Khas bagi membincangkan Isu Penyelesaian Peneroka Bandar di Jalan Papan, Pandamaran Mukim Klang yang diadakan pada 23.05.2016 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Tuan Nor Azmie Bin Diron, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) iaitu:-

i) 123 penama menerima tawaran rumah teres 20’ x 70’ dengan tawaran harga RM99,000.00 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 28/2011 bertarikh 24.08.2011.

ii) 98 penama menerima tawaran Rumah Selangorku Jenis B dengan keluasan 800kp dan tawaran harga RM99,000.00

Pihak pemaju dikehendaki mengemukakan pindaan pelan kepada Majlis Perbandaran Klang dengan kadar segera bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan pelan – pelan pembangunan. Pihak pemaju dalam proses penyediaan akhir draf pelan pindaan Kebenaran Merancang untuk dikemukakan kepada pihak Majlis. Bagi penempatan semula pegerai dan pengusaha bengkel Jalan Bukit Kerayong, pihak pemaju akan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang bagi pendirian kedai kos rendah setelah urusan hakmilikan tanah

(hakmilik berasingan) diluluskan dan didaftarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Klang.

b) Jumlah keseluruhan cadangan perumahan teres di Jalan Papan adalah sebanyak 404 unit rumah teres (2 tingkat) termasuk 123 unit rumah teres untuk penempatan semula peneroka bandar Jalan Papan bagi unit pangsapuri pula sebanyak 254 unit Rumah Selangorku dicadangkan termasuk 58 unit untuk penempatan semula baki peneroka bandar di Jalan Papan.

Walau bagaimanapun, tiada sebarang pembangunan perumahan dicadangkan di Fasa Pembangunan Bukit Kerayong.

c) Antara isu – isu yang masih tertunggak dan telah dikenalpasti adalah seperti berikut:-

i) Kaedah/ tawaran penyelesaian baki peneroka bandar yang masih berada di tapak (kategori keluarga tambahan/ telah ambil subsidi) sering dipertikaikan oleh penduduk dan bekas peneroka bandar.
ii) Kegagalan pemaju untuk mengemukakan dengan segera pelan pindaan keseluruhan cadangan pembangunan di Jalan Papan, pelan Kebenaran Merancang cadangan pembangunan Rumah Selangorku dan pelan Kebenaran Merancang cadangan pembangunan Kedai Kos Rendah mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
iii) Isu hal tanah dan status pemilikan 8 unit tapak tokong di Jalan Bukit Kerayong yang masih belum dimuktamadkan.
iv) Isu pendudukan setinggan di atas tanah kerajaan Jalan Bukit Kerayong (rezab tokong) yang masih tertangguh (peneroka bandar enggan berpindah walaupun telah menerima tawaran).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : KPI PENYELESAIAN KILANG HARAM SELANGOR

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah KPI?

b) Berapa kilang haram yang telah diselesaikan sejak 2008?

c) Apakah pelan penyelesaian untuk kilang yang bertapak di kampung tradisi di pinggiran bandar?

JAWAPAN:

a) KPI adalah *Key Perfomance Indicator* dan bagi KPI pengerusi Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram adalah seperti di **Lampiran A**.

b) Berdasarkan bancian yang dibuat oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) terdapat lebih kurang 3,393 kilang yang telah dibina di atas 2,978 lot tanah pertanian. Daripada jumlah tersebut 1,333 lot telah membuat permohonan tukar syarat tanah pertanian kepada industri. Sejumlah 1,087 telah diluluskan manakala selebihnya ditolak. Berikut dilampirkan statistik kilang haram seperti di **Lampiran B**.

c) Satu program pemutihan perlanggaran syarat nyata tanah pertanian sedang dirangka bagi kilang yang bertapak di kampung tradisi di pinggiran bandar.

LAMPIRAN A

KPI PENYELESAIAN KILANG HARAM DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2015

TERAS KERAJAAN NEGERI SELANGOR	PORTFOLIO	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2015	ULASAN
Teras 4 **Menambahbaik Tadbir Urus**	**Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Haram**	% permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram.	100%	100%	9 permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram. Bergantung kepada bilangan permohonan yang diterima
		% permohonan yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat OSC PTD.	100%	100%	Bergantung kepada bilangan permohonan yang diterima
		% peruntukan yang digunakan bagi program pemutihan.	100%	41.2%	Mesyuarat RM1,200.00 *Banner* dan *Pamplet* RM20,000.00 Bengkel RM20,000.00 Baki RM58,800.00

TERAS KERAJAAN NEGERI SELANGOR	PORTFOLIO	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2015	ULASAN
		Bilangan mesyuarat yang diadakan secara berkala bagi membincang dan mempertimbangkan permohonan yang diterima.	12 kali setahun	16.67%	Mesyuarat hanya diadakan 2 kali dan Bergantung kepada bilangan permohonan yang diterima
		Bilangan laporan yang perlu dikemukakan oleh PTD dan PBT.	12	3	Laporan dikemukakan setiap 3 bulan sekali
		% penguatkuasaan undang-undang terhadap kilang-kilang yang enggan menerima program ini.	80%	0%	Penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dijalankan sehingga tamat Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran pada 31 Disember 2015.

LAMPIRAN B

STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH YANG TELAH SELESAI

Bil.	Daerah	Jumlah		Permohonan Tukar Syarat				Premium Tambahan (RM)	
		Lot	Kilang	Bil. Permohonan	Lulus	Tolak	Belum Memohon	Dibayar	Belum Dibayar
1.	Petaling	1461	1507	828	686	5	679	106,292,645.96	72,979,729.50
2.	Klang	749	843	178	134	7	571	29,428,170.10	2,380,937.00
3.	Hulu Langat	361	427	168	158	0	259	72,777,372.50	1,693,440.00
4.	Gombak	77	137	43	28	1	14	5,528,344.05	341,305.00
5.	Sepang	64	55	2	1	0	53	133,256.25	0
6.	Kuala Langat	177	197	88	71	15	109	8,450,882.00	1,982,512.00
7.	Kuala Selangor	161	149	4	1	0	0	303,262.00	0
8.	Hulu Selangor	23	53	10	5	1	43	810,845.00	
9.	Sabak Bernam	22	22	12	3	1	10	335,303.00	
JUMLAH		**3,095**	**3,390**	**1,317**	**1,078**	**29**	**1,834**	**218,531,736.81**	**79,036,618.50**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah perlantikan PeBT akan dibuat bagi penggal ini? Nyatakan penggal baru dan tempoh setiap penggal bagi PeBT.

b) Bagaimana pendekatan PeBT dalam pembangunan golongan belia di Zon yang diwakili?

c) Apa kaitan *Selangor Youth Community* dengan program belia Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi sesi 2016/2018 adalah berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 sehingga 31 Mei 2018. Pelantikan ini dibuat oleh Kerajaan Negeri setiap dua (2) tahun sekali. Walau bagaimanapun, setiap PeBT yang dilantik diberi tempoh percubaan selama 3 bulan untuk menunjukkan prestasi masing-masing dan akan digugurkan sekiranya gagal serta pelantikan baru akan dibuat bagi menggantikan PeBT yang telah digugurkan.

PENDEKATAN PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) DALAM PEMBANGUNAN GOLONGAN BELIA

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM120,000.00 setahun kepada PeBT melalui setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjalankan program-program PeBT mengikut 10 teras yang telah digariskan dalam Dasar Belia Selangor untuk pembangunan belia sebagaimana berikut :-

- Pendidikan Dan Latihan Kemahiran
- Keusahawanan Dan Pekerjaan
- Kepimpinan Dan Organisasi
- Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
- Kemasyarakatan, Jaringan Dan Kesukarelawanan
- Kesejahteraan Dan Kesihatan
- Sukan Dan Kecergasan
- Agama Dan Akhlak
- Kebudayaan Dan Kesenian
- Pengantarabangsaan

Antara program-program yang telah dilaksanakan di peringkat PeBT adalah sebagaimana berikut :-

i. Program Motivasi Remaja “Ting Wen”
ii. Karnival Gaya Hidup Sihat
iii. Kempen Mencegah Jenayah
iv. Malaysiaku Merdeka #Pray4ummah
v. Liga Sukan Selangor Plus Peringkat DUN
vi. Bengkel Usahawan Muda Online
vii. Kem Anak Muda Islam
viii. Himpunan Anak-anak Muda Selangor

SELANGOR *YOUTH COMMUNITY*

Selangor *Youth Community* ditubuhkan khas di atas inisiatif DYTM Raja Muda Selangor untuk memberdayakan generasi muda Selangor. Untuk makluman, buat masa ini tiada kolaborasi di antara Kerajaan Negeri dan Selangor *Youth Community.* Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-

alukan inisiatif ini dan sedia bekerjasama demi pembangunan Generasi Muda Selangor pada masa akan datang.

PENYERTAAN DALAM PROGRAM PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Jumlah peserta yang telah mengikuti program-program PeBT pada tahun 2015 mengikut PBT adalah seperti berikut :-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PESERTA
1	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	14,400
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	12,586
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	6,130
4	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	20,000
BIL	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**	**PESERTA**
5	Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	8,100
6	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	10,000
7	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	18,000
8	Majlis Perbandaran Sepang (MPSP)	14,056
9	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	12,000
10	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	16,502
11	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	52,000
12	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	18,040
JUMLAH KESELURUHAN		**201,814**

KEJAYAAN PROGRAM DI BAWAH PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT)

Perancangan sesuatu program pembangunan belia di bawah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah berdasarkan kepada 10 teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang menjadi tonggak kepada pembangunan belia yang mampan. Pencapaian sesuatu program itu dinilai berdasarkan kepada kejayaan sesuatu pesanan atau *input* yang cuba disampaikan melalui program-program yang dilaksanakan dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan seterusnya dapat diaplikasikan untuk pembangunan generasi muda Selangor.

PERMASALAHAN PELANTIKAN PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Kerajaan Negeri senantiasa peka terhadap pembangunan dan keperluan golongan muda di Negeri Selangor dan memastikan maklumat terkini dapat disampaikan kepada mereka. Oleh yang demikian, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah ditubuhkan pada tahun 2009 bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Bagi tujuan itu, pelantikan sebagai Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Peringkat Zon Bagi Sesi 2016/2018 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 sehingga 31 Mei 2018 telah dikeluarkan kepada semua PeBT yang dilantik melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertarikh 1 Jun 2016. Namun begitu, masih terdapat beberapa PBT yang gagal mengemukakan borang pencalonan untuk zon sehingga kini yang menyebabkan kelewatan pada proses pelantikan walaupun Surat Pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah dikeluarkan pada 15 September 2015.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pelan induk pengangkutan awam Negeri Selangor?

b) Nyatakan pelan jangka masa pendek untuk mengatasi kesesakan trafik di Lembah Klang?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman YB, Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor telah dimulakan pada Ogos 2016 dan pada Januari 2016 Kerajaan Negeri telah menerima deraf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Selanjutnya, Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi keterlibatan (*engagement)* deraf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor bersama pihak ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat bagi mendapatkan maklum balas dan input berkaitan pelan induk tersebut.

   Maklum balas dan input tambahan melalui sesi tersebut akan diambilkira bagi memuktamadkan Laporan Akhir pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) dalam tempoh yang terdekat.

b) Kesesakan trafik di Lembah Klang berlaku disebabkan peningkatan jumlah kenderaan persendirian berbanding pengangkutan awam. Berdasarkan maklumat daripada Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020, data pada tahun 2012 menunjukkan nisbah penggunaan pengangkutan awam kepada kenderaan persendirian ialah 20:80. Ini menunjukkan jurang yang sangat besar antara pengguna pengangkutan awam berbanding pengguna kenderaan persendirian.

   Sehubungan itu, dasar Kerajaan Negeri adalah jelas untuk mencapai nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding penggunaan kenderaan persendirian sebanyak 60:40 menjelang 2035. Ke arah mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah melancarkan Bas *Smart* Selangor bermula pada 1 Julai 2015 membabitkan 11 buah bas yang beroperasi di tiga kawasan

pentadbiran Pihak Berkuasa Negeri (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Kemudiannya, perkhidmatan bas percuma ini telah diperluaskan ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Selanjutnya, pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi memperluaskan perkhidmatan bas *Smart* Selangor dengan menambah enam (6) laluan baru, dua (2) laluan tambahan dan satu (1) bas tambahan.

Enam (6) laluan baru melibatkan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Berdasarkan sambutan dan permintaan daripada penduduk, dua (2) laluan baru telah ditambah di MBSA dan MPSJ manakala tambahan satu (1) bas baru turut diberikan kepada MPK.

Penyediaan Bas Smart Selangor di kawasan PBT yang menjadi tumpuan orang awam merupakan satu pelan jangka masa pendek bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di Negeri Selangor sekaligus mempersiapkan rakyat kepada dasar 60:40 menjelang 2035.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Memandangkan program tuisyen rakyat Negeri Selangor dilaksanakan dengan berjaya. Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang memperluaskan program ini ke sekolah rendah?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, pada masa ini Program Tuisyen Rakyat memberi tumpuan kepada para pelajar tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan belum mempunyai perancangan untuk memperluaskan program ini ke peringkat sekolah rendah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : SETINGGAN DAN PENEMPATAN

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah rekod penempatan setinggan yang masih ada di Selangor mengikut daerah?

b) Apakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyusun semula penempatan tersebut?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penempatan setinggan (Peneroka Bandar) yang masih ada di Selangor melibatkan 9 daerah adalah berjumlah 2,542 keluarga seperti di Lampiran 1.

b) Antara usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyusun semula penempatan setinggan (Peneroka Bandar) perlu menjalankan kajian yang teliti dan terperinci terlebih dahulu sama ada melalui pemberimilikan tanah atau penempatan semula di tapak baru atau mana-mana yang difikirkan sesuai dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan peneroka terlibat. Kerajaan Negeri pada masa ini melalui cara yang lebih berhemah dan mengambilkira pandangan semua pihak terlibat termasuk Peneroka Bandar sebelum penyelesaian secara menyeluruh dikenalpasti dan dilaksanakan.

LAMPIRAN 1

KAWASAN PENEMPATAN PENEROKA BANDAR

BIL.	KAWASAN PENEMPATAN	PBT	JUMLAH KELUARGA
1	Kg. Dagang Jati	MPK	136
2	Setinggan Jalan Tengku Badar		74
3	Kg Lanchung Jaya Sek 28	MBSA	25
4	U 11		1
5	Kg. Bunga Raya, Kuang (Setinggan KTMB)	MPS	180
6	Taman Melati		24
7	Kg. Seri Makmur		80
8	Kg. Seri Temenggong		29
9	Batu 8-12, Gombak (Orang Asli)		646
10	Taman Perwira		4
11	Kg. Bukit Lanchong	MPSJ	141
12	Kg. Sri Tanjung	MPSp	35
13	Kg. Sg. Buah		1
14	Kg Sg Merab		28
15	Kg. Sg Rasau		2
16	Kg Sungai Semenyih		5
17	Kg. Dato; Harun, Serendah	MDHS	12
18	Taman Tasik Tambahan	MPAJ	3
19	Tasik Permai, Jalan Permai A		3
20	Setinggan Pandan Jaya		193
21	Rezab TNB, Taman Nirwana		8
22	No. 395, Jalan Hilir 4, Taman Ampang hilir		1
23	Batu 7 ½ Hulu Kelang		21
24	Jalan Bunga Tanjung Kg Kemensah , Hulu Klang		1
25	Kg Kemensah		32
26	Kg Seri Melor		8
27	Kg. Fajar		79
28	Kg. Perdik (Orang Asli)	MPKj	65
29	Kg. Sungai Lui		16
30	Kg. Tanjung		23
31	Kg. Lubuk Kelubi		36
32	Kg. Paya Batu 23		7
33	Kg. Padang		25
34	Kg. Masjid Bangi		43
35	Kg. Jaya Sepakat	MDKL	4
36	Kg. Serdang Belah		18
37	Kg Seri Cheding		3
38	Kg Teluk Datuk		19
39	Kg. Sg. Nangka		41
40	Kg Sg. Manggis		16

41	Kg Fatimah	MDKL	45
42	Jalan Raba Batu 6		1
43	Kg. Jln Segenting		2
44	Kg. Jln Rantau Panjang		21
45	Kg Jeti Kelanang		2
46	Kg. Tongkah		18
47	Jalan Serdang Belak		2
48	Kg Jalan Bandar Lama		16
49	Kg Kelanang		5
50	Simpang Morib, Taman Damai		1
51	Kg Sungai Raba		1
52	Kg. Tg. Sepat		6
53	Kg Tumbuk		3
54	Bersebelahan Taman Tg. Karang (Sg. Tengi)	MDKS	6
55	Jalan Bagan Pasir berhampiran Tmn Radin Mas, Tg karang		3
56	Bersebelahan Kg. Tok Adam		1
57	Belakang Maybank Tg. Karang		2
58	Jalan 3, Bunga Teratai		2
59	Persiaran UKM melalui Jln Sg Kajang Lama		1
60	Kunci Air Sg Kajang		2
61	Jalan Masuk Ke Kg. Bagan Tengkorak		3
62	Jalan Puding, Kg Kilat		4
63	Jalan Bagan Tengkorak		3
64	Parit 1, Sg Sireh		6
65	Parit 3, Pantai		4
66	Parit 4, Sg Burong		1
67	Sepanjang Jln Ban Canal menghala Sg. Burong		2
68	Rancangan Tanah Revolusi Hijau		6
69	Jln Kg Tengah berhampiran dgn simpang Asam Jawa		6
70	Jalan Datuk Hj Harun belakang Taman Impian Sg. Buloh		30
71	Jalan Lee Tiam beng, Taman Belida		16
72	Jalan Bukit Panjang, Tmn Mesra Jeram		26
73	Kg Keretapi Bukit Badong		64
74	Kg Merbau Indah		34
75	Kg Teluk Piah		7
76	Jalan Jawa Selangor Estate		62
77	Sepanjang Jalan Belakang Tmn Sentosa hingga Taman Pancaran		23
78	Jalan Bukit Belimbing		4
79	Jln Raja Musa berhampiran simpang Taman Manickavasagam		13
JUMLAH			**2,542**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : INDUSTRI AERO ANGKASA

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor memberikan tumpuan kepada Industri Aero angkasa, apakah usaha kerajaan untuk memperlengkapkan tenaga kerja atau pelatih dalam industri ini?

b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi pengambilan tenaga manusia dikalangan golongan muda yang keciciran?

c) Apakah bentuk latihan kemahiran yg ditawarkan?

JAWAPAN:

a) Pihak Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa industri Aero Angkasa adalah salah satu industri yang beropetensi untuk berkembang di Negeri Selangor dan merupakan antara industri tumpuan utama untuk dibangunkan di Negeri Selangor. Ini berdasarkan faktor kedudukan Negeri Selangor yang strategik sebagai destinasi pelaburan disamping dengan kemudahan infra yang lengkap.
Kerajaan Negeri telah menubuhkan Selangor Aerospace Council untuk memacu dan memperkasakan industri aero nagkasa di Negeri Selangor sebagai salah satu industri yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi negeri dan menjadikan Selangor sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia.

Selangor Aerospace Council berperanan untuk;-

i. Menentukan halatuju industri Aero Angkasa Smart Selangor.
ii. Menentukan bidang-bidang industri Aero Angkasa yang perlu diberi keutamaan.
iii. Merancang polisi pembangunan modal insan di dalam industri Aero Angkasa di Negeri Selangor
iv. Merancang dan membentuk Smart Selangor Aerospace Blueprint & Action Plan

Bagi menyediakan penawaran tenaga kerja mahir dalam industri ini, pihak Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pusat-pusat latihan sedia ada yang menawarkan kursus atau latihan dalam industri penerbangan seperti Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT)

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melihat potensi peluang-peluang kerjasama antara pihak Unisel dan pihak industri yang berkaitan untuk menyediakan program latihan atau kursus dalam bidang aero angkasa bagi melahirkan pekerja mahir untuk industri tersebut.

b) Antara perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi pengambilan tenaga manusia terutamanya golongan muda yang keciciran ialah dengan melaksanakan program berikut;-

(i) Melaksanakan **Program Pembangunan Bakat** dengan kerjasama Selangor Human Resource Development Center (SHRDC) yang dikenali sebagai Program YES : *Youth Enhancement Strategy Selangor* (Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia Selangor). Program YES disasarkan kepada belia dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak berjaya ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk diberi peluang menjalani latihan persijilan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri.

(ii) **Program Kerjaya** berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dan satu Program Karnival Kerjaya (Job Fair 2016 secara besaran) di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan dengan mengadakan temuduga terbuka *(walk in interview)* oleh syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja.

(iii) **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)** bertujuan untuk membantu para siswazah dan rakyat Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam meningkatkan pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan samada dalam bentuk kemahiran umum *(softskill)* atau kemahiran teknikal sebagai contoh bidang keusahawanan seperti Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin, Jurubekam Klinikal Bertauliah Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendul dan laksa), Penyelengaraan Penyaman Udara, Penyelenggaraan Motosikal, Kesetiausahaan, Pemasaran Internet dan kontraktor binaan

kecil-kecilan. Peserta terdiri daripada suri rumah, pesara, belia dan ibu tunggal.

(iv) Menganjurkan **kursus dan latihan keusahawanan** untuk belia bagi memberi pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat - maklumat bantuan kewangan.

c) Sehingga kini masih belum program latihan kemahiran yang ditawarkan dan pihak Kerajaan Negeri masih meninjau potensi peluang-peluang kerjasama antara pihak Unisel dan pihak industri yang berkaitan untuk menyediakan program latihan atau kursus dalam bidang aero angkasa bagi melahirkan pekerja mahir untuk industri tersebut mengikut keperluan pihak industri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PREMIUM RUMAH KEDAI YANG MELAMPAU TINGGI

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jumlah rumah kedai di Pekan Sekinchan yang bakal tamat tempoh pajakan 60 tahun.

b) Sila nyatakan kenapa kadar penilaian semasa JPPH meningkat dengan mendadak setiap tahun.

c) Sila huraikan insentif yang bakal diberikan oleh KNS untuk meringankan bebanan rakyat.

JAWAPAN:

a) Berdasarkan maklumbalas dari Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Sabak Bernam, terdapat **7 lot** perniagaan yang akan tamat tempoh pajakan 60 tahun di Pekan Sekinchan. Jumlah keseluruhan rumah kedai di Pekan Sekinchan pada masa ini adalah sebanyak **235 lot**.

b) Peningkatan kadar penilaian semasa yang mendadak adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut:-

i. Terdapat permintaan yang tinggi dalam pasaran hartanah.
ii. Pembangunan pesat sesebuah kawasan akibat daripada penambahan infrastuktur.
iii. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan peningkatan jumlah pelaburan domestik serta antarabangsa.
iv. Kestabilan sosio politik di bawah pentadbiran kerajaan sedia ada.
v. Aktiviti spekulasi yang meluas oleh pelabur hartanah.

c) Berkaitan insentif yang bakal dberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam meringankan bebanan rakyat telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bertarikh 11 Julai 2016. Hasil daripada maklumbalas, mesyuarat telah bersetuju dengan kajian yang telah dijalankan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan perkara ini akan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Kaedah Pertama
Bayaran premium nominal RM10,000.00 per hakmilik

Kaedah pertama ini akan dikenakan sekatan khas iaitu hartanah tidak boleh dijual selagi bayaran khas tidak dijelaskan mengikut pengiraan premium biasa (3/4 x 1/100 x nilaian pasaran yang diluluskan x tempoh pajakan)

Kaedah Kedua

Diskaun 30% jika premium dibayar sekaligus dalam tempoh 6 bulan (andaian tempoh bayaran premium adalah satu tahun)

Pemberian diskaun adalah bertujuan memberi galakan kepada pemohon supaya menyelesaikan bayaran premium dengan kadar segera sepertimana insentif yang diberikan dalam skim pemberimilikan bagi tujuan bangunan kediaman.

Kaedah Ketiga
Pengurangan tempoh pajakan tanah daripada 99 tahun kepada 60 tahun. Ini akan menyebabkan jumlah premium yang perlu dibayar berkurang 40%

Kaedah ini telah dilaksanakan melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bil. 4/2003 dan seterusnya dalam Pekeliling PTGS 1/2016 – Kaedah Pembayaran Premium dan Premium Tambahan bagi pemberimilikan tanah dan pembangunan tanah di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : RIZAB AIR TERAWAT

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah rizab air terawat yang mampu dihasilkan kini?

b) Apakah jumlah ini mencukupi mengikut piawaian?

c) Apakah langkah bagi memastikan bekalan air mencukupi terutama di waktu puncak?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan purata pengeluaran harian bulan Jun 2016, iaitu 4,813.51MLD dan dibandingkan dengan kapasiti boleh agih semasa, iaitu 5027MLD, rizab bekalan air terawat semasa adalah **4.25%.**

b) Jumlah ini masih kurang daripada rizab air terawat yang diperlukan iaitu **15%** mengikut sasaran/KPI yang ditetapkan oleh SPAN.

c) Pada masa ini beberapa tindakan yang diambil untuk memastikan bekalan air mencukupi adalah seperti berikut:-

i) Mengguna pakai rizab bekalan air Projek Mitigasi 2.
ii) Memaksimumkan pengeluaran Loji-loji rawatan air.
iii) Melaksanakan pemantauan rapi terhadap paras kolam air dan jajaran paip air.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PERUNTUKAN PENDIDIKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA SWASTA

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah agihan peruntukan pendidikan bagi sekolah-sekolah agama swasta diselaraskan dan berdasarkan apa?

JAWAPAN:

a) Proses agihan peruntukan bantuan pendidikan bagi sekolah-sekolah agama swasta akan melalui beberapa peringkat seperti berikut :

(i) Peringkat pertama, permohonan oleh pihak sekolah kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan menyertakan butiran permohonan dan dokumen yang lengkap serta telah disokong oleh Pejabat Dun masing-masing.

(ii) Peringkat kedua, semua permohonan akan dibentangkan di dalam mesyuarat penilaian bantuan sekolah yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan dihadiri oleh Ahli Dewan Negeri atau Pegawai Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat bagi setiap kawasan Dewan Negeri. Mesyuarat ini dilaksanakan untuk mendapatkan input terperinci berkenaan permohonan yang di buat oleh sekolah-sekolah di kawasan masing-masing;

(iii) Peringkat ketiga, proses penilaian dan pertimbangan kelulusan agihan bantuan sekolah akan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan bersama pegawai-pegawai lain dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- rekod penerimaan bantuan pada tahun-tahun sebelumnya;
- jumlah pelajar dan guru;
- keadaan kewangan sekolah; dan
- keadaan infrastruktur sekolah.

(iv) Peringkat akhir adalah agihan bantuan di dalam bentuk cek melalui majlis agihan atau pejabat Ahli Dewan Negeri dan Pusat Khidmat Masyarakat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASAL DI BUKIT BANDARAYA SHAH ALAM

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu Orang Asal yang kembali masuk hutan untuk membuat penempatan mereka semula?

b) Apakah bantuan Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula Kampung Orang Asal?

c) Berapa peruntukan disediakan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : LEBUHRAYA LATAR DAN JALAN SAUJANA UTAMA

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini cadangan sambungan lebuhraya LATAR ke Lumut yang kini terhenti di Bukit Rotan Kuala Selangor?

b) Adakah kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk menangani kesesakan lalulintas di jalan Saujana Utama ke jalan Kuala Selangor pada awal pagi?

JAWAPAN:

a) Saya ingin menjelaskan bahawa, pembangunan sebarang projek berkaitan lebuhraya termasuklah lebuhraya LATAR ke Lumut seperti yang dibangkitkan adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya Kerajaan Persekutuan. Peranan Kerajaan Negeri hanyalah dalam memberikan kelulusan secara dasar terhadap jajaran lebuhraya yang dicadangkan, pemantauan ke atas cadangan jajaran untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Tempatan (RT) PBT yang terlibat, kelulusan di bawah Seksyen (4) dan Seksyen (8) Akta Pengambilan Tanah 1960 serta pewartaan jajaran sebagai rizab jalan.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan, lebuhraya ini akan bersambung dengan projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) yang sedang dalam pembinaan. Jajaran lebuhraya WCE akan melalui Sitiawan, Perak dan terdapat satu persimpangan bertingkat iaitu Persimpangan Bertingkat Sitiawan yang akan menghubungkan Lumut melalui jalan sedia ada. Cadangan sambungan lebuhraya LATAR yang terhenti ini akan dimulakan pelaksanaannya setelah Lebuhraya WCE siap dibina.

b) Untuk makluman Y.B., kesesakan lalu lintas seperti yang dibangkitkan berlaku di jalan laluan keluar dan masuk dari kawasan Bandar Saujana Utama ke Jalan Persekutuan FT54. Jalan ini melibatkan laluan di bawah bidang kuasa dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Permasalahan ini sedang dibincangkan dengan pihak yang terlibat supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik.

Untuk makluman Y.B. juga, Jalan Saujana Utama ke Jalan Kuala Selangor pula merupakan Jalan Persekutuan (FT54). Ini bermakna, semua perkara berkaitan

penyelenggaraan dan pelebaran jalan tersebut adalah di bawah kawal selia dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk mengemukakan permohonan peruntukan di bawah RMKe-11 kepada Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, permohonan berkenaan tidak diluluskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : RAYUAN TERHADAP PENGURANGAN PREMIUM TANAH

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar kerajaan terhadap permohonan pengurangan premium tanah khususnya terhadap penukaran syarat nyata tanah daripada tanah pertanian kepada tanah perdagangan, perindustrian atau perumahan?

b) Memandangkan premium yang perlu dijelas sangat tinggi, apakah dasar kerajaan untuk membantu pemohon?

JAWAPAN:

a), b)

Berdasarkan Pekeliling PTGS Bilangan 2/2012 telah menetapkan bahawa rayuan pengurangan premium tanah untuk permohonan pemberimilikan atau pengurangan premium tambahan untuk permohonan tukar syarat tanah adalah tidak dibenarkan. Pentadbir Tanah pula diberi kuasa untuk menolak secara penolakan ringkas atau *'summary rejection'* ke atas permohonan rayuan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PERINDUSTRIAN

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan status pelabur asing semasa ke dalam negeri Selangor dari segi jumlah dan kedudukan (ranking).

b) Senaraikan insentif yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi mengekalkan Selangor sebagai destinasi pelaburan.

c) Nyatakan kesan dasar teknologi hijau terhadap industri berat di Selangor.

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, sebanyak 51 projek perkilangan telah diluluskan MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 914,638,258. Dari jumlah ini sebanyak RM 436,443,339 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 478,194,919 daripada pelaburan asing. Sebanyak 2,933 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan.

Negeri Selangor mendahului Negeri-Negeri lain dengan mencatatkan bilangan kelulusan projek perkilangan tertinggi dengan 51 projek. Manakala dari jumlah nilai pelaburan ini Selangor menduduki tangga ke enam (6) dari segi jumlah nilai pelaburan.

b) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau galakan berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Insentif – insentif berbentuk kewangan yang diberikan kepada pelabur ketika ini adalah insentif yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Antara insentif utama yang ditawarkan adalah **Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan**.

Walaupun secara dasarnya tiada insentif atau galakan berbentuk kewangan yang ditawarkan, namun pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti

tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi samada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

c) Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan sumber semula jadi, serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Inisiatif untuk membangunkan dan melaksanakan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor adalah merupakan komitmen Kerajaan Negeri Selangor ke arah pembangunan ekonomi lestari dalam mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Melalui Dasar Teknologi Hijau Negeri Selangor, Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi tumpuan kepada 5 sektor utama bagi pembangunan teknologi hijau iaitu **tenaga, pengangkutan, bangunan, pengurusan sisa** dan **air** selaras dengan Pelan Induk Teknologi Hijau Negara.

Antara objektif pelaksanaan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan pelaburan hijau dan ekonomi hijau Negeri Selangor;
(ii) Menerapkan budaya hijau bagi menambah baik kualiti dan gaya hidup rakyat;
(iii) Mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kualiti alam sekitar;
(iv) Meningkatkan imej dan menjadikan Kerajaan Negeri Selangor sebagai negeri contoh yang mempelopori dan mengamalkan bidang teknologi hijau di Malaysia

Secara dasarnya, perlaksanaan dasar Teknologi Hijau Negeri Selangor tidak mendatangkan kesan yang besar kepada pertumbuhan industri berat di Selangor kerana;-

i. Perancangan pembangunan industri atau kilang dibangunkan mengikut garis panduan pembangunan yang ditetapkan dan di kawasan yang dikhususkan untuk industri berat sahaja.

ii. Memberi tumpuan kepada pertumbuhan sektor – sektor industri terpilih yang berpotensi serta mesra alam.

iii. Hala tuju pembangunan kawasan perindustri ke arah pembangunan lestari dan mampan yang menjadikan kehijauan taman sebagai salah satu ciri pembangunan kawasan perindustrian tersebut.

iv. Inisiatif pengusaha industri untuk mendapatkan status Green Building Indexs (GBI)

v. Menggalakkan pihak syarikat menggunakan teknologi terkini bagi mengurangkan kadar pencemaran udara.

vi. Pihak industri juga menyambut baik inisiatif ini. Sebagai contoh pihak Perodua mengeluarkan produk terbaru mereka iaitu Perodua Bezza yang merupakan kenderaan *EEV (Energy Efficient Vehicles)*. Manakala pihak UMW Toyota juga akan menghasilkan kenderaan EEV di kilang pengeluaran yang akan dibangunkan di Bukit Raja kelak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI SELANGOR

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan nama syarikat,nilai, tempoh kontrak untuk pemasangan CCTV serta lokasi pemasangan CCTV untuk mencegah jenayah mengikut pecahan PBT di Selangor

b) Adakan Kerajaan Negeri akan meneruskan kontrak penyewaan CCTV dibawah Kerajaan Persekutuan setelah tempohnya tamat?

c) Adakah CCTV berkesan dalam mencegah jenayah?

JAWAPAN:

a) dan b) adalah bersekali.

Sebanyak **414 unit** Kamera Litar Tertutup (CCTV) Negeri Selangor telah mula beroperasi pada bulan November 2013 di mana kontrak pemasangan CCTV secara *build operate and transfer* antara Kerajaan Negeri Selangor bersama syarikat GTC Global Sdn. Bhd. yang kini dikenali sebagai VADS Lfye Sdn. Bhd untuk anak syarikat Telekom Malaysia Berhad melibatkan kos sewaan untuk tempoh selama **20 tahun** sebanyak RM488,520.00 sebulan atau RM5,862,240.00 setahun dan penyelenggaraan dilakukan oleh pihak kontraktor sendiri. Jumlah CCTV Kerajaan Negeri Selangor yang dipasang mengikut PBT adalah:-

Bil.	PBT	Bilangan CCTV
1.	MBSA	50
2.	MBPJ	60
3.	MPK	60
4.	MPSJ	50
5.	MPS	50
6.	MPKj	60
7.	MPSp	50
8.	MDKL	10
9.	MDKS	8
10.	MDSB	8
11.	MDHS	8
12.	MPAJ	Tidak terlibat
Jumlah		**414**

Manakala senarai lokasi pemasangan CCTV mengikut PBT seperti di **Lampiran 1**.

c) Penggunaan CCTV ini didapati berkesan dalam menangani kejadian jenayah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh PBT. Dengan adanya CCTV yang ditempatkan di lokasi terpilih atau *hot-spot* oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis DiRaja Malaysia, tugas pemantauan dan rondaan ini sebahagiannya dapat dilakukan melalui sistem pemantauan kamera litar tertutup (CCTV). Dengan adanya pemantauan melalui CCTV di bilik-bilik kawalan PBT dan PDRM, pihak Polis dapat mengesan jenayah dengan lebih mudah.

Lampiran 1

SENARAI LOKASI PEMASANGAN CCTV NEGERI SELANGOR SETIAP PBT NEGERI SELANGOR

1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

BIL	LOKASI	No Kamera
1	Persiaran Masjid	CS01
2	Persiaran Permai dan Jln Plumbum (Tapak Pasar/Pintu Masuk I-City)	CS02
3	Hadapan Restoran Ani Sup Utara, Jalan Plumbum Z 7/Z, Seksyen 7	CS03
4	Giant Seksyen 7 Shah Alam	CS04
5	Jalan Platinum 7/60, Taman Tasik Seksyen 7	CS05
6	Jalan Tengku Ampuan Zabedah D 9/D (Banking Area)	CS06
7	Persimpangan Persiaran Kayangan dan Persiaran Masjid	CS07
8	Persiaran Kayangan, Bulatan Kayangan	CS08
9	Persiaran Sukan	CS09
10	Jalan Lompat Pagar 13 / 37, Extreme Park	CS10
11	Persiaran Sukan , TLK Stadium Shah Alam	CS11
12	Persiaran Bandaraya, Dataran Kemerdekaan	CS12
13	Persiaran Sultan, Dataran Shah Alam	CS13
14	TLK Utama/Laluan Diraja, Masjid SSAAS	CS14
15	Persiaran Perbandaran	CS15
16	Persiaran Dato Menteri, Taman Permainan Berhampiran Restoran Antan Batura	CS16
17	Persiaran Tasik	CS17
18	Jalan Perbandaran	CS18
19	Jalan Pelaburan, Stesen Bas Hentian Bandar	CS19
20	Jalan Setia Prima A U13/A	CS20
21	Persiaran Selangor , Dataran Otomobil Persiaran Selangor Seksyen 15	CS21

BIL	LOKASI	No Kamera
22	Jalan 16/3A (Pusat Komersial)	CS22
23	Persimpangan PUSPAKOM Seksyen 16	CS23
24	Jalan Sungai Rasau Seksyen 16	CS24
25	Jalan Jenulung 17 / 21 , Stesen Bas Ekspress Shah Alam	CS25
26	Jalan Pinang 18/A	CS26
27	Persimpangan Persiaran Jubil Perak dan Jalan Pinang 18/1	CS27
28	Jalan Parang 19/8 , Stesen Komuter Shah Alam	CS28
29	Jalan Singa 20/1	CS29
30	Jalan Pelaburan B/23 B	CS30
31	Persiaran Budiman	CS31
32	Jalan Ijok 26/5	CS32
33	Kawasan Perniagaan Jalan Batu Belah 27/96	CS33
34	Jalan Jenang 28/25 , Taman Awam Seksyen 28, Alam Megah	CS34
35	Persiaran Anggerik Vanilla, Kota Kemuning	CS35
36	Persiaran Kerjaya dan Jalan Hakim U1/24, Glenmarie	CS36
37	Jalan Mesra 1, Taman Mesra	CS37
38	Jalan Ilham U2/14	CS38
39	Persimpangan Jalan Monfort dan Jalan Sastera U2/1	CS39
40	Jalan Dinar G U3/G	CS40
41	Taman Permainan Flat Subang Perdana, Jalan Dinar F U3/F	CS41
42	Jalan Bulan BV U5/BV , Berhampiran 7-Eleven Subang Murni	CS42
43	Persiaran Atmosfera (Berhampiran Pejabat Tanah/Daerah Petaling)	CS43
44	Jalan Bukit Badak	CS44
45	Jalan Taman Subang Jasa 3, Pekan Subang	CS45
46	Persiaran Setia Alam	CS46
47	Persimpangan Persiaran Damai dan Persiaran Perbandaran	CS47

BIL	LOKASI	No Kamera
48	**Jalan 1A/1, Bandar Baru Sg. Buloh**	CS48
49	**Jalan Besar, Bandar Baru Sg. Buloh**	CS49
50	**Persiaran Bukit Abdul Rahman Putra 1/2**	CS50

2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

No.	No Kamera	Lokasi
1	C1	Jalan PJU 5/11, Kota Damansara
2	C2	Jalan PJU 5/2, Kota Damansara
3	C3	Jalan PJU 5/18,Kota Damansara
4	C4	Simpang 3 Jln PJS 6/2 dan Jln PJS 6/4
5	C5	Jalan Teknologi Sg Buloh 10A, Kota Damansara
6	C6	Jalan SS 25/2 Stesen LRT
7	C7	Jalan SS 24/2, Kelana Jaya
8	C8	Jalan Bahagia
9	C9	Dewan Orang Ramai Desa Sepakat PJS 3
10	C10	Bulatan Othman
11	C11	Bulatan Templer
12	C12	Jalan 8/1E (Hadapan Bangunan MCIS)
13	C13	Jalan PJU 1/42
14	C14	Jalan 14/22
15	C15	Jalan PJU 10/1, Damansara Damai
16	C16	Jalan PJU 1/45
17	C17	Sunway Emas Commercial Center
18	C18	Seksyen 17 – Jalan 17/1A
19	C19	Persiaran Tropicana
20	C20	Jalan Cempaka – Kg Kayu Ara
21	C21	Jalan PJS 6/5C
22	C22	Flat Impian Baiduri, Baiduri
23	C23	Jalan SS 3/29
24	C24	Jalan SS 3/39
25	C25	Jalan Teknologi 3/2
26	C26	Jalan Utara, Petaling Jaya
27	C27	Kondominium Palm Spring
28	C28	Jalan PJU 5, Padang Kota Damansara
29	C29	Pelangi Square
30	C30	Kelana Park View
31	C31	Jalan SS4C/15
32	C32	Jalan 23/15, Taman Sea
33	C33	Jalan 52/4, New Town Center
34	C34	Jalan Besar, Taman Medan
35	C35	Simpang Jalan Klang, Taman Sri Manja

No.	No Kamera	Lokasi
36	C36	Jalan Besar hadapan Sek. Taman Dato' Harun
37	C37	Jalan SS 2/75 (Jalan SS 2/66), Petaling Jaya
38	C38	Hadapan SK Kg Tunku
39	C39	Jalan 19/8 -Jalan Harapan (Jalan SS2/55)
40	C40	Persimpangan Jalan 21/19
41	C41	Jalan Tanjung Bandar Sri Damansara
42	C42	Jalan Cempaka Bandar Sri Damansara
43	C43	Jalan Dagang, Bandar Sri Damansara
44	C44	Persiaran Perdana, Bandar Sri Damansara, Sg Buloh
45	C45	Jalan SS20/10, Jalan Hospital Pakar Damansara
46	C46	Jalan PJU 8/5G, Damansara Perdana
47	C47	Jalan Teratai, PJU 6
48	C48	Jalan PJS 6/5F, Taman Desa Ria
49	C49	Jalan PJS 5/4, Taman Desa Ria
50	C50	Jalan Besar, Kg Lindungan Bulan, Jalan PJS 6/1
51	C51	Jalan PJS 3/23 Berhampiran Petronas
52	C52	Bulatan PJS 1, Jalan Petaling Utama
53	C53	Jalan Gasing (Simpang Esso-BHP)
54	C54	Simpang Jalan 5/8 dan Jalan Gasing
55	C55	Jalan Sultan
56	C56	Jalan 17/50
57	C57	Jalan SS21/60
58	C58	Jalan 21/37
59	C59	Bulatan Jalan Tandang / Jalan Templer
60	C60	Jalan Othman

3. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

No	No Kamera	Lokasi
1	C01	Jalan Perdana 3/1, Jalan Kekwa 1
2	C02	Jalan PU 7/5
3	C03	Taman Mawar, simpang Jln TK 5/32A, Jln tk 5/1
4	C04	Jalan Indah 2/1
5	C05	Jalan SS 17/1A
6	C06	Jalan Puchong Batu 14
7	C07	Jalan Prima 5/1
8	C08	Jalan Prima 5/4, Jalan Prima 5/6
9	C09	Jalan Saujana Puchong 3/11
10	C10	Jalan Keluar Puchong Gateway Exchange LDP
11	C11	Jalan Puchong Permai 2
12	C12	Jalan SS 14/3
13	C13	Jalan SS 14/2
14	C14	Jalan BPU 2
15	C15	Jalan SS 17/1A, Jalan SS 17/1D
16	C16	Jalan SS 19/2
17	C17	Jalan Putra Mahkota 7/7c
18	C18	Persiaran Putra Indah
19	C19	Jalan Putra Indah 9/16
20	C20	Jalan Putra Indah 9/1D
21	C21	Jalan Putra Bestari 2/1
22	C22	Jalan PJS 9/30
23	C23	Jalan PJS 11/28b
24	C24	Jalan PJS 7/15
25	C25	Jalan PJS 11/2
26	C26	Jalan SS 15/5G
27	C27	Jalan Indah, Taman Universiti
28	C28	Jalan BS 3/1
29	C29	Jalan SK 6/1
30	C30	Jalan BS 11/14
31	C31	Jalan 18/23
32	C32	Persiaran Puncak Jalil, Jalan Puncak Bukit Jalil
33	C33	Jalan Utama, Jalan SR 7/3
34	C34	Jalan TK 1/1, Jalan Taman Kinrara
35	C35	Jalan TK 1/11a
36	C36	Persiaran Serdang Perdana

No	No Kamera	Lokasi
37	C37	Jalan Kinrara 6e
38	C38	Jalan TPK 2/2
39	C39	Jalan Bandar Puchong Jaya
40	C40	Jalan TK 1/11a
41	C41	Jalan PPK 4
42	C42	Lebuhraya Damansara-Puchong / Jalan Layang - layang
43	C43	Jalan Indah 2/18
44	C44	Jalan Besar
45	C45	Hadapan Bazar Rakyat, Jalan SK 6/1
46	C46	Jln Prima Tropika & Jln Putra Permai Selesa Round about
47	C47	Jalan Muhibbah
48	C48	Jalan SB Indah 1/19
49	C49	Jalan Kuda Emas
50	C50	Jalan Sungai Besi

4. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

No	No Kamera	Lokasi
1	C1	Jalan PS 7, Persimpangan Selayang Prima, Selayang
2	C2	Persimpangan Persiaran 1 & Persiaran Pegawai, Jambatan Pejabat Tanah Gombak, Selayang
3	C3	Jalan Sungai Tua, Hentian Kedua, Hulu Yam
4	C4	Jalan 4, Kg Bendahara, Sg Tua
5	C5	Jalan 2/16, Bandar Baru Selayang
6	C6	Persimpangan Persiaran 3 & Persiaran 1, Bulatan Siantan
7	C7	Jalan Taman Samudra, Batu Caves
8	C8	Jln Batu Caves
9	C9	Persimpangan Jalan TIB 1/1 & Jalan TIB 1/4, Tmn Perindustrian Bolton
10	C10	Persimpangan Jalan SBC 5 & Jalan SBC 8, Tmn Samudra
11	C11	Lebuh Utama Sri Gombak, Taman Sri Gombak
12	C12	Jln Muhibah, Tmn Tasik, Taman Sri Gombak
13	C13	Jln SG 3/2, Pasar Taman Sri Gombak
14	C14	Jln 4, Persimpangan Taman Selasih, Greenwood Gombak
15	C15	Bulatan Lintang Tmn Sri Gombak
16	C16	Persimpangan Jln SG 1/2 & Jln SG 1/4
17	C17	Jln SG 1/2, Taman Sri Gombak
18	C18	Jln SG 3/18, Taman Sri Gombak
19	C19	Jln Terminal Putra, Taman Melati
20	C20	Jln Batu Caves, Taman Greenwood, Gombak
21	C21	Jalan Bersatu 6, Taman Bersatu, Rawang
22	C22	Jalan Bandar Rawang 10, Rawang
23	C23	Persimpangan Jln Mutiara 1 & Jln Seri Hijau 12, Rawang Mutiara
24	C24	Pusat Bandar Rawang, Giant Bandar Rawang
25	C25	Jln Welman,Pekan Rawang
26	C26	Jalan 1a, Pejabat MCA, Tmn Jati Rawang

No	No Kamera	Lokasi
27	C27	Jln Kuala Garing
28	C28	Jln Rawang Mutiara 2 , Rawang Mutiara
29	C29	Jalan Idaman 1, Rawang
30	C30	Jln Desa Utama Bandar Country Home, Rawang
31	C31	Jln Daya, Taman Daya
32	C32	Bulatan Taman Ehsan
33	C33	Persiaran KIP 2, Wangsa Permai
34	C34	Persimpanga Persiaran KIP Utama & Persiaran KIP 2
35	C35	Jalan Desa 1/4, Desa Aman Puri
36	C36	Hospital Sungai Buloh
37	C37	Persimpangan Jln Perdana Utama & Jln Perdana 1
38	C38	Jalan 54, Kawasan Tengah Padang KFC
39	C39	Jalan 5, Taman Desa Jaya
40	C40	Stesen Komuter Sungai Buloh
41	C41	Jln Kampung Baru Sri Kundang
42	C42	Persimpangan Jalan JKR B149 LATAR - Kundang
43	C43	Persimpangan Jln Puteri & Jln 7a/3
44	C44	Simpang masuk kota puteri seksyen 5, batu arang & rawang
45	C45	Persimpangan Pinggiran Lembah Hijau 1 & Jln Lembah Hijau
46	C46	Bulatan Batu Arang
47	C47	Persimpangan Jln Setia & Jln Tasik Biru 1
48	C48	Persimpangan Jalan Ciku & Lorong Melati, Kuang
49	C49	Persimpangan Jln Bkt Rahman Putra 1 & Jln BRP 2
50	C50	Persimpangan Jln Matang Pagar & Jln Impian

5. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

26	Projek Perumahan Golden Village Apartment Di Atas Geran No. 40140 Lot 10349, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Chong Hin Development Sdn. Bhd. (Digulung)

(ii) MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Projek Perumahan Di Atas Lot 175 Dan 12163, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.
2	Projek Perumahan 24 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, (**Taman Desa Sri Jentayu 1**) di atas Plot 15, LM 276 Lot 4324, Mukim Telok Panglima Garang,	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)

	Daerah Kuala Langat	
3	Projek Perumahan 25 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (**Taman Visi Nusa**) di atas Lot 2092, Bukit Changgang, Mukim Tanjung 12,Daerah Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.
4	Projek Perumahan 70 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat, Taman Sijangkang Perdana Di Atas GM 2073, Lot 679, Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.(Digulung)
5	Projek Perumahan Lot-Lot Banglo, Jalan Manggis, Batu 9, Di Atas Hakmilik Asal GM 1989, Lot 1647, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.
6	Projek Perumahan **Taman Desa Sri Saujana 1**, 44 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat dan 2 Unit Rumah Sesebuah Di Atas Lot 2159 GM 2751, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Projek Perumahan **Taman Desa Perwira**, 42 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Hakmilik Induk No. PM 2392, Lot 7736, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
8	Projek Perumahan **Taman Desa Lestari**, 28 Unit Di Atas Hakmilik Individu, Bukit Kemandol, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.
9	Projek **Taman Langat Utama 3**, Di atas Hakmilik Individu, HS(M) 16314 PT 17272, Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.

10	Projek Perumahan Rumah Berkembar Setingkat, Di bawah Pegangan Geran Induk, HS(M) 11973, PT No. 14269, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.
11	Projek Perumahan Berkembar Setingkat Di Bawah Pegangan Geran Induk LM 188, Lot 4208, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.
12	Projek Perumahan **Taman Desa Sri Permai 2**, Di Atas Hakmilik PM 1797, Lot No. 3055, Mukim Teluk Panglim Garang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd. (Digulung)
13	**Taman Saujana Panglima**, Sijangkang Di Atas Lot 7385 (Lot Asal), Mukim Bandar Sijangkang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)

c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas pemaju bermasalah dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya dikenalpasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah nama syarikat pemaju lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : BONUS UNTUK KAKITANGAN

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi bonus mengikut prestasi atau pencapaikan kerja penjawat awam, berbanding cara sekarang dimana semua mendapat bonus yang sama tidak kira prestasi kerja?

b) Apakah cara lain yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi insentif kepada kakitangan?

JAWAPAN:

a) Pemberian Bonus atau kini lebih dikenali sebagai Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Selangor termasuk di Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri merupakan suatu insentif daripada pihak Kerajaan Negeri bagi menghargai sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh penjawat awam. Pemberian BKK sebanyak dua (2) kali setahun ini juga dapat meringankan beban penjawat awam dalam membuat persiapan sambutan perayaan dan persiapan keperluan sekolah anak-anak.

   Berdasarkan semakan, penjawat awam Negeri Selangor menerima BKK paling tertinggi iaitu sebanyak 1 ½ bulan gaji berbanding penjawat awam di negeri-negeri lain mahupun Persekutuan yang hanya memberikan BKK sebanyak RM500.00.

   Dalam urusan pemberian BKK ini, Kerajaan Negeri telah menyenaraikan syarat-syarat kelayakan dan kaedah pembayarannya. Sehubungan itu, pegawai yang berprestasi rendah dan dikenakan tindakan tatatertib tidak layak menerima BKK ini.

b) Selain daripada BKK, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberikan insentif kepada Penjawat Awam Negeri Selangor adalah seperti berikut:

   i. bagi mengiktiraf penjawat awam yang memberikan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun penilaian dan boleh dijadikan sebagai *role model* di kalangan warga organisasi, Pentadbiran ini turut memberikan

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) setiap tahun bagi mewujudkan persaingan sihat antara warga organisasi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Hal ini kerana penghargaan APC ini hanya dihadkan kepada 8% daripada jumlah keseluruhan warga organisasi setiap tahun;

ii. bagi menzahirkan penghargaan kepada penjawat awam yang telah lama berkhidmat dan berprestasi cemerlang dalam tempoh perkhidmatan, Pentadbiran ini juga melaksanakan urusan **kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)** melibatkan anggota Kumpulan Pelaksana. Hal ini secara tidak langsung mampu memberikan suntikan motivasi dan semangat warga kerja dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa pada tahap yang cemerlang;

iii. DYMM Tuanku Sultan Selangor turut **menganugerahkan Bintang, Pingat dan Darjah Kebesaran** kepada penjawat awam pada setiap tahun bersempena sambutan Hari Keputeraan Baginda bagi menghargai sumbangan yang diberikan oleh penjawat awam;

iv. dalam menterjemahkan hasrat Kerajaan Negeri dalam melahirkan penjawat awam yang berilmu, Pentadbiran ini turut menawarkan **skim pinjaman pelajaran** kepada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA);

v. memberikan **latihan-latihan peningkatan kemajuan kerjaya** yang komprehensif kepada semua lapisan penjawat awam Negeri Selangor. Program-program latihan yang dilaksanakan telah diperkemas dengan nilai tambah dan selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Pentadbiran ini telah membangunkan Pelan Operasi Latihan (POL) yang diguna pakai oleh semua Jabatan / Agensi yang antara lain menekankan keperluan setiap penjawat perlu menghadiri latihan (bengkel / kursus / seminar) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun;

vi. merangka **Pelan Penggantian** *(Succession Pelan)* yang komprehensif terutamanya melibatkan jawatan-jawatan strategik agar kelangsungan tugas dan kepimpinan di sesebuah organisasi mampu diteruskan;

vii. melaksanakan **program pertukaran** (urusan peminjaman, pertukaran tetap, pertukaran sementara, pusingan kerja dan sebagainya) bagi menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman kerja penjawat awam di pelbagai Jabatan / Agensi. Dalam hal ini, seseorang pegawai boleh mempelajari amalan terbaik *(best practices)* di sesebuah Jabatan / Agensi dan mengurangkan ruang-ruang yang membolehkan tahap integriti seseorang pegawai dipertikaikan;

viii. menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan berkaitan **gaji minimum anggota perkhidmatan awam secara keseluruhannya telah dinaikkan** dengan mengambil kira perkembangan keadaan ekonomi semasa. Selain itu, kelayakan minimum pelantikan anggota perkhidmatan awam juga telah dinaikkan kepada minimum Penilaian Menengah Rendah (PMR) (daripada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebelum ini);

ix. membudayakan dan melaksanakan **Amalan Persekitaran Berkualiti 5S** di semua ruang kerja jabatan bagi memastikan semua penjawat awam bekerja dalam keadaan kondusif dan produktif;

x. **melaksanakan pensijilan MS ISO** bagi prosedur-prosedur tertentu di setiap jabatan dan bahagian di mana ia akan memudahkan penjawat awam melaksanakan tugasan dengan adanya *standard template* dan peraturan yang seragam. Melalui persijilan tersebut, penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan lebih licin dan teratur; dan

xi. Melaksanakan program Penilaian Penandaarasan Organisasi secara menyeluruh dengan penglibatan beberapa buah badan profesional dan agensi pusat seperti berikut:

- program **Penarafan Bintang** oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dilaksanakan secara dwitahunan,

- program penilaian **Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)** oleh Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dilaksanakan secara dwitahunan,

- program **Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor** yang dianjurkan saban tahun untuk membudayakan konsep inovasi dalam perkhidmatan awam.

- program **Penilaian Portal Dan Laman Web Rasmi Jabatan / Agensi** yang dilaksanakan setiap tahun yang menilai keberkesanan dan menambah baik perkhidmatan atas talian yang ditawarkan. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan setiap Jabatan / Agensi mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan atas talian sepenuhnya bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan kerja yang diberikan kepada orang awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB TASK FORCE TEBATAN BANJIR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa kalikah kekerapan pembersihan lumpur pada setiap aliran parit utama?

b) Apakah peningkatan dan kemajuan tebatan banjir telah dilaksana dilokasi-lokasi banjir? nyatakan lokasi.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : KESAN NILAI MATAWANG RINGGIT YANG MENURUN

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kesan pelaburan dalam dan luar negara di Selangor daripada menurunnya nilai Ringgit?

b) Apakah sektor yang memberi pulangan pelaburan kepada Selangor, masa kini?

c) Apa pelan tindakan Kerajaan Selangor dalam beralih industri 'labour intensive' kepada industri 'high tech'?

JAWAPAN:

a) Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan penurunan nilai Ringgit ketika ini, secara dasarnya ianya memberi kesan kepada aktiviti pelaburan samada kesan secara langsung atau tidak langsung seperti;-

Kesan Langsung.

i. Kos awalan pelaburan menjadi lebih kompetitif kepada pelabur asing kerana nilai matawang asing menjadi lebih tinggi berbanding nilai Ringgit Malaysia.
ii. Peningkatan kos pengeluaran kerana harga import bahan mentah yang tinggi disebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

Kesan Tidak Langsung

i. Penutupan kilang
ii. Penstrukturan syarikat bagi mengurangkan kos operasi syarikat.
iii. Penangguhan perancangan pelaburan baru atau pelaburan tambahan.
iv. Pengecilan tenaga kerja atau pemberhentian pekerja bagi industri yang terkesan.
v. Memperlahankan pertumbuhan sektor-sektor lain seperti hartanah, peruncitan, pengangkutan dan industri sokongan yang lain.

b) Berdasarkan statistik kelulusan projek perkilangan di Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, industri pembuatan produk berasaskan getah mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM **222,795,972** juta. Ini diikuti dengan industri pembuatan produk makanan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 203,045,450 dan industri pembuatan produk berasaskan bukan logam dengan RM 129,685,505.

c) Antara Pelan tindakan Kerajaan Selangor dalam beralih industri *Labour Intensive* kepada industri *High Tech* adalah seperti berikut;-

i. Menyediakan Selangor Industrial Master Plan sebagai panduan dan hala tuju pembangunan perindustrian di Negeri Selangor.

ii. Memberi tumpuan kepada sektor - sektor industri terpilih yang berpotensi untuk berkembang di Negeri Selangor seperti;-
   a. Industri Pembuatan Barangan Elektronik & Elektrik
   b. Industri Pembuatan Barangan Kelengkapan Kenderaan
   c. Industri Pembuatan Barangan Produk Makanan
   d. Industri Pembuatan Barangan Sains Hayat (*Life Sciences*)
   e. Industri Pembuatan Barangan Kejuruteraan & mekanikal (*Machine & Machinery*)

iii. Menggalakkan penggunaan automasi dalam proses pengeluaran bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga kerja yang ramai.

iv. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dan lengkap dengan infra yang menepati kehendak dan keperluan pelabur atau pihak industri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : MASALAH KEGIATAN JUDI HARAM DI SELANGOR

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membenteras kegiatan judi haram yang semakin berleluasa di negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Antara tindakan Kerajaan Negeri untuk membanteras kegiatan judi haram di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Kerajaan Negeri melalui **MMKN Ke 7/2016 pada 24 Februari 2016** bersetuju supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor melaksanakan tindakan pantas melalui **pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu dan serta merta bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan** terhadap pengusaha yang menyalahgunakan lesen Pusat Hiburan Keluarga / premis untuk tujuan perjudian. Antara agensi yang berkaitan adalah seperti berikut:-

1. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
2. Jabatan Imegresen;
3. Jabatan Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
4. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
5. Pejabat Agama Islam Daerah (PAID);
6. Pejabat Kesihatan Daerah; dan
7. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Sehubungan itu, pada suku tahun pertama 2016 pelaksanaan operasi bersepadu terhadap **229 buah premis** dilaksanakan di mana tindakan penyitaan sebanyak **6048 unit barang/peralatan** oleh PBT dan sebanyak **14 tangkapan** direkodkan.

ii) Kerajaan Negeri melalui keputusan **MMKN Ke 39/2014 pada 8 Oktober 2016** juga telah memaklumkan dan mengarahkan kepada semua PBT Negeri Selangor supaya lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang disalah gunakan sebangai pusat perjudian dibatalkan dan menutup premis tersebut sebagai tindakan tegas Kerajaan Negeri dalam membanteras kegiatan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PROGRAM INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pengantin yang telah memperolehi Insentif Perkahwinan Belia mengikut pecahan kaum sejak tahun 2013.

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula cara penyaluran insentif supaya pengantin boleh menerima insentif tersebut dalam masa sebulan selepas menghantar permohonan?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Bagi soalan Program Insentif Perkahwinan Belia, saya akan menjawab bersekali dengan soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Klang, Seri Andalas, Kuala Kubu Baharu dan Selat Klang.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumahtangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumahtangga.

Jumlah penerima insentif perkahwinan belia sejak diwujudkan bermula pada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah :-

STATISTIK PERMOHONAN 2013 – 2016 (SETAKAT APRIL 2016)

PERMOHONAN / TAHUN	LULUS		JUMLAH PENERIMA	JUMLAH KOS (RM)
	ISLAM	BUKAN ISLAM		
2013	4041	1911	5952	1,190,400.00
2014	4010	2441	6451	3,225,500.00
2015	4862	2693	7555	3,777,500.00
PERMOHONAN / TAHUN	**LULUS**		**JUMLAH PENERIMA**	**JUMLAH KOS (RM)**
	ISLAM	**BUKAN ISLAM**		
2016 (SETAKAT APRIL 2016)	3802	2378	6180	3,090,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				**11,283,400.00**

DATA PENDAFTARAN PERKAHWINAN NEGERI SELANGOR

Berdasarkan kepada data pendaftaran perkahwinan daripada Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), statistik golongan muda yang berkahwin setiap tahun di Selangor bagi yang beragama Islam adalah seperti berikut :-

DATA PENDAFTARAN PERKAHWINAN DARIPADA BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS) 2012-2015

DAERAH	TAHUN							
	2012		2013		2014		2015	
	L	P	L	P	L	P	L	P
KLANG	2622	2776	2624	2787	2826	2960	2175	2265
PETALING	1741	1802	1569	1879	2817	2931	1442	1483
SHAH ALAM	2547	2684	2739	2852	1789	1882	1173	1230
GOMBAK KUANG	823	847	869	930	841	837	696	703
GOMBAK KERAMAT	1647	1915	1645	1739	2031	2140	1375	1433
HULU LANGAT	2786	2744	2606	2680	3184	3099	2294	2371
HULU SELANGOR	824	859	971	1006	1009	1053	772	790
KUALA LANGAT	1140	1217	1199	1233	1119	1130	659	659
KUALA SELANGOR	1663	1290	1316	1386	1260	1346	1002	1042
SEPANG	649	577	636	676	727	774	585	614
SABAK BERNAM	1264	942	954	990	916	983	651	702
JUMLAH	**17706**	**17653**	**17128**	**18158**	**18519**	**19135**	**12824**	**13292**

PENILAIAN KERAJAAN TENTANG PRESTASI DAN KEJAYAAN PROGRAM

Program Insentif Perkahwinan Belia telah membantu untuk meringankan beban hidup pasangan yang baru mendirikan rumahtangga dengan peningkatan jumlah permohonan dan jumlah perkahwinan saban hari.

Seterusnya, dengan peningkatan jumlah perkahwinan, program ini telah dapat mengurangkan masalah sosial seperti pembuangan bayi, pergaulan bebas dan sebagainya yang semakin membimbangkan masyarakat pada masa kini.

Selain daripada itu, program ini juga dapat menggalakkan perkahwinan yang berdaftar yang sekaligus dapat menunjukkan kejayaan dan program ini perlu diteruskan pada masa akan datang.

DATA PENERIMA INSENTIF PERKAHWINAN TAHUN 2013 – 2016 MENGIKUT DUN

Penerima insentif mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri adalah seperti berikut :

STATISTIK PERMOHONAN MENGIKUT DUN 2013-2016

Bil	DUN	Jumlah Penerima Islam				Jumlah Penerima Bukan Islam			
	TAHUN	2013	2014	2015	2016	2013	2014	2015	2016
1.	BALAKONG	72	46	27	80	157	25	58	71
2.	BANGI	66	207	98	89	61	37	83	36
3.	BATANG KALI	9	23	64	71	28	7	53	22
4.	BATU CAVES	31	61	65	84	68	14	21	49
5.	BATU TIGA	100	64	92	102	58	15	12	28
6.	BUKIT ANTARABANGSA	22	11	68	13	5	3	10	1
7.	BUKIT GASING	7	68	52	4	21	73	35	16
8.	BUKIT LANJAN	20	8	6	56	28	12	98	14
9.	BUKIT MELAWATI	20	85	44	80	71	32	16	33
10.	CHEMPAKA	52	27	18	22	35	53	6	8
11.	DAMANSARA UTAMA	21	89	14	14	146	29	46	74
12.	DENGKIL	85	161	78	107	58	310	78	22
13.	DUSUN TUA	45	90	40	34	20	10	50	40
14.	GOMBAK SETIA	23	114	60	87	26	16	15	9
15.	HULU BERNAM	69	50	22	24	21	2	80	5
16.	HULU KELANG	23	47	30	88	11	32	97	9
17.	IJOK	9	63	31	58	69	19	10	41
18.	JERAM	50	93	150	93	21	3	89	12
19.	KAJANG	25	62	74	79	192	79	50	94
20.	KAMPUNG TUNKU	4	19	25	4	24	2	95	11
21.	KINRARA	27	10	12	15	62	54	39	66
22.	KOTA ALAM SHAH	24	26	20	22	115	14	15	36
23.	KOTA ANGGERIK	18	9	86	111	24	1	12	27
24.	KOTA DAMANSARA	70	30	95	61	54	15	14	33

Bil	DUN	Jumlah Penerima Islam				Jumlah Penerima Bukan Islam			
	TAHUN	2013	2014	2015	2016	2013	2014	2015	2016
25.	KUALA KUBU BAHARU	56	56	36	55	21	80	32	45
26.	KUANG	55	35	30	21	10	11	69	2
27.	TERATAI	16	12	58	21	48	26	12	151
28.	LEMBAH JAYA	10	222	41	52	52	22	32	10
29.	MERU	30	225	134	159	147	150	54	112
30.	MORIB	6	30	65	119	23	3	23	49
31.	PANDAMARAN	70	65	250	67	52	38	101	211
32.	PAYA JARAS	16	35	50	63	58	17	22	11
33.	PELABUHAN KLANG	15	250	59	63	84	80	250	70
34.	PERMATANG	20	57	89	49	58	5	85	15
35.	RAWANG	15	61	41	30	20	65	26	65
36.	SABAK	59	45	76	94	26	50	15	15
37.	SEKINCHAN	85	80	56	35	80	14	150	32
38.	SELAT KLANG	56	89	126	112	28	89	23	29
39.	SEMENTA	10	40	66	55	20	20	100	62
40.	SEMENYIH	17	70	67	37	76	35	11	49
41.	SERI ANDALAS	93	89	250	56	40	46	180	102
42.	SERI KEMBANGAN	16	50	10	62	52	9	32	70
43.	SERI MUDA	78	42	44	56	102	40	26	65
44.	SERI SERDANG	70	45	31	13	73	36	150	17
45.	SERI SETIA	51	165	21	23	178	14	150	16
46.	SIJANGKANG	10	28	107	87	41	16	102	15
47.	SUBANG JAYA	58	84	33	35	178	64	44	140
48.	SUNGAI AIR TAWAR	40	224	50	32	68	19	80	23
49.	SUNGAI BURONG	10	50	101	66	28	8	68	28
50.	SUNGAI PANJANG	50	50	135	130	103	12	29	16
51.	SUNGAI PELEK	60	30	22	14	60	60	15	37
52.	SUNGAI PINANG	90	83	15	142	80	24	46	50
53.	TAMAN MEDAN	30	86	49	53	28	9	30	12
54.	TAMAN TEMPLER	80	86	24	29	40	16	68	12
55.	TANJONG SEPAT	62	28	36	24	67	50	10	20
56.	TELUK DATUK	30	80	150	28	30	20	195	92
57.	LAIN-LAIN (*tidak melalui DUN*)	250	200	300	250	100	191	350	250
JUMLAH KESELURUHAN		**2506**	**4255**	**3893**	**3530**	**3446**	**2196**	**3662**	**2650**

PROSES PERMOHONAN PROGRAM INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

Kerajaan Negeri telah menambahbaik pengurusan sedia ada di mana tempoh 6 bulan yang diperlukan untuk kelulusan telah dipercepatkan kepada tiga (3) hingga empat (4) bulan. Tempoh tersebut diperlukan memandangkan borang permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri setiap hari adalah lebih kurang 150 permohonan. Seterusnya semakan perlu dibuat ke atas permohonan tersebut melalui sistem online bagi menentukan samada permohonan tersebut diluluskan atau ditolak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan serta dokumen-dokumen yang diperlukan telah dikemukakan bersama borang permohonan.

Seterusnya, jumlah permohonan yang telah diluluskan perlu dihantar kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan dan seterusnya dipanjangkan kepada Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk tujuan penyaluran insentif tersebut.

Walau bagaimanapun, proses penyaluran di Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan mengambil masa dalam tempoh sebulan untuk disalurkan kepada pemegang akaun Tabung Haji dan penyediaan Sijil Bank Simpanan Nasional (BSN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : KOS RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kos sebuah rumah prihatin yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri?

b) Berapakah rumah di bawah skim ini yang telah di bina sejak 2013?

JAWAPAN:

a) Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor merupakan antara portfolio ataupun program yang membantu rakyat miskin dan kurang berkemampuan untuk memiliki kediaman yang selesa dan selamat untuk diduduki. Program Bantuan Kerajaan Prihatin ini telah diwujudkan bagi meringankan bebanan kos sara hidup rakyat dalam memiliki kediaman sendiri. Program Bantuan Kerajaan Prihatin ini tertumpu pada mereka yang kurang berkemampuan dengan pendapatan seisi rumah kurang daripada RM3,000.00 sebulan, menduduki kediaman sendiri yang telah daif dan tidak selamat dan diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai. Secara tidak langsung, dengan program sebegini, ia dapat membantu mengurangkan bebanan sewa bulanan rumah yang dihadapi oleh pemohon sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat di Negeri Selangor yang berbilang bangsa dan kaum.

Di bawah Program ini, Kerajaan Negeri menyediakan dua jenis bantuan iaitu bina baru rumah 3 bilik yang dilengkapi dengan kemudahan bilik tidur, ruang tamu, ruang dapur, dan bilik air dengan kos RM35,000.00 bagi sebuah rumah dan bantuan membaikpulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bagi sebuah rumah bergantung kepada kerosakan yang dialami. Kelulusan permohonan diberi berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin mengikut keperluan dan bilangan tanggungan pemohon.

b) Selaras dengan misi dan visi Kerajaan Negeri dalam menjaga hak dan kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin telah membantu ramai keluarga melibatkan 9 daerah bagi memastikan mereka dapat mendiami rumah yang lebih selesa. Berikut adalah merupakan data terkumpul

penerima Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin merangkumi baikpulih rumah dan bina baru rumah dari tahun 2013 sehingga kini :-

BIL	DAERAH	TAHUN								JUMLAH MENGIKUT DAERAH
		2013		2014		2015		2016		
		BB	BP	BB	BP	BB	BP	BB	BP	
1	KLANG	29	9	1	1	8	6	-	-	54
2	PETALING	6	2	-	-	-	-	-	-	8
3	KUALA LANGAT	24	30	1	-	9	11	-	3	78
4	HULU LANGAT	-	-	7	3	-	-	-	-	10
5	SABAK BERNAM	-	1	13	39	-	-	-	5	58
6	KUALA SELANGOR	24	25	12	22	-	8	-	-	91
7	GOMBAK	-	-	2	7	5	5	-	2	21
8	HULU SELANGOR	9	7	-	-	3	7	-	-	26
9	SEPANG	-	-	12	10	-	-	-	3	25
JUMLAH KESELURUHAN		92	74	48	82	25	37	-	13	371

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	165
BP - Baikpulih	206
Jumlah keseluruhan	371

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : PROJEK PENCEGAHAN BANJIR

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status projek-projek untuk pencegahan banjir?

b) Bilakah projek-projek pecegahan banjir akan dimulakan dan tarikh dijangka siap?

JAWAPAN:

a) Projek pencegahan banjir di bawah RMK-11 bagi peruntukan pembangunan Tebatan Banjir merangkumi 20 buah projek dalam perlaksanaan dan 33 buah projek dalam kajian rekabentuk.

b) Sebanyak 33 projek pencegahan banjir sedang dalam kajian rekabentuk dijangka bermula pada penghujung tahun 2016 dan tarikh dijangka siap pada penghujung tahun 2018. Bagi projek-projek pencegahan banjir dalam pelaksanaan (sambungan dan baru) adalah sebanyak 20 projek dengan maklumat tambahan adalah seperti jadual berikut:-

BIL	TAJUK PROJEK	STATUS KEMAJUAN	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1.	Kerja-kerja menaiktaraf Sungai Kedondong dan Kerja-kerja berkaitan Daerah Petaling	Peyelarasan semula lot-lot rumah yang terlibat dalam jajaran sungai.	02.12.2015	31.05.2017
2.	Projek RTB Kg. Melayu Subang Di Sungai Pelempas Dan Kerja – kerja Berkaitan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1)	Kerja-kerja pembersihan tapak sedang dijalankan.	13.04.2016	11.10.2017
3.	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Sungai Kandis, Daerah Klang.	Kerja-kerja pembersihan tapak sedang dijalankan.	13.4.2016	11.10.2017

BIL	TAJUK PROJEK	STATUS KEMAJUAN	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
4.	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Persiaran Hamzah Alang, Daerah Klang	Kerja-kerja pembersihan tapak sedang dijalankan.	13.04.2016	11.10.2017
5.	Kerja - kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Dalaman Kampung Pulau Meranti Serta Kerja - kerja Berkaitan, Daerah Sepang, Selangor (Pakej 1 - Gred 4)	Dalam pelaksanaan	21.10.2015	19.10.2016
6.	Menaiktaraf Ban, Borrowpit dan Kerja - kerja Lain Yang Berkaitan Di Sungai Sepang Besar, Daerah Sepang.	Projek telah siap sepenuhnya.	23.7.2014	20.1.2016
7.	Kerja - kerja Rancangan tebatan banjir Sg. Bernam serta kerja - kerja berkaitan Di Sg. Kg. Nilam - Kg. Paya Lebar dan Kg. Sg. Sentang. Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor.	Projek telah siap sepenuhnya.	07.01.2015	24.05.2016
8.	Projek membina sebuah Arch Culvert dan kerja-kerja berkaitan di Sg. Batu Tiga, Daerah Petaling.	Kerja-kerja membina ‘abutments arch bridge’ sedang dijalankan.	23.07.2014	21.07.2015
9.	Kerja membaikpulih struktur utama Sg. Rasah dan kerja-kerja berkaitan di I-City/ Plaza Tol Sg. Rasah, Daerah Klang	Kerja-kerja membina ‘concrit wall’ dan membaiki tebing sedang dijalankan.	29.05.2014	17.09.2015
10.	Kerja membina lencongan dari Sg. Rasah ke Tasik Ladam Sg. Klang dan membina rumah pam di Kunci Air Tasik Ladam Padang Jawa dan kerja-kerja lain yang berkaitan.	Kerja-kerja membina rumah pam dan rumah TNB sedang dijalankan.	19.11.2013	18.05.2015
11.	Membina dan menyiapkan sebuah kolam takungan dan kerja-kerja berkaitan di Bukit Bandaraya, Daerah Petaling.	Projek telah siap sepenuhnya.	23.7.2014	21.04.2015
12.	Kerja menaiktaraf sistem saliran Kg. Air Kuning dan kerja-kerja berkaitan di Plaza Tol Sg. Rasah Daerah Klang.	Projek telah siap sepenuhnya.	24.12.2014	10.06.2015
13.	Membekal, menghantar, memasang, mengujijaya dan mentauliah pam skru archimedian untuk JPS Selangor.	• Kerja Telah siap		

14.	Cadangan tebatan banjir di Jalan Sungai Rasah dan padang Jawa, Daerah Klang. (Mengantikan jambatan di atas Sungai Rasah di KM 5.6)	• Dibawah seliaan dan pemantauan JKR		
15.	Rancangan tebatan banjir kawasan Kg. Sungai Serai, Mukim Hulu Langat.	EOT No.3 : Kerja-kerja membina 'capping beam' sedang dijalankan.	25.1.2015	24.05.2017
16.	Menaiktaraf Ban, Borrowpit dan Kerja – kerja Lain Yang Berkaitan Di Sungai Sepang Besar, Daerah Sepang	Projek telah siap sepenuhnya.	23.7.2014	20.1.2016
17.	Kerja Menaiktaraf Parit Utama Serta Kerja – kerja Berkaitan Di Kampung Tengah, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Projek telah siap	31.10.2014	30.06.2016
18.	Kerja – kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Kampung Johan Setia, Daerah Klang.	Projek telah siap sepenuhnya.	26.6.2014	11.11.2015
19.	Projek Tebatan Banjir Di Kampung Teluk Menegun, Daerah Klang.	Projek telah siap sepenuhnya.	31.10.2013	30.04.2015
20.	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Sungai Kubu, Mukim Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor.	Projek telah siap sepenuhnya.	01.07.2014	02.11.2015

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : SELANGOR HINDU *ENDOWMENT BOARD* (SHEB)

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah penubuhan SHEB merupakan bidang kuasa Kerajaan Pusat?

b) Apakah dasar dan pendirian Kerajaan Negeri terhadap penubuhan SHEB?

c) Apakah kerjasama atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi penubuhan SHEB?

JAWAPAN:

a) Ya, penubuhan SHEB jelas berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Dewan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa perundangan untuk menggubal suatu undang-undang bagi maksud menubuhkan SHEB. Kuasa untuk mentadbir hal berhubung "*hindu endowment"* adalah merupakan **kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan** dan bukannya Kerajaan Negeri. Manakala kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan penubuhan SHEB adalah tertakluk kepada **Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan** yang dibaca bersama **butiran 15(c) Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan**.

b) Penentuan dasar dan polisi Negeri telahpun ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang telah mengambil maklum serta bersetuju dengan justifikasi bahawa penubuhan SHEB adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan ia terpulang kepada dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan.

Dasar dan pendirian ini telah dimuktamadkan melalui keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan melalui Cabutan Daripada Keputusan MMKN Ke 5/2015 yang diadakan pada 4 Februari 2015** yang telah **menimbang dan menangguhkan** permohonan cadangan penubuhan SHEB.

Memandangkan cadangan penubuhan SHEB ini telahpun disuarakan, dibentangkan, dibincangkan, diperhalusi, dipertimbangkan dan diputuskan di peringkat MMKN dan telah turut dimaklumkan dalam **Persidangan Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ke-13/2015** dan sekali lagi telah dimaklumkan

dalam **Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Ke-13/2016**, maka Kerajaan Negeri Selangor telah berpendirian untuk berpegang kepada keputusan yang telah dibuat demi memelihara konsistensi tadbir urus dan pembangunan Negeri ini.

c) Pada peringkat awal cadangan penubuhan SHEB, Timbalan Ketua Menteri II Negeri Pulau Pinang telah mengutus surat dengan menyatakan kesediaan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghulurkan bantuan/kerjasama kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha penubuhan SHEB sebagaimana penubuhan ***Penang Hindu Endowments Board*** **(PHEB)** yang telah ditubuhkan di bawah Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu Bab 175 dan melaksanakan fungsi-fungsinya di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, pemakaian **Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu Bab 175** sepertimana yang terpakai ke atas PHEB adalah **tidak terpakai ke atas negeri Selangor**. Ini memandangkan undang-undang '*the Straits Settlements'* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Jajahan British hanya berkuat kuasa ke atas Singapura, Pulau Pinang dan Melaka dan diteruskan pemakaiannya selepas Semenanjung Malaysia mencapai kemerdekaan sebagai '*existing law'*.

Selain itu, **Unit Perlembagaan, Jabatan Peguam Negara, Malaysia** telah turut mengesahkan bahawa hal berhubung "*hindu endowment*" adalah di bawah bidang kuasa perundangan Parlimen dan Dewan Negeri Selangor tidak diperuntukkan kuasa untuk menggubal undang-undang bagi maksud menubuhkan SHEB.

Justeru itu, mengambil kira perbezaan ini dan akan wujud implikasi dari segi perundangan sekiranya SHEB ditubuhkan dan dibenarkan menjalankan fungsinya di Negeri Selangor khususnya dari sudut kesahannya atas ketiadaan keperluan dan peruntukan undang-undang untuk melaksanakannya, maka Kerajaan Negeri berkeputusan menangguhkan cadangan penubuhan SHEB.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : BAS SELANGOR

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa laluan tambahan terbaru dan di daerah mana?

b) Berapa buah bas keseluruhan yang digunakan setakat hari ini?

c) Berapa kos pembelian keseluruhan bagi setiap unit bas termasuk bagi bas laluan terkini?

JAWAPAN:

a) dan (b)

Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016, sebelas (11) laluan telah diperkenalkan dengan 34 buah Bas Smart Selangor digunakan di semua daerah kecuali Petaling Jaya. Jumlah tersebut turut meliputi lapan (8) laluan baru di Ampang Jaya, Kajang, Sepang, Kuala Langat, Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor serta tambahan sebuah bas bagi penambahbaikan laluan di Klang, bermula pada tahun ini.

c) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM12,317,278.64 bagi kos penyediaan keseluruhan 34 buah Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016. Kos ini adalah meliputi kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan sebanyak 6 peratus (6%). Kos sewaan seunit pula adalah sebanyak RM800 sehari termasuk kos penyelenggaraan dan urusan pengoperasian bas tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri menetapkan satu piawaian standard untuk menilai prestasi setiap DUN yang menjalankan Pusat Wanita Berdaya?

b) Mengapakah pelantikan calon PWB tidak di iklankan di media sebagai pilihan kedua Kerajaan Negeri?

c) Apakah cara orang awam boleh menilai prestasi seseorang PWB?

JAWAPAN:

Soalan a) dan c) dijawab bersekali

Kerajaan Negeri amat menitikberatkan soal kualiti dalam segenap aspek pengurusan. Dalam kaitan tersebut, Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor juga tidak terlepas dari penilaian prestasi bagi menetapkan mutu dan kualiti sesebuah PWB tersebut.

Bagi memastikan penilaian prestasi 56 DUN adalah selari dan seragam (*standard*), maka Kerajaan Negeri dibawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah menyediakan Manual Prosedur Operasi PWB yang memuatkan beberapa perkara penting antaranya :-

i. Peranan dan tanggungajawab penyeralas dan penyelia PWB;
ii. Tatacara pelaksanaan program PWB;
iii. Tatacara kewangan PWB; dan
iv. Kaedah penilaian prestasi

Manual ini juga turut menyediakan Borang Penilaian Prestasi Penyelia PWB bagi menilai prestasi penyelia berkaitan kemahiran dan kebolehan dalam melaksanakan tugasan sebagai penyelia PWB. Selain itu, operasi kehadiran dan prestasi penyelia akan dipantau dari semasa ke semasa.

Manakala orang awam pula boleh menilai prestasi PWB jika mereka menjadi peserta program-program PWB dan borang penilaian program akan diedarkan kepada peserta pada penghujung program bagi mendapatkan maklum balas peserta. Buat masa ini penilaian orang awam terhadap program-program PWB tidak diambilkira. Namun begitu, Pihak Kerajaan Negeri sentiasa terbuka menerima pandangan, maklumbalas, cadangan dan aduan daripada orang awam bagi proses penambahbaikan program PWB pada masa akan datang.

b) Pelantikan calon penyelia PWB tidak diiklankan di media kerana penyelia yang dilantik hendaklah mempunyai hubungan baik dengan pihak ADUN dengan tujuan membantu ADUN untuk menjalankan program-program pemberdayaan untuk wanita setempat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat cadangan untuk pelantikan calon penyelia PWB itu diiklankan di media, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan perkara tersebut di masa hadapan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : KEBUN KOMUNITI

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kebun komuniti mengikut setiap PBT.

b) Nyatakan implikasi kewangan setiap PBT dalam membina dan meyelenggara kebun komuniti.

c) Sejauh manakah perancangan kerajaan negeri dalam menambahbaik dan membangunkan kejiranan hijau di Selangor?

JAWAPAN:

a) Kebun komuniti atau kebun kejiranan merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan kejiranan sama ada diusahakan secara individu atau komuniti. Ia merupakan satu usaha yang boleh menggalakkan pengeluaran makanan tempatan dan menjadi sumber untuk bekalan hasil-hasil pertanian bagi kegunaan sendiri atau dijual bagi meningkatkan ekonomi komuniti di sesuatu kawasan. Selain itu, kebun kejiranan/komuniti ini merupakan langkah yang boleh dilaksanakan bagi menghijau dan mengindahkan kawasan persekitaran. Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT-PBT Negeri Selangor telah melaksanakan kebun komuniti di bawah Pelan Tindakan *Local Agenda* 21 (LA21) bagi menggalakkan aktiviti pertanian di kalangan penduduk bandar. Sehingga kini, terdapat **70 kawasan** yang terlibat dengan Projek Kebun Komuniti di kawasan PBT Negeri Selangor dengan pecahan mengikut PBT seperti berikut:-

PBT	Jumlah kebun komunti
MBSA	9
MBPJ	4
MPK	1
MPSJ	20

MPAJ	12
MPKj	4
MPS	6
MPSP	3
MDKL	2
MDKS	7
MDHS	2
MDSB	TIADA
JUMLAH	**70**

Jadual 1: Jumlah kebun komuniti mengikut PBT

b) Jumlah implikasi kewangan bagi setiap PBT dalam membina dan menyelenggara kebun komuniti adalah **RM1,489,720.50.** Perbelanjaan ini adalah termasuk penyediaan plot tapak, pembelian biji benih dan baja, pemasangan sistem penyiraman, kursus, kempen kesedaran dan aktiviti promosi melalui pertandingan yang dijalankan di antara kebun-kebun komuniti. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

PBT	**Jumlah pembinaan dan penyelenggaraan kebun komunti (RM)**
MBSA	374,000.00
MBPJ	754,000.00
MPK	TIADA
MPSJ	144,355.50
MPAJ	24,000.00
MPKj	32,000.00
MPS	70,000.00
MPSP	41,365.00

MDKL	10,000.00
MDKS	TIADA
MDHS	40,000.00
MDSB	TIADA
JUMLAH	**1,489,720.50**

Jadual 2: Jumlah pembinaan dan penyelenggaraan kebun komuniti mengikut PBT

c) Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik cadangan dan bersedia untuk untuk menambahbaik dan membangunkan kejiranan hijau di Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT-PBT Negeri Selangor bercadang untuk menggalakkan pengwujudan Pusat Kompos Setempat dan kebun komuniti di setiap PBT atau di taman-taman perumahan Negeri Selangor di bawah Pelan Tindakan Local Agenda 21 (LA21). Walau bagaimanapun, cadangan ini masih sedang diperhalusi sebelum ianya dapat dilaksanakan di semua PBT Negeri Selangor.

Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT-PBT Negeri Selangor ada memberikan galakan atau insentif kepada peserta kebun komuniti dengan menyediakan khidmat nasihat dan keperluan bahan tanaman seperti menyediakan plot tapak pertanian, membantu membuat persiapan tapak, mengedarkan biji benih dan baja serta memberi khidmat nasihat mengenai sistem penyiraman yang berkesan. Selain itu, PBT-PBT Negeri Selangor turut mengadakan pertandingan di antara kebun-kebun komuniti dan kempen kesedaran mengenai pertanian dalam bandar kepada masyarakat dengan kerjasama agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan seperti NGO.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : TANAH PERTANIAN DAN BANTUAN

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap tanah-tanah yang telah diusahakan untuk tujuan pertanian sejak sekian lama tetapi masih belum memiliki hak milik dan apakah bantuan yang boleh diberikan?

JAWAPAN:

a) Setakat ini kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian hanya memberi bantuan kepada tanah-tanah yang diusahakan secara sah sama ada tanah milik, disewa atau dipajak. Pengusaha yang tidak mempunyai hak milik perlu terlebih dahulu memohon hak milik daripada jabatan/agensi yang berkaitan bagi tujuan mendapatkan hak milik atau sewa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)

TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Pembakaran tempurung dan bahan toksid secara terbuka di Kampung Ijok oleh pengusaha2 mengakibatkan pencemaran alam sekitar dengan asap toksid dan bau busuk. Lapuran telah dibuat oleh Ketua Kampung dan Ahli Majlis. Apakah tindakan oleh PBT/EXCO untuk hentikan kegiatan ini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : KESAN EL-NINO KEPADA PESAWAH

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah sumbangan yang diberikan kepada pesawah padi di Selangor?

b) Senaraikan nama penerima dan jumlah sumbangan berkenaan sehingga Jun 2016?

JAWAPAN:

a) Dalam bencana el-Nino baru-baru ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah Sabak Bernam telah menunda jadual tanaman padi selama 2 minggu bagi mengatasi masalah air. Bancian telah dijalankan dan tiada kerosakan tanaman yang ketara akibat el-Nino terhadap tanaman padi pada peringkat awal. Bancian seterusnya akan dijalankan setelah habis musim menuai bagi mengenalpasti sama ada terdapat pengurangan hasil padi akibat el-Nino.

b) Tiada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : PENSTRUTURAN SEMULA INDUSTRI AIR

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan status terkini mengenai penstrukturan semula industri air

b) Jelaskan usaha yang telah dilakuakan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan industri air dalam negeri

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : KUOTA RUMAH SELANGORKU BAGI SETIAP DUN

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bolehkah diberi keutamaan rumah Selangorku di kuotakan pada setiap DUN dimana projek perumahan itu dibina didalam kawasan DUN masing-masing?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, kuota pembangunan rumah Selangorku dibina adalah berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut zon / kawasan pembangunan. Peruntukan kuota Rumah Selangorku dikenakan bagi pembangunan yang berkeluasan melebihi 2 ekar di Zon 1 manakala di Zon 2 melebihi 5 ekar. Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan adalah menjadi keutamaan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk memastikan kuota / pembangunan Rumah Selangorku ada dan dibina mengikut jadual yang telah ditetapkan. Berikut merupakan syarat / kuota pembangunan mengikut zon pembangunan berdasarkan Pekeliling Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) Bilangan 1 Tahun 2013 yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 1 Januari 2014.

1) Kawasan pembangunan perumahan mengikut **ZON 1** terletak dalam kawasan Lembah Klang yang meliputi kawasan berikut :

Bil.	Daerah	Mukim / Kawasan
1.	Petaling	Keseluruhan Daerah Petaling
2.	Gombak	Mukim Batu dan Hulu Kelang
3.	Klang	Mukim Klang

Bil.	Daerah	Mukim / Kawasan
4.	Hulu Langat	Mukim Cheras, Kajang, Ampang dan Semenyih
5.	Sepang	Kawasan Cyberjaya

2) Kawasan pembangunan perumahan mengikut **ZON 2** terletak dalam kawasan Lembah Klang, berpotensi pembangunan dan juga kawasan 'sub-urban' seperti berikut :

Bil.	Daerah	Mukim / Kawasan
1.	Gombak	Mukim Setapak dan Rawang.
2.	Hulu Langat	Mukim Hulu Langat, Beranang dan Hulu Semenyih.
3.	Klang	Mukim Kapar
4.	Sepang	Keseluruhan Daerah Sepang kecuali Cyberjaya.
5.	Kuala Langat	Keseluruhan Daerah Kuala Langat
6.	Kuala Selangor	Mukim Ijok, Kuala Selangor, Jeram, Batang Berjuntai (Bestari Jaya) dan Hujung Permatang

3) Kawasan pembangunan perumahan **ZON 3** terletak di kawasan luar bandar yang meliputi kawasan seperti berikut :

Bil.	Daerah	Mukim / Kawasan
1.	Kuala Selangor	Mukim Pasangan, Tanjung Karang dan Hulu Tinggi
2.	Hulu Selangor	Keseluruhan Daerah Hulu Selangor
3.	Sabak Bernam	Keseluruhan Daerah Sabak Bernam

4) Bagi memastikan pembinaan **RUMAH SELANGORKU** diseimbangkan mengikut kesediaan tanah di dalam zon-zon pembangunan, peratusan penyediaan rumah adalah berdasarkan kepada keluasan tanah seperti berikut :

Zon Pembangunan Perumahan	Keluasan Pembangunan Keseluruhan Projek (ekar) / Keperluan Penyediaan RUMAH SELANGORKU				
	2 – 5 ekar	5 – 10 ekar	10 – 20 ekar	20 – 50 ekar	50 ekar ke Atas
ZON 1	*20%	30%	40%	50%	50%
ZON 2	-	20%	40%	40%	50%
ZON 3	-	-	40%	40%	50%

** Hanya tertakluk bagi kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).*

Pengiraan % adalah berdasarkan kepada keseluruhan unit rumah yang dibina dalam sesuatu projek.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : HIJRAH SELANGOR

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah sasaran seramai 56,000 seluruh negeri dan 1000 peserta setaip DUN peserta telah tercapai, sila berikan penyertaan setiap DUN?

b) Jika belum, senaraikan faktor yg menyebabkan ianya masih tidak mencapai sasaran?

c) Apakah penyertaan ini akan ditambah?

JAWAPAN:

a) Sasaran seramai 56,000 peserta Hijrah Selangor adalah merupakan sasaran yang perlu dicapai pada Jun 2018. Sehingga kini, bilangan peserta Hijrah Selangor adalah seramai 23,463 orang, seperti berikut (pihak Hijrah Selangor sedang dalam proses mencetak CD makumat detail peserta Hijrah Selangor mengikut DUN dan akan diedarkan kepada semua DUN dengan segera):

KOD DUN	DUN	BIL
N01	SUNGAI AIR TAWAR	635
N02	SABAK	723
N03	SUNGAI PANJANG	1,124
N04	SEKINCHAN	658
N05	HULU BERNAM	264
N06	KUALA KUBU BAHARU	168
N07	BATANG KALI	1,068
N08	SUNGAI BURONG	751
N09	PERMATANG	471

KOD DUN	DUN	BIL
N10	BUKIT MELAWATI	357
N11	IJOK	298
N12	JERAM	620
N13	KUANG	253
N14	RAWANG	402
N15	TAMAN TEMPLER	396
N16	BATU CAVES	254
N17	GOMBAK SETIA	230
N18	HULU KLANG	146
N19	BUKIT ANTARABANGSA	47
N20	LEMBAH JAYA	447
N21	CHEMPAKA	311
N22	TERATAI	246
N23	DUSUN TUA	209
N24	SEMENYIH	335
N25	KAJANG	404
N26	BANGI	271
N27	BALAKONG	226
N28	SERI KEMBANGAN	240
N29	SERI SERDANG	504
N30	KINRARA	171
N31	SUBANG JAYA	206
N32	SERI SETIA	377

KOD DUN	DUN	BIL
N33	TAMAN MEDAN	496
N34	BUKIT GASING	82
N35	KAMPUNG TUNKU	55
N36	DAMANSARA UTAMA	240
N37	BUKIT LANJAN	214
N38	PAYA JARAS	675
N39	KOTA DAMANSARA	1,168
N40	KOTA ANGGERIK	557
N41	BATU TIGA	472
N42	MERU	371
N43	SEMENTA	500
N44	SUNGAI PINANG	301
N45	SELAT KLANG	275
N46	PELABUHAN KLANG	423
N47	PANDAMARAN	136
N48	KOTA ALAM SHAH	246
N49	SERI ANDALAS	506
N50	SRI MUDA	690
N51	SIJANGKANG	670
N52	TELOK DATOK	453
N53	MORIB	580
N54	TANJUNG SEPAT	266
N55	DENGKIL	847

KOD DUN	DUN	BIL
N56	SUNGAI PELEK	428
Jumlah		**23,463**

b) Berdasarkan gerak kerja Hijrah Selangor kini, pihak Pengurusan Hijrah Selangor yakin sasaran 56,000 peserta seluruh Selangor akan dapat dicapai pada Jun 2018. Bagi mencapai sasaran 56,000 peserta ini, Hijrah Selangor memerlukan DANA MODAL PUSINGAN sebanyak RM300 juta bagi tempoh tiga tahun setengah tersebut. Walau bagaimanapun, pencapaian sasaran yang telah ditetapkan ini, akan mengalami perubahan sekiranya peruntukan dana bagi sasaran pengeluaran pembiayaan, sebagaimana yang telah dirancang dan disasarkan tidak dapat diberikan kepada Hijrah Selangor.

Berikut adalah maklumat sasaran dan keperluan modal bagi mencapai 56,000 peserta/1000 peserta pada setiap DUN mengikut tahun.

	Perkara	**2015**	**2016**	**2017**	**Jun 2018**	**Jumlah**
A	Sasaran Bi. Peserta	15,145	16,800	16,800	8,400	57,145
B	Capai	15,145	8,318	0	0	23,463
C	Sasaran Jum. Pinjaman dikeluarkan	72,698,300.00	104,160,000.00	104,160,000.00	52,080,000.00	333,098,300.00
D	Capai	72,698,300.00	47,735,700.00	0	0	120,434,000.00
E	Kutipan Pokok Pinjaman	17,832,699.42	26,040,000.00	26,040,000.00	13,020,000.00	82,932,699.42
F (C-E)	Kurangan Dana	0.00	(78,120,000.00)	(78,120,000.00)	(39,060,000.00)	(195,300,000.00)
G	Anggaran Dana Tambahan Tahunan		65,100,000.00	65,100,000.00	65,100,000.00	195,300,000.00

Sehingga kini, Hijrah Selangor baru menerima dana sebanyak RM100 juta dan telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM120 juta (sebanyak RM20 juta adalah pusingan daripada kutipan bayaran balik) kepada 23,463 orang peminjam. Berdasarkan perancangan yang telah dibuat dan setelah mengambilkira anggaran kutipan bayaran balik setiap tahun, Hijrah memerlukan dana tambahan sebanyak RM65juta setahun (rujuk jadual dibawah). Memandangkan tempoh bayaran baik pinjaman hijrah adalah dari 1 tahun hingga 3 tahun maka, modal pusingan dana amat diperlukan bagi memastikan pencapaian 56 ribu peserta dicapai sebagaimana yang telah dirancangkan.

c) Pengurusan Hijrah Selangor begitu komited untuk memastikan sasaran 56,000 peserta pada Jun 2018 menjadi kenyataan. Ini bertepatan dengan Visi dan Misi Kerajaan Negeri Selangor untuk melebarluaskan lagi golongan kelas menengah dikalangan rakyat Negeri Selangor. Oleh yang demikian, sekiranya peruntukan Dana Modal Pusingan yang mencukupi (RM300juta) dapat diberikan kepada Hijrah Selangor, maka pihak Hijrah Selangor mampu menambah bilangan sasaran peserta mengikut DUN hanya dengan menggunakan semula dana pusingan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mohon menyatakan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terbaik di Selangor yang dinilai dalam tempoh 5 tahun terdahulu.

b) Apakah kaedah menentukan pencapaian terbaik sesebuah PBT?

c) Siapakah yang perlu bertanggungjawab jika sesebuah PBT gagal melaksanakan sesuatu tanggungjawab, peraturan atau kerja?
Terdapat pelbagai Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan yang bukan sahaja berupaya memperkukuhkan daya saing graduan, malahan dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka. Antaranya adalah seperti Boot Camp dan Program Graduate Employability Enhancement. Manakala program-program yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat melalui penajaan/ pembiayaan pendidikan pula adalah seperti Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor (untuk pelajar KUIS & UNISEL), Program Bantuan Sara Diri Pelajar (untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS), Program Kemahiran Teknikal (untuk pelajar INPENS), Program Tuisyen Rakyat, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah untuk Anak Pekerja Ladang, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/ IPTS) untuk Anak Pekerja Ladang dan Program Kecemerlangan UPSR untuk Anak Pekerja Ladang.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai aspek dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira gender dan etnik di samping memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

c) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sentiasa proaktif dan bersedia dalam menambahbaik dan mempelbagaikan program bantuan dari semasa ke semasa bagi membolehkan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu. Justeru itu, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang cadangan-cadangan atau syor-syor pihak GLC, NGO dan badan-badan agama untuk menjalankan kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri dalam sebarang program bantuan serta cadangan menyatukan semua program bantuan anjuran Kerajaan Negeri, GLC, NGO dan badan-badan agama. Namun begitu, keperluan untuk menyatukan semua program bantuan anjuran Kerajaan Negeri, GLC, NGO dan badan-badan agama pula perlu dikaji kesesuaiannya serta impaknya perlu dilihat dari pelbagai aspek bagi memastikan objektif/ matlamat utama penyatuan program bantuan dapat dicapai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM HIJRAH IBU TUNGGAL

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah ibu tunggal yang menyertai Program Hijrah pada tahun 2016 mengikut daerah.

b) Nyatakan jumlah ibu tunggal yang telah keluar dari garis kemiskinan selepas mengikuti program ini.

JAWAPAN:

a) Sehingga 15h Julai 2016, bilangan peserta ibu tunggal dikalangan peminjam Hijrah adalah seramai 1,787 orang. Berikut adalah data penyertaan ibu tunggal mengikut daerah:

Derah	Bil Peserta	Jumlah Pinjaman (RM)
GOMBAK	204	939,000.00
HULU LANGAT	209	1,289,000.00
HULU SELANGOR	98	545,000.00
KLANG	172	671,000.00
KUALA LANGAT	115	672,000.00
KUALA SELANGOR	164	913,000.00
PETALING	389	1,869,000.00
SABAK BERNAM	166	736,000.00
SEPANG	270	1,803,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	**1,787**	**9,437,000.00**

Pihak Hijrah Selangor telah merancang Program Pengembangan Usahawan 2016 di bawah seliaan Bahagian Khidmat Profesional. Program ini mensasarkan dana sejumlah RM31 juta bagi membantu golongan sasar yang terdiri daripada belia, siswa, orang kelainan upaya (OKU) dan **termasuklah ibu tunggal**. Berdasarkan Perancangan Program Pengembangan Usahawan ini, seramai 2,800 ibu tunggal yang terpilih akan diberikan latihan kemahiran dan bantuan pinjaman dengan nilai peruntukan sebanyak RM15,400,000.00.

Sehingga kini, pihak Hijrah Selangor sedang menunggu peruntukan program ini disalurkan dan sekiranya dana ini diterima, pihak Hijrah Selangor akan segera melaksanakan program ini. Walaupun begitu, pihak Hijrah Selangor telah melaksanakan pemilihan jurulatih-jurulatih yang bertauliah (anchor company) bagi menjamin kejayaan program. Juga *pilot project* bagi kemahiran urutan (30 orang), jahitan (30 orang) dan kiosk ayam goreng (30 orang) sedang dijalankan bagi menilai keberkesanan latihan dan pemantauan oleh *anchor company* yang telah dipilih.

b) Program Hijrah Selangor baru berumur 1 tahun 4 bulan. (tarikh pelancaran Hijrah Selangor pada Mac 2015), majoriti peserta-peserta Hijrah Selangor baru membuat satu kali pinjaman dan tempoh bayaran balik adalah dari 1 tahun hingga 3 tahun. Berdasarkan fakta ini, adalah dimaklumkan bahawa kajian keberkesanan keseluruhan program ini belum dapat dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : JETI NELAYAN TANJONG SEPAT BERKOS RM3.1 JUTA

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri rasa berbaloi membelanjakan RM3.1juta membina semula jeti nelayan Tanjong Sepat?

b) Mengapakah dua pengusaha Restoran Makanan berniaga disitu melebihi 30 tahun dihalau dan diarah menghentikan perniagaan sedangkan mereka merupakan perangsang ekonomi tempatan?

JAWAPAN:

a) Tindakan Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan sebanyak RM3.1juta untuk membina semula jeti nelayan Tanjong Sepat adalah sangat berguna dan memberi manfaat kepada semua pihak. Namun, pihak yang berkenaan perlu bekerjasama bagi memastikan ekonomi di kawasan tersebut terus dirangsang dan akan menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat tarikan pelancongan. Sebagai makluman semua, skop bagi kerja-kerja pembinaan jeti di Tanjong Sepat merangkumi meroboh dan membina semula jeti, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal untuk penggunaan Jib Crane (digunakan untuk mengangkut ikan) dan kerja pembaikan tebing.

b) Untuk makluman kedua-dua pengusaha ini mengusahakan kedai makanan laut di atas tapak tanah kerajaan tanpa membayar sebarang sewaan dengan fasiliti infrastruktur yang tidak sempurna. Sisa buangan dari tandas dan air basuhan yang dibina dilepaskan secara langsung ke dalam laut.

Kerajaan melalui Majlis Daerah Kuala Langat akan membina semula gerai makanan yang lebih teratur dengan kemudahan parkir kenderaan, ruang makan, tandas awam dan taman permainan kanak-kanak dengan dataran di hadapan laut. Ini bagi memastikan semua pihak dapat menikmati keindahan laut dengan kemudahan yang lebih baik bagi menjana ekonomi penduduk setempat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi bagi setengah tahun yang pertama 2016?

b) Sila nyatakan secara perbandingan prestasi pelaburan Negeri Selangor dengan Negeri-Negeri lain bagi setengah tahun pertama 2016?

c) Sila senaraikan 10 Negara utama yang membuat pelaburan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, sebanyak 51 projek perkilangan telah diluluskan MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 914,638,258. Dari jumlah ini sebanyak RM 436,443,339 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 478,194,919 daripada pelaburan asing. Sebanyak 2,933 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan.

b) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, Negeri Selangor mencatatkan jumlah nilai pelaburan sebanyak RM 914, 638,258 dengan 51 projek perkilangan yang diluluskan.

Negeri Selangor mendahului Negeri-Negeri lain dengan mencatatkan bilangan kelulusan projek perkilangan tertinggi dengan 51 projek. Manakala dari jumlah nilai pelaburan ini Selangor menduduki tangga ke enam (6) dari segi jumlah nilai pelaburan. Prestasi pelaburan secara perbandingan dengan negeri-negeri lain bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 seperti jadual berikut;-

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sabah	5	3,907	1,260,696,227	436,617,062	**1,697,313,289**
Sarawak	5	2,571	43,479,427	1,611,751,980	**1,655,231,407**
Penang	27	4,046	219,712,427	1,125,869,152	**1,345,581,579**
Johor	37	1,521	119,849,949	1,039,935,822	**1,159,785,771**
Perak	11	2,169	1,040,634,661	30,981,603	**1,071,616,264**
Selangor	**51**	**2,933**	**436,443,339**	**478,194,919**	**914,638,258**
Kelantan	1	376	0	276,079,000	**276,079,000**
Kedah	12	735	151,343,721	90,460,127	**241,803,848**
Pahang	4	487	196,333,124	39,211,064	**235,544,188**
Melaka	4	281	21,999,693	95,588,308	**117,588,001**
Negeri Sembilan	9	546	20,168,488	82,621,728	**102,790,216**
W. P. Kuala Lumpur	2	23	37,850,944	0	**37,850,944**
Terengganu	2	54	22,175,000	725,000	**22,900,000**
W. P. Labuan	0	0	0	0	**0**
Perlis					**0**
Jumlah	**170**	**19,649**	**3,570,687,000**	**5,308,035,765**	**8,878,722,765**

* Sumber : MIDA

c) Penglibatan pelabur asing yang membuat pelaburan di Negeri Selangor mengikut pecahan negara bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 adalah seperti berikut;-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM)
Singapore	4	687	191,830,823
United Arab Emirates (UAE)	1	35	69,256,700
Germany	1	106	52,909,375
Italy	1	101	52,050,000
Switzerland	1	52	44,191,000
India	1	77	38,609,845
Hong Kong	1	68	6,233,850
Netherlands	1	76	6,120,000
Japan	3	36	3,034,598
United Kingdom	1	7	2,420,600
British Virgin Island	1	2	2,178,831
Korea Rep.	1	2	319,802
Lain-lain	6	734	9,039,496
Jumlah	***	***	**478,194,919**

* Sumber : MIDA

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PELAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KAMPUNG TRADISI MELAYU

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk setiap kampung untuk mencapai piawaian infrastruktur dan kemudahan awam?

b) Bagi setiap kampung, adakah pelan menyeluruh untuk mencakupi perkembangan dan keperluan masa depan penduduk?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat pinggiran bandar adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar. Bagi memastikan kelengkapan dan kesempurnaan infrastruktur ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah kewangan yang besar khas untuk menampung kos pembaikan dan pengwujudan infrastruktur baru di kawasan kampung. Pada tahun 2016, jumlah peruntukan yang diberikan untuk penyelenggaraan jalan kampung dan menaiktaraf kemudahan asas desa adalah sebanyak RM15 juta. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan tersebut tidak dikhususkan terhadap sesebuah kampung. Peruntukan akan diberikan mengikut keperluan dan keutamaan projek-projek yang dijalankan.

b) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi setiap kampung di negeri Selangor adalah diwajibkan untuk menyediakan profil kampung yang mengandungi maklumat terperinci bagi sesebuah kampung. Maklumat ini meliputi senarai demografi penduduk, aktiviti ekonomi yang dijalankan di kampung serta kemudahan-kemudahan infrastruktur yang terdapat di kampung tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor sedang bekerjasama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor untuk menyediakan Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor.

Kajian akan dijalankan untuk menterjemah Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) ke peringkat Negeri Selangor, mengemaskini profil fizikal desa untuk memudahkan perancangan fizikal dilaksanakan, dan secara tidak langsung menyediakan sistem maklumat yang menggabungkan maklumat spatial dan bukan spatial untuk kegunaan pelbagai pihak ke arah merealisasikan pembangunan fizikal dan sosial desa yang berkualiti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PELAN MENYELURUH (BLUEPRINT) SALIRAN NEGERI SELANGOR

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun akan datang memerlukan pelan saliran yang rapi. Bilakah siap Pelan Menyeluruh Saliran bagi negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Sehingga hari ini, Pelan Menyeluruh Saliran bagi Negeri Selangor yang telah siap adalah 9 kajian. Senarai pelan induk tersebut adalah seperti di lampiran.

Untuk makluman, terdapat juga cadangan untuk menghasilkan dua (2) masterplan yang baharu dibawah peruntukan RMKe-11. Masterplan yang dirancang adalah ‘Kajian Saliran Bandar Daerah Gombak (melibatkan kawasan Selayang, Batu Arang dan Kuang) dan ‘Kajian Saliran Bandar Pekan Semenyih, Hulu Langat. Kedua-dua masterplan ini melibatkan kos atau peruntukan sebanyak RM 6 juta dan dijangka bermula pada tahun 2017.

Maklumat Tambahan:

Pelan Induk Saliran Bandar yang telah dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor ini boleh digunapakai dalam tempoh 5 (Lima) hingga 7 (Tujuh) tahun. Pelan induk ini dihasilkan mengikut keutamaan lembangan dan masalah yang sering berlaku di lembangan tersebut.

Bil	**Nama Kajian**	**Daerah Terlibat**	**Tahun**
1	Kajian Pelan Induk Saliran Untuk Bandar Klang	Klang	2009
2	Kajian Pelan Induk Saliran Untuk Sungai Buloh, Petaling	Petaling, Gombak	2009
3	Kajian Pelan Induk Saliran Untuk Bandar Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Seri Kembangan	Kuala Lumpur, Petaling	2009
4	Kajian Pelan Induk Saliran Sungai Rasau, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Sepang	
5	Kajian Pelan Induk Saliran Bagi Majlis Perbandaran Kajang, Hulu Langat.	Hulu Langat	2010
6	Kajian Sistem Saliran Di Bandar Banting, Kuala Langat	Kuala Langat	2012
7	Kajian Projek Tebatan Banjir Pelabuhan Klang	Klang	2012
8	Kajian Rancangan Tebatan Banjir Sungai Labu, Sepang	Sepang	
9	Kajian Rancangan Tebatan Banjir Sungai KFC, (Sg. Selingsing) Dengkil, Sepang.	Sepang	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah projek perumahan asnaf di tapak PKPS akan bermula?

b) Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk memohon perumahan tersebut?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, lawatan tapak bersama pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), LZS dan Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam telah diadakan bagi meninjau kawasan tanah tersebut. Perunding arkitek yang telah dilantik akan mengemukakan cadangan pembangunan untuk pertimbangan LZS. Di samping itu, LZS dalam proses mengumpulkan cadangan pembangunan dan projek ekonomi yang bersesuaian daripada pihak yang dikenal pasti sebelum langkah seterusnya dapat dilaksanakan.

b) Syarat umum bagi memohon perumahan tersebut adalah pemohon mestilah asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KESAN "BREXIT" TERHADAP IKLIM PELABURAN DI SELANGOR

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan Selangor menjalankan kajian terhadap kesan positif dan negatif sama ada jangka panjang atau pendek "Brexit" terhadap iklim pelaburan di Selangor khususnya pelaburan yang melibatkan para pelabur daripada United Kingdom?

JAWAPAN:

a) Pada masa ini Kerajaan Negeri masih belum menjalankan kajian terhadap kesan positif dan negatif samada jangka panjang atau pendek Brexit terhadap iklim pelaburan di Selangor khususnya pelaburan yang melibatkan para pelabur daripada United Kingdom.

Berdasarkan statistik kelulusan projek-projek perkilangan di Selangor daripada tahun 1987 hingga Mac 2016, pelabur - pelabur utama yang melabur di Negeri Selangor adalah para pelabur daripada Jepun (RM 24.235 bilion), Amerika Syarikat (RM 14.676 bilion), Singapura (RM 10.666 bilion), Jerman (5.695 bilion), Taiwan (RM 4.207 bilion) dan Korea (RM 3.735 bilion). Manakala pelabur daripada United Kingdom berada ditangga ke tujuh sebagai pelabur utama di Negeri Selangor dengan pelaburan bernilai RM 2.356 bilion.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : PROGRAM PWB

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Pihak manakah yang dilantik menguruskan program berstruktur PWB 10 modul yang menelan belanja kos RM 15 ribu bagi setiap DUN?

b) Apakah justifikasi dan garis panduan bagi meluluskan program?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri memandang serius dengan agenda Program Pemberdayaan Wanita di Selangor bagi meningkatkan keupayaan wanita Selangor dalam mengharungi arus globalisasi. Sehubungan itu, Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan satu badan yang bertindak sebagai agen penghubung Kerajaan Negeri dangan masyarakat akar umbi dalam melaksanakan program-program pemberdayaan wanita tersebut. Maka Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM1,680,000.00 setahun untuk disalurkan kepada Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor bagi melaksanakan program-program pemberdayaan wanita.

Dengan jumlah tersebut setiap PWB DUN telah mendapat agihan sebanyak RM30,000.00 dan telah disalurkan sepenuhnya kepada setiap PWB DUN. Sehubungan itu, tiada pihak yang khusus dilantik menguruskan program berstruktur dan tidak timbul isu berkenaan belanja kos RM 15 ribu bagi setiap DUN. Kerajaan Negeri memberi kebebasan kepada setiap PWB DUN untuk menjalankan program-program pemberdayaan wanita berskala kecil dan program berstruktur PWB 10 modul yang terkandung di dalam Manual Prosedur Operasi di DUN masing-masing. Berikut ialah 10 bidang fokus PWB Selangor :

1. Ekonomi Hawa
2. Hak dan Undang-Undang Wanita
3. Pendidikan dan Latihan
4. Kepimpinan
5. Sosial, Budaya dan Agama
6. Pembangunan Keluarga
7. Kesihatan dan Keselamatan Keluarga
8. Sukan dan Rekreasi

9. Pengarus Utamaan Gender dan Bajet Gender
10. Alam Sekitar dan Kepenggunaan

Fokus modul program berstruktur pada tahun 2015 yang telah dijalankan ialah kepimpinan, pengarus utamaan gender dan bajet gender, kesihatan dan keselamatan keluarga. Manakala fokus bagi tahun 2016 pula ialah ekonomi hawa serta hak dan undang-undang wanita. Modul selebihnya akan dijalankan pada tahun-tahun akan datang. Program berstruktur yang dilaksanakan di setiap DUN akan diuruskan oleh Penyelia DUN masing-masing dengan peruntukan maksimum sebanyak RM2,500.00 Pihak Kerajaan Negeri akan memberikan senarai penceramah program berstruktur kepada Penyelia PWB, jika Penyelia DUN mempunyai cadangan penceramah sendiri Penyelia boleh mengemukakan profil penceramah kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga untuk mendapatkan kelulusan.

b) Sebarang permohonan bagi mengadakan program oleh PWB sebagaimana yang telah digariskan didalam Manual Prosedur Operasi PWB perlulah mendapatkan kelulusan daripada YB EXCO terlebih dahulu. Program-program yang diadakan ini mestilah bertujuan supaya wanita setempat terutama suri rumah, ibu tunggal dan lepasan graduan yang masih menganggur, dapat menjana ekonomi daripada ilmu yang diberikan melalui program ini.

PWB digalakkan membuat program berskala kecil sahaja supaya bilangan program yang tinggi dapat dijalankan di setiap kawasan DUN. Selain itu juga, peserta lebih fokus dan tenaga pengajar boleh memberi perhatian yang lebih bagi program berskala kecil ini. Bagi program-program berskala kecil anggaran perbelanjaan program tersebut tidak melebihi RM2,500.00. Besarlah harapan Kerajaan Negeri supaya golongan wanita di Selangor ini mendapat manfaat daripada program-program PWB ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)

TAJUK : BINATANG LIAR

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Kampung-kampung di Ijok masih diganggu oleh monyet dan anjing liar mengakibatkan kerosakan harta benda, tanaman dan membahayakan penduduk. Masalah ini telah dibangkitkan di Dewan ini dahulu. Apakah langkah2 terkini Jabatan Perhilitan Negeri untuk membendung masalah kronik dan kritikal ini?

JAWAPAN:

a) Pihak MDKS membuat operasi tangkapan anjing liar secara "Inhouse" dengan kekerapan 2 kali seminggu. Tangkapan secara kontrak adalah bergantung kepada keperluan jika aduan yang diterima banyak. Manakala aduan monyet dilaksanakan oleh Jabatan Perhilitan.

b) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor sering menjalankan aktiviti kawalan gangguan hidupan liar berdasarkan aduan-aduan yang diberikan oleh penduduk di kawasan yang menghadapi masalah tersebut. Memandangkan Selangor merupakan negeri yang pesat membangun konflik gangguan hidupan liar semakin meningkat. Pihak Jabatan PERHILITAN menyediakan pelbagai saluran aduan iaitu:

i)melalui talian Careline Jabatan PERHILITAN iaitu 1-300-80-1010 yang boleh dihubungi setiap hari (termasuk cuti umum) dari 8 pagi hingga 12 tengah malam ATAU talian Hotline Jabatan PERHILITAN iaitu 1-800-88-5151 yang boleh dihubungi setiap hari (termasuk cuti umum) dari 8 pagi hingga 6 petang.

ii)bagi kawasan Ijok penduduk boleh menghubungi Pejabat PERHILITAN Negeri Selangor atau berhubung terus dengan Pejabat PERHILITAN Daerah Petaling / Pejabat PERHILITAN Daerah Sabak Bernam yang mengawal selia tindakan terhadap masalah gangguan hidupan liar berdasarkan kedudukan kawasan gangguan.

Semua maklumat di atas atau info tambahan yang berkaitan boleh didapati dari laman sesawang rasmi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia di www.wildlife.gov.my

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PROJEK MRT2

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pembinaan MRT2?

b) Nyatakan kesan positif MRT2 keatas lalu lintas sekiranya ia telah beroperasi kelak?

JAWAPAN:

a) Pembinaan MRT2 Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (SSP) merupakan projek yang dikendalikan MMC-Gamuda selaku *Project Delivery Partner (PDP)* yang dilantik. Majlis Pecah Tanah dijangka pada Ogos 2016 oleh YAB Perdana Menteri.

Status pembinaan MRT2 adalah seperti di bawah:

i. Projek MRT2 telah mendapat kelulusan Skim Rel Laluan pada 7 Oktober 2015;

ii. Pembinaan dijangka bermula Mei 2016 di mana pembinaan bagi Fasa 1 iaitu dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen MRT S09 ke Kampung Batu dijangka mula beroperasi pada Julai 2021 manakala bagi Fasa 2 iaitu keseluruhan laluan dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen MRT S36 di Putrajaya Sentral dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Julai 2022;

iii. Pada masa ini, projek MRT2 berada di peringkat perolehan dan penganugerahan tender (*tender award*). Syarikat yang telah dianugerahkan tender bagi pakej kerja adalah seperti di bawah:

- Pada Mac 2016, SunCon dan AZRB telah di award bagi Pakej Kerja Jejambat V201 dan V201 bernilai RM1.2 bilion dan RM1.44 bilion manakala pada Mei 2016, IJM telah dianugerahkan kontrak Pakej Kerja Jejambat V203 bernilai RM1.47 bilion;
- MRCB pula dianugerahkan kontrak bagi pakej kerja-kerja utama (Pakej Kerja Jejambat V210 bernilai RM648 juta) dan MMC-Gamuda dilantik sebagai kontraktor bagi Pakej Kerja Bawah Tanah bernilai RM15.47 bilion.

iv. MRT Corp dijangka akan mengumumkan penganugerahan kontrak bagi enam (6) Pakej Kerja Jejambat bernilai RM6 bilion pada suku pertama 2017. Tender akan dibuka bagi semua enam pakej berkenaan pada suku ketiga 2016; dan

v. Kerja-kerja awal pembinaan telahpun bermula sejak Jun 2016 bagi pakej V201 dan V202.

b) Projek MRT merupakan satu Projek penggerak Ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ianya projek infrastruktur awam yang akan dapat meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam kepada 40 peratus menjelang tahun 2030. Apabila beroperasi sepenuhnya pada suku kedua 2022, MRT2 dijangka akan membawa 529,000 penumpang sehari, sekaligus boleh mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian.

Dengan integrasi bersama semua rangkaian kereta api serta pengangkutan awam yang lain, ianya dijangka dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang terutamanya di jalan-jalan utama sepanjang laluan MRT2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PESTA SELANGOR

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah yang telah dibelanja oleh Kerajaan Negeri untuk menganjurkan Pesta Selangor di Bandar Utama?

b) Apakah respon orang ramai? Berapakah kupon telah dijual dan berapakah orang telah mengunjungi Pesta Selangor?

c) Bagaimanakah penganjur Priorities Yellow Event dipilih? Adakah tender terbuka dilaksanakan?

JAWAPAN:

a, b dan c)

Untuk makluman, acara ini bukan acara Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : ELAUN KOODINATOR PEMBANGUNAN MODAL INSAN (KPMI)

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa bulankah setahun elaun Koodinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang dibayar kepada mereka?

JAWAPAN:

a) Pada masa ini, elaun KPMI dibayar untuk tempoh 11 bulan sahaja iaitu bermula pada bulan Februari sehingga Disember. Tempoh pembayaran ini dilaksanakan berdasarkan jadual pengajian Tuisyen Rakyat yang hanya bermula pada bulan Februari setiap tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa rumah selangorku yang telah siap dibina mengikut kategori dari tahun 2008 hingga kini?

b) Berapa ramai pembeli yang tidak dapat pinjaman untuk membeli rumah Selangorku, walaupun telah ditawarkan?

c) Apakah rancangan Kerajaan untuk membantu mereka?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Y.Berhormat, berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dari tahun 2010 sehingga kini serta projek-projek yang telah mendapat kelulusan Kebenaran merancang (KM), terdapat sebanyak 2,546 unit rumah telah siap dibina dan sebanyak 13,804 unit rumah sedang dibina dan telah ditawarkan kepada pembeli. Perinciannya adalah seperti berikut :-

i. Projek yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 3, Bandar Baru bangi, Daerah Hulu Langat.	124 (Jenis B)
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak.	1,422 (Jenis B)
3.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	236 (Jenis B)
JUMLAH				**1,782**

ii. Projek yang telah disiapkan oleh pihak pemaju adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Sin Heap Lee Dev. Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Di Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	136 (Jenis B)
2.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
3.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)
JUMLAH				**764**

iii. Projek yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri dan telah ditawarkan adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)	Dis 2016
2.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	Dis 2016
JUMLAH				**233**	

iv. Projek yang sedang dibina oleh pihak pemaju swasta dan telah ditawarkan adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)	Dis 2016
2.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)	2018
3.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	Dis 2016
4.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)	2018
5.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)	2018
8.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	Dis 2016
9.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)	2018
11.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	408 (Jenis C)	2018

13.	MDKS	KL - Kepong Country Homes Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 851, Geran 39815, Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor.	304 (Jenis B) 327 (Jenis C) 224 (Jenis D)	2018
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015 & 2016					
14.	MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Di Atas hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD 15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	903 (Jenis C) 1,500 (Jenis D)	(Fasa 17A) 2018
15.	MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di Atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	870 (Jenis B)	2018
18.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	321 (Jenis C2) 240 (Jenis C2) 160 (Jenis C) 320 (Jenis D)	Ogos 2017
19.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)	Jun 2018
20.	MPK	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J) dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang	323 (Jenis C2) 372 (Jenis D)	Jun 2018

			Daerah Klang.		
21.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	750 (Jenis A) 1,508 (Jenis B) 1,467 (Jenis C1) 723 (Jenis C2)	Nov 2018
JUMLAH				**13,804**	

b) Daripada 1 Januari 2015 hingga 22 Julai 2016 seramai 10,158 orang pemohon telah berjaya ditawarkan Rumah Selangorku di seluruh Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut seramai 4,664 orang pemohon tidak dapat pinjaman daripada pihak bank untuk membeli Rumah Selangorku walaupun telah berjaya ditawarkan.

c) Bagi golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah bersedia membantu mereka dengan menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) akan menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim Dana-Sel ini juga akan ditawarkan kepada orang awam pada masa akan datang khususnya projek Setia Alam Fasa 3 di daerah Petaling dan Taman Putra Prima di daerah Sepang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : BEKALAN ELEKTRIK KE KAMPUNG ORANG ASLI HULU KEMENSAH

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah yang menghalang bekalan elektrik disalurkan ke Kg Orang Asli Hulu Kemensah?

b) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi tujuan ini?

c) Apakah bentuk kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Pusat agar bekalan elektrik disalurkan segera?

JAWAPAN:

a) Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Selangor ke Perkampungan Orang Asli di Batu 16, Hulu Kemensah adalah merupakan salah satu projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Projek daripada Kerajaan Persekutuan ini adalah di bawah pemantauan Jabatan Pembangunan Negeri Selangor (ICU). Pembangunan projek ini melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HS. Gombak (Tambahan)) dan tanah beri milik (persendirian).

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah meluluskan permohonan Permit Penggunaan bagi melaksanakan projek semenjak 2013 yang melalui HSK dengan keluasan 0.1 ha. Namun, projek ini tergendala kerana terdapat beberapa masalah yang timbul disebabkan beberapa pemilik tanah telah membuat tuntutan bayaran pampasan kerana talian elektrik tersebut melalui tanah mereka. Selain itu, pihak agensi Kerajaan juga belum membuat keputusan untuk memberi pemilikan/pemegang ke atas Permit Penggunaan tersebut.

Beberapa siri mesyuarat/perbincangan dan lawatan ke lapangan telah diadakan di antara wakil daripada pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)/Jabatan dari Kerajaan Persekutuan dan Jabatan-jabatan dari Kerajaan Negeri Selangor serta pihak Talian Nasional Berhad (TNB) telah diadakan, namun tiada penyelesaian. Akhirnya, pada bulan Julai 2016, perkara ini telah dapat diselesaikan apabila pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

telah bersetuju untuk membuat bayaran gantirugi dan pihak TNB memperakukan sebagai pemegang Permit Penggunaan tersebut.

b) Tiada, kerana projek ini adalah di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

c) Isu ini telah dianggap selesai dan menunggu pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah untuk membayar pampasan kepada pihak individu yang terlibat dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat kelulusan yang baharu bagi permohonan Permit Penggunaan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (PASSB)

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan PASSB pada tahun 2016?

b) Bagaimanakah pengurusan baharu ini dapat memastikan bekalan air negeri yang mapan berbanding syarikat konsesi yang lepas?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah Kerajaan akan melaksanakan pilihanraaya kerajaan tempatan sepertimana yang di janjikan didalam manifesto pilihanraya yang lepas?

JAWAPAN:

a) Pilihan raya Kerajaan Tempatan masih tidak dapat dilaksanakan kerana halangan dari sudut perundangan di mana Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor masih tertakluk di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang secara jelasnya dinyatakan bahawa Pilihan Raya Kerajaan Tempatan adalah tidak dibenarkan. Kekangan undang-undang ini tercatat di bawah seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Berdasarkan hal ini, Kerajaan Negeri perlu mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan bahawa enakmen pilihan raya kerajaan tempatan yang diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang pada 2012 adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 12/2010 yang diadakan pada 31 Mac 2010 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 13/2010 pada 7 April 2010 telah dibincangkan dan mantan Dato' Menteri Besar telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menerima surat dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyatakan SPR dan Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa mengadakan pilihan raya peringkat PBT bagi memilih Ahli Majlis.

Berdasarkan surat dari Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tersebut dan keputusan Mahkamah Persekutuan berkaitan dalam kes Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat meneruskan hasrat ini seperti yang dijelaskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : TEBATAN BANJIR

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh JKR/JPS bagi program tebatan banjir di Selangor sejak 2008

b) Banjir masih berulang, kawasan manakah yang menerima impak terbesar, apakah langkah yang diambil

c) Apakah tindakan yang bakal diambil jika banjir perpunca dari aktiviti pembangunan

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh JPS bagi program tebatan banjir di Selangor dibawah peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor mengikut tahun dari:

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2008	5,418,580.71
2009	1,899,213.66
2010	4,976,143.18
2011	24,028,714.91
2012	44,795,431.85
2013	28,639,906.61
2014	27,819,419.75
2015	33,073,362.75

Maklumat Tambahan:

Siri	Tajuk Projek	Kos Projek (RM)	Siling Peruntukan RM Ke-11 (RM)	Peruntukan Diluluskan 2016 (RM)	Jumlah Waran Diterima 2016 (RM)	Perbelanjaan sehingga JUN 2016 (RM)	Tanggungan sehingga JUN 2016 (RM)	Komitmen sehingga JUN 2016 (RM)
P.K 1	PEMBANGUNAN PROJEK TEBATAN BANJIR	420,500,040.00	295,000,080.00	46,800,080.00	45,032,880.00	5,876,815.83	53,012.61	5,929,828.44
	IBU PEJABAT	7,200,000.00	7,200,000.00	3,800,000.00	3,800,000.00	728.75	-	728.75
	DAERAH PETALING	35,000,000.00	35,000,000.00	12,000,000.00	11,068,200.00	477,537.84	53,012.61	530,550.45
	DAERAH GOMBAK	30,000,000.00	17,000,000.00	-	-	-	-	-
	DAERAH KLANG	215,000,000.00	118,000,000.00	29,500,000.00	26,132,600.00	3,191,927.98	-	3,191,927.98
	DAERAH KUALA LANGAT	-	-	-	-	-	-	-
	DAERAH HULU LANGAT	32,000,000.00	17,500,030.00	1,500,030.00	1,500,030.00	1,286,058.26	-	1,286,058.26
	DAERAH SEPANG	75,800,030.00	75,800,030.00	30.00	1,450,030.00	605,600.00	-	605,600.00
	DAERAH KUALA SELANGOR	3,000,000.00	3,000,000.00	-	-	-	-	-
	DAERAH HULU SELANGOR	9,500,010.00	9,500,010.00	10.00	1,082,010.00	314,963.00	-	314,963.00
	DAERAH SABAK BERNAM	13,000,000.00	12,000,010.00	10.00	10.00	-	-	-

Jadual diatas menunjukkan peruntukan bagi program tebatan banjir dan menaiktaraf saliran tahun 2016 dan siling peruntukan RMKe-11.

b) Sekiranya masalah banjir masih berlaku, kawasan Klang dan kawasan Kajang akan menerima kesan besar. Tindakan yang telah Kerajaan Negeri buat adalah dengan meluluskan sebanyak 24 projek bagi kerja-kerja tebatan banjir dan juga menaiktaraf saliran di dalam RMKe-11.

c) Berdasarkan kejadian banjir lumpur yang sering terjadi akibat daripada aktiviti pembangunan yang tidak terkawal, satu jawatankuasa telah ditubuhkan dengan nama ‘Pasukan Petugas Ops Lumpur’ yang merupakan salah satu bidang tugas di bawah Jawatankuasa Task Force Tebatan Banjir yang dipengerusikan oleh Y.B EXCO Tuan Zaidy bin Abdul Talib, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pemantauan ini bertujuan bagi memastikan syarat-syarat kerja tanah iaitu Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (Erosion and Sediment Control Plan) yang disyaratkan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dipatuhi oleh pemaju semasa peringkat kerja tanah bagi mengurangkan risiko banjir lumpur.

Siri	Tajuk Projek	Kos Projek (RM)	Siling Peruntukan RM Ke-11 (RM)	Peruntukan Diluluskan 2016 (RM)	Jumlah Waran Diterima 2016 (RM)	Perbelanjaan sehingga JUN 2016 (RM)	Tanggungan sehingga JUN 2016 (RM)	Komitmen sehingga JUN 2016 (RM)
P.K 2	**MENAIKTARAF SALIRAN**	**74,900,000.00**	**56,700,000.00**	**8,900,000.00**	**10,667,200.00**	**1,994,533.10**	**183,770.19**	**2,178,303.29**
	IBU PEJABAT	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH PETALING	**1,000,000.00**	**1,000,000.00**	**1,000,000.00**	**2,767,200.00**	**1,753,494.90**	**183,770.19**	**1,937,265.09**
	DAERAH GOMBAK	**14,000,000.00**	**14,000,000.00**	**500,000.00**	**500,000.00**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH KLANG	**54,700,000.00**	**36,500,000.00**	**6,000,000.00**	**6,000,000.00**	**241,038.20**	**-**	**241,038.20**
	DAERAH KUALA LANGAT	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH HULU LANGAT	**3,200,000.00**	**3,200,000.00**	**400,000.00**	**400,000.00**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH SEPANG	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH KUALA SELANGOR	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH HULU SELANGOR	**2,000,000.00**	**2,000,000.00**	**1,000,000.00**	**1,000,000.00**	**-**	**-**	**-**
	DAERAH SABAK BERNAM	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**

SENARAI KEAHLIAN OPS LUMPUR

BIL.	JABATAN	JAWATAN
1.	Y.B EXCO Tuan Zaidy bin Abdul Talib	Pengerusi
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor Dan JPS Daerah	Urusetia
3.	Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor	Ahli
4.	Semua Pejabat Tanah dan Daerah di Negeri Selangor	Ahli
5.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Ahli
6.	Lembaga Urus Air Selangor	Ahli

Maklumat Tambahan:

PEMANTAUAN OPS LUMPUR 2015

i. Berdasarkan tahun pertama dalam penubuhan kembali pasukan petugas ops lumpur setelah terhenti pada tahun 2005, JPS Selangor telah menjalankan pemantauan sebanyak **16 kali**, lawatan dibuat diperingkat JPS Selangor dan JPS Daerah kemudian baru disusuli dengan agensi-agensi yang terlibat.

PEMANTAUAN OPS LUMPUR (JANUARI HINGGA JULAI) 2016

Sasaran Pemantauan 2016

Bil	Jabatan	Keluasan Tapak Projek	Jumlah Lawatan Tapak (setahun)
1.	JPS Selangor	11 ekar ke atas	10
2.	JPS Daerah Petaling	10 ekar ke bawah	6
3.	JPS Daerah Klang	10 ekar ke bawah	6
4.	JPS Daerah Gombak	10 ekar ke bawah	6
5.	JPS Daerah Sepang	10 ekar ke bawah	6
6.	JPS Daerah Hulu Langat	10 ekar ke bawah	6
7.	JPS Daerah Hulu Selangor	10 ekar ke bawah	4
8.	JPS Daerah Kuala Selangor	10 ekar ke bawah	4
9.	JPS Daerah Kuala Langat	10 ekar ke bawah	6
10.	JPS Daerah Sabak Bernam	10 ekar ke bawah	4
Jumlah Keseluruhan :			**58**

i. Jumlah pemantauan yang telah dijalankan pada tahun 2016 dan disertai oleh jabatan yang terlibat adalah sebanyak **17 kali (Januari hingga Julai).**

ii. Hasil daripada lawatan tersebut terdapat 2 pemaju yang patuh dengan mengikut arahan dalam kelulusan kerja tanah, manakala 15 pemaju melanggar syarat-syarat kelulusan dengan pelbagai kesalahan semasa peringkat kerja tanah.

TINDAKAN PERUNDANGAN MENGGUNAKAN AKTA DAN ENAKMEN (JANUARI HINGGA JULAI) 2016

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974, - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. – Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Enakmen Luas No. 2 1999. – Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

Bil	Jabatan	Surat Arahan Pembetulan	Notis Berhenti Kerja	Kompaun / Denda	Tindakan Mahkamah	Dalam tindakan Jabatan terlibat
1	Majlis Perbandaran Selayang	**1**				
2	Majlis Perbandaran Kajang	**1**				**2**
3	Majlis Perbandaran Klang	**1**		**1**		
4	Majlis Daerah Kuala Selangor					**2**
5	Majlis Daerah Hulu Selangor	**2**				
6	Majlis Daerah Kuala Langat	**2**				
7	Jabatan Alam Sekitar Selangor	**2**				
8	Lembaga Urus Air Selangor	**2**				
	Jumlah :	**11**		**1**		**4**
	Jumlah Keseluruhan :	**16**				

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : EKONOMI DIGITAL

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakkan industri kecil sederhana menggunakan teknolgi digital dalam pengembangan perniagaan mereka?

b) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri Selangor bagi membekalkan sumber manusia yang mencukupi dalam bidang teknologi digital di Selangor?

JAWAPAN:

a) Pihak Kerajaan Negeri tiada memberikan insentif berbentuk kewangan menggalakkan Industri Kecil Sederhana menggunakan teknologi digital dalam pengembangan perniagaan mereka.

Namun begitu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan SITEC dimana ianya memainkan peranan sebagai perunding dan penasihat program Kerajaan Negeri melaksanakan program pendidikan dan latihan kepada usahawan dan khususnya usahawan muda dan Industri Kecil dan Serdehana (IKS) di dalam membangunkan perniagaan e-perdagangan dan internet di Selangor

b) Antara pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membekalkan sumber manusia yang mencukupi dalam bidang teknologi digital di Selangor adalah dengan menyediakan kursus dan latihan samada yang dilaksanakan oleh agensi swasta mahupun institusi pendidikan dan latihan milik Kerajaan Negeri. Antara bidang kursus – kursus IT yang ditawarkan seperti berikut;-

Bil.	Agensi	Kursus / Latihan
1.	SITEC	Menyediakan program pendidikan dan latihan kepada usahawan dan khususnya usahawan muda dan Industri Kecil dan Serdehana (IKS) di dalam membangunkan perniagaan e-perdagangan.
2.	UNISEL	1. Foundation in Information Technology

		2. Diploma in Information Technology 3. Diploma in Information Technology (Mobile Technology) 4. Diploma in Computer Science (Industrial Computing) 5. Diploma Computer Application in Business 6. Diploma in Multimedia Industry 7. Bachelor of Information Technology (Hons) 8. Bachelor of Information Technology (Knowledge Management)(Hons) 9. Bachelor of Information Technology with Supply Chain Management (Hons) 10. Bachelor of Computer Science (Hons) 11. Bachelor of Computer Science (Software Engineering)(Hons) 12. Bachelor of Computer Science (Network Security & Digital Forensic) (Hons) 13. Bachelor of Multimedia Industry (Hons) 14. Master of Information Technology 15. Master of Computer Science (Software Engineering) 16. Master of Science (Computing) 17. Doctor of Philosophy in Computing
3.	KUIS	1. Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) 2. Diploma E-Commerce Technology 3. Diploma Sains Komputer 4. Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia) (Kepujian) 5. Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) (Kepujian) 6. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Perisian Dengan Kepujian.
4.	INSPENS	1. Sijil Sistem Komputer 2. Sijil Teknologi Elektronik (Pemasangan & Troubleshooting Peralatan Elektronik) 3. Sijil Teknologi Elektronik (Troubleshooting, Pembaikpulihan & Penyelenggaraan Elektronik)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : KUTIPAN BAYARAN PARKIR KENDERAAN

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah kutipan bayaran parkir kenderaan pada tahun 2015 mengikut PBT?

b) Berapakah jumlah kutipan saman parkir kenderaan pada tahun 2015 mengikut PBT?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PERMOHONAN TAPAK SEBAGAI HUTAN TANI DI KAWASAN HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT SELATAN SELANGOR

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri terhadap permohonan Persatuan Pekebun-pekebun Sayur Kawasan Pantai Selangor melalui Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berkenan permohonan dijadikan sebahagian hutan simpan Kuala Langat Selatan sebagai tapak Hutan Tani?

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2009, Pihak Berkuasa Negeri telah membuat keputusan bahawa ke semua Permit Penggunaan di Negeri Selangor dibekukan termasuk bagi kawasan pertanian di dalam kawasan Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di bawah penyeliaan Jabatan Pertanian Negeri Selangor yang terletak di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Manakala Permit Penggunaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) yang melibatkan aktiviti hutan tani juga telah dibatalkan. Berdasarkan rekod JPNS jumlah keluasan kawasan yang terlibat bagi projek TKPM adalah 80.0 ha sahaja dan 650.0 ha bagi kawasan Permit Penggunaan. Jumlah peserta yang terlibat bagi projek TKPM adalah seramai 17 individu manakala bagi pemegang Permit Penggunaan adalah seramai 125 permit yang terdiri daripada individu, berkumpulan dan syarikat.

Buat masa kini, JPNS sedang membuat semakan secara menyeluruh mengenai status penggunaan tanah di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Kuala Langat Utara khususnya bagi kawasan yang telah diberikan Permit Penggunaan dan sekitar kawasan sekelilingnya yang diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini kerana pihak JPNS merancang untuk menyediakan satu pelan pengurusan hutan paya gambut secara komprehensif bagi tujuan pengurusan hutan-hutan paya gambut di kawasan tersebut pada jangka masa panjang.

JPNS juga sedang mengenal pasti ke atas semua senarai penama pemegang Permit Penggunaan bagi tujuan pemutihan. Semakan dilapangan juga sedang dilaksanakan bagi memastikan hanya pemegang-pemegang Permit Penggunaan

yang telah diberi kelulusan sebelum ini sahaja yang akan dipertimbangkan untuk pembaharuan (penyambungan) bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Perhutanan-tani.

Pihak JPNS dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri boleh memperbaharui atau meluluskan bagi aktiviti-aktiviti Perhutanan-tani melalui Permit Penggunaan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. JPNS akan menyediakan satu Kertas Ringkasan untuk makluman kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi mendapatkan pandangan mengenai penggunaan tanah bagi aktiviti perhutanan tani di dalam Hutan Simpanan Kekal di kawasan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PELABURAN ASING DI SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Seranaikan pelaburan lansung asing (FDI) di Selangor pada tahun 2015 dan 2016.

b) Adakah usaha-usaha Kerajaan Negeri menghantar rombongan penggalak pelaburan ke luar negara telah berjaya meningkatkan minat pelabur asing untuk melabur di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

a) Senarai pelaburan langsung asing (FDI) di Selangor pada tahun 2015 dan 2016 seperti jadual berikut;-

Projek perkilangan yang diluluskan mengikut penglibatan pelabur asing di Negeri Selangor bagi tahun 2015

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan Asing (RM)
Japan	23	1,959	1,266,833,011
Korea Rep.	10	757	1,056,239,819
Sweden	1	30	613,519,399
Singapore	12	1,130	254,961,209
Norway	2	452	74,893,010
United Arab Emirates (UAE)	2	69	70,743,535
United Kingdom	3	184	68,125,059
British Virgin Island	3	437	59,396,250
Egypt	1	98	58,100,000
China	5	279	45,041,940
Taiwan	4	536	42,108,763
Germany	7	134	29,892,138
Iran	1	61	27,284,000
India	3	54	25,918,100
United States	4	73	17,277,700
Mauritius	1	98	15,300,000

Bermuda	1	69	11,489,604
Cayman Island	1	43	9,320,954
Pakistan	2	124	6,959,497
Italy	2	21	6,848,160
Rep. of Yemen	1	35	5,844,440
Hong Kong	1	68	4,908,922
France	1	10	3,351,392
Nepal	1	20	2,824,001
Brazil	1	11	742,900
Hungary	1	13	690,000
Australia	2	19	399,550
Canada	1	30	330,328
Netherlands	1	0	0
Lain – Lain Negara	3	133	1,980,001
Jumlah	***	***	**3,781,323,682**

* Sumber : MIDA

Projek perkilangan yang diluluskan mengikut penglibatan pelabur asing di Negeri Selangor bagi tahun 2016.

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan Asing (RM)
Singapore	4	687	191,830,823
United Arab Emirates (UAE)	1	35	69,256,700
Germany	1	106	52,909,375
Italy	1	101	52,050,000
Switzerland	1	52	44,191,000
India	1	77	38,609,845
Hong Kong	1	68	6,233,850
Netherlands	1	76	6,120,000
Japan	3	36	3,034,598
United Kingdom	1	7	2,420,600
British Virgin Island	1	2	2,178,831
Korea Rep.	1	2	319,802
Lain – Lain Negara	6	734	9,039,496
Jumlah	***	***	**478,194,920**

* Sumber : MIDA

b) Usaha penggalakan pelaburan ke luar negara sememangnya telah meningkatkan minat pelabur asing untuk menerokai peluang-peluang yang ada di Negeri Selangor. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri lebih memberi tumpuan kepada sektor aero angkasa, sains hayat, teknologi bio, e-dagang dan halal. Sektor-sektor ini semakin mendapat tempat selari dengan perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan atas talian, sains dan teknologi bio serta pengangkutan.

Namun begitu, para pelabur ini mengambil masa di antara enam (6) bulan hingga ke satu (1) tahun atau malah dua (2) tahun dalam membuat keputusan untuk melabur di negara asing. Hal ini kerana para pelabur mengambil kira pelbagai aspek terutamanya kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara, disamping implikasi kewangan syarikat dalam mendapatkan lokasi yang strategik, keperluan pekerja, logistik untuk pengedaran bahan mentah dan barang siap serta kemudahan infrastruktur di satu-satu lokasi.

Selain daripada itu, misi penggalakan pelaburan ke luar negera ini juga turut memberikan penekanan di dalam usaha untuk mempromosikan Selangor International Expo 2016 di mana sektor yang terlibat di dalam expo tersebut telah diberi penekanan di dalam misi promosi di luar negara. Hasilnya hanya akan dapat dilihat semasa Expo yang akan diadakan pada Oktober ini.

Untuk menjadikan Selangor terkenal di kalangan negara-negara ASEAN, Kerajaan negeri perlu mempelajari bagaimana sesuatu industri di negara luar negara berkembang pesat dan bagaimana industri berkenaan bermula. Pengalaman-pengalaman dari agensi-agensi luar negara juga diambil kira bagi memajukan sesuatu industry di Selangor. Sebagai contoh, Selangor Bio Bay diilhamkan hasil daripada lawatan kerja ke San Francisco pada tahun lalu dan ianya kini sedang dalam proses pembangunan. Ini adalah antara hasil yang diperolehi daripada lawatan ke luar negara.

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan mengambil tindakan susulan disamping sentiasa membantu dan memantau pelabur-pelabur yang berpotensi hasil dari maklumbalas yang diperolehi dari lawatan penggalakkan pelaburan ke luar negara.

Berikut merupakan sektor-sektor yang banyak menerima maklumbalas/pertanyaan ketika lawatan penggalakkan pelaburan diadakan di luar negara:

NEGARA	SEKTOR
Singapore	Aeroangkasa
Australia	Bioteknologi

Korea Selatan	Bioteknologi, Sains Hayat, Bio Medik, Farmaseutikal, Kosmetik Lawatan sambil belajar ke Technology Park
Vietnam	Halal (Pembuatan Makanan) Lawatan sambil belajar ke Industrial Park
Thailand	Halal (Pembuatan Makanan)
USA	Bioteknologi, Start Up Company
UAE	Halal (Pembuatan Makanan), Peruncitan & Francais, Logistik
Jepun	Industri Halal, Bioteknologi
China	E-dagang, *Start Up Company*, halal
Taiwan	E-dagang, *Start Up Company*, Halal (Pembuatan Makanan), Farmaseutikal, Kosmetik
United Kingdom	Aeroangkasa

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : RANCANGAN GALAKAN KEPADA ANAK MUDA MENGGANTIKAN PEKERJA ASING

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menarik anak-anak muda tempatan yang menganggur menggantikan pekerja-pekerja asing yang terlampau ramai?

b) Adakah kerajaan bercadang dan boleh mengenakan peraturan tertentu kepada majikan di negeri Selangor supaya mengambil pekerja tempatan dari pekerja asing?

JAWAPAN:

a) Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menarik anak muda tempatan yang menganggur untuk bekerja ialah dengan melaksanakan pelbagai program dan latihan kemahiran seperti berikut :

(i) Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran dan kelayakan dalam bidang-bidang tertentu bagi memenuhi keperluan industri. Program ini membolehkan anak muda mendapat pekerjaan terus di industri selepas tamat latihan di SHRDC dan program ini turut membuka peluang peningkatan kerjaya kepada pekerja industri yang sedang bekerja untuk meningkatkan kemahiran *(upskilling)* ke jawatan yang lebih tinggidi dalam syarikat yang terlibat.

(ii) Program *Internship High Impact Talent* (i-HIT) iaitu sebuah program yang disasarkan kepada pelajar tahun akhir UNISEL, KUIS dan INPENS. Pelaksanaan program ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar mendapat latihan tambahan subjek-subjek *niche* yang diperlukan di industri. Pelajar-pelajar akan dipilih oleh industri sebelum memasuki program dan seterusnya mendapat tawaran pekerjaan secara langsung.

(iii) Program *Graduate Employability and Enhancement* Selangor (PROGRES) yang memberi focus kepada latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor dalam menjalani latihan di syarikat-syarikat industri terpilih.

(iv) Program Karnival Kerjaya (Selangor Job Fair 2016) iaitu sebuah program yang memberi peluang untuk warga Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada 28 Mei 2016 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 10,000 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 5,818.

b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk mengenakan peraturan tertentu kepada majikan di Negeri Selangor supaya mengambil pekerja tempatan dari pekerja asing kerana kekosongan dan pengisian jawatan adalah tertakluk kepada majikan berkenaan.

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri bersama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia sentiasa berusaha dalam melaksanakan program yang boleh membuka peluang kepada warga tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : STATUS RUMAH MAMPU MILIK SELANGOR

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah statistik terkini pembinaan Rumah Mampu Milik Selangor

b) Berapa ramai yang mendaftar untuk mendapatkan rumah

c) Adakah jangkaan tempoh masa yang diunjurkan untuk pemohon mendapat tawaran pemilikan rumah?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Berhormat, berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dari tahun 2010 sehingga kini serta projek-projek yang telah mendapat kelulusan Kebenaran merancang (KM), terdapat sebanyak 2,546 unit rumah telah siap dibina, sebanyak 20,254 unit rumah sedang dibina dan sebanyak 15,053 unit rumah belum dibina. Perinciannya adalah seperti berikut :-

i. Projek yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	**PBT**	**Pemaju / Pemaju Usahasama**	**Projek**	**Bil. Unit**
1.	MPKj	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 3, Bandar Baru bangi, Daerah Hulu Langat.	124 (Jenis B)
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak.	1,422 (Jenis B)
3.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	236 (Jenis B)
JUMLAH				**1,782**

ii. Projek yang telah disiapkan oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Sin Heap Lee Dev. Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Di Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	136 (Jenis B)
2.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
3.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)
JUMLAH				**764**

iii. Projek yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)	Dis 2016
2.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	Dis 2016
3.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di PT 1 Blok 1, Di Seksyen 1, Antara Gapi, Bandar	80 (Jenis D)	2017

			Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.		
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
4.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 5, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	198 (Jenis C)	Dis 2016
JUMLAH				**511**	

iv. Projek yang sedang dibina oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut:-

Bil.	**PBT**	**Pemaju / Pemaju Usahasama**	**Projek**	**Bil. Unit**	**Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina**
1.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)	Dis 2016
2.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)	2018
3.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	Dis 2016
4.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)	2018
5.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)	2018
6.	MPKj	Luxhome Property Sdn.	Hakmilik HSM 18911 PT	144	2018

		Bhd.	41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	(Jenis C)	
7.	MPKj	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90 (Jenis C)	2018
8.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	Dis 2016
9.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)	2018
10.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)	2018
11.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	408 (Jenis C)	2018
12.	MPSp	Hap Seng Land Development (Puchong) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 98723 Lot 105048 Di Taman D'Alpinia, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	240 (Jenis C1) 232 (Jenis C2)	2018
13.	MDKS	KL - Kepong Country Homes Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 851, Geran 39815, Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor.	304 (Jenis B) 327 (Jenis C) 224 (Jenis D)	2018
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015 & 2016					
14.	MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Di Atas hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD	903 (Jenis C)	(Fasa 17A)

			15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	1,500 (Jenis D)	2018
15.	MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di Atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	870 (Jenis B)	2018
16.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	142 (Jenis A) 72 (Jenis B) 72 (Jenis C) 428 (Jenis D)	Nov 2018
17.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (IJM Land Berhad)	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	330 (Jenis A) 660 (Jenis B) 670 (Jenis C) 670 (Jenis D)	2018
18.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	321 (Jenis C2) 240 (Jenis C2) 160 (Jenis C) 320 (Jenis D)	Ogos 2017
19.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)	Jun 2018
20.	MPK	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J)	323 (Jenis C2)	Jun 2018

			dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang.	372 (Jenis D)	
21.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	750 (Jenis A) 1,508 (Jenis B) 1,467 (Jenis C1) 723 (Jenis C2)	Nov 2018
22.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd. (Selaman Sdn. Bhd.)	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A) 40 (Jenis B) 40 (Jenis C)	2018
23.	MDKL	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Bina Group Berhad)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	262 (Jenis C1) 1,050 (Jenis C2)	2018
24.	MBSA	Worldwide Holdings Berhad	Hakmilik PM 4845 Lot 37309 dan HS(M) 10274 PT 34425 di Subang Bestari, Seksyen U5 Shah Alam, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	240 (Jenis C) 148 (Jenis D)	2018
JUMLAH				**19,743**	

v. Projek yang belum dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91 (Jenis D)	2019
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	4,471	2018
3.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (RMM)	2018
JUMLAH				**4,980**	

vi. Projek yang belum dibina oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	250 (RMM)	2018

2.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28 (Jenis D)	2018
3.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A) 210 (Jenis C)	2018
4.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	400 (Jenis C) 200 (Jenis D)	2018
5.	MDKS	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	144 (Jenis C) 128 (Jenis D)	2018
6.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A) 202 (Jenis B) 27 (Jenis C) 9 (Jenis D)	2018
7.	MPSJ	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling. (dipinda ke HSD 258562 PT 73892 Persiaran Permai Sentosa Bandar Putra Permai).	120 (Jenis C)	2018
8.	MPSJ	Sime Darby Putra Height Development Sdn. Bhd.	Hakmilik Lot 81255 & 81256 (Jenis A & B), 81275 & 81276 (Jenis C & D) Di Pembangunan Putra Height, Mukim	80 (Jenis A) 436 (Jenis B) 700	2018

			Damansara, Daerah Petaling.	(Jenis C) 1,000 (Jenis D)	
9.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A) 124 (Jenis D)	2018
10.	MPKj	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Ke Atas Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	102 (Jenis B) 204 (Jenis C)	2018
11.	MPKj	Tanming Raya Sdn. Bhd.	PT 46823 dan PT 46824 (Tapak Baru), Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	173 (Jenis C)	2018
12.	MPSp	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Di Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	320 (Jenis C) 56 (Jenis D)	2018
13.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujong Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34 (Jenis C)	2018
14.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A) 135 (Jenis C)	2018
15.	MDKS	Glomac Land Sdn. Bhd. & Magic Season Sdn. Bhd.	Lot 2968 PT 1887, Lot 2969 PT 1888, Lot 2970 PT 1889, Lot 2971 PT 1890, Lot 2972 PT 1891 Dan Lot 2973 PT 1892, Di Batu 22 Ijok, Saujana Aman, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	315 (Jenis C)	2018

16.	MDKS	1st Mals Development (M) Sdn. Bhd. (Pemegang suratkuasa wakil kepada Tan Ah Ngow)	Hakmilik GRN 97456 Lot 8592 Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	45 (Jenis A) 30 (Jenis C) 65 (Jenis D)	2018
17.	MPSp	Lakefront Residence Sdn. Bhd.	Di Projek One Residence @ Lakefront Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	1,932	2018
18.	MPS	Ratus Bayan Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 72504 PN 91970, Taman Raintree, Bandar Selayang, Daerah Gombak.	260 (Jenis A) 93 (Jenis C) 157 (Jenis D)	2018
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
19.	MPS	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di Atas PT 2802 HS(D) 75285, Mukim Rawang Daerah Gombak	560 (Jenis B)	Nov 2018
20.	MPSJ	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	GRN 57646 Lot 1333 Di Taman Puchong Utama,Pekan Puchong perdana, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	464 (Jenis B) 464 (Jenis C2) 234 (Jenis D)	2018
JUMLAH				**10,073**	

b) Berdasarkan jumlah permohonan pemohon yang didaftarkan untuk mendapatkan Rumah Selangorku dari tahun 2011 hingga tahun 2016 adalah seramai 53,294 orang.

c) Jangkaan tempoh masa yang diunjurkan untuk pemohon mendapat tawaran pemilikan rumah tertakluk kepada pertimbangan kekosongan unit sedia ada yang ditawarkan di pasaran dan keutamaan juga diberikan kepada pemohon yang mempunyai merit/permarkahan yang tinggi. Sekiranya pemohon masih belum ditawarkan Rumah Selangorku selepas tempoh 2 tahun, pemohon perlu mengemukakan permohonan baru dengan berdaftar semula secara online dengan mengemukakan maklumat terkini pemohon.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : BANTUAN PERTANIAN KERAJAAN NEGERI

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan bantuan-bantuan pertanian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

b) Berapakah jumlah peruntukkan untuk membantu golongan petani di Selangor pada tahun 2016?

JAWAPAN:

a) Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan bantuan dalam bentuk input pertanian, peralatan dan khidmat nasihat. Antara program/projek yang diberikan batuan oleh Jabatan Pertanian adalah seperti berikut:

   i) Peningkatan hasil padi

   ii) Tanaman buah-buahan

   iii) Tanaman sayuran kontan

   iv) Tanaman herba dan rempah ratus

   v) Industri hiliran/asas tani

   vi) Lebah madu/kelulut

   vii) Tanaman fertigasi

   viii) Tanaman bunga dan hiasan

b) Jumlah peruntukan bagi membatu golongan petani di Selangor pada tahun 2016 adalah sebanyak RM 13 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : LARANGAN PENGGUNAAN POLISTIRENA

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah pencapaian dalam perlaksanaan larangan penggunaan polistirena di agensi-agensi kerajaan negeri?

b) Sejauh manakah kerajaan negeri akan selaraskan polisi larangan penggunaan polistirena?

c) Bagaimanakah penyelesaian terhadap aduan dan bantahan peniaga dalam pelaksanaan larangan penggunaan polistirena?

JAWAPAN:

a), b)

Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik pada setiap hari Sabtu bermula 1 Januari 2011. Pada bulan Jun 2011, satu Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 2/2011 Bagi Pelaksanaan Kempen Kesedaran Kitar Semula Serta Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor telah dikeluarkan dan berkuat kuasa serta-merta. Kempen tersebut telah diadakan secara berperingkat iaitu:

i. Peringkat pertama: bermula Julai 2011 sehingga Disember 2011, gerai-gerai dan kafeteria di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri tidak dibenarkan untuk menggunakan beg plastik dan polistirena pada setiap hari Jumaat; dan

ii. Peringkat kedua: dijalankan pada setiap hari Isnin dan Jumaat bermula pada bulan Januari 2012 sehingga bulan Jun 2012.

Selain itu, satu kajian keberkesanan pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Selangor telah dilaksanakan pada tahun 2014 dan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran orang ramai terhadap kempen ini adalah

tinggi iaitu sebanyak 94%. Manakala 77% responden menyokong penambahan hari bagi pelaksanaan kempen ini.

Pada 23 Jun 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena di Negeri Selangor melalui Kertas Pertimbangan MMKN Ke 21/2016 dan cadangan tersebut telah disahkan oleh MMKN ke 22/2016 pada 13 Julai 2016.

Pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena ini akan bermula pada bulan September 2016 di semua majlis-majlis rasmi dan dibangunan kerajaan Negeri Selangor pada setiap hari. Seterusnya, pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di seluruh Negeri Selangor akan bermula pada bulan Januari 2017 pada setiap hari melibatkan semua jenis perniagaan di Negeri Selangor termasuk premis makanan dan pasar malam.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyelaraskan polisi larangan penggunaan beg plastik dan polistirena melalui semua PBT di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri akan mewajibkan pemasangan *billboard* dan *banner* dengan reka bentuk seragam pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di setiap PBT bagi tujuan promosi, pendidikan dan meningkatkan kesedaran pengguna. Selain itu, setiap PBT perlu meletakkan syarat penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen.

c) Satu Mesyuarat Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena telah diadakan bersama semua Pihak berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor pada 9 Mei 2016. Selain mewajibkan pemasangan *billboard* dan *banner* di setiap PBT, kempen kesedaran dan pendidikan kepada pengguna akan dijalankan sehingga bulan Disember 2016 bagi meningkatkan tahap kesedaran pengguna dan menggalakkan pengguna untuk membawa beg serta bekas makanan dan minuman sendiri sewaktu membeli.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan bersama Malaysia Retailers Association (MRA), persatuan-persatuan pengguna, pengusaha dan pengeluar beg plastik serta polistirena, sebagai usaha menangani bantahan dan aduan yang akan timbul selepas pelaksanaan larangan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : BEKALAN AIR BERSIH

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah-langkah awal menangani kekurangan bekalan air sewaktu musim El Nino?

b) Berapakah paras air terkini setiap kolam?

c) Berapakah kadar peningkatan penggunaan air pada musim El Nino?

JAWAPAN:

a)

1. Fenomena El Nino telah mengakibatkan negara mengalami cuaca yang panas dan kering menyebabkan taburan hujan yang diterima berkurang. Kekurangan hujan ini, seterusnya memberi kesan kepada pengurangan paras simpanan air di empangan-empangan. Justeru, bagi memastikan tahap simpanan air di empangan dapat dipelihara dan dikekalkan, langkah-langkah awal yang telah diambil adalah seperti berikut:

1.1. Mengawal pelepasan air empangan mengikut SOP, iaitu Graf ‘Operational Rules Curve (ORC)’ empangan. Ini bermaksud jumlah pelepasan air empangan dipantau secara tara dan berterusan 24 jam bergantung kepada paras semasa empangan tanpa pembaziran. Dalam masa yang sama unjuran kapasiti empangan ‘dam projection ‘ telah di buat agar pelepasan dan kapasiti empangan dapat disasarkan dalam tempoh tertentu juga bagi tujuan perancangan.

1.2. Mengaktifkan Penyaluran Air Mentah Pahang - Selangor (PAMPS) dari Sg. Semantan, Pahang ke Sg. Langat bagi memenuhi keperluan air mentah Loji Pembersihan Air (LPA) Sg. Langat. Penyaluran air mentah ini juga digunakan sebagai faktor pencairan ‘dilution’ bagi kandungan ammonia dalam air mentah di LPA Cheras. Pada tahun 2016, PAMPS telah diaktifkan bermula pada 15 Jan 2016, iaitu pada kapasiti Empangan Sg. Langat 74.51% dan dihentikan pada 16 Mei 2016 di mana kapasiti Empangan Sg. Langat telah dapat ditingkatkan

kepada 81.93%. Jumlah air mentah yang telah disalurkan dalam tempoh tersebut ialah 28,204 Juta Liter Sehari (JLH). Perincian seperti berikut:

1.3. Mengaktifkan operasi pengepaman air mentah dari kolam-kolam takungan Bestari Jaya (OPAK) ke Sg. Selangor bagi mengurangkan jumlah pelepasan dari Empangan Sg. Selangor dan Empangan Sg. Tinggi dan dalam masa yang sama dapat menampung keperluan air mentah LPA Sg. Selangor Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 (SSP1, SSP2 & SSP3). Daripada laporan LUAS, jumlah kolam yang terlibat dalam OPAK pada tahun 2016, ialah 10 buah kolam (Kolam KL Larut, Hang Tuah 5, HORAS 600, MBI, Taman Ilmu, Kambing Susu A, B, C, Hang Tuah 6 dan Tan Chong). Bilangan pam-pam yang terlibat untuk OPAK ialah sebanyak 33 buah pam (10 pam JPS dan 23 pam KSSB) dengan kapasiti yang ditetapkan oleh LUAS sebanyak 800 - 1,000 JLH. Di samping itu, OPAK juga berfungsi sebagai 'simpanan' air mentah di mana air lebihan di sungai semasa musim hujan akan dipamkan semula ke dalam kolam-kolam yang terlibat dalam OPAK.

1.4. Bagi mengurangkan impak penyusutan simpanan air di Empangan Klang Gates, LPA Wangsa Maju telah mengurangkan abstraksi air mentah dari empangan tersebut ke loji sebanyak 12 JLH bermula pada 4 Mei 2016 hingga kini. Selain itu, usaha pengambilan air mentah dari muka sauk Sg. Gombak telah dijalankan sejak 19 Mac 2016 dengan purata abstraksi air mentah sebanyak 18 JLH. Pengurangan bekalan air terawat di kawasan yang terlibat oleh LPA Wangsa Maju telah ditampung oleh LPA SSP1 dan SSP3.

1.5. Bagi mengurangkan impak penyusutan simpanan air di 'Off-river storage' (ORS) Sg. Labu, LPA Sg. Labu telah mengurangkan pengeluaran loji kepada 103 JLH dan 92-95 JLH masing-masing bermula dari 8 Mei 2016 dan 17 Mei 2016 hingga kini, berbanding pengeluaran asal 105 JLH. Pengurangan bekalan air terawat di kawasan yang terlibat telah ditampung oleh LPA Sg. Semenyih. Di samping itu, pengepaman air mentah ORS Sg. Labu telah di lakukan secara optimum apabila aliran dasar 'baseflow' sungai meningkat di muka sauk LPA terutama selepas hujan.

1.6. Tindakan pembersihan dan mendalamkan lebih kerap telah dijalankan di muka-muka sauk LPA agar sebarang kemungkinan kepada henti tugas pam-pam air mentah dapat diatasi segera kesan daripada paras air yang 'cetek' di bawah paras normal dan juga kualiti air yang menurun.

1.7. Pihak LUAS telah melaksanakan pembenihan awan di kawasan tadahan empangan-empangan bermula pada awal tahun hingga kini.

b)

1. Paras air empangan dan kapasiti simpanan air terkini di tiga (3) empangan utama di Selangor iaitu Empangan Semenyih, Empangan Sg. Tinggi dan Empangan Sg. Langat setakat 19 Julai 2016 adalah melebihi paras kapasiti simpanan 70%. Manakala, empat (4) empangan lain merekodkan kapasiti simpanan di bawah 70%, di mana ORS Sg. Labu merekodkan kapasiti simpanan air terendah iaitu 49.65%. Ringkasan status kapasiti simpanan air empangan-empangan di Selangor setakat 19 Julai 2016 adalah seperti jadual berikut:-

2. Secara keseluruhannya, kapasiti simpanan air di ketujuh-tujuh empangan di Selangor adalah baik dan terkawal. Berdasarkan kepada unjuran kapasiti empangan-empangan yang dibuat, kapasiti dijangka akan meningkat semula pada Sept-Okt di Musim Peralihan Monsun di mana keadaan cuaca berubah menjadi lembap. Di samping itu Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) juga meramalkan fenomena La Nina akan melanda negara pada penghujung 2016.

c) Merujuk kepada purata pengeluaran harian air bersih untuk bulan Mei 2016 adalah 4,856.83 Juta Liter Sehari dan bulan April 2016 adalah 4,834.97 Juta Liter Sehari. Purata pengeluaran air bersih untuk kedua-dua bulan ini adalah 4,845.90 Juta Liter Sehari. Jika dibandingkan dengan purata pengeluaran air bersih bulan Januari 2016, iaitu 4,752.62 Juta Liter Sehari, didapati terdapat peningkatan sekitar 1.96% pengeluaran air bersih semasa musim El-Nino.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : JAMINAN BEKALAN MAKANAN (FOOD SECURITY)

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah persiapan oleh kerajaan Selangor memastikan ada jaminan bekalan makanan untuk rakyat Selangor?

b) Bagaimana perlaksanaan tanaman padi yang memberi hasil bertambah berbanding sebelum itu?

JAWAPAN:

a) Kerajaan negeri sedang melaksanakan kajian dan sedang membuat blue print Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor 2025. Dalam memastikan jaminan bekalan makanan untuk rakyat Selangor mencukupi, kerajaan Selangor telah pun membuat pengezonan kawasan pengeluaran makanan strategik di dalam Rancangan Struktur Negeri 2035. Sebagai contoh, kawasan tanaman padi dan taman kekal pengeluaran makanan (termasuk kawasan pembangunan industri ternakan dan akuakultur) dizonkan sebagai kawasan pengeluaran makanan strategik bagi memastikan tanah pertanian dan pengeluaran makanan tidak terjejas.

   Selain itu, Jabatan Pertanian membangunkan kawasan tanaman mengikut kluster tertentu seperti kawasan pembangunan kluster sayuran, kluster kontan dan kluster buah-buahan bagi memastikan pengeluaran makanan lebih terjamin.

b) Buat masa ini, satu kajian meningkatkan kekerapan tanaman padi kepada 5 musim 2 tahun sedang dijalankan di kawasan Tanjong Karang. Selain daripada itu, Jabatan pertanian juga memfokuskan kepada pengurangan kos pengeluaran dan menurunkan kebergantungan terhadap racun kimia dengan menggalakkan penggunaan baja natural farming.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PROGRAM EKONOMI BAGI IBU TUNGGAL

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan ibu tunggal berumur 50 tahun ke atas di Selangor?

b) Berapakah bilangan ibu tunggal lingkungan umur tersebut berada di bawah garis kemiskinan?

c) Apakah program ekonomi yang dijalankan bagi membantu ibu-ibu tunggal untuk berada di atas garis kemiskinan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kebajikan ibu tunggal di Selangor. Mengikut rekod di dalam sistem e-Bu yang dikendalikan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) untuk tujuan mendaftarkan bilangan ibu tunggal di Selangor, jumlah ibu tunggal yang berdaftar adalah seramai 16,530 orang.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut hanya 9,722 orang sahaja ibu tunggal yang berumur 50 tahun berdaftar dalam sistem e-Bu. Berikut ialah bilangan ibu tunggal yang berumur 50 tahun dan ke atas mengikut pecahan kaum di Selangor.

Bilangan Ibu Tunggal di Selangor yang Berusia 50 Tahun dan Ke Atas berdaftar melalui Sistem e-Bu Mengikut Pecahan Kaum

Bangsa	Jumlah
Melayu	6,257
Cina	1,868
India	757
Lain-lain	840
Jumlah	**9,722**

*sumber dari YAWAS

b) Manakala seramai **9,707** orang pula ibu tunggal yang berumur berumur 50 tahun dan ke atas, yang berdaftar dengan sistem e-Bu berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) - kurang daripada RM1,500.00 pendapatan isirumah. Berikut merupakan pecahannya mengikut kaum :-

Bilangan Ibu Tunggal di Selangor yang Berusia 50 Tahun dan Ke Atas berdaftar melalui Sistem e-Bu Mengikut Pecahan Kaum Berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK)

Bangsa	Jumlah
Melayu	6,242
Cina	1,868
India	757
Lain-lain	840
Jumlah	**9,707**

*sumber dari YAWAS

c) Kerajaan Negeri amat mengambil berat dan prihatin terhadap golongan wanita yang berstatus Ibu Tunggal. Justeru itu semenjak tahun 2008 hingga kini, Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan golongan ibu tunggal dalam aspek pembangunan serta pembentukan dasar – dasar Kerajaan.

Sehingga hari ini sebanyak 16,530 orang ibu tunggal telah berdaftar dengan sistem pangkalan data e-bu. Semua program di bawah Merakyatkan Ekonomi Negeri (MES) serta program – program yang dirangka oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga lebih mengutamakan golongan ibu tunggal mengikut had kelayakan dan kriteria yang ditetapkan. Antara tawaran Kerajaan Negeri yang dapat memberi manfaat kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal adalah :

i. Program Pemberdayaan Wanita dalam bentuk kursus-kursus kemahiran, latihan dan bimbingan, program keusahawanan sosial, pembinaan jati diri;
ii. Skim Kesihatan Wanita (Mammosel) – Pemeriksaan Saringan Mammogram Percuma;

iii. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) – tabung simpanan untuk anak–anak kelahiran Selangor sebanyak RM1,500 apabila mencapai umur 18 tahun;
iv. Bantuan Asuhan Rakyat Selangor (SiKembar) – bantuan yuran taska atau nurseri sebanyak RM100 setiap bulan;
v. Bantuan Tadika Negeri Selangor (TUNAS) – bantuan yuran tadika sebanyak RM50 setiap bulan;
vi. Hadiah Anak Masuk Universiti – hadiah sebanyak RM1,000 untuk anak-anak melanjutkan pengajian ke IPT/IPTS yang diiktraf Kerajaan bagi pengajian diploma atau ijazah sarjana muda;
vii. Skim Mikrokredit Hijrah – modal bantuan berniaga sehingga RM50,000; dan
viii. Bantuan Kesihatan Sihat Selangor – bantuan kos rawatan bagi pesakit buah pinggang sehingga RM5,000.00, bantuan kaki palsu, pembedahan katarak serta rawatan – rawatan lain atau pembelian alat sokongan.

Kesemua program yang ditawarkan ini meliputi pelbagai aspek bukan sahaja bagi mengurangkan beban kewangan tetapi juga sebagai salah satu jaringan sistem sokongan kepada para ibu tunggal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : BANJIR DI NEGERI SELANGOR

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah penyelesaian masalah banjir di Negeri Selangor terutama di bandar Kajang dan Shah Alam?

b) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah belanjakan untuk mengatasi banjir di kedua-dua kawasan berkenaan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan negeri melalui JPS Negeri Selangor telah melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf saliran bagi menyelesaikan masalah banjir di Negeri Selangor terutama di bandar Kajang dan Shah Alam. Bagi bandar Kajang, terdapat projek menaiktaraf Sungai Jeluh yang sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Julai 2016. Bagi bandar Shah Alam pula, terdapat projek menaiktaraf Sungai Damansara dari CH 0 hingga CH 7500 yang telah siap pada 8 Julai 2016. Selain itu, terdapat juga projek membina arch culvert dan kerja berkaitan di Batu 3 yang akan siap pada 12 Oktober 2016.

0

b) Jumlah perbelanjaan untuk menampung kos kontrak untuk mengatasi banjir di kedua-dua kawasan berkenaan adalah sebanyak RM 22,593,144.30.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah hasil cukai taksiran dan kadar mengikut jenis premis bagi semua PBT masing-masing.

b) Nyatakan tarikh kenaikan kadar cukai taksiran setiap PBT sebelum ini.

c) Nyatakan kadar jumlah kutipan cukai taksiran yang sepatutnya jika mengikut kadar semasa bagi PBT masing-masing.

JAWAPAN:

a) Prestasi kutipan hasil cukai taksiran pada tahun 2014 yang telah diaudit adalah berjumlah RM1,233 juta dengan peratus peningkatan berbanding tahun 2013 adalah 22%. Jumlah kutipan hasil cukai pada penggal pertama bagi tahun 2016 mengikut jenis premis bagi setiap PBT adalah seperti **Lampiran A.**

b) Tahun terakhir nilaian yang telah dibuat mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

PBT	Tahun Terakhir Nilaian
MBSA	2006
MBPJ	1992
MPK	1993
MPAJ	1997
MPSJ	1992 & 1996
MPS	1985
MPKJ	1985

MPSP	**1996**
MDKL	**1987**
MDHS	**1996**
MDKS	**1997**
MDSB	**1986**

c) Jumlah kutipan cukai sekiranya mengikut tahun nilaian semasa tidak dapat diberikan secara tepat berikutan ianya perlu mendapat kebenaran pihak Berkuasa Negeri bagi membolehkan penilaian semula semua pegangan PBT di seluruh Negeri Selangor dilaksanakan melibatkan kos yang besar untuk pelaksanaan penilaian semula semua pegangan di PBT. Namun di andaikan kenaikan hartanah sebanyak 5% setahun jumlah kenaikan adalah seperti berikut:

PBT	Tahun Terakhir Nilaian	Anggaran Jumlah patut dikutip tahun 2015	Perbezaan tahun (Kenaikan 5% setahun)	Anggaran patut dikutip pada tahun nilian 2015
MBSA	**2006**	**264.50**	**45%**	**383.52**
MBPJ	**1992**	**209.06**	**120%**	**355.40**
MPK	**1993**	**161.44**	**115%**	**266.38**
MPAJ	**1997**	**98.74**	**90%**	**138.24**
MPSJ	**1992 & 1996**	**191.20**	**95%**	**277.24**
MPS	**1985**	**96.14**	**155%**	**197.09**
MPKJ	**1985**	**88.82**	**155%**	**182.08**
MPSP	**1996**	**86**	**95%**	**124.70**
MDKL	**1987**	**27.4**	**145%**	**53.43**
MDHS	**1996**	**46**	**100%**	**69.00**
MDKS	**1997**	**21.4**	**95%**	**31.03**
MDSB	**1986**	**4.16**	**145%**	**8.11**

PBT: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	4%	25,377,534.66
2.	Kediaman(bertingkat)	3.5% & 5%	8,197,960.79
3.	Komersial	6.5% & 7%	45,457,878.97
4.	Perindustrian	7% & 7.5%	48,769,327.54
5.	Dan Lain-lain	1%, 2% & 3.5%	5,644,907.74
Jumlah			133,447,6097.70

PBT: MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	5% -8.8%	45,792,496.91
2.	Kediaman(bertingkat)	5% -8.8%	40,062,057.58
3.	Komersial	5% -8.8%	30,145,262.16
4.	Perindustrian	5% -8.8%	23,979,580.66
5.	Dan Lain-lain	5% -8.8%	106,446,584.21
Jumlah			246,425,981.52

Nota: Jumlah kutipan adalah bagi kutipan semasa sehingga 30 Jun 2016 yang belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara**.**

PBT: MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	2.2%, 6.5%,9.5% & 10.5%	33,336,776.97
2.	Kediaman(bertingkat)	2.2%, 6.5%,9.5% & 10.5%	6,873,532.44
3.	Komersial	3.25%,7.5%,10.5%&11.5%	40,022,435.72
4.	Perindustrian	3.25%,7.5%,10.5%&11.5%	50,503,652.69
5.	Dan Lain-lain	3.25%-11.5%	30,723,489.83
Jumlah			161,459,887.65

PBT: MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	5.5%	59,918,345.00
2.	Kediaman(bertingkat)	5.5%	
3.	Komersial	6.6%	33,123,372.00
4.	Perindustrian	7.15%	3,314,013.00
5.	Dan Lain-lain	1.1% &2.2%	1,149,326.00
Jumlah			97,606,056.00

Nota: Jumlah kutipan adalah bagi kutipan semasa sehingga 30 Jun 2016 yang belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara**.**

PBT: MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	5% & 8%	84,901,197.08
2.	Kediaman(bertingkat)		
3.	Komersial	6% & 8%	109,660,106.79
4.	Perindustrian		
5.	Dan Lain-lain	2%, 3% & 8%	484,200.81
Jumlah			195,045,504.68

PBT: MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	4%,6.5% & 8.6%	39,641,808.51
2.	Kediaman(bertingkat)	6.5%, 8% & 8.6%	12,421,927.60
3.	Komersial	10.8%	23,180,041.20
4.	Perindustrian	12%	28,931,966.69
5.	Dan Lain-lain	3% - 10.8%	1,187,403.41
Jumlah			105,363,147.41

Nota: Jumlah kutipan adalah bagi kutipan semasa sehingga 30 Jun 2016 yang belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara**.**

PBT: MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	2% - 8%	56,056,751.93
2.	Kediaman(bertingkat)		
3.	Komersial	3% - 9%	20,138,044.52
4.	Perindustrian	4.4% -11%	20,833,595.70
5.	Dan Lain-lain	1% - 5%	1,453,131.89
Jumlah			98,481,524.04

PBT: MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	7.35%	21,35150.44
2.	Kediaman(bertingkat)		
3.	Komersial	8.4%	45,993,258.07
4.	Perindustrian	9.45%	3,036,059.85
5.	Dan Lain-lain	4% - 5.25%	19,495,287.42
Jumlah			89,875,755.78

Nota: Jumlah kutipan adalah bagi kutipan semasa sehingga 30 Jun 2016 yang belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara**.**

PBT: MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	5%-14%	9,382,159.60
2.	Kediaman(bertingkat)	6% - 14%	1,727,309.30
3.	Komersial	6% - 14%	4,924,935.50
4.	Perindustrian	6% - 14%	10,593,900.55
5.	Dan Lain-lain	6% - 14%	15,807.00
Jumlah			26,644,111.95

PBT: MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	9%	18,848,253.74
2.	Kediaman(bertingkat)	9%	2,213,917.11
3.	Komersial	11%	19,046,138.04
4.	Perindustrian	8%	17,390,446.16
5.	Dan Lain-lain	2%	325,076.95
Jumlah			57,823,832.00

Nota: Jumlah kutipan adalah bagi kutipan semasa sehingga 30 Jun 2016 yang belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara**.**

PBT: MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	6% & 7%	8,968,046.19
2.	Kediaman(bertingkat)	6% & 7%	4,890,670.00
3.	Komersial	8%	6,823,512.19
4.	Perindustrian	10% & 12%	4,551,935.67
5.	Dan Lain-lain	1%-12%	4,970,951.78
Jumlah			30,205,115.83

PBT: MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL.	Jenis Premis	Kadar Cukai Taksiran	
		Kadar Cukai	Jumlah (RM)
1.	Kediaman(Landed)	5% - 11.75%	2,653,280.69
2.	Kediaman(bertingkat)	11.75%	621,338.70
3.	Komersial	7% - 12%	1,631,029.05
4.	Perindustrian	13%	2,117,252.54
5.	Dan Lain-lain	1% - 4.5%	332,956.35
Jumlah			7,355,857.33

Nota: Jumlah kutipan adalah bagi kutipan semasa sehingga 30 Jun 2016 yang belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara**.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PELAN MENGATASI KETIDAKCEKAPAN SISTEM PENGURUSAN PANGSAPURI

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pelan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah pengurusan pangsapuri terutama jenis kos rendah?

b) Bilakah dijangka selesai?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri. Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program "Memberdayakan Komuniti" untuk membantu menyelesaikan masalah secara tuntas bagi semua pangsapuri kos rendah dengan penekanan kepada 3 aspek pengurusan seperti berikut:

i- Pengurusan Fizikal.
ii- Pengurusan Komuniti.
iii- Pengurusan Kepimpinan.

Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan beberapa penambahbaikan kepada program-program "Memberdayakan Komuniti" sedia ada seperti berikut:

i- <u>CERIA (Caring Government For Residents' Improvement Aid Scheme).</u>
Perluasan skop daripada pangsapuri kos rendah/sederhana rendah berharga sehingga RM70,000.00 kepada harga sehingga RM150,000.00 termasuk untuk Rumah Selangorku Jenis B dan C1 bagi kerja-kerja baikpulih seperti berikut:

- Lif
- Bumbung
- Tangki Air

- Pembentung
- Cat Bangunan

ii- SEROJA (Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)

Pemberian geran RM5,000.00 daripada RM10,000.00 untuk program keselamatan tahunan untuk digunakan bagi memasang CCTV. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri prihatin akan cabaran penduduk pangsapuri kos rendah untuk melaksanakan aktiviti rondaan di atas kekangan masa untuk bekerja.

iii- FOKUS (Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata)

Pemberian tambahan peruntukan sejumlah RM5,000.00 daripada RM15,000.00 sedia ada bagi pelaksanaan kursus FOKUS khas untuk memberi latihan kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan jadual petak yang mempunyai maklumat unit-unit syer bagi setiap pemilik dan memfailkannya ke Pesuruhjaya Bangunan selaras dengan kehendak Seksyen 8, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

iv- K-SQUAD (PPROGRAM KHAS PEMBERDAYAAN KOMUNITI)

Pelaksanan K-Squad untuk membangunkan keupayaan komuniti miskin bandar mengurus bangunan dan komuniti dengan berkesan dan Pangsapuri Seri Perantau, Klang telah dipilih sebagai projek perintis. Melalui skim tersebut, pelantikan ejen pengurusan dibuat selaras dengan kehendak Seksyen 86, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Berdasarkan Akta 757, skop ejen pengurusan adalah untuk mengurus dan menyenggara pangsapuri. Walau bagaimanapun, di bawah K-Squad, skop ejen pengurusan ditambah seperti berikut:

- Mengemukakan laporan audit bangunan;
- Menetapkan kadar caj ideal;
- Membuat bancian dan mengenalpasti penduduk yang tidak mampu membayar caj;
- Memberi latihan kepada penduduk yang berpotensi untuk menjadi ahli jawatankuasa JMB/MC dalam aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan; dan
- Membantu menguruskan Program-program Pemberdayaan Komuniti Negeri Selangor untuk komuniti terbabit.

v- SAMBUTAN HARI PANGSAPURI HARMONI MALAYSIA

Sempena sambutan Hari Pangsapuri Malaysia Harmoni, Kerajaan Negeri akan mengadakan dua program sebagai penghargaan kepada JMB/MC kos rendah/sederhana rendah seperti berikut:

- Majlis Terima Kasih JMB/MC Wanita untuk menghargai peranan mereka dalam memberi sumbangan kepada negeri dan negara bukan sahaja sebagai ibu dan pekerja malahan sebagai ahli jawatankuasa JMB/MC.

- Karnival Komuniti CERIA JMB/MC untuk menghargai JMB/MC yang memberi sumbangan kepada negeri dalam membentuk komuniti pangsapuri "Bersih, Ceria, Harmoni"

vi- PENARAFAN KOMUNITI

Selain daripada Anugerah K-STAR (Komuniti Bestari) yang diwujudkan untuk peserta-peserta yang telah menerima bantuan Skim CERIA, Kerajaan Negeri telah mewujudkan dua lagi anugerah supaya JMB/MC kos rendah/sederhana rendah terus berdaya saing seperti berikut:

- Anugerah K-Inovasi.

- Anugerah Penjimatan Air Negeri Selangor.

Penyampaian anugerah akan dibuat pada Program Perhimpunan Perdana JMB/MC yang dijangka pada 31 Oktober 2016.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM104.7 jutabagi pelaksanaan bagi 19 program "Memberdayakan Komuniti seperti butiran terperinci di LAMPIRAN A.

b) Faktor kejayaan bagi penyelesaian isu-isu JMB tidak boleh diletakkan ke atas bahu Kerajaan Negeri semata-mata. Berdasarkan analisis yang dibuat kepada JMB atau MC pangsapuri-pangsapuri yang berjaya, faktor utama yang mendorong kepada penyelesaian isu-isu JMB adalah kemahuan, komitmen dan kerjasama sesebuah komuniti pangsapuri itu sendiri untuk membuat perubahan menjadikan pangsapuri mereka kepada pangsapuri "Bersih, Ceria Dan Harmoni". Walau apa usaha yang dilaksanakan Kerajaan Negeri, tetapi penduduk tidak

mahu melaksanakan tanggungjawab mereka maka isu JMB tidak akan dapat diselesaikan. Antara model-model terbaik pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

BIL	PANGSAPURI	COB, PBT
1	Tun Teja	MPS
3	Nusa Kurnia	MPAJ
4	Prima Cempaka	MPKj
5	Idaman	MBPJ

Malahan terdapat juga di bawah kes Pemudah Isu-isu Hartanah Bertingkat Negeri Selangor (PRIHATIN) iaitu Pangsapuri Petaling Utama C & D yang mempunyai tunggakan hutang utiliti dan kontraktor penyenggaraan bangunan sehingga mencecah RM1 juta tetapi sehingga bulan Jun 2016 berjaya menyelesaikan 90% daripada jumlah tunggakan tersebut.

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

1. KATEGORI PENGURUSAN FIZIKAL

LAMPIRAN A

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
1.	**CERIA** *(Caring Government For Residents, Improvement Aid)*	• Bantuan kewangan untuk membaik pulih harta bersama secara perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk.	• Nilai Kerja -RM65.3 juta • Jumlah Projek -240 projek
2.	**SAFWA** *(Selangor Free Water Apartment)*	• Pemberian rebet air percuma RM11.40 kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal melalui kaedah **"Lapor dan Dapat"**	• Jumlah Tuntutan -RM36.5 juta • Bilangan Pangsapuri Terlibat -234 pangsapuri (66,512 unit)
3.	**PERMAI** *(Pemudah Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu)*	• Penyelarasan bagi pelaksanaan migrasi meter air individu bersama SYABAS, COB PBT dan JMB/MC.	•25 Projek -8 projek siap/15 sedang berjalan/ 2 proses sedia BQ -RM795,615.52
4.	**Perpustakaan Komuniti**	• Menyediakan prasarana kepada komuniti bagi mewujudkan budaya "Masyarakat Berilmu"	• Jumlah Kos -RM145,000.00 • Jumlah Projek -2 projek

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

1. KATEGORI PENGURUSAN FIZIKAL

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
5.	**LAMAN HIJAU**	Program pembangunan kawasan hijau di pangsapuri.	• 12 pangsapuri. • RM50,0000.00

2. KATEGORI PENGURUSAN KOMUNITI

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
1.	**Kempen BCH** *"Pangsapuri Kita… Bersih, Ceria Dan Harmoni"*	• Program kesedaran kepada penduduk berhubung tanggungjawab membayar caj dan menjaga harta bersama.	• Jumlah kos -RM487,752.05 • Jumlah pangsapuri terlibat -30 kawasan
2.	**SKORA** *(Skim Pengenalan Pengurusan Bangunan Strata)*	• Program untuk memberi pendidikan mengenai budaya kehidupan dan pengurusan bangunan strata kepada kumpulan sasar seperti berikut : I. Pembeli baru unit rumah pangsapuri. II. Pelajar sekolah rendah / menengah yang menduduki pangsapuri.	• 4 program turun padang. ❑ SMK Dato' Hamzah ❑ SMK Taman Keramat ❑ SMK Ideal Heights ❑ SMK Taman Jasmin ❑ RM80,000.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
3.	**SEROJA** *(Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)*	• Insentif kepada JMB/MC yang aktif melaksanakan *self monitoring* bagi keselamatan pangsapuri masing-masing. ✓ 5 set peralatan ✓ Geran tahunan RM10,000 setahun untuk program keselamatan. ✓ Khairat Ihsan - Meninggal Dunia RM 10,200 - Cedera Kekal RM 10,000 - Cedera Bukan Kekal RM2,000 (maksimum)	-46 kawasan -RM182,696.00
4.	***FOKUS UNIT SYER***	Kursus khas untuk memberi latihan kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan jadual petak yang mempunyai maklumat unit-unit syer bagi setiap pemilik dan memfailkannya ke COB selaras dengan kehendak Seksyen 8, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).	-4 siri -RM12,500.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
5.	**Diskaun Cukai Pintu 25%**	• Diskaun cukai pintu sejumlah 25% kepada pemilik yang menduduki pangsapuri kos rendah.	•Nilaian Tuntutan -RM65,049.54 • Bilangan Tuntutan -2,334 tuntutan
6.	**OPS Bayar**	• Pendakwaan ke mahkamah bagi pemilik yang gagal membayar caj kepada JMB/MC	• 631 kes pendakwaan ke mahkamah
7.	**K-STAC** (*Sistem Tadbir Urus Akaun)*	• Menyediakan sistem dan set peralatan komputer kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan akaun secara sistematik seterusnya sebagai persediaan untuk melaksanakan auditan ke atas akaun pengurusan bangunan.	•25 kawasan •RM246,500.00
8.	**K-Inovasi**	• Membina anjakan paradigma kepada JMB/MC untuk terus berinovasi, berdaya saing menjadi model komuniti terbaik.	•7 kawasan • Dana Pelaksanaan • RM21,000.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
9.	**Kempen Pengurangan Sisa Pepejal**	•Kempen kepada penduduk pangsapuri kos rendah untuk mengurangkan penggunaan sisa pepejal khususnya plastik.	RM40,000.00 1,500 mangkuk tingkat
10.	**Pendidikan/ Promosi**	• Program pembangunan minda di peringkat akar umbi dengan memberi pendidikan mengenai budaya kehidupan dan pengurusan bangunan strata kepada kumpulan sasar serta memperkenalkan program-program pembangunan komuniti.	RM100,000.00

3. KATEGORI PENGURUSAN KEPIMPINAN

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
1.	**K-STAR** *(Penarafan Komuniti Bestari)*	• Program penarafan dan pengiktirafan kepada JMB/MC yang berjaya menguruskan bangunan dan membangunkan komuniti mereka.	• Jumlah pangsapuri terlibat untuk penilaian -53 pangsapuri ❑ Markah 70% ke atas -2 pangsapuri ❑ Markah 50% ke atas - 11 pangsapuri ❑ Markah 40% ke bawah -40 pangsapuri
2.	**FOKUS** *(Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata)*	• Program kursus dan latihan kepada JMB/MC supaya mereka mempunyai kemahiran dalam menguruskan bangunan strata mengikut perundangan yang ditetapkan.	• Jumlah siri kursus -74 siri, 764 peserta • Jumlah kos -RM645,175.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
3.	**K-KLIK** *(Kelab Interaktif Komuniti)*	• Program membentuk pemimpin daripada peringkat belia yang menetap di pangsapuri untuk menguruskan bangunan dan membangunkan komuniti di kawasan pemajuan mereka.	•20 kawasan • RM88,861.00
4.	***K-SQUAD*** *(Pemberdayaan Komuniti)*	• Projek untuk membangunkan keupayaan komuniti miskin bandar mengurus bangunan dan komuniti dengan berkesan.	• Pangsapuri Ser Perantau (projek perintis) • Fi ejen bulan Jun 2016 • RM6,840.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)

TAJUK : PERPARITAN

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Banyak parit2 dan longkang2 di Ijok masih dipenuhi oleh rumput2 dan tumbuhan2 menyebabkan banjir dan pembiakan nyamuk. Apakah SOP JPS Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

a) Garis panduan (SOP) untuk mengendalikan parit-parit dan longkang-longkang di kawasan kampung-kampung adalah seperti berikut:

1) Kerja-kerja pembersihan parit termasuk mengorek kelodak/enapan di dasar parit serta kiri dan kanan tebing parit.
2) Menebas dan memotong rumput di kiri dan kanan bahu parit.
3) Mengangkut keluar sisa korekan ke tempat buangan yang dibenarkan.
4) Sentiasa memastikan parit dapat berfungsi dan mengalirkan air dengan lancar.

Untuk makluman, kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sistem saliran di dalam kawasan Ijok akan dilaksanakan sebanyak 3 pusingan setahun oleh Jawatankuasa Ketua Kampung (JKK) yang dibuat secara bergotong royong. Pada tahun 2016, JPS Kuala Selangor mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 untuk kerja-kerja penyelenggaraan khas bagi DUN Ijok. Sehingga 18 Julai 2016, 4 sebutharga telah dipanggil. Daripada keseluruhan 4 sebutharga, Satu (1) sebutharga berjumlah RM 106,005.00 sedang berjalan manakala 3 lagi sebutharga dengan anggaran kos sebanyak RM 300,000.00 akan ditutup pada 25 Julai 2016.

Maklumat Tambahan:

BIL	NAMA PARIT	KAMPUNG	PANJANG (m)	LEBAR(m)
1	Pt. Jalan Sempadan	Kampung Ijok	1950	7.5
2	Pt. Jalan Hj. Mokhtar		1600	7.5
3	Pt. Jalan Hj. Sharif		1700	7.5
4	Pt. Jalan HJ. Alias		1540	6.8
5	Pt Jalan Mawar		1200	7.5
6	Pt Jalan Rose		950	6.5
7	Pt Jalan Dato' Moskam		2120	6.7
8	Pt Jalan Abdul Aziz		850	6.7
9	Pt Jalan Utama Persekutuan Kanan		3025	6.0
10	Pt Jalan Utama Persekutuan Kiri		3025	6.0
11	Pt Pusat Desa	Kampung Bukit Badong	1550	6.8
12	Pt Jalan Datuk Karjan		1950	7.5
13	Pt Jalan Sempadan		1600	6.2
14	Pt Jalan Lintang 2		1100	7.2
15	Pt Jalan Hj. Mansur		650	6.8
16	Pt Jalan Salleh/ Hj. Nasir		1250	7.1
17	Pt Jalan Shafie		950	6.5
18	Pt Jalan Hj. Nor		650	6.5
19	Pt Jalan Lintang 3 Kanan		1025	7.2
20	Pt Jalan Lintang 3 Kiri		1025	7.2
21	Pt Jalan Tarmidi		1000	6.2
22	Pt Jalan Pingitan		1000	6.7
23	Pt Jalan Warisan 1 & 2 Kanan		925	7.5
24	Pt Jalan Warisan 1 & 2 Kiri		925	7.5
25	Pt Jalan Muhibah 1,2,3		2050	6.7
26	Pt Jalan Sempadan Tasik Putri	Kampung Harmoni	1800	9.5
27	Pt Jalan Bakti		1250	6.5
28	Pt Jalan Makmur		1350	8.0
29	Pt Jalan Makmur Lintang 2		1280	7.0
30	Pt Jalan Rukun		1900	8.5
31	Pt Jalan Dusun		450	6.8
32	Pt Jalan Sempadan 2		400	6.0
33	Pt Jalan Pinggiran		400	8.0
34	Pt KB/BB1	Kampung Jaya Setia	1280	9.0
35	Pt Loji		600	7.0
36	Pt Jalan Jaya 1		440	7.0

37	PT KB /DD 1		1500	7.0
38	Pt Jalan Waja		800	6.0
39	PT TS/G1G3		1700	7.0

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PROJEK PEMULIHAN SUNGAI KLANG

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan negeri akan meneruskan projek pemulihan Sg. Klang.

b) Jika ya apakah perancangan dan tindakan yang telah di buat oleh kerajaan negeri.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan pusat jagaan kanak-kanak yang telah didaftarkan serta mempunyai lesen/permit yang sah?

b) Berapakah bilangan pusat jagaan mampu bayar ("Affordable Childcare Centre") yang akan dibina di Selangor?

c) Di manakah Pusat Jagaan Mampu Bayar tersebut akan dibina?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod pendaftaran pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, setakat Jun 2016 terdapat sebanyak 313 buah pusat jagaan kanak-kanak telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Statistik bilangan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar di Selangor mengikut daerah sehingga Jun 2016 adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	BILANGAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERDAFTAR
1.	Petaling Jaya	139
2.	Hulu Langat	57
3.	Klang	44
4.	Gombak	36

BIL	DAERAH	BILANGAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERDAFTAR
5.	Sepang	14
6.	Hulu Selangor	10
7.	Kuala Selangor	6
8.	Kuala Langat	4
9.	Sabak Bernam	3
JUMLAH		**313**

(Jawapan ini telah disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor)

b) dan (c) adalah seperti berikut:-

Menjadi hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk melihat lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak yang mampu bayar didirikan di kawasan perumahan mampu milik khususnya, agar dapat membantu golongan wanita yang bekerjaya meneruskan pekerjaan disamping memastikan penjagaan yang selamat dan sempurna terhadap anak-anak mereka di tempat asuhan.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang mengkaji garis panduan pembangunan sedia ada untuk memastikan perancangan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak diperuntukkan secara khusus dalam garis panduan pembangunan agar lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak dapat diwujudkan di kawasan perumahan mampu milik dan kos rendah di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : SAMPAH HARAM

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap operator sama ada individu atau syarikat yang menguruskan tempat pembuangan sampah haram?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah (Pegawai Daerah) boleh mengambil tindakan terhadap operator sama ada individu atau syarikat yang menguruskan tempat pembuangan sampah haram di bawah peruntukan perlanggaran syarat tanah **Kanun Tanah Negara 1960** . Manakala Pihak Berkuasa Tempatan pula boleh mengambil tindakan di bawah bidang kuasa sedia ada termasuk menguatkuasakan Undang-Undang Kecil (UUK) berkaitan kesalahan dalam pembuangan sampah contohnya **UUK Pemungutan, Pembuangan, Dan Pelupusan Sampah Sarap** & **UUK Jalan, Parit dan Bangunan.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PENGURUSAN JMB-MC

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauhmana program ini dapat membantu JMB-MC menyelesaikan masalah pengurusan yang ada?

b) Sila nyatakan dari jumlah JMB-MC yang ada, berapa yang telah dikenalpasti bermasalah?

c) Apakah program ini di wajibkan kepada setiap badan pengurusan atau sebaliknya? Jika tidak, bila akan diwajibkan?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri. Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program “Memberdayakan Komuniti” untuk membantu menyelesaikan masalah secara tuntas bagi semua pangsapuri kos rendah dengan penekanan kepada 3 aspek pengurusan seperti berikut:

i- Pengurusan Fizikal.
ii- Pengurusan Komuniti.
iii- Pengurusan Kepimpinan.

Atas dasar keprihatinan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh JMB/MC, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM104.7 juta bagi pelaksanaan 19 program “Memberdayakan Komuniti sebagai strategi tindakan penyelesaian kepada masalah pengurusan seperti berikut:

BIL	KATEGORI PENGURUSAN	PROGRAM
1	Fizikal	CERIA SAFWA PERMAI Perpustakaan Komuniti Laman Hijau

BIL	KATEGORI PENGURUSAN	PROGRAM
2	Komuniti	Kempen BCH SKORA SEROJA FOKUS Unit Syer Diskaun Cukai Pintu 25% OPS Bayar K-STAC K-Inovasi Kempen Pengurangan Sisa Pepejal Pendidikan/Promosi
3	Kepimpinan	K-STAR FOKUS K-KLIK K-SQUAD

Butiran terperinci program seperti di LAMPIRAN A.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan Negeri sentiasa menyesuaimanfaat bagi memastikan setiap program yang dijalankan dapat memberi nilai tambah dan membantu JMB/MC menyelesaikan masalah pengurusan pangsapuri mereka. Kajian impak dilaksanakan ke atas setiap program dan penambahbaikan akan dibuat sekiranya program tidak mencapai sasaran tahunan. Kerajaan Negeri mensasarkan sejumlah 75% daripada jumlah pangsapuri kos rendah khususnya mencapai status Komuniti Bestari menjelang tahun 2020.

b) Kerajaan negeri tiada data mengenai jumlah JMB/MC yang dikenal pasti bermasalah kerana definisi “bermasalah” itu sendiri dalam konteks penyenggaraan dan pengurusan bangunan mempunyai pelbagai dimensi. Selain itu, punca JMB/MC bermasalah adalah kerana kelemahan “human value”

pada sikap penduduk mahupun ahli jawatankuasa yang merupakan faktor di luar kawalan.

Berdasarkan analisis yang dibuat kepada JMB atau MC pangsapuri-pangsapuri yang berjaya, faktor utama yang mendorong kepada penyelesaian isu-isu JMB adalah kemahuan, komitmen dan kerjasama sesebuah komuniti pangsapuri itu sendiri untuk membuat perubahan menjadikan pangsapuri mereka kepada pangsapuri "Bersih, Ceria Dan Harmoni". Walau apa usaha yang dilaksanakan Kerajaan Negeri, tetapi penduduk tidak mahu melaksanakan tanggungjawab mereka maka isu JMB tidak akan dapat diselesaikan.

Namun, Negeri Selangor mempunyai beberapa model-model terbaik pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

BIL	PANGSAPURI	COB, PBT
1	Tun Teja	MPS
3	Nusa Kurnia	MPAJ
4	Prima Cempaka	MPKj
5	Idaman	MBPJ

Malahan terdapat juga di bawah kes Pemudah Isu-isu Hartanah Bertingkat Negeri Selangor (PRIHATIN) iaitu Pangsapuri Petaling Utama C & D yang mempunyai tunggakan hutang utiliti dan kontraktor penyenggaraan bangunan sehingga mencecah RM1 juta tetapi sehingga bulan Jun 2016 berjaya menyelesaikan 90% daripada jumlah tunggakan tersebut.

c) Buat masa ini, sasaran program "Memberdayakan Komuniti adalah pangsapuri kos rendah/sederhana rendah. Mana-mana JMB/MC berkenaan boleh pada bila-bila masa membuat permohonan untuk menyertai program tersebut.

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

1. KATEGORI PENGURUSAN FIZIKAL

LAMPIRAN A

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
1.	**CERIA** *(Caring Government For Residents, Improvement Aid)*	• Bantuan kewangan untuk membaik pulih harta bersama secara perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk.	• Nilai Kerja -RM65.3 juta • Jumlah Projek -240 projek
2.	**SAFWA** *(Selangor Free Water Apartment)*	• Pemberian rebet air percuma RM11.40 kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal melalui kaedah **"Lapor dan Dapat"**	• Jumlah Tuntutan -RM36.5 juta • Bilangan Pangsapuri Terlibat -234 pangsapuri (66,512 unit)
3.	**PERMAI** *(Pemudah Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu)*	• Penyelarasan bagi pelaksanaan migrasi meter air individu bersama SYABAS, COB PBT dan JMB/MC.	•25 Projek -8 projek siap/15 sedang berjalan/ 2 proses sedia BQ -RM795,615.52
4.	**Perpustakaan Komuniti**	• Menyediakan prasarana kepada komuniti bagi mewujudkan budaya "Masyarakat Berilmu"	• Jumlah Kos -RM145,000.00 • Jumlah Projek -2 projek

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

1. KATEGORI PENGURUSAN FIZIKAL

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
5.	**LAMAN HIJAU**	Program pembangunan kawasan hijau di pangsapuri.	• 12 pangsapuri. • RM50,0000.00

2. KATEGORI PENGURUSAN KOMUNITI

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
1.	**Kempen BCH** *"Pangsapuri Kita… Bersih, Ceria Dan Harmoni"*	• Program kesedaran kepada penduduk berhubung tanggungjawab membayar caj dan menjaga harta bersama.	• Jumlah kos -RM487,752.05 • Jumlah pangsapuri terlibat -30 kawasan
2.	**SKORA** *(Skim Pengenalan Pengurusan Bangunan Strata)*	• Program untuk memberi pendidikan mengenai budaya kehidupan dan pengurusan bangunan strata kepada kumpulan sasar seperti berikut : I. Pembeli baru unit rumah pangsapuri. II. Pelajar sekolah rendah / menengah yang menduduki pangsapuri.	• 4 program turun padang. ❑ SMK Dato' Hamzah ❑ SMK Taman Keramat ❑ SMK Ideal Heights ❑ SMK Taman Jasmin ❑ RM80,000.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
3.	**SEROJA** *(Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)*	• Insentif kepada JMB/MC yang aktif melaksanakan *self monitoring* bagi keselamatan pangsapuri masing-masing. ✓ 5 set peralatan ✓ Geran tahunan RM10,000 setahun untuk program keselamatan. ✓ Khairat Ihsan - Meninggal Dunia RM 10,200 - Cedera Kekal RM 10,000 - Cedera Bukan Kekal RM2,000 (maksimum)	-46 kawasan -RM182,696.00
4.	***FOKUS UNIT SYER***	Kursus khas untuk memberi latihan kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan jadual petak yang mempunyai maklumat unit-unit syer bagi setiap pemilik dan memfailkannya ke COB selaras dengan kehendak Seksyen 8, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).	-4 siri -RM12,500.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
5.	**Diskaun Cukai Pintu 25%**	• Diskaun cukai pintu sejumlah 25% kepada pemilik yang menduduki pangsapuri kos rendah.	•Nilaian Tuntutan -RM65,049.54 • Bilangan Tuntutan -2,334 tuntutan
6.	**OPS Bayar**	• Pendakwaan ke mahkamah bagi pemilik yang gagal membayar caj kepada JMB/MC	• 631 kes pendakwaan ke mahkamah
7.	**K-STAC** (*Sistem Tadbir Urus Akaun)*	• Menyediakan sistem dan set peralatan komputer kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan akaun secara sistematik seterusnya sebagai persediaan untuk melaksanakan auditan ke atas akaun pengurusan bangunan.	•25 kawasan •RM246,500.00
8.	**K-Inovasi**	• Membina anjakan paradigma kepada JMB/MC untuk terus berinovasi, berdaya saing menjadi model komuniti terbaik.	•7 kawasan • Dana Pelaksanaan • RM21,000.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
9.	**Kempen Pengurangan Sisa Pepejal**	•Kempen kepada penduduk pangsapuri kos rendah untuk mengurangkan penggunaan sisa pepejal khususnya plastik.	RM40,000.00 1,500 mangkuk tingkat
10.	**Pendidikan/ Promosi**	• Program pembangunan minda di peringkat akar umbi dengan memberi pendidikan mengenai budaya kehidupan dan pengurusan bangunan strata kepada kumpulan sasar serta memperkenalkan program-program pembangunan komuniti.	RM100,000.00

3. KATEGORI PENGURUSAN KEPIMPINAN

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
1.	**K-STAR** *(Penarafan Komuniti Bestari)*	• Program penarafan dan pengiktirafan kepada JMB/MC yang berjaya menguruskan bangunan dan membangunkan komuniti mereka.	• Jumlah pangsapuri terlibat untuk penilaian -53 pangsapuri ❑ Markah 70% ke atas -2 pangsapuri ❑ Markah 50% ke atas - 11 pangsapuri ❑ Markah 40% ke bawah -40 pangsapuri
2.	**FOKUS** *(Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata)*	• Program kursus dan latihan kepada JMB/MC supaya mereka mempunyai kemahiran dalam menguruskan bangunan strata mengikut perundangan yang ditetapkan.	• Jumlah siri kursus -74 siri, 764 peserta • Jumlah kos -RM645,175.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2016
3.	**K-KLIK** *(Kelab Interaktif Komuniti)*	• Program membentuk pemimpin daripada peringkat belia yang menetap di pangsapuri untuk menguruskan bangunan dan membangunkan komuniti di kawasan pemajuan mereka.	•20 kawasan • RM88,861.00
4.	***K-SQUAD*** *(Pemberdayaan Komuniti)*	• Projek untuk membangunkan keupayaan komuniti miskin bandar mengurus bangunan dan komuniti dengan berkesan.	• Pangsapuri Ser Perantau (projek perintis) • Fi ejen bulan Jun 2016 • RM6,840.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PELABURAN NEGERI

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan prestasi nilai pelaburan semasa diterima negeri tahun 2016?

b) Bagaimanakah prospek pelaburan tahun ini?

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, sebanyak 51 projek perkilangan telah diluluskan MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 914,638,258. Dari jumlah ini sebanyak RM 436,443,339 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 478,194,919 daripada pelaburan asing. Sebanyak 2,933 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan.

b) Berdasarkan keadaan ekonomi semasa, Invest Selangor mensasarkan pelabur sebanyak RM 6 bilion bagi tahun 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : LAMPU LED BERKOS RM5.6 JUTA

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri berkenaan pemasangan lampu-lampu jenis LED setiap PBT berkos RM5.6 juta seperti mana yang diwar-warkan dalam media?

b) Bilakah lokasi dan tempat pemasangan dijalankan di sekitar Daerah Kuala Langat memandangkan cadangan lokasi lama dihantar kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah meluluskan 50 unit lampu LED di setiap DUN di PBT Negeri Selangor dengan anggaran siling sebanyak RM5.6 juta. Kerajaan Negeri telah membuat penyelarasan dengan PBT berhubung lokasi dan pengesahan dari ADUN PBT masing-masing. PBT telah mengenal pasti kawasan yang bersesuaian berdasarkan kriteria *hot spot* jenayah dan nisbah pembahagian lokasi hendaklah 70% di kawasan perumahan dan 30% di jalan utama. Kerajaan Negeri akan menanggung kos pemasangan lampu LED dengan menggunakan peruntukan MARRIS.

b) Untuk makluman, surat pemberian kuasa dan kelulusan berbelanja kepada pihak MDKL telah diterima 28.06.2016 dan kini di dalam proses penyediaan untuk proses perolehan sebutharga.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PERLABURAN ANTARABANGSA

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status dan berapakah jumlah pelaburan antarabangsa di Negeri Selangor setakat ini?

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2016, sebanyak 51 projek perkilangan telah diluluskan MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 914,638,258. Dari jumlah ini sebanyak RM 436,443,339 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 478,194,919 daripada pelaburan asing. Sebanyak 2,933 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan.

Berdasarkan jumlah nilai pelaburan yang dicatatkan menunjukkan penglibatan pelabur asing masih aktif di Negeri Selangor dimana separuh daripada jumlah nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor perindustrian adalah daripada pelaburan asing iaitu sebanyak RM 478,194,919.

Antara projek perkilangan yang diluluskan di Selangor mengikut penglibatan pelabur asing adalah seperti berikut;-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan Asing (RM)
Singapore	4	687	191,830,823
United Arab Emirates (UAE)	1	35	69,256,700
Germany	1	106	52,909,375
Italy	1	101	52,050,000
Switzerland	1	52	44,191,000
India	1	77	38,609,845
Hong Kong	1	68	6,233,850
Netherlands	1	76	6,120,000
Japan	3	36	3,034,598
United Kingdom	1	7	2,420,600
British Virgin Island	1	2	2,178,831
Korea Rep.	1	2	319,802
Lain – Lain Negara	6	734	9,039,496
Jumlah	***	***	**478,194,920**

* Sumber : MIDA

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PROGRES PEJABAT DAERAH MEMPROSES PERMOHONAN PEMUTIHAN TANAH

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah progres Pejabat Daerah memproses permohonan pemutihan tanah kediaman kepada industri?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : KAKITANGAN KONTRAK DI JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa ramai kakitangan bertaraf kontrak bagi jawatan gred A, B, C dan D terdapat di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor ?

b) Adakah Kerajaan bersedia untuk menyerap mereka menjadi kakitangan tetap ?

c) Apakah masa depan kakitangan kontrak ini ?

JAWAPAN:

a)

Sehingga 15 Julai 2016 terdapat 5,020 orang kakitangan bertaraf kontrak di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Butiran lengkap senarai tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Kumpulan	Jumlah
1	Gred A (JUSA)	3
2	Gred B (41 ke 54)	496
3	Gred C (17 ke 40)	3,478
4	Gred D (1 ke 16)	1,043
	Jumlah Keseluruhan	**5,020**

Sumber Data: EIS, Pangkalan Data HRMIS, 15 Julai 2016

b) Dan c)

Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menyerap kakitangan bertaraf kontrak untuk menjadi kakitangan tetap selaras dengan keputusan pelaksanaan penetapan pegawai kontrak yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Bajet 2016. Pemakaian Garis Panduan Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service)* Untuk Tujuan Pelantikan Secara Tetap oleh Kerajaan Negeri Selangor akan mula dilaksanakan sepenuhnya berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Pegawai kontrak yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik tetap dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut sepertimana yang telah ditetapkan oleh Garis Panduan yang tersebut:-

a) warganegara Malaysia;
b) dilantik secara kontrak sebelum atau pada 23 Oktober 2015;
c) mempunyai tempoh perkhidmatan kontrak yang berterusan sekurang-kurangnya 15 tahun;
d) sedang berkhidmat secara kontrak pada dan selepas 1 Julai 2016;
e) sekiranya tempoh kontrak pegawai tamat sebelum atau pada 1 Julai 2016, pelanjutan/ pelantikan kontrak yang baharu selepas 1 Julai 2016 dibuat tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh tamat kontrak terdahulu;
f) berprestasi baik dengan markah prestasi terkini sekurang-kurangnya 80% dan ke atas;
g) lulus tapisan keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan;
h) melepasi tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
i) diperakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar;
j) diperaku untuk dilantik tetap oleh Ketua Jabatan berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kepentingan organisasi; dan

k) diperakukan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) mengambil kira tapisan yang disyaratkan seperti lulus temuduga.

Kakitangan kontrak yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh ditetapkan sekiranya pegawai memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menikmati faedah-faedah yang ditawarkan oleh Kerajaan sebagaimana kakitangan tetap yang lain.

Bagaimanapun, bagi kakitangan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Garis Panduan, kakitangan kontrak boleh meneruskan perkhidmatan sedia ada berdasarkan syarat-syarat semasa perkhidmatan kontrak yang sedang berkuatkasa dan tertakluk kepada dasar-dasar baharu yang akan ditetapkan oleh Kerajaan kelak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR SABAK BERNAM

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini Maahad tersebut?

b) Nyatakan jumlah pelajar, jumlah guru dan jumlah kakitangan di maahad tersebut?

JAWAPAN:

a) Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Bagan Terap Sabak Bernam telah memulakan operasinya di lokasi baru mulai tahun 2016 dari tingkatan satu hingga tingkatan 4 dalam aliran tahfiz dan turath.

b) Jumlah pelajar, guru dan kakitangan adalah seperti berikut:

Bil	Butiran	Jumlah
1	Guru	44
2	Murid	242
3	Kakitangan	12
JUMLAH		**298**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan statistik terkini para peserta Program Hijrah mengikut pecahan kaum dan daerah?

b) Sila nyatakan dengan detail berapakah peratus kutipan bayaran balik pinjaman Hijrah?

c) Sila huraikan keberkesanan Program Hijrah Membantu para peserta menyelesaikan masalah kewangan ?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : AIR SELANGOR

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini NRW (non revenue water) di Selangor

b) Nyatakan kerugian akibat kekerapan berlaku paip pecah di Tasek Permai (wilayah Gombak) tahun 2016, nama kontraktor, bayaran, lokasi dan masa

c) Apakah perancangan bagi mengatasi masalah ini

JAWAPAN:

a) Status terkini NRW di Selangor pada tahun 2016 adalah 31.7%, seperti berikut:

BULAN	**KADAR NRW**
Januari	32.6%
Februari	31.2%
Mac	31.6%
April	31.1%
Mei	32.2%
Purata	**31.7%**

(b) dan (c) dijawab bersekali:

1. Sepanjang tahun 2016, terdapat sebanyak 24 kes paip pecah di persekitaran Tasek Permai. Jumlah keseluruhan kos pembaikan yang terlibat adalah sebanyak RM70,629 seperti dalam Lampiran 1.

2. Air Selangor tidak dapat maklumkan butir-butir kontraktor kerana Air Selangor berpandangan bahawa penerbitan butiran tersebut akan memberi kesan kepada daya saing di antara kontraktor.

3. Air Selangor akan melaksanakan projek penggantian paip air lama sepanjang 10 km di Tasek Permai bermula pada suku ke empat tahun 2016

LAMPIRAN 1

Bil.	Masa Kejadian	Tempat Kejadian	Kos Pembaikan (RM)
1	18-06-16 16:19	TEPI JALAN, LRG INDAH 7, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	3,977
2	17-06-16 0:40	LOT 2152, LRG PERMAI 22, KG TSK PERMAI, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,775
3	10-06-16 7:48	NO. 461, LRG PERMAI 25, KG TSK PERMAI, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,825
4	07-06-16 0:48	NO. 798, JLN PERMAI 14, KG TSK PERMAI, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,687
5	04-06-16 22:47	NO. 1116, JLN INDAH 7, KG AMPANG INDAH, AMPANG, SELANGOR	4,663
6	03-06-16 23:15	NO. 1093, LRG INDAH 8/3, KG AMPANG INDAH, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,158
7	02-06-16 0:26	2151, LRG PERMAI 22, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	4,428
8	29-05-16 23:28	NO 475, JLN PERMAI 24, KG TSK PERMAI, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,976
9	28-05-16 0:04	NO 760, LRG PERMAI 16, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	7,181
10	23-05-16 7:21	LOT 2161, LRG PERMAI 22, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	4,247
11	22-05-16 7:56	NO 523, JLN PERMAI 24, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	2,285
12	21-05-16 1:31	KUIL INDIA, LOT. 811, LRG PERMAI 14, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	1,700
13	20-05-16 0:40	NO 1960, JLN PERMAI 23, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	1,735
14	17-05-16 14:30	LOT 536,, LRG PERMAI 24A, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	2,018
15	14-05-16 12:30	LOT 502, JLN PERMAI K, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	1,635
16	12-05-16 23:07	NO. 425, JLN PERMAI E, KG TSK PERMAI, AMPANG, SELANGOR	2,828
17	10-05-16 18:01	LRG PERMAI 13, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	1,664
18	06-05-16 7:15	594, LRG PERMAI 19, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	3,035
19	27-04-16 23:17	523, JLN PERMAI 24, KG TSK PERMAI, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,467
20	21-04-16 5:46	NO.813, LRG PERMAI 13, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	1,220
21	14-04-16 15:25	SIMPANG JALAN ANTARA, JLN PERMAI 24, JLN PERMAI 1, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	3,167
22	01-02-16 22:47	458, LRG PERMAI 25, KG TSK PERMAI, 68000 AMPANG, SELANGOR	2,325
23	22-01-16 3:42	LRG INDAH 7, KG TSK PERMAI, - AMPANG, SELANGOR	1,851
24	09-01-16 8:15	LOT 1957 NO.8, JLN PERMAI J, KG TSK PERMAI, AMPANG, SELANGOR	4,783
JUMLAH KOS			**70,629**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PENGGUNAAN APPLIKASI MOBIL UNTUK ADUAN DI PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jenis aplikasi mobil yang diwujudkan untuk menerima aduan mengikut PBT sejajar dengan misi SMARTSELANGOR.

b) Senaraikan jenis aduan yang diterima melalui aplikasi mobil bagi Jan-Jun 2016 mengikut pecahan PBT.

c) Sejauh manakah penggunaan aplikasi ini membantu menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat?

JAWAPAN:

a) Sehingga 31 Julai 2016 sebanyak 5 PBT telah membangunkan aplikasi mobil untuk menerima aduan.

BIL.	PBT	APLIKASI MOBIL
1.	MPSJ	Aduan MPSJ, www.imobile.mpsj.gov.my
2.	MPS	ADUAN MPS
3.	MPKj	I-Kajang
4.	MDHS	MDHS EYE
5.	MBPJ	MyCleanCity

b) Jenis aduan yang diterima melalui Aplikasi Mobil adalah seperti berikut :-

PBT	JENIS ADUAN
MDHS	i. Jalan ii. Longkang iii. Rumput iv. Sampah v. Landskap
MPS	i. Sampah ii. Penguatkuasaan iii. Longkang iv. Lampu Jalan v. Jalan
MBPJ	i. Longkang ii. Jalan Rosak iii. Lampu Jalan iv. Lampu Isyarat v. Anjing Liar vi. Kereta Buruk vii. Tebang/Cantas Pokok viii. Sampah ix. Iklan Haram x. Rumput Panjang
MPSJ	**Android Apps.** i. Lampu Jalan ii. Lampu Trafik iii. Jalan Rosak iv. Jalan: Turapan Jalan v. Struktur Dalam Taman vi. Kebersihan:Longkang Perumahan/kedai vii. Sampah Longgok viii. Anjing Belaan ix. Pokok:Dahan tutup papan tanda/lampu x. Lampu Taman xi. Pokok: Pokok Senget xii. Kenderaan Buruk

	xiii. Sampah Domestik xiv. Lalulintas: Kenderaan Berat xv. Permasalahan Papan Iklan/Bunting/ xvi. banner xvii. Kebersihan: Rumput panjang/Jalan xviii. Pembakaran Terbuka xix. Lampu Futsal/bola keranjang xx. Lampu Jejantas xxi. Sampah Pokok xxii. Kebersihan: Longkang Besar xxiii. Cukai Pintu: Pelbagai xxiv. Anjing liar xxv. Jalan: Garisan Jalan xxvi. Tiada Tempat Letak Kereta xxvii. Struktur Gelanggang xxviii. Penjaja Bergerak xxix. Banjir xxx. Permohonan: Pelbagai xxxi. Pokok: Akar merosakkan Struktur xxxii. Binaan Tanpa Izin (Struktur Haram)
	<u>Mobile Web.</u> i. Pemajuan Pembangunan ii. Halangan Lorong Belakang iii. Bonggol Jalan iv. Permasalahan Cerun v. Gantri Rosak vi. Lampu Jalan vii. Letak Kereta: Halangan Awam viii. Kebersihan: Tong Sampah/Lain-lain ix. Penutup Longkang x. Pencemaran Bau/Bunyi/Habuk dan lain-lain xi. Cantas/tebang Aduan xii. Papantanda Taman xiii. Saliran: Longkang Tanah xiv. Lampu Taman xv. Kebersihan: Sapu Jalan xvi. Anjing Liar xvii. Kerja Ubahsuai xviii. Kenderaan Buruk

	xix. Jalan Rosak xx. Kebersihan: Longkang Besar xxi. Sampah Kebun xxii. Kebersihan:Longkang Perumahan/Kedai xxiii. Saliran: Pecah/Runtuh/Rosak xxiv. Pokok: Kacauganggu Pokok Jiran xxv. Sampah Domestik xxvi. Halangan Lalulintas xxvii. Aduan: Pelbagai xxviii. Sampah Longgok xxix. Pokok: Pokok Tinggi xxx. Kebersihan: Rumput panjang/Jalan xxxi. Letak Kereta: Mesin P & D Rosak
MPKj	i. Infrastruktur ii. Bangunan iii. Kebersihan iv. Penyelenggaraan v. Penguatkuasaan vi. Bencana Alam vii. Rumah pangsa viii. Pelesenan ix. Pentadbiran & Penilaian

c) Penggunaan aplikasi ini membantu menyelesaikan aduan rakyat dengan cepat disebabkan faktor-faktor :-

1. Lokasi aduan dapat dikenalpasti dengan tepat kerana mempunyai mekanisme menanda lokasi aduan menggunakan peta (*Google Map / GPS*) yang telah disediakan.

2. Disalurkan secara terus kepada Sistem Pengurusan Aduan PBT.

3. Aplikasi mobile ini juga dapat memudahkan pengadu untuk memuat naik gambar aduan bagi memudahkan proses siasatan dilakukan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : GAJI MINIMUM DAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah dasar gaji minimum telah dilaksanakan di Selangor?

b) Berapakah penjawat awam serta warga kerja GLC Selangor yang terlibat?

c) Bagaimanakah objektif pembasmian kemiskinan dapat diintegrasikan dalam pelaksanaan dasar gaji minimum?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c)

Di peringkat Persekutuan, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Gaji Minimum 2016 (PGM 2016) ke atas semua majikan tanpa mengira bilangan pekerja yang melibatkan semua pekerja di sektor swasta kecuali pekhidmat domestik (pembantu rumah) berkuatkuasa 1 Julai 2016. Melalui PGM 2016, kadar gaji minimum yang ditetapkan adalah RM1,000 sebulan atau RM4.81 sejam bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 sebulan atau RM4.42 sejam bagi Sabah, Sarawak dan Labuan. Ringkasan kadar gaji minimum yang perlu dibayar kepada seseorang pekerja adalah seperti jadual berikut:-

KAWASAN WILAYAH	KADAR GAJI MINIMUM			
	BULANAN	HARIAN		SETIAP JAM
		BILANGAN HARI BEKERJA DALAM SEMINGGU		
Semenanjung Malaysia	RM1,000	6	RM38.46	RM4.81
		5	RM46.15	
		4	RM57.69	
Sabah, Sarawak dan Labuan	RM920	6	RM35.38	RM4.42
		5	RM42.46	
		4	RM53.08	

Selain itu, bagi pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah mengikut kerja, berat tan, tugasan, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang perlu dibayar kepada pekerja tersebut hendaklah tidak kurang daripada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Manakala untuk Penjawat Awam, penetapan gaji pokok serta elaun-elaun tetap yang layak diterima oleh seseorang Penjawat Awam adalah tertakluk sepenuhnya kepada skim gaji dan pekeliling-pekeliling yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia, Kerajaan bersetuju menetapkan Gaji Permulaan Terendah pada kadar RM1,200 sebulan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor ke 18/2016 pada 1 Jun 2016 telah bersetuju melaksanakan Gaji Permulaan Terendah tersebut bagi semua Penjawat Awam di Negeri Selangor berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Sehingga 20 Julai 2016, hanya seramai 103 orang* (37 tetap dan 66 kontrak) penjawat awam Negeri Selangor (termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri) yang menerima gaji pokok kurang daripada RM1,500.00 sebulan. Walau bagaimanapun, sekiranya jumlah pendapatan turut mengambilkira elaun-elaun yang berkelayakan, pendapatan bulanan minima yang akan diterima oleh Penjawat Awam ialah sebanyak RM1,900.00.

**Sumber: Data Sistem HRMIS (sehingga 20 Julai 2016), dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.*

Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2016 untuk sektor swasta yang berjumlah RM1,000 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan serta penguatkuasaan gaji permulaan terendah untuk sektor awam pada kadar RM1,200 sebulan secara tidak langsung dilihat dapat menangani ketidakcekapan dalam pasaran pekerja, mempertingkat kebajikan pekerja berpendapatan rendah, sekaligus turut memberi impak positif terhadap taraf ekonomi rakyat.

Dalam pada itu, untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di Negeri Selangor sehingga ke akar umbi, Kerajaan Negeri telah melaksanakan, memperkukuh dan mempelbagaikan program-program bantuan dalam membantu melonjakkan pendapatan rakyat bagi memenuhi keperluan asas mereka, mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan serta meningkatkan taraf ekonomi rakyat dari pelbagai aspek. Antara langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah seperti berikut:-

i. Program Bantuan Perumahan

Program Bantuan Perumahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki dan selesa untuk diduduki adalah Rumah Selangorku. Manakala bantuan skim pembiayaan perumahan adalah melalui Skim DanaSel dan Skim *Selangor Smart Home Buyers*. Selain itu, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin pula disasarkan khusus kepada golongan miskin yang menetap di rumah yang serba daif di mana rumah akan dibina dan diberikan secara percuma kepada yang layak.

ii. Program Bantuan Pengupayaan Ekonomi

Program-program Bantuan Pengupayaan Ekonomi pula adalah seperti Program HIJRAH, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program Bantuan Nelayan/ Akuakultur, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan, Program *Back to School* untuk Rakyat Miskin serta pelbagai lagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain. Melalui program-program tersebut, ianya dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Ini secara tidak langsung akan menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

iii. Program Bantuan Peningkatan Tahap Kesihatan

Program-program Bantuan Peningkatan Tahap Kesihatan seperti Skim Pemeriksaan Mammogram dan Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor (merangkumi bantuan seperti Dialisis, Katarak Mata, Pembedahan Kecil, Lain-lain Rawatan dan Kaki Palsu) pula dilihat sebagai inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bebanan kos hidup rakyat melalui bantuan kesihatan ke arah melahirkan rakyat yang sihat dan cergas.

iv. Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan

Terdapat pelbagai Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan yang bukan sahaja berupaya memperkukuhkan daya saing graduan, malahan dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka. Antaranya adalah seperti *Boot Camp* dan Program *Graduate Employability Enhancement.* Manakala program-program yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat melalui penajaan/ pembiayaan pendidikan pula adalah seperti Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor (untuk pelajar KUIS & UNISEL), Program Bantuan Sara Diri Pelajar (untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS), Program Kemahiran Teknikal (untuk pelajar INPENS), Program Tuisyen Rakyat, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah untuk Anak Pekerja Ladang, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/ IPTS) untuk Anak Pekerja Ladang dan Program Kecemerlangan UPSR untuk Anak Pekerja Ladang.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira gender dan etnik di samping memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PROGRAM PEMULIHARAAN SUNGAI DI SELANGOR

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kejayaan program pemuliharaan sungai-sungai di Selangor dan apakah masalah-masalah besar yang menghalang kelancaran program itu?

b) Mohon nyatakan lokasi sungai-sungai yang terlibat dalam program pemuliharaan itu dan agensi yang bertanggungjawab.

c) Berapa banyak perbelanjaan yang telah digunakan untuk program tersebut?

JAWAPAN:

a) Antara kejayaan yang telah dicapai tetapi tidak sepenuhnya ada kempen terhadap Sungai Penchala sepanjang 7km bersama komuniti sekitar lembangan dan juga pihak-pihak korporat.JPS Selangor pernah mendapat johan peringkat kebangsaan kerana penglibatan komuniti yang sangat aktif sehingga sekarang.

Pusat Informasi telah dibina bagi tujuan kempen,penyebaran maklumat,pusat kegiatan murid-murid sekolah bersama JPS dalam usaha menerapkan ilmu dan juga rasa tanggungjawab terhadap menjaga sungai.

Masalah – masalah besar yang dihadapi ialah pencerobohan rezab sungai dimana kerap kali penguatkuasaan dibuat namun masih belum dapat membenteras sepenuhnya. Gangsterism juga salah satu punca pencemaran sungai kerana terdapat beberapa lokasi pembuangan sampah haram yang dijaga oleh gangster bagi mengaut keuntungan secara haram. Antara lainnya adalah peruntukan menyelenggara sungai yang menelan belanja jutaan ringgit dalam memastikan kualiti air sungai dan juga rezabnya terjaga rapi serta bebas daripada pencerobohan.

Selain daripada itu juga JPS memerlukan sokongan padu daripada semua agensi bagi membenteras kegiatan-kegiatan yang mampu mencemarkan sungai dan menceroboh rezab sungai. Penguatkuasaan yang effisien dan kerap mampu membenteras aktiviti – aktiviti haram di dalam rezab sungai.Sokongan daripada

EXCO serta kerajaan negeri juga mampu mengubah cara pemikiran rakyat terhadap sungai dan dapat melahirkan jiwa cintakan sungai.

b) Lokasi sungai yang terlibat adalah Sungai Penchala sejak tahun 2007 hingga kini dan juga Sungai Klang sejak tahun 2015 sehinga kini. Sungai Penchala menunjukkan trend ke arah kualiti air tahap 3 dan jika kerajaan negeri meletakkan sedikit usaha mencegah,membanteras dan memulihara, objektif untuk mencapai kualiti air tahap 2 akan tercapai.

Agensi-agensi yang terlibat adalah :-

1. JPS
2. PBT (MBSA,MBPJ,MPSJ)
3. Pejabat Tanah Daerah Petaling,Gombak,Klang
4. JAS
5. Polis
6. LUAS
7. SPRM

c) Bagi Sungai Penchala perbelanjaan yang telah digunakan bagi memulihara dan menaiktaraf adalah sebanyak RM 8 Juta (Peruntukan Persekutuan) sepanjang program 1 Negeri 1 Sungai sejak tahun 2007 sehingga tahun 2015 manakala RM 1 Juta digunakan bagi tujuan penyelenggaraan GPT,rezab dan sebagainya dari tahun 2007 sehingga kini.

Sungai Klang pula siling RMK 11 sebanyak RM 34 Juta dimana RM 25 Juta akan digunakan bagi tujuan pembinaan log boom, GPT dan trash screen di dua daerah iaitu Daerah Petaling (Sungai Klang,Sungai Penchala dan Sungai Damansara) dan Daerah Klang (Sungai Klang). Status terkini adalah dalam proses rekabentuk oleh Juruperunding yang telah dilantik dengan kos sebanyak RM 1.4 Juta serta kerja-kerja ukur sedang dilaksanakan dengan kos sebanyak RM 500 ribu.Satu lagi projek yang sedang dilaksanakan adalah Projek Menaiktaraf Tebing Sungai Klang Dari PJS 1 Sehingga PJS 4 dengan kos RM 3.4 Juta menggunakan duit caruman parit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : MAIS CONSTRUCTION & PROPERTY SDN BHD

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah-langkah pembetulan yang telah diambil oleh Mais Construction & Property Sdn Bhd berkaitan prestasi kewangan dan kualiti prngurusan projek-projeknya setelah perkara ini telah diaudit, ditegur dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri Tiga 2013?

JAWAPAN:

a) Tindakan yang telah diambil oleh MAIS Contruction & Properties Sdn Bhd seperti berikut:

i. Pihak pengurusan telah mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko bagi setiap anak syarikat bertujuan mengenalpasti rislko serta menganalisa kesan dan akibat sekiranya sesuatu risiko itu terjadi. Ini bagi mengelakkan kerugian sesuatu projek seperti yang telah dialami bagi projek Asrama Anak-anak Asnaf, Kampung Perepat.

ii. Melantik kontraktor & pembekal kecil yang berpengalaman, berwibawa, mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi.

iii. Melantik perunding kerja awam, mekanikal dan elektrikal, struktur dan arkitek yang mempunyai pengalaman dan hasil kerja yang cemerlang.

iv. Menggunakan kaedah pembinaan yang terkini seperti sistem bangunan berindustri IBS.

v. Mengenakan sekatan kepada perunding dan kontraktor yang gagal menyiapkan projek pada masa yang ditetapkan untuk tempoh tertentu bagi projek yang akan datang.

vi. Pihak syarikat telah menghantar staf untuk mengikuti kursus peningkatan diri seperti kursus Q-LASSIC bagi meningkatkan mutu kerja dan kursus CIDB untuk Penyelia, Jurukur Bahan dan pengurusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : CADANGAN MENAMBAHKAN PROGRAM FOODSTAMP SEBAGAI USAHA MENGURANGKAN TEKANAN HIDUP RAKYAT MISKIN

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan bercadang untuk membuat penambahan bilangan penerima Program Foodstamp yang didapati 100 keluarga penerima bagi satu DUN adalah sangat kecil berbanding golongan miskin atau golongan terdesak jauh lebih besar?

b) Jika tidak, nyatakan rancangan alternatif Kerajaan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Bagi Program 'Smart Selangor Food Stamp', saya akan menjawab bersekali dengan soalan mulut yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat Balakong (No. 158), Damansara Utama (No. 179), soalan bertulis dari Ahli Yang Berhormat Seri Serdang dan Kota Damansara.

Buat masa kini, Kerajaan Negeri telah mensasarkan kepada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap DUN untuk menerima bantuan makanan asas. Sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat bercadang untuk membuat penambahan bilangan penerima bantuan program ini, ahli-ahli Yang Berhormat boleh menggunakan peruntukan sendiri dan barangan tambahan tersebut akan disediakan oleh pihak Hijrah Selangor sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MMKN Ke 20/2016. Walau bagaimanapun, sekiranya ada diantara DUN yang tidak dapat memenuhi kuota bilangan penerima yang telah ditetapkan, maka DUN berkenaan perlu memaklumkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor supaya kuota berkenaan dapat dimaksimakan dan disalurkan kepada kawasan DUN yang lebih memerlukan.

Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri dapat membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Pelaksanaan program ini juga sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga yang miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan

kepada mereka dengan menerima bantuan makanan asas secara bulanan disamping menggunakan gaji yang diterima bagi bulan tersebut untuk memenuhi keperluan lain keluarga berkenaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016 yang bersidang pada 15 Jun 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Program 'Smart Selangor Food Stamp'. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Penerima bagi program 'Smart Selangor Food Stamp' ini adalah terdiri daripada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap 56 DUN di Selangor dimana Kerajaan Negeri telah mendapatkan senarai nama-nama peserta program ini daripada pihak Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM). Ini menjadikan jumlah penerima bagi program pemberian makanan asas ini adalah seramai 5,600 keluarga dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,116,800.00.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, Program Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp' ini adalah berbeza dengan Program Jom Shopping kerana program 'Smart Selangor Food Stamp' merupakan bantuan makanan asas yang diberikan kepada keluarga yang termiskin pada setiap bulan. Makanan asas ini adalah berupa keperluan asas yang digunakan dalam kehidupan harian penduduk di Malaysia. Manakala program Jom Shopping pula merupakan bantuan yang diberikan sempena perayaan kepada keluarga yang telah dikenalpasti. Melalui program ini, penerima diberikan kebebasan untuk memilih barang-barang yang diperlukan sebagai persediaan menyambut perayaan masing-masing.

Kriteria Penerima Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp'

Kerajaan Negeri telah menetapkan empat (4) kriteria penerima bantuan program ini adalah seperti berikut:-

1. Lahir di Selangor **atau** telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman);
2. Terbuka kepada semua kaum;
3. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
4. Pengundi di DUN tersebut.

Pengendali Program ‘Smart Selangor Food Stamp’

Tiada pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri memandangkan program bantuan makanan asas ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Sebagai pengendali program, pihak Hijrah adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pembekalan dan penghantaran makan asas yang telah diputuskan di dalam MMKN.

Pihak Hijrah juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum ‘Hari Food Stamp’ yang telah ditetapkan iaitu pada hari Jumaat minggu ketiga pada setiap bulan. Penetapan hari berkenaan adalah untuk memudahkan pengagihan bantuan barang makanan asas dilaksanakan kepada penerima bantuan di samping memudahkan ahli keluarga mengambil barangan makanan asas di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM.

Nilai Bantuan Dan Jenis Makanan Asas Program ‘Smart Selangor Food Stamp’

Kerajaan Negeri juga telah menetapkan sebanyak RM50.00 bagi setiap kos barangan makanan asas yang dibekalkan kepada setiap keluarga penerima bantuan program ini. Dengan nilai tersebut, setiap penerima bantuan akan menerima enam (6) jenis barangan makanan asas pada setiap bulan bermula Jun hingga Disember 2016 dan akan diteruskan ke tahun-tahun hadapan.

Jenis dan perbandingan kos seunit bagi barangan makanan asas adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis barangan	Kuantiti	Harga Hijrah Selangor	Harga Pembekal Lain
1.	Beras 5% 10 kilogram	1 unit	RM26.50	RM28.90
2.	Minyak Masak 2 kg	1 unit	RM8.00	RM8.70
3.	Gula Pasir 1 kilogram	1 unit	RM2.40	RM2.40
4.	Tepung Gandum 1 kg	2 unit	RM5.68	RM5.68
5.	Bihun 450 gram	1 unit	RM3.95	RM4.20
6.	Susu Pekat Manis 500g	2 unit	RM3.50	RM4.10
	JUMLAH		RM50.03	RM53.98

Nilai barangan yang dibekalkan kepada penerima bantuan tidak ditolak dengan kos pengurusan yang dikendalikan oleh pihak Hijrah Selangor. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat di Selangor berhak menerima nilai bantuan yang telah ditetapkan tanpa sebarang kos tersembunyi bagi mengelakkan perkara yang diluar jangkaan berlaku pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : ISU PENGANGGURAN

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri terkesan dengan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan yang menyebabkan masalah penganguran?

b) Apakah pasaran kerja yang ada adalah sesuai dengan tawaran kursus pengajian yang terdapat di institusi pengajian tinggi sekarang?

c) Apakah langkah-langkah yang untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

a) Keadaan ekonomi yang tidak stabil sedikit sebanyak memberi kesan dalam peluang pekerjaan yang menyebabkan berlakunya masalah pengangguran. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah megambil inisiatif bagi mengatasi masalah pengangguran ini dengan melaksanakan program-program seperti berikut:

(i) Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran dan kelayakan dalam bidang-bidang tertentu bagi memenuhi keperluan industri. Program ini membolehkan anak muda mendapat pekerjaan terus di industri selepas tamat latihan di SHRDC dan program ini turut membuka peluang peningkatan kerjaya kepada pekerja industri yang sedang bekerja untuk meningkatkan kemahiran *(upskilling)* ke jawatan yang lebih tinggi di dalamsyarikat yang terlibat.

(ii) Program *Internship High Impact Talent* (i-HIT). Program ini disasarkan kepada pelajar tahun akhir UNISEL, KUIS dan INPENS. Pelaksanaan program ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar mendapat latihan tambahan subjek-subjek *niche* yang diperlukan industri. Pelajar-pelajar akan dipilih oleh industri sebelum memasuki program dan seterusnya mendapat tawaran pekerjaan secara langsung.

(iii) Program *Graduate Employability and Enhancement* Selangor (PROGRES) yang memberi fokus kepada latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor dalam menjalani latihan di syarikat-syarikat industri terpilih.

(iv) Program Karnival Kerjaya (Job Fair 2016) iaitu sebuah program yang memberi peluang untuk warga Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada 28 Mei 2016 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 10,000 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 5,818.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* juga turut berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dengan menarik pelabur dari dalam dan luar negara untuk membuat pelaburan di Selangor.

b) Berdasarkan kajian Pengesanan Graduan *(Tracer Study)* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Bahagian Pembangunan Mahasiswa KUIS, diperhatikan bahawa pada tahun 2015 sebanyak 82.9% graduan yang telah berjaya mendapat pekerjaan sebelum Majlis Konvokesyen berlangsung. Jangkaan graduan bekerja selepas Majlis Konvokesyen disasarkan kepada 100% mendapat pekerjaan.

c) Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut ialah:

(i) Melaksanakan Selangor Job Fair 2016 iaitu sebuah program yang membuka peluang pekerjaan mengikut kelayakan akademik khususnya kepada warga Selangor. Program ini yang dilaksanakan pada 28 Mei 2016 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 10,000 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 5,818.

(ii) Kajian dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kerajaan Negeri ke atas pencapaian program pengajian yang ditawarkan mengikut *standard* dan piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) agar sentiasa bersifat berdaya saing, *employability* dan *marketability* bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025.

(iii) Membina rangkaian dan jaringan akademik melalui Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kerajaan Negeri iaitu UNISEL, KUIS dan INPENS dengan IPTA, IPTS, syarikat swasta dan Jabatan Kerajaan di dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan termasuk latihan kepada graduan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN KESIHATAN SIHAT SELANGOR

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah penerima bantuan tersebut pada tahun 2016 mengikut kaum dan jantina.

b) Nyatakan secara terperinci perbelanjaan untuk menjayakan program tersebut pada tahun 2016.

JAWAPAN:

a) Jumlah penerima Program Bantuan Kesihatan Selangor sehingga 22 Julai 2016 adalah sebanyak 645 orang iaitu berjumlah RM1,755,489.10. Berikut adalah pecahan jumlah penerima bantuan mengikut pecahan kaum.

JENIS KAUM	BIL PENERIMA
Melayu	181
Cina	201
India	262
Lain-lain	1
JUMLAH	**645**

b) Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Program Bantuan Kesihatan Selangor sehingga 22 Julai 2016 adalah sebanyak RM1,755,489.10. Perbelanjaan ini meliputi bantuan rawatan Dialisis, pembekalan kaki palsu, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil dan lain-lain bantuan. Butiran pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut :

JENIS BANTUAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Dialisis	1,290,045.10
Katarak Mata	64,082.00
Kaki Palsu	2,000.00
Pembedahan Kecil	110,963.00
Lain-lain bantuan	288,399.00
JUMLAH	**1,755,489.10**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS untuk negeri Selangor pada tahun 2016 ?

b) Berapakah telah dibelanja dari Januari sehingga sekarang? Sila senaraikan mengikut agensi pelaksana/pihak berkuasa tempatan.

JAWAPAN:

Dijawab Bersekali dengan Soalan No. 54 dan 256.

a) Seperti mana sedia maklum, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM 600 juta** sebagai Siling Peruntukan MARRIS pada tahun 2016. Dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri juga menimbangkan dan meluluskan siling tambahan bagi membiayai kerja-kerja kecemasan dan kesegeraan yang dibenarkan di bawah skop MARRIS berjumlah **RM 77,550,624.10. Ini menjadikan Siling Kemaskini Peruntukan MARRIS bagi tahun 2016 setakat 15 Julai 2016 sebanyak RM 677,550,624.10.**

b) Berdasarkan rekod, jumlah komitmen/perbelanjaan MARRIS tahun 2016 bagi tempoh sama oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah / Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor adalah sebanyak **RM 287,620,726.58 atau 42.45%** daripada Siling Kemaskini. Jumlah komitmen/perbelanjaan ini mewakili senarai projek yang telah selesai proses perolehan secara sebut harga/tender dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikemuka untuk tuntutan kepada pihak Perbendaharaan Negeri Selangor. Kesemua agensi pelaksana telah melaksanakan tugas dengan proaktif dan komited kepada sasaran Kerajaan Negeri untuk membelanjakan kesemua baki Siling Peruntukan MARRIS tahun 2016 selewat-lewatnya pada 30 September 2016.

(Perincian Kepada Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS Tahun 2016 setakat 15 Julai 2016 ditunjukkan seperti jadual di Lampiran A - helaian berkembar.)

c) Perlu ditekankan di sini, komitmen/perbelanjaan berjumlah **RM 287,620,726.58** yang direkodkan tersebut telah pun sebenarnya mencapai tahap **100.58%** jika dibandingkan dengan jumlah terimaan Geran MARRIS dari Kerajaan Persekutuan setakat 15 Julai 2016 yang berjumlah **RM 285,952,461.77**. Kerajaan Negeri menampung perbezaan atau kurangan yang direkod tersebut menerusi baki Kumpulanwang yang terkumpul. Justeru, bukanlah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk tidak membelanjakan sepenuhnya peruntukan MARRIS. Perkara ini dapat dilihat menerusi statistik perbelanjaan peruntukan MARRIS pada tahun 2014 dan 2015 (**ditunjukkan pada Jadual 1)** yang masing-masing telah melebihi jumlah terimaan sebenar dari Kerajaan Persekutuan.

Jadual 1

Rekod Perbelanjaan Geran MARRIS Berbanding Terimaan Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	% PERBELANJAAN
2014	523,486,773.00	547,484,728.54	104.58
2015	468,774,527.00	644,794,155.82	137.54
2016*	285,952,461.77	287,620,726.58	100.58

* Setakat 15 Julai 2016.

d) Rekod ini dapat dicapai menerusi perancangan yang teliti dan kerjasama yang jtu dari kalangan semua agensi pelaksana yang terlibat. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa berhati-hati dalam peringkat pelaksanaan khususnya dalam memastikan bahawa setiap projek yang dilaksanakan itu benar-benar akan memberi impak kepada rakyat Negeri Selangor. Justeru, beberapa langkah penting telah diambil seperti berikut:-

i. Menyemak senarai kerja yang dikemukakan oleh agensi pelaksana bagi memastikan ianya mematuhi semua skop penyelenggaraan yang dibenarkan di bawah Garis Panduan MARRIS sahaja;

ii. Memantau kualiti kerja menerusi proses ujian *Bitumen Content* dan Ujian *Coring* pada setiap projek turapan semula jalan yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana yang menyelia projek;

iii. Meneruskan pemberian peruntukan sebanyak RM 3 juta setahun mengikut kawasan Dewan Negeri yang disalurkan menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khusus bagi memastikan peruntukan MARRIS dibelanjakan secara menyeluruh;

iv. Selain aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan kerja kecemasan dan kesegeraan seperti keruntuhan jalan dan jambatan yang selaras dengan skop MARRIS.

e) Permintaan Yang Berhormat Jeram untuk mendapatkan senarai peruntukan MARRIS yang telah digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan di kawasan DUN Jeram akan kemukakan secara bertulis.

(Senarai Projek MARRIS DUN Jeram Bagi Tahun 2015 dan 2016 ditunjukkan pada jadual seperti di Lampiran B).

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2016

BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN NEGERI SELANGOR (RM3JUTA / DEWAN NEGERI)

PBT : MAJLIS DAERAK KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	GST (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	Kerja-Kerja Membaiki dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Persiaran 1, Bandar Puncak Alam, Jeram, Daerah Kuala Selangor.	JERAM	500,000.00	375,740.00	22,544.40	398,284.40	101,715.60	FAUZAY ENTERPRISE	23.5.2016	20.6.2016
2	Kerja-Kerja Membaiki dan Menurap Semula Jalan Di Lorong Naluri Sukma 8/18, 8/8A, dan 8/8B, Fasa 2 Bandar Puncak Alam, Jeram, Daerah Kuala Selangor.	JERAM	260,000.00	194,850.00	-	194,850.00	65,150.00	MAJU NGAREP ENTERPRISE	23.5.2016	6.6.2016
3	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Seroja 1/1, Seroja 1/3 dan Seroja 1/5, Saujana Utama, Jeram, Daerah Kuala Selangor	JERAM	180,000.00	143,457.00	8,607.42	152,064.42	27,935.58	TERATAI MAHIR ENTERPRISE	23.5.2016	20.6.2016
4	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Anggerik 3/1, Saujana Utama, Jeram, Daerah Kuala Selangor	JERAM	140,000.00	112,120.00	6,727.20	118,847.20	21,152.80	HASRUL ELEKTRIKAL NIAGA	23.5.2016	4.7.2016
5	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran 1, Saujana Utama, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	80,000.00	67,060.00	4,023.60	71,083.60	8,916.40	SAZA SOLUTION ENTERPRISE	23.5.2016	22.6.2016
6	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran 4, Saujana Utama, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	100,000.00	77,796.00	4,667.76	82,463.76	17,536.24	FASA ELEKTRIKAL ENTERPRISE	23.5.2016	22.6.2016
7	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran Elmina, Saujana Utama, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	120,000.00	92,284.00	5,537.04	97,821.04	22,178.96	SENGGARANG JAYA ENTERPRISE	23.5.2016	4.7.2016
8	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran Puncak Alam 3, Puncak Alam, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	50,000.00	38,900.00	2,334.00	41,234.00	8,766.00	KILAS MUTIARA ENTERPRISE	23.5.2016	22.6.2016
9	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran Puncak Alam 1, Puncak Alam, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	100,000.00	85,020.00	-	85,020.00	14,980.00	IRAH ELECTRICAL SERVICES	23.5.2016	20.6.2016
10	Kerja-kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Di Lorong Cakera Purnama 12/29 Dan 12/30, Puncak Alam Fasa 3, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	JERAM	300,000.00	266,340.00	15,980.40	282,320.40	17,679.60	INRO ENTERPRISE	23.5.2016	11.7.2016
Jumlah			**1,830,000.00**	**1,453,567.00**	**70,421.82**	**1,523,988.82**	**306,011.18**			
Jumlah Keseluruhan			**1,830,000.00**	**1,453,567.00**	**70,421.82**	**1,523,988.82**	**306,011.18**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 6

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA PROJEK (RM)	GST (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN NALURI SUKMA 8/13, 8/14, 8/15, 8/16, 8/17, DAN 8/18 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	340,000.00	258,500.00	15,510.00	274,010.00	PERNIAGAAN EMZEK	19.10.2015	2.11.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN AZ - ZAHARAH 10/B SERTA MENYELENGGARA TANDA JALAN DAN PERABOT JALAN DI JALAN SINAR ALAM, FASA 2, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	150,000.00	124,850.00	0.00	124,850.00	RENTAK SEKATA ENTERPRISE	19.10.2015	2.11.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MAHKOTA IMPIAN 2/34, 2/35 DAN 2/36, FASA 1, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	100,000.00	74,490.00	4,469.40	78,959.40	IKZA BINA CONSTRUCTION	19.10.2015	2.11.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ALAM SURIA 16/22 HINGGA 16/32, ALAM SURIA, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	300,000.00	244,444.00	0.00	244,444.00	TANJUNG GLOBAL RESOURCES	19.10.2015	16.11.2015
5	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN DAN MENURAP SEMULA JALAN SELENGGARA SALIRAN DI JALAN MASJID SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	200,000.00	146,649.40	0.00	146,649.40	SS TWO CRYSTAL ENTERPRISE	19.10.2015	30.11.2015
6	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN AZ-ZAHARAH 10/2 DAN JALAN AZ-ZAHARAH 10/3, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR	JERAM	90,000.00	48,565.00	0.00	48,565.00	SJM UZMA SDN BHD	19.10.2015	16.11.2015
	JUMLAH	**6**	**1,180,000.00**	**897,498.40**	**19,979.40**	**917,477.80**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 5

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA PROJEK (RM)	GST (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN NALURI SUKMA 8/7, 8/8, 8/9, 8/10, 8/11, DAN 8/12 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	300,000.00	239,250.00	14,355.00	253,605.00	BUDI ABADI TRADING	19.10.2015	16.11.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN SELENGGARA SALIRAN SERTA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN CAKERA PURNAMA 12/1 DAN 12/2 FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	120,000.00	103,160.00	0.00	103,160.00	PERMATA SEJAGAT ENTERPRISE	19.10.2015	21.12.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN CAKERA PURNAMA 12/14, 12/15, 12/16, 12/17, 12/18, 12/19 DAN 12/20 FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	370,000.00	270,570.00	0.00	270,570.00	APELYN ENTERPRISE	19.10.2015	16.11.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN SASARAN, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	300,000.00	246,227.70	14,773.66	261,001.36	WARISAN JERAM ENTERPRISE	19.10.2015	21.12.2015
5	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI LORONG MAHKOTA IMPIAN 2/1, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR	JERAM	80,000.00	71,610.00	4,296.60	75,906.60	HIJRAH LETRIK (SEL) SDN BHD	19.10.2015	16.11.2015
6	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENEBANGAN POKOK TEDUHAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN SERI PERTAMA, SG. BULOH, TAMAN PERMAI DAN TAMAN KENARI, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	JERAM	30,000.00	25,424.04	1,525.44	26,949.48	SEGAK JAYA	26.10.2015	14.12.2015
7	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN SELENGGARA JAMBATAN MOTORSIKAL SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PEKAN SUNGAI BULOH, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	50,000.00	50,110.00	3,006.60	53,116.60	MOHD JAIS SEMAN	19.10.2015	16.11.2015
	JUMLAH	**7**	**1,250,000.00**	**1,006,351.74**	**37,957.30**	**1,044,309.04**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 1

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG GUGUSAN ALAM 7/1, 7/2, 7/3 DAN 7/4 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	210,000.00	177,810.60	10,668.00	188,478.60	ZUFI PESONA	23.4.2015	21.5.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN AZ -ZAHARAH 10/3, LORONG AZ-ZAHARAH 10/8, 10/9, 10/10, 10/11, 10/12, 10/13, 10/14, 10/15 DAN 10/24 SHAH ALAM 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	400,000.00	331,770.00	19,906.20	351,676.20	ZUMY ENGINEERING	23.4.2015	21.5.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG AZ -ZAHARAH 10/1, 10/1A, 10/2, DAN 10/3 SHAH ALAM 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	310,000.00	238,093.30	14,285.60	252,378.90	BAGAN LONA ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ASTANA ALAM 13/1 DAN 13/2 FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	130,000.00	100,060.00	-	100,060.00	ZULKAY ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
5	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG CAKERA PURNAMA 12/12, 12/13, 12/13A HINGGA 12/13G FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	330,000.00	266,715.00	16,002.90	282,717.90	SYARIKAT MUDA JAYA	23.4.2015	21.5.2015
6	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN SENOHONG 1, TAMAN SENOHONG, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	100,000.00	78,420.00	-	78,420.00	PURNAMA LIMA ENT	23.4.2015	21.5.2015
7	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN 1, 2, 3, 5, 7 DAN 7/1 TAMAN SUNGAI SEMBILANG DAN JALAN 1, 2, 3, 5 DAN 5/1 TAMAN SEJAHTERA, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	250,000.00	158,460.00	9,507.60	167,967.60	JAJ AUTO ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
8	KERJA-KERJA MEMBAIKI SISTEM SALIRAN DI SEKITAR PEKAN SUNGAI BULOH JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	150,000.00	121,750.00	7,305.00	129,055.00	INTAN MAHIR ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 1

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
9	KERJA-KERJA MEMBAIKI SISTEM SALIRAN DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN SASARAN, PEKAN SUNGAI BULOH JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	400,000.00	384,888.00	23,093.28	407,981.28	THERATAI ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
	JUMLAH	**9**	**2,280,000.00**	**1,857,966.90**	**100,768.58**	**1,958,735.48**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 1

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
8	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MAHKOTA IMPIAN 2/2, FASA 1 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	400,000.00	315,300.00	-	315,300.00	RSA WARISAN ENTERPRISE	18.5.2015	
9	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI PERSIARAN ALAM PERDANA, TAMAN ALAM PERDANA, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	132,410.00	75,964.00	-	75,964.00	AMAT ELECTRICAL	18.5.2015	
10	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN SEROJA 1/1 DAN JALAN MELATI 1/1, SBCR, SAUJANA UTAMA, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR	JERAM	86,500.00	88,030.00	5,281.80	93,311.80	WARTAPRIMA RESOURCES SDN BHD	18.5.2015	
11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN SEKOLAH PERSIARAN SAUJANA 4, SAUJANA UTAMA, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	55,600.00	49,250.00	2,955.00	52,205.00	KEJURUTERAAN ELEKTRIK MIRATEK	18.5.2015	
	JUMLAH	**4**	**674,510.00**	**528,544.00**	**8,236.80**	**536,780.80**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI & PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 1 (MAKLUMBALAS KUIRI)

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
PERUNTUKAN DEWAN NEGERI									
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG NALURI SUKMA 8/19, 8/20, 8/21, 8/22, 8/23 DAN 8/24 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	210,000.00	175,628.00	10,537.68	186,165.68	FARMER GREEN ENGINEERING	23.4.2015	4.6.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG GUGUSAN ALAM 7/20, 7/21 DAN 7/22 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	210,000.00	167,160.00	10,029.60	177,189.60	TUH KRIMUN SDN. BHD	23.4.2015	21.5.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG NALURI SUKMA 8/1, 8/2, 8/3, 8/4, 8/5, 8/5A DAN 8/6 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	270,000.00	203,340.76	12,200.44	215,541.20	PEMBINAAN AL - BARR FITRAH	23.4.2015	7.5.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN 1, 2, 3, 5 DAN 7 TAMAN KENARI, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	140,000.00	106,230.00	6,373.80	112,603.80	BUMI PERMATA BINA ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
	JUMLAH	**4**	**830,000.00**	**652,358.76**	**39,141.52**	**691,500.28**			
PERUNTUKAN PANJANG JALAN									
11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN DC 4/1, JALAN DC 4/3, JALAN DC 4/5 DAN TAPAK PASAR MALAM DESA COALFIELD, BANDAR DESA COALFIELD, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	70,610.00	69,890.00	4,193.40	74,083.40	KEJURUTERAAN ABAD RIA	18.5.2015	15.6.2015
	JUMLAH	**1**	**70,610.00**	**69,890.00**	**4,193.40**	**74,083.40**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 2

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	HARGA SELEPAS GST (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ALAM SURIA 16/1 HINGGA 16/12, ALAM SURIA, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	440,000.00	370,250.00	392,465.00	FARMER GREEN ENGINEERING	10.9.2015	8.10.2015
	JUMLAH	**1**	**440,000.00**	**370,250.00**	**392,465.00**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 3

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST (RM)	HARGA SELEPAS GST (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN WARNASARI 13/1, FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	180,000.00	135,900.00	8,154.00	144,054.00	IME PRO ENTERPRISE	10.9.2015	8.10.2015
	JUMLAH	**1**	**180,000.00**	**135,900.00**	**8,154.00**	**144,054.00**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN NEGERI DAN BERDASARKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 8 (MAKLUMBALAS KUIRI PERAKUAN PERTUKARAN TAJUK PROJEK)

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	HARGA PROJEK (RM)	GST (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
PERUNTUKAN BERDASARKAN PANJANG JALAN								
3	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI PERSIARAN GARDEN SAUJANA UTAMA, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	86,925.00	5,215.50	92,140.50	ELEKTRIK DANDAN BIDARA ENTERPRISE	11.5.2015	8.6.2015
4	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN ELMINA 1, 2 & 3, SAUJANA UTAMA , SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	95,060.00	0.00	95,060.00	AFANDY ELECTRICAL & CONSTRUCTION	18.5.2015	22.6.2015
	JUMLAH	**2**	**181,985.00**	**5,215.50**	**187,200.50**			

LAMPIRAN A

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2016

(SETAKAT 15 JULAI 2016)

BIL.	JABATAN	SILING ASAL (RM)	SILING TAMBAHAN (RM)	SILING KEMASKINI (RM)	PERUNTUKAN TELAH SALUR (RM)	PERUNTUKAN SEDANG DIPROSES (RM)	JUMLAH KOMITMEN/ BELANJA (RM)	PERATUS (%)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	392,000,000.00	76,524,510.18	468,524,510.18	63,478,573.91	130,853,474.71	194,332,048.62	41.47%
2.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor	196,000,000.00	0.00	196,000,000.00	83,278,009.43	0.00	83,278,009.43	42.48%
3.	Pejabat Daerah / Tanah (PDT)	10,000,000.00	1,026,113.92	11,026,113.92	8,532,705.53	0.00	8,532,805.53	77.38%
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor	2,000,000.00	0.00	2,000,000.00	999,093.00	478,870.00	1,477,963.00	73.89%
JUMLAH		**600,000,000.00**	**77,550,624.10**	**677,550,624.10**	**156,288,381.87**	**131,332,344.71**	**287,620,726.58**	**42.45%**

Disediakan oleh:

Bahagian Perolehan & Pengurusan Aset (PPA)
Perbendaharaan Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PEMASANGAN HOTSPOT WIFI SELANGORKU.

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah tempoh akan bermula pemasangan di Dun Meru?

b) Apakah punca kelewatan sejak ia dilancarkan?

c) Siapakah pembekaltelco yang telah dilantik?

JAWAPAN:

a) Pemasangan pertama WiFi Smart Selangor di DUN Meru telah pun bermula pada 27hb April 2015

b) Terdapat beberapa punca kelewatan pemasangan dan diantaranya ialah:-

a. Kesukaran untuk mendapatkan lokasi yang sesuai untuk pemasangan
b. Tiada kerjasama dan persetujuan daripada pemilik premis / bangunan untuk pemasangan wifi terutamanya dari pemilik premis persendirian dan bangunan-bangunan dari agensi kerajaan persekutuan seperti Sekolah dan Pusat-pusat kesihatan
c. Tiada infrastruktur dan isyarat liputan bagi penyambungan internet di sebahagian kawasan yang telah di pilih
d. Kesukaran untuk mendapatkan punca kuasa elektrik dan jaminan kawalan keselamatan terhadap peranti "Access Point" di sebahagian kawasan yang telah di pilih

c) Pembekal TELCO yang telah dilantik ialah oleh Pihak Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) adalah syarikat Celcom Mobile (M) Sdn Bhd dan Telekom Malaysia Berhad.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkara yang disediakan oleh PTRS untuk setiap pelajar selain buku nota? Nyatakan kos penyediaan buku nota setiap bulan/tahun?

b) Apakah elaun yang diterima dan skop kerja Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI)?

JAWAPAN:

a) Setiap pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) akan menerima buku nota setiap bulan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kos penyediaan buku nota tersebut dianggarkan sebanyak RM400,000 setahun yang akan dibekalkan kepada 5,600 pelajar bersamaan 100 pelajar bagi setiap DUN.

PTRS turut menyediakan pelbagai program tambahan untuk para pelajar selain buku nota di antaranya ialah:

(i) Program *SuccesfulIntelligence* iaitu program *smartlearning* atau belajar secara pintar yang diadakan pada sesi awal pelaksanaan; dan

(ii) Program pecutan akhir iaitu sebuah program yang disediakan untuk para pelajar membuat persediaan akhir sebelum menghadapi peperiksaan. Di dalam program ini para pelajar akan dibekalkan dengan kaedah dan teknik menjawab peperiksaan dengan tepat

b) KPMI menerima elaun sebanyak RM1,500 sebulan dan skop kerja KPMI adalah seperti berikut:

(i) bertanggungjawab kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor;

(ii) memastikan bilangan pelajar mencukupi bagi mengikuti program ini (100 orang pelajar SPM setiap DUN);

(iii) mendapatkan guru berpengalaman, berkelayakan, dan berdedikasi bagi membantu menyempurnakan program ini;

(iv) memastikan guru-guru dilantik dapat hadir tepat pada waktu tuisyen seperti yang dijadualkan dengan menghubunginya 1 atau 2 hari sebelum kelas berlangsung;

(v) memastikan kehadiran guru dan pelajar direkod dan dilaporkan kepada pihak penyelaras pada minggu berikutnya;

(vi) mendapatkan tempat tuisyen yang sesuai dengan memastikan prasarana mencukupi untuk menjalankan kelas tuisyen;

(vii) menyelaras program-program sokongan PTRS di peringkat kawasan Dewan Negeri dan Negeri Selangor;

(viii) bertanggungjawab mengatur lawatan Ahli Dewan Negeri atau Pegawai Penyelaras kawasan Dewan Negeri ke pusat-pusat PTRS sekurang-kurangnya dua kali sepanjang program;

(ix) menguruskan peruntukan sebanyak RM500 sebulan bagi membayar sewa premis pusat tuisyen, peralatan, alat tulis dan lain-lain perbelanjaan berkaitan yang diperlukan sepanjang tempoh program;

(x) menyediakan laporan mingguan dan bulanan pada 5hb pada setiap bulan kepada Urus Setia di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;

(xi) menghantar laporan ujian prestasi PTRS dan Keputusan SPM peserta PTRS kepada Kerajaan Negeri;

(xii) menguruskan pembayaran Elaun guru, nota dan premis PTRSdengan pihak Kerajaan Negeri Selangor, pada setiap bulan;

(xiii) KPMI juga perlu menyelaras dan melaksana program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi Negeri Selangor dan agensi-agensi di bawahnya seperti Program Insan, Program Jelajah Generasi Idaman Selangor, Program Bakti siswa dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PERUMAHAN BUMIPUTERA DI NEGERI SELANGOR

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menentukan pencapaian dasar perumahan kuota bumiputera?

b) Bilakah masalah penyelenggaraan maklumat pemilikan hartanah kuota bumiputera ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor sedang mengemaskini inventori, menerusi Laporan Pemantauan Kuota Jualan Bumiputera. Inventori ini diwujudkan hasil daripada maklumbalas Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2015 yang mencadangkan agar Kerajaan Negeri perlu mempunyai inventori yang menyenaraikan projek pembangunan yang diluluskan berserta pematuhan kuota jualan bagi mengukur pencapaian dasar perumahan kuota bumiputera di Negeri Selangor.

b) Sebelum ini mekanisma penyelenggaraan maklumat pemilikan hartanah kuota bumiputera adalah berdasarkan fail permohonan kebenaran pindah milik menyeluruh. Ini selaras dengan tujuan dasar permohon kebenaran pindah milik menyeluruh diwujudkan, iaitu supaya Kerajaan Negeri dapat memantau pematuhan Kuota Jualan yang ditetapkan, bagi setiap pembangunan yang diluluskan. Sekiranya kuota jualan tidak dipatuhi, permohonan kebenaran pindah milik akan ditolak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor sedang menyelaras semula inventori supaya laporan pemantauan kuota jualan bukan lagi berdasarkan laporan individu mengikut fail permohonan kebenaran pindahmilik menyeluruh tetapi dapat dikemukakan berdasarkan senarai permohonan pembangunan tanah yang telah diluluskan di dalam Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PEMBINAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT ANTARA LEBUHRAYA ELITE & SKVE, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mendesak Permodalan Negeri Selangor Berhad menyegerakan pembinaan Persimpangan Bertingkat antara Lebuhraya ELITE & SKVE untuk menyuraikan kesesakan trafik di Bandar Saujana Putra, Jenjarom, Daerah Kuala Langat?

b) Apakah punca utama kerja-kerja pembinaan di tangguh lama?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : DAESH

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan dan strategi Kerajaan Negeri untuk berhadapan dengan penyebaran falsafah DAESH atau ISIS di negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Isu ajaran sesat Militan Islamic State (IS) melibatkan keselamatan negara. Justeru tindakan menangani penyebaran ideologi tersebut melibatkan penguatkuasaan di peringkat persekutuan dan negeri.

Di peringkat Jabatan Mufti Negeri Selangor, langkah-langkah menangani penyebarannya telah dilaksanakan antaranya melalui:

1. Pengeluaran Fatwa Gerakan Militan Al Dakwah Al Islamiya Fi Iraq Wal Al Sham (DAESH) atau Militan Islamic State In Iraq And Syams (ISIS) atau Militan Islamic State (IS) yang telah diwartakan pada **3 Februari 2016**

2. Khutbah Jumaat berkenaan IS dan konsep Jihad yang telah dibaca di setiap masjid dan surau kebenaran solat jumaat di seluruh negeri Selangor pada **27 November 2015**, bertajuk: **IS Pengganas Bertopengkan Islam**

3. Program Bicara Fatwa Selangor. Dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa secara umum termasuklah juga fatwa berkaitan DAESH atau ISIS di Negeri Selangor.

Setakat Mei jadual program ini adalah seperti berikut :

BIL.	TARIKH	SASARAN PESERTA	TEMPAT
1.	24 Februari 2016 Rabu	Pemegang Tauliah	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
2.	29 Februari 2016 Isnin	Pelajar	Sek. Men. Keb. Setia Alam, Shah Alam
3.	24 Mac 2016 Khamis	Pelajar	Sek. Jenis Keb. Cina Yoke Kuen, Sekinchan
4.	29 Mac 2016 Selasa	Pelajar	Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh
5.	28 April 2016 Khamis	Pelajar	Masjid Kampung Johan Setia, Klang
06.	4 Mei 2016 Rabu	Pelajar	Masjid Sultan Abdul Samad KLIA, Sepang

4. Siaran di Akhbar Nasional (Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, Utusan, Selangor Kini)

5. Program Turun Padang " Dialog Fatwa @ Mesra Ummah Bersama JMNS".
   Program ini di laksanakan di masjid-masjid terpilih di negeri Selangor dan di dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan secara umum dan mengadakan sesi dialog atau soal jawab berkaitan fatwa yang telah dijelaskan dan isu-isu berkaitan hukum syarak di lokasi-lokasi berikut :
   i. Masjid Ijtimai', Tebuk Pulai
   ii. Masjid Al Bakri, Bukit Naga
   iii. Masjid As Syakirin, Dengkil
   iv. Masjid Ubudiyah, Kerling
   v. Masjid Rinching Hilir, Semenyih
   vi. Masjid Ara Damansara, Petaling
   vii. Masjid Bukit Antarabangsa, Bukit Antarabangsa

6. Radio (Selangor.fm)
   Slot di Selangor.fm 2 kali seminggu iaitu pada hari Khamis dan Jumaat, bermula jam 6.15 petang hingga 6.45 petang. Di dalam slot ini pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor menjelaskan tentang-tentang fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan termasuklah fatwa dan isu berkaitan IS

7. Laman Web JMNS

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PENCAPAIAN PERTANIAN DI PINGGIRAN BANDAR

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kampung yang telah terlibat dalam pertanian berkelompok untuk menghasilkan satu produk yang berskala sederhana besar?

b) Berapakah individu yang terlibat dalam usaha ini?

JAWAPAN:

a) Jabatan Pertanian telah membangunkan pertanian berkelompok/kluster mengikut daerah. Bagi menghasilkan bahan mentah untuk industri kecil dan sederhana seperti tanaman ubi, pisang dan keledek, jumlah kampung yang terlibat ialah seperti berikut: Sabak Bernam (24), Kuala Selangor (14), Klang (3), Kuala Langat (8), Sepang (12), Hulu Langat (3), Hulu Selangor (5) dan Gombak (4).

b) Sebanyak 723 individu terlibat yang direkodkan oleh Jabatan Pertanian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)

TAJUK : SAMPAH HARAM

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Di Kampung Seri Sentosa terdapat pembuangan sampah yang busuk (domestik) berhampiran tempat kediaman yang memberi kesan buruk kepada kesihatan tempatan dan alam sekitar. Lapuran kepada MDKS tiada tindakan. Bilakah tindakan akan diambil?

JAWAPAN:

a) Keberkesanan sesuatu tindakan penguatkuasaan banyak dipengaruhi oleh faktor sikap pelaku dan tahap tegar mereka atas pelanggaran undang-undang yang dilakukan.

Undang-undang yang hendak dikuatkuasakan menurut tindakan perlu dilakukan mengikut langkah-langkah yang digariskan.

Dalam menangani perbuatan pembuangan sampah haram di Kampung Sentosa, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab di kawasan tersebut telah bertindak mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Kuala Selangor) 2007.

Tindakan kompaun kepada operator sudah dilakukan namun mereka masih berdegil. Tindakan menyita laluan masuk ke kawasan operasi sampah haram juga dilakukan.

Berikut merupakan laporan dari Zon 3 Sampah Haram:

Bil.	Tarikh	Tarikh
1.	3 Mac 2016	Seal lokasi menggunakan pita pelilit tetapi telah dirosakkan
2.	17 Mac 2016	Seal lokasi menggunakan pita pelilit tetapi telah dirosakkan
3.	6 Mei 2016	Seal lokasi menggunakan pita pelilit tetapi telah dirosakkan
4.	24 Mei 2016	Kompaun Pemilik

Bahagian Penguatkuasaan juga telah mengadakan pemantauan berskala mulai 19 Julai sehingga 27 Julai 2016 iaitu kawalan statik yang bermula jam 8 pagi sehingga 8 pagi keesokan harinya (24 jam) bagi tujuan menyekat aktiviti sekaligus memutuskan sistem urusniaga mereka.

Pada masa ini lot-lot berkaitan dengan isu permasalahan telah disediakan dan pelan untuk mendapatkan maklumat terperinci pemilikan tanah telah diberikan kepada PTDKS . Pihak jabatan sedang menunggu maklumbalas dari PTDKS.

Selain itu, sebelum puasa iaitu akhir bulan Mei 2016, Pihak Majlis telah 2x menjalankan kerja pembersihan dan sebahagian sampah telah ditanam di tempat tersebut. Pihak Bomba juga telah 3x membantu kebakaran dari sampah tersebut semasa operasi bersama dijalankan. Pihak Majlis juga telah memberi Notis kepada pemilik tanah supaya memberhentikan operasi membenarkan sampah dibuang di tanah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : LARANGAN BUKAN ISLAM BERCERAMAH DI MASJID DAN SURAU

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas masjid dan surau yang membenarkan orang bukan islam berceramah?

b) Apakah jaminan Kerajaan Negeri agar perkara ini tidak berulang lagi?

JAWAPAN:

a) Langkah dan tindakan yang diambil mengikut Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 Pindaan Tahun 1999 dan 2001 adalah:

1. Mengeluarkan surat tunjuk sebab dan mohon penjelasan dari Nazir Masjid atau Pengerusi Surau yang terlibat.
2. Memanggil dan mendengar penjelasan dari Nazir atau Pengerusi Surau berkenaan serta jawatankuasa lain yang terlibat .
3. Mengeluarkan surat peringatan atau tindakan lain yang berkaitan kepada orang bukan Islam yang berceramah
4. Membawa isu nazir dan pengerusi surau ke Mesyuarat Panel Islah Dan Tatatertib, Jawatankuasa Kariah MAIS untuk mendapatkan syor dan pandangan tindakan tatatertib yang wajar dikenakan ke atas Nazir Masjid atau Pengerusi Surau tersebut sama ada ditarik balik tauliah, gantung sementara atau ditamatkan pelantikan mereka.

b) Beberapa langkah perlu diambil untuk memastikan perkara ini tidak berulang:

1. Kewajaran semua pihak baik pegawai masjid atau surau , ahli politik dan orang bukan Islam untuk tidak mengingkari Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor agar masjid dan surau tidak dijadikan medan untuk berpolitik.
2. Meneruskan pemantauan berkala ke semua masjid dan surau di peringkat daerah.
3. Mengadakan pertemuan berkala bersama pegawai masjid dan surau di peringkat daerah dan memberi nasihat kepada mereka.
4. Konsisten dalam mengambil tindakan yang tegas kepada nazir dan pengerusi surau yang ingkar mematuhi Titah Duli yang Maha Mulia Tuanku.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : GERAN MARRIS

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pengesyoran Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kewangan mengenai semak semula Garis Panduan Tatacara Pengurusan Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri?

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menyemak semula prosos kelulusan supaya agensi pelaksana boleh melaksanakan kerja-kerja MARRIS dalam masa 24 jam?

JAWAPAN:

a) Pemberian MARRIS diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri menyelenggara Jalan-Jalan Negeri selaras dengan Perkara 109 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan. Pemberian MARRIS tersebut hanya boleh diguna dan dibelanjakan bagi tujuan menyelenggara Jalan Negeri dan lain-lain skop yang dibenarkan selaras dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri (JPP MARRIS) telah diwujudkan oleh Kementerian Kewangan selaras dengan Perenggan 15, Garis Panduan MARRIS khusus bagi membincangkan hal ehwal pentadbiran dan isu-isu berkaitan dengan pemberian penyenggaraan Jalan Negeri supaya dapat diselesaikan dengan cepat tanpa dibawa ke peringkat Majlis Kewangan Negara (MKewN). Sebagai rekod, keanggotaan JPP MARRIS ini adalah secara kluster mengikut zon di mana Negeri Selangor telah dilantik sebagai wakil kepada Zon Selatan (Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) bagi tahun 2016. Dengan peluang yang ada tersebut, Kerajaan Negeri telah membawa isu-isu yang memerlukan pindaan kepada Garis Panduan MARRIS ke peringkat JPP MARRIS yang bermesyuarat pada 14 April 2016. Di antara isu yang dibawa adalah berkaitan dengan turapan semula jalan di kawasan perumahan komuniti berpagar dan berpengawal (*Gated & Guarded*) serta pelebaran longkang di bahu jalan bagi menangani masalah banjir.

Kedua-dua isu tersebut telah dibawa sehingga ke peringkat Majlis Kewangan Negara (MKewN) yang bermesyuarat pada 14 Jun 2016 dengan syor seperti berikut:-

i. Status Penggunaan MARRIS Bagi Menyenggara Jalan-Jalan Di Dalam Kawasan Perumahan Berpagar

Secara prinsipnya, jalan di dalam kawasan perumahan berpagar yang tidak boleh dilalui oleh pengguna awam tidak layak dituntut di bawah pemberian MARRIS kerana ia merupakan kawasan persendirian dan tidak di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). JPP MARRIS bersetuju bahawa jalan-jalan di kawasan perumahan berpagar boleh dipertimbangkan menggunakan Pemberian MARRIS selagi mana jalan-jalan tersebut di bawah tanggungjawab PBT.

ii. Cadangan Pemberian MARRIS Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Jalan/Longkang/Perparitan Yang Mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja JKR

Pembesaran longkang mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja JKR boleh dipertimbangkan terutamanya yang bertujuan banjir. JPP MARRIS bersetuju sekiranya terdapat keperluan bagi pembaikan longkang/perparitan yang berkaitan dengan jalan MARRIS, ianya boleh dibawa untuk pertimbangan Kementerian Kewangan secara *case by case basis.*

b) Kerajaan Negeri komited untuk memastikan kerja-kerja penyelengaraan jalan di bawah Geran MARRIS dilaksanakan dengan segera terutamanya bagi kerja-kerja yang melibatkan isu keselamatan pengguna jalan raya. Ke arah itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyelenggaraan jalan negeri di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) menerusi syarikat konsesi yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan jentera dan tenaga kerja bagi kerja-kerja yang dimaksudkan. Pada asasnya, tempoh 24 jam telah pun ditetapkan sebagai *Key Performance Indicators* (KPI) kepada syarikat konsesi terutamanya bagi skop kerja aduan kerosakan jalan dan lampu jalan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Kegiatan pengusaha tempat sampah haram terus beroperasi tanpa mengendahkan tindakan saman dan penguatkuasaan undang. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini sama ada di atas tanah kerajaan atau tanah hak milik?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PEMBANGUNAN SG KLANG

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan terkini kerajaan untuk pemuliharaan Sungai Klang?

b) Apakah Status projek Ransangan Sungai Klang yang pernah di umumkan dahulu?

c) Bilakah pemuliharaan ini bakal di sempurnakan dan berapa bajet yang di peruntukan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : KAWASAN OPERASI BAS SMART SELANGOR

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci kawaasan operasi perjalanan Bas Smart Selangor yang dilancarkan pada tahun 2016.

b) Apakah Kerajaan Negeri melakukan kajian keperluan Bas Smart Selangor dikawasan tersebut sebelum dilaksanakan.

JAWAPAN:

a) Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016, sebelas (11) laluan telah diperkenalkan dengan 34 buah Bas Smart Selangor digunakan di semua daerah. Bagi laluan tambahan terbaru pada tahun 2016, Bas Smart Selangor telah beroperasi di kawasan pentadbiran Ampang Jaya, Kajang, Sepang, Kuala Langat, Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Laluan Bas Smart Selangor boleh didapati di dalam laman sesawang atau portal setiap PBT. Maklumat terperinci kawasan operasi perjalanan Bas Smart Selangor yang dilancarkan pada tahun 2016 adalah seperti di **Lampiran I**.

b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sangat komited dalam menyediakan perkhidmatan bas secara percuma bagi meningkatkan mutu dan tahap sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor. Dalam penyediaan laluan Bas Smart Selangor, cadangan laluan akan terlebih dahulu dibentang dan dinilai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dengan penglibatan semua PBT yang berkaitan dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Laluan-laluan yang cadangkan oleh PBT dipertimbangkan dengan mengambilkira pandangan dan kajian keperluan laluan di samping mengambilkira kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:

i. Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
ii. Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
iii. Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah dan sebagainya dan sebagainya serta kawasan komersial dan kompleks perniagaan; dan
iv. *Connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT.

Oleh itu, penentuan laluan Bas Smart Selangor telah dijalankan dengan teliti bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berdasarkan kriteria tersebut, laluan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor bukanlah untuk bersaing dengan pengangkutan awam yang lain, namun ia adalah perkhidmatan yang berorientasikan keperluan pengguna terutama golongan berpendapatan rendah di kawasan yang disasarkan. Ianya selaras dengan prinsip keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat.

LAMPIRAN I

i. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
   - Dari Jalan Ukay Perdana ke Jalan Taman Melawati. Butiran laluan adalah:
     - Jalan Ukay Perdana >> Jalan Sungai Sering >> Jalan Mulia 1/1 >> Jalan Riana Ukay >> Jalan Riana Ukay 1 >> Jalan Ukay Indah >> Jalan AU 4/2 >> Jalan AU5 >> Persiaran Permata >> Jalan Taman Melawati.

ii. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
   - Dari/Ke Kompleks Hentian Kajang ke/dari Jalan Timur. Butiran laluan adalah:
     - Kompleks Hentian Kajang melalui Jalan Reko >> Persiaran Bangi >> Persiaran Cempaka >> Jalan 7/5 (Surau Al-Islah) >> Jalan 7/2 >> Jalan 7/1 >> Jalan Wan Siew >> Jalan Sungai Chua >> Jalan Mendaling >> Jalan Tukang >> Jalan Besar >> Jalan Cheras >> Jalan Timur.

iii. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
   - Dari Selayang Mutiara ke Terminal Putra Gombak. Butiran laluan adalah:
     - Selayang Mutiara >> Stadium MPS >> MPS >> Apartment Dahlia >> Jalan Taman Bidara >> Taman Selayang Jaya >> Selayang Mall >> Lebuhraya Selayang Kepong >> Medan Selera Selayang Segar >> Selayang Baru >> Jalan Sungai Tua >> Jalan Batu Caves >> Greenwood >> Jalan Gombak >> Jalan Sungai Pusu >> Terminal Putra Gombak.

iv. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
   - Laluan SPG 1 dari Klinik Kesihatan Tanjong Sepat ke Stesen ERL Kota Warisan. Butiran laluan adalah :
     - Klinik Kesihatan Tanjong Sepat >> Medan Selera Tanjong Sepat >> SK Tamil Tanjung Sepat >> Kampung Tanjung Rhu >> Taman Sri Merbau, Sungai Pelek >> Balai Polis Sungai Pelek >> Pejabat Pos Sungai Pelek >> Taman Sri Tanjung Mas >> Taman Murni >> Pekan Sepang >> Taman Desa Indah >> KLIA 2 >> KLIA >> ERL Kota Warisan;
   - Laluan SPG 2 dari Bandar Baru Salak Tinggi ke ERL Kota Warisan. Butiran laluan adalah :
     - Stesen ERL Kota Warisan >> Hotel Empress, Bandar Baru Salak Tinggi (BBST) >> Stadium Mini BBST >> Mahkamah Sesyen BBST >> SMK BBST >> Taman Dahlia BBST >> Taman Seroja BBST >> Pusat Penjaja BBST >> Hotel Empress >> Stesen ERL Kota Warisan.

v. Majlis Daerah Kuala Langat

- Dari Bandar Banting ke Stesen ERL Kota Warisan. Butiran laluan adalah :
    - Bandar Banting >> Jalan Bunga Pekan >> Jalan Sultan Abdul Samad >> Jalan Dengkil – Banting >> Jalan Banting – KLIA >> Jalan KLIA 1 >> Jalan Pekeliling >> Lebuhraya KLIA Extension >> Jalan KLIA 1 >> Jalan Pekeliling >> Pintasan Dengkil Bypass >> PErsiaran Warisan >> Jalan Warisan Megah.

vi. Majlis Daerah Sabak Bernam

- Dari/ke Sekinchan ke/dari Sabak Bernam akan melalui:
    - Stesen Bas Sekinchan ke Stesen Bas Sungai Besar
        - Stesen Bas Sekinchan >> Kilang Khind Mistral >> Pekan Sekinchan >> Pantai Redang >> SMK (C) Yoke Kuan >> Taman Seri Sekinchan >> Taman Harmoni >> SRK Seri Sekinchan >> SRA Sekinchan >> Taman Aman >> SRK Sungai Leman >> SMK Dato' Mustafa >> SRK Pasir Panjang >> Pekan Pasir Panjang >> Kg. Batu 23 Sungai Nibong >> Pekan Sg. Nibong >> Pekan Simpang 5 >> Klinik Kesihatan Simpang 5 >> SRK Simpang 5 >> Kg Sungai Haji Dorani >> Pekan Sungai Haji Dorani >> SRK Sungai Haji Dorani >> SRK Sungai Limau >> Stesen Bas Sungai Besar.

    - Stesen Bas Sungai Besar ke Stesen Bas Sabak Bernam.
        - Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) >> JKM dan LZS >> MCDonald >> Pasaraya TF >> Pusat Komersil Sg. Besar >> PTD Sabak Bernam (Kompleks Kerajaan) >> Klinik Kesihatan Sg. Besar >> IPD Sabak Bernam >> Pejabat Pos >> SRK Seri Utama >> SMK Seri Bedena >> Taman Penggawa >> Pusat Perniagaan Sg. Lias >> Kampung Sungai Burung >> Taman Air Manis >> Jabatan Pengangkutan Jalan >> Kampung Tebuk Pulai >> Taman Orkid >> Taman Muhibbah/ Taman Pertama/Taman Serendah >> SMA Batu 1 >> Taman Perumahan >> Pusat Komersil >> SMK Tunku Rahman Putra (STARP) >> Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam >> Kolej Komuniti Sabak Bernam >> Stadium Mini Sabak Bernam >> Stesen Bas Sabak Bernam.

vii. Majlis Daerah Kuala Selangor

- Dari Terminal Bas dan Teksi Kuala Selangor – Tanjong Karang – Perhentian Bas Sekinchan. Butiran laluan adalah :
    - Perhentian Bas dan Teksi Kuala Selangor >> Taman Paduka >> Kompleks PKNS Kuala Selangor >> SM Sains Kuala Selangor >> MDKS

>> Stesen Bas Pekan Lama Kuala Selangor >> Giant Hypermarket >> Taman Pinggiran >> SMKA Kuala Selangor >> Taman Baiduri >> Masjid Jamek >> Taman Damai >> Hospital Tanjung Karang >> Perhentian Bas Tanjong Karang >> SAM Seri Desa >> SK Sg Burong >> SK Parit Empat >> Pekan Sekinchan >> Perhentian Bas Sekinchan.

viii. Majlis Daerah Hulu Selangor

- Terminal Bas Kuala Kubu Bharu – ke/dari Terminal Bas Bukit Sentosa. Butiran laluan adalah :
    - Terminal Bas Kuala Kubu Bharu >> Dewan Merdeka KKB >> JPJ Kuala Kubu Bharu >> Stesen KTM KKB >> Taman Tanjak >> Darul Quran >> Desa Bukit Bujang >> Desa Rening >> Rasa Tambahan >> Perindustrian Zurah >> Taman Keruing >> Pekan Rasa >> Widuri >> Kemboja >> Angggerik >> Seroja >> Jenjarum >>Terminal Bas Bukit Sentosa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : ADUAN YANG DITERIMA OLEH JKR

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah aduan yang telah diterima oleh JKR Daerah Petaling mengikut kawasan DUN dari tahun 2014 hingga kini.

b) Nyatakan jumlah aduan yang telah diselesaikan dan belum diselesaikan.

c) Nyatakan piawai tindakan JKR terhadap setiap aduan yang diterima.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : TINDAKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN UJUDNYA DLP

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor berkenaan ujudnya DLP diperingkat pendidikan?

JAWAPAN:

a) *Dual Language Programme (DLP) atau* Program Dwibahasa merupakan sebuah program di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bagi tahun 2016, sebanyak 300 buah sekolah terlibat di dalam pelaksanaan DLP.

Memandangkan DLP adalah sebuah program baharu yang diperkenalkan oleh KPM, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dalam memberi kefahaman program tersebut dengan melaksanakan Seminar Kefahaman Program Dwibahasa (*Dual Language Programme* –DLP) pada 5 Mac 2016 di Dewan Pro Canselor, UNISEL, Shah Alam.

Seminar ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 2000 orang peserta yang terdiri daripada para pendidik dari seluruh Negeri Selangor.

Seminar ini dilaksanakan bertujuan:

- untuk memberi kefahaman dan maklumat yang jelas berkenaan DLP;
- mendapat maklum balas dari peringkat *grassroot*tentang pelaksanaan DLP ; dan
- membincangkan aspek pelaksanaan dan keberkesanan DLP kepada pembangunan pendidikan Negara.

Hasil daripada perbincangan yang diperolehi daripada pelaksanaan seminar ini adalah:

- pelaksanaan DLP dilihat bukan semata-mata kaedah yang terbaik untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar;

- usaha memartabatkan Bahasa Melayu harus dilaksanakan dengan sewajarnya;dan

- melaksanakan *roadshow* penerangan berkenaan DLP *kepada* ibu bapa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : MASALAH KUALITI AIR TASIK SHAH ALAM

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan MBSA yang telah dilaksanakan untuk membaiki kualiti air Tasik Shah Alam?

b) Berapa peruntukan disediakan untuk mengawal kualiti air Tasik Shah Alam?

c) Adakah PBT mempunyai Pegawai Khas untuk menjaga kualiti air tasik-tasik seluruh kawasan PBT?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA EKVE MELALUI DUN HULU KELANG

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah syarat yang dikenakan ke atas syarikat konsesi EKVE untuk melalui jajaran asal jalan sedia ada?

b) Adakah semua kesulitan penduduk telah diselesaikan sebelum projek EKVE di jajaran tersebut dimulakan?

c) Apakah kuasa MPAJ dalam memastikan pembinaan EKVE tidak merugikan rakyat?

JAWAPAN:

a) Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan EKVE Sdn Bhd selaku syarikat konsesi yang bertanggungjawab adalah:

(i) menjalankan *Traffic Impact Assessment (TIA)* yang disediakan oleh perunding trafik serta disemak dan disahkan oleh *Independent Checking Engineers (ICE)* mengikut keperluan laporan TIA yang telah disahkan;

(ii) menaiktaraf jalan sedia ada (Jalan Ukay Perdana) kepada tiga (3) lorong sehala *(Three Lane Dual Carriageway)*; dan

(iii) membina *fly-over* bagi persimpangan-persimpangan utama di Jalan Ukay Perdana.

b) Sebelum rekabentuk terperinci untuk menaiktaraf jalan sedia ada diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), segala permasalahan dan pandangan penduduk-penduduk setempat telah dikenalpasti dan sebahagian besarnya telah diambilkira dalam rekabentuk berkenaan bagi memastikan keselesaan penduduk setempat serta golongan yang terkesan dengan pembinaan lebuhraya ini adalah terjamin dan terjaga. Selain rekabentuk, keadah-keadah pembinaan juga dirancang sebaik mungkin bagi meminimakan kacau ganggu semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan.

Sebagai contoh, pihak kontraktor menggunakan keadah penanaman cerucuk secara *hydraulic injection* bagi kerja-kerja yang dijalankan berhampiran dengan struktur-struktur sedia ada seperti rumah atau bangunan.

Perhubungan secara terus antara pihak konsesi dengan wakil persatuan-persatuan penduduk turut diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan penduduk sentiasa mengetahui perkembangan kerja-kerja yang sedang dijalankan di tapak bina.

Selain itu, pihak konsesi turut menyediakan pasukan *Emergency Response Team* (ERP) yang beroperasi selama 24 jam semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Talian hotline juga diaktifkan bagi memastikan segala masalah-masalah yang timbul semasa pembinaan dapat dilaporkan secara terus kepada syarikat konsesi untuk diambil tindakan yang sewajarnya.

c) Dalam memastikan pelaksanaan EKVE di kawasan ini tidak merugikan rakyat, pihak MPAJ telah membantu dalam memastikan pandangan penduduk serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi adalah dilaksanakan sebelum proses pewartaan Rancangan Tempatan (RT) diluluskan. Antara syarat yang dikenakan termasuklah:

(i) mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan/Agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kejuruteraan MPAJ serta Jabatan/Agensi teknikal lain yang berkaitan;

(ii) mengemukakan pengesahan dari jurutera perunding yang menyedikan Laporan *Traffic Impact Assessment (TIA)* serta pengesahan oleh *Independent Checker* yang mengesahkan rekabentuk lebuhraya adalah selaras dengan Laporan TIA yang dikeluarkan;

(iii) mengemukakan Laporan *Social Impact Assessment (SIA)* yang terkini;

(iv) mengemukakan rekabentuk lebuhraya yang telah mengambilkira pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh penduduk yang terkesan (sekiranya bersesuaian); dan

(v) mengambilkira cadangan penambahbaikan yang telah diutarakan oleh penduduk bagi Laporan TIA dalam pembangunan lebuhraya ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : PROJEK TANAH ASRAMA YAYASAN SELANGOR

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status semasa cadangan pembangunan semula tanah asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan?

b) Apakah prospek pembangunan semula ini adalah kesan lama tertangguh?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : *FOOD STAMP*

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan mekanisme pemilihan pembekal barangan sumbangan kepada penerima *Food Stamp*.

b) Nyatakan cara permohonan untuk menjadi pembekal barangan tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

Bagi Program 'Smart Selangor Food Stamp', saya akan menjawab bersekali dengan soalan mulut yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat Balakong (No. 158), Damansara Utama (No. 179), soalan bertulis dari Ahli Yang Berhormat Seri Serdang dan Kota Damansara.

Buat masa kini, Kerajaan Negeri telah mensasarkan kepada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap DUN untuk menerima bantuan makanan asas. Sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat bercadang untuk membuat penambahan bilangan penerima bantuan program ini, ahli-ahli Yang Berhormat boleh menggunakan peruntukan sendiri dan barangan tambahan tersebut akan disediakan oleh pihak Hijrah Selangor sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MMKN Ke 20/2016. Walau bagaimanapun, sekiranya ada diantara DUN yang tidak dapat memenuhi kuota bilangan penerima yang telah ditetapkan, maka DUN berkenaan perlu memaklumkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor supaya kuota berkenaan dapat dimaksimakan dan disalurkan kepada kawasan DUN yang lebih memerlukan.

Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri dapat membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Pelaksanaan program ini juga sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga yang miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan kepada mereka dengan menerima bantuan makanan asas secara bulanan disamping menggunakan gaji yang diterima bagi bulan tersebut untuk memenuhi keperluan lain keluarga berkenaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016 yang bersidang pada 15 Jun 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Program 'Smart Selangor Food Stamp'. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Penerima bagi program 'Smart Selangor Food Stamp' ini adalah terdiri daripada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap 56 DUN di Selangor dimana Kerajaan Negeri telah mendapatkan senarai nama-nama peserta program ini daripada pihak Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM). Ini menjadikan jumlah penerima bagi program pemberian makanan asas ini adalah seramai 5,600 keluarga dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,116,800.00.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, Program Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp' ini adalah berbeza dengan Program Jom Shopping kerana program 'Smart Selangor Food Stamp' merupakan bantuan makanan asas yang diberikan kepada keluarga yang termiskin pada setiap bulan. Makanan asas ini adalah berupa keperluan asas yang digunakan dalam kehidupan harian penduduk di Malaysia. Manakala program Jom Shopping pula merupakan bantuan yang diberikan sempena perayaan kepada keluarga yang telah dikenalpasti. Melalui program ini, penerima diberikan kebebasan untuk memilih barang-barang yang diperlukan sebagai persediaan menyambut perayaan masing-masing.

Kriteria Penerima Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp'

Kerajaan Negeri telah menetapkan empat (4) kriteria penerima bantuan program ini adalah seperti berikut:-

1. Lahir di Selangor **atau** telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman);
2. Terbuka kepada semua kaum;
3. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
4. Pengundi di DUN tersebut.

Pengendali Program 'Smart Selangor Food Stamp'

Tiada pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri memandangkan program bantuan makanan asas ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Sebagai pengendali program, pihak Hijrah adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pembekalan dan penghantaran makan asas yang telah diputuskan didalam MMKN.

Pihak Hijrah juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum 'Hari Food Stamp' yang telah ditetapkan iaitu pada hari Jumaat minggu ketiga pada setiap bulan. Penetapan hari berkenaan adalah untuk memudahkan pengagihan bantuan barang makanan asas dilaksanakan kepada penerima bantuan disamping memudahkan ahli keluarga mengambil barangan makanan asas di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM.

Nilai Bantuan Dan Jenis Makanan Asas Program 'Smart Selangor Food Stamp'

Kerajaan Negeri juga telah menetapkan sebanyak RM50.00 bagi setiap kos barangan makanan asas yang dibekalkan kepada setiap keluarga penerima bantuan program ini. Dengan nilai tersebut, setiap penerima bantuan akan menerima enam (6) jenis barangan makanan asas pada setiap bulan bermula Jun hingga Disember 2016 dan akan diteruskan ke tahun-tahun hadapan.

Jenis dan perbandingan kos seunit bagi barangan makanan asas adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis barangan	Kuantiti	Harga Hijrah Selangor	Harga Pembekal Lain
1.	Beras 5% 10 kilogram	1 unit	RM26.50	RM28.90
2.	Minyak Masak 2 kg	1 unit	RM8.00	RM8.70
3.	Gula Pasir 1 kilogram	1 unit	RM2.40	RM2.40
4.	Tepung Gandum 1 kg	2 unit	RM5.68	RM5.68
5.	Bihun 450 gram	1 unit	RM3.95	RM4.20
6.	Susu Pekat Manis 500g	2 unit	RM3.50	RM4.10
	JUMLAH		RM50.03	RM53.98

Nilai barangan yang dibekalkan kepada penerima bantuan tidak ditolak dengan kos pengurusan yang dikendalikan oleh pihak Hijrah Selangor. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat di Selangor berhak menerima nilai bantuan yang telah ditetapkan tanpa sebarang kos tersembunyi bagi mengelakkan perkara yang diluar jangkaan berlaku pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : GST

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan beban rakyat yang berurusan dengan kerajaan negeri?

b) Berapakah jumlah GST yang telah dikenakan kepada rakyat Selangor yang diserahkan kepada pihak kastam

c) Berapakah jumlah GST yang diserap oleh kerajaan negeri

JAWAPAN:

a), b) Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada dasarnya menjalankan fungsi-fungsi pengawalan dan penguatkuasaan. Merujuk kepada Seksyen 64(1)(b) Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 menyatakan Akta ini tidak terpakai berhubung dengan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh mana-mana PBT dan Badan Berkanun dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya. Oleh demikian, perkhidmatan dan aktiviti entiti-entiti kerajaan tersebut adalah di luar skop GST dan tidak dikenakan GST.

Namun begitu, Kerajaan Negeri prihatin dan peduli mengenai kegawatan ekonomi hari ini yang menekan kehidupan seharian golongan berpendapatan rendah. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah menghapuskan beberapa cukai melibatkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana iaitu cukai taksiran bagi rumah kos rendah, rumah kampung serta fi lesen penjaja kecil dan pasar malam.

Selain itu, beberapa taklimat dan program berkaitan GST telah dilaksanakan bagi memberi penerangan dan pendedahan kepada pengguna, peniaga, Pihak Berkuasa Tempatan dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Senarai program dan taklimat yang telah diadakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara	Tempat
1.	1 Julai 2014	Program Taklimat Cukai GST Peringkat Negeri Selangor	Auditorium Bangunan Annex, SUK Selangor
2.	8 Julai 2014	Taklimat GST untuk PBT & Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	Auditorium Bangunan Annex, SUK Selangor
3.	25 Sept 2014	Program Pendaftaran GST untuk PBT & Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	Foyer, Bangunan SUK Selangor

c) Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor ke 20/2015 pada 24 Jun 2015 telah menimbang dan **menolak** cadangan untuk menyerap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : POLISI UNTUK GOLONGAN USIA EMAS

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Pelan Tindakan Kerajaan Negeri untuk golongan usia emas yang semakin meningkat di Selangor bagi memastikan hidup yang mampan dan mesra usia emas?

b) Senaraikan pecahan umur dan kaum golongan usia emas serta kemudahan untuk mereka mengikut pecahan PBT di Selangor.

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Pelan Tindakan Warga Emas Negara, terdapat enam (6) strategi telah dirangka bagi memastikan hidup yang mampan dan mesra usia emas iaitu.

1. Strategi 1 (Promosi dan Advokasi):

i. Kempen kesedaran secara berterusan melalui media cetak dan elektronik, forum, seminar dan ceramah. Contoh: Kursus/ Ceramah mengenai penuaan / penjagaan kesihatan dan Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Negeri Selangor.

ii. Membangunkan modul dan menjalankan latihan kemahiran advokasi dalam kalangan individu, komuniti dan penyedia perkhidmatan. Contoh: Kursus Persediaan Pra Persaraan.

iii. Menubuhkan sebuah entiti yang berperanan bagi membangunkan warga emas. Contoh: Pemupukan nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda dan kesedaran mengenai kasih sayang dan kesejahteraan dalam kalangan warga emas.

2. Strategi 2 (Pembelajaran Sepanjang Hayat):

i. Membangunkan pakej / modul pembelajaran dalam aspek seperti pembangunan / pengurusan diri, latihan semula untuk kerjaya kedua dan kesukarelawanan.

ii. Memperluaskan projek pembelajaran sepanjang hayat ke seluruh negara melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti kolej komuniti, NGO dan swasta.

iii. Menaik taraf kemudahan infrastruktur berkaitan pembelajaran sepanjang hayat supaya lebih mesra warga emas.

3. Strategi 3 (Keselamatan dan Perlindungan):

i. Menggalakkan amalan perancangan untuk hari tua seperti amalan menabung dalam kalangan generasi muda dan menggalakkan institusi kewangan mempelbagaikan perkhidmatan kewangan untuk simpanan hari tua.

ii. Memperkenalkan pendidikan kewangan kepada semua lapisan masyarakat.

iii. Mengkaji semula skim persaraan supaya usia persaraan selaras dengan jangka hayat penduduk.

iv. Mengkaji peranan koperasi sebagai salah satu sumber menjana kewangan di hari tua.

4. Strategi 4 (Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab):

i. Menjadikan isu warga emas sebagai agenda tetap dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri.

ii. Mengkaji semula sistem penyampaian bantuan supaya telus dan berkesan.

iii. Meningkatkan penguatkuasaan standard perkhidmatan di pusat jagaan warga emas (harian dan berkediaman).

iv. Mewujudkan sistem perwakilan dalam bentuk jawatankuasa pembangunan warga emas di peringkat daerah, negeri dan persekutuan.

5. Strategi 5 (Penglibatan dan Kesepaduan Antara Generasi):

i. Menggalakkan aktiviti kesukarelaan dalam kalangan pelajar sekolah, kolej dan universiti di pusat jagaan warga emas sebagai aktiviti ko-kurikulum/ kemahiran insaniah

ii. Menggalakkan penglibatan NGO/ swasta menggunakan kemudahan sedia ada untuk aktiviti kekeluargaan dan gaya hidup sihat yang melibatkan warga emas

iii. Pembentukan dasar dan pelan tindakan untuk mengukuhkan hubungan antara generasi

iv. Mewujudkan biro warga emas dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR)

6. Strategi 6 (Penyelidikan dan Pembangunan):

i. Menyediakan peruntukan kewangan bagi penyelidikan berkaitan penuaan di pelbagai kementerian dan agensi

ii. Mewujudkan pangkalan data penyelidikan penuaan kebangsaan

iii. Meningkatkan penyelidikan ke arah pembentukan standard perkhidmatan dan peraturan serta undang-undang untuk kesejahteraan warga emas

iv. Mewajibkan penilaian impak projek pembangunan ke atas warga emas.

b) Melalui rekod yang diberikan oleh pihak YAWAS, data warga emas adalah mengikut pecahan umur dan daerah kerana terdapat penglibatan Pejabat Daerah Dan Tanah dalam melaksanakan program Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Senarai pecahan umur dan kaum golongan usia emas serta kemudahan untuk mereka mengikut daerah di Selangor adalah seperti di jadual berikut:-

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PROJEK RIVER OF LIFE (ROL)

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek ROL?

b) Apakah kesan baik ROL kepada Sungai Klang dan penduduk sekitarnya?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : 7 TNB PYLON MENGEPUNG TAMAN CHERAS HARTAMAS

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri telah menerima laporan pakar memastikan 4 paip air besar yang telah dialihkan ke bawah Jajaran TNB adalah selamat, tidak mengugat keselamatan penduduk?

b) Adakah TNB telah memberi akujanji kepada Kerajaan Negeri pemasangan pylon sebegini tidak menjejaskan kesihatan penduduk?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : USAHA MENINGKATKAN KUALITI KEBERSIHAN DI KAWASAN-KAWASAN KAMPUNG

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan bercadang untuk membantu mengatasi masalah lambakan sampah sarap dan sisa pepejal di kawasan-kawasan kampung yang tidak terurus dan dibuang merata-rata?

b) Nyatakan rancangan Kerajaan.

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri tidak mengabaikan pengurusan sampah di kawasan kampung sama ada dalam kawasan operasi PBT atau di luar kawasan operasi. Walau bagaimanapun, kaedah pengurusan sampah di kampung-kampung adalah mengikut kesesuaian dan kemampuan PBT sebagai contoh MBSA, MBPJ dan MPSJ telah melantik kontraktor bagi pengurusan sampah di kampung-kampung dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Manakala bagi lain-lain PBT kaedah menggunakan tong sampah berpusat (diletakkan di tepi jalan utama) digunakan bagi memudahkan kutipan oleh kontraktor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : MAKLUMBALAS RAKYAT MENGENAI SMART SELANGOR

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status engagement dengan rakyat Selangor dalam mendapatkan maklumbalas mereka untuk program Smart Selangor yang dilancarkan Kerajaan Negeri setakat ini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : BEKAS PEKERJA LADANG IJOK

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan terkini nasib bekas pekerja ladang di Ijok yang diarahkan pindah oleh Kerajaan Negeri?

b) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan kediaman kepada mereka?

JAWAPAN:

a) Soalan ini terlalu umum untuk diperjelaskan kerana saya tidak pasti ladang manakah yang dirujuk oleh Yang Berhormat Jeram. Dalam pada itu, dimaklumkan bahawa peningkatan pembangunan di kawasan Ladang Coalfield yang dimiliki oleh KL – Kepong Berhad adalah merupakan usaha dari Kerajaan Negeri melalui perbincangan bersama dengan pemilik ladang berkenaan berhubung kemajuan pembangunan kawasan ladang tersebut iaitu dengan memberi subsidi rumah kepada 38 bekas pekerja ladang untuk membeli rumah dengan kadar harga yang lebih murah iaitu RM35,000.00 sebuah berbanding harga asal sebanyak RM150,000.00 bagi sebuah rumah. Sehubungan dengan itu, pampasan sebanyak RM18,000.00 juga telah diserahkan kepada 38 keluarga bekas pekerja ladang berkenaan yang telah memenangi keputusan mahkamah. Di samping itu, pihak KL – Kepong Berhad juga telah memperuntukkan tanah seluas 1 ekar sebagai tapak ibadat kepada bekas pekerja ladang tersebut sebagai kemudahan kepada mereka bagi membina kuil.

b) Kerajaan Negeri Selangor setakat ini belum mempunyai program bantuan khusus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara mahupun yang diarahkan berpindah untuk mendapatkan kemudahan kediaman kepada mereka. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang melalui " *Estate Land Board* " telah berbincang dengan jabatan yang berkenaan dengan mensyaratkan supaya dalam setiap pembangunan kawasan ladang, kebajikan setiap bekas pekerja ladang dapat dipertahankan seperti perumahan, rumah ibadat dan sekolah. Berikut adalah merupakan antara ladang – ladang di Negeri Selangor yang telah dibantu :

i) **Ladang Bukit Rajah** - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil dan dewan komuniti sebagai kemudahan kepada mereka ;

ii) **Ladang Bangi** – Seramai 22 orang bekas pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh majikan mereka untuk membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri ;

iii) **Taman Permata Dengkil** – Kerajaan Negeri telah menyerahkan 30 ekar kepada Kerajaan Pusat bagi pembinaan rumah kepada 393 orang pekerja ladang bekas pekerja ladang dari kawasan Putrajaya.

iv) **Ladang Duneden** - Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat ; dan

v) **Ladang Tumbok** - Kerajaan Negeri telah berjaya membantu seramai 12 orang bekas pekerja ladang dalam memiliki rumah dan tapak rumah.

vi) **Ladang Semenyih** – Kerajaan Negeri melalui perbincangan dengan majikan dan pemilik ladang berkenaan telah berjaya membantu mendapatkan rumah teres 2 tingkat dengan diskaun kepada 25 bekas pekerja ladang, tempat beribadat dan juga tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) diperbesarkan.

vii) **Ladang Dusun Durian** – Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan pembatalan “Rezab Melayu” yang telah dijadikan sebagai tapak perumahan kepada bekas pekerja ladang 109 orang serta tempat beribadat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PERPUSTAKAAN DAERAH SEPANG

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status tentang projek pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : LONGGOKAN SAMPAH HARAM DI JALAN MERU DAN JALAN PASAR MALAM MERU

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan oleh MPK bagi mencegah berulang dan berlanjutan masalah ini?

b) Berapa bilangan tangkapan dan penguatkuasaan sita kenderaan di lokasi tersebut?

JAWAPAN:

a) Majlis Perbandaran Klang sentiasa membuat pemantauan di lokasi spot haram terutamanya di Jalan Meru dan Jalan Pasar Malam Meru sertu juga membuat tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap di lokasi tersebut.

b) Pada 29 Jun 2015, pasukan penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang telah membuat satu tangkapan dan tindakan sitaan kenderaan (lori 1 tan) di Jalan Meru manakala sepanjang tahun 2016 (Januari sehingga Jun) sebanyak 39 buah kenderaan pelbagai jenis telah disita dan sejumlah RM 48,598.00 nilai hasil bayaran denda kerana membuang sampah di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang. Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Klang) 2007.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : RIZAB SELANGOR TERKINI

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan pecahan rizab mengikut sektor dan jumlah dalam Ringgit Malaysia dan sektor mana menjadi penyumbang utama, bermula tahun 2016.

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan penggunaan rizab memberi pulangan yang baik kepada rakyat Selangor?

JAWAPAN:

a), b)

Rizab Negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 Jun 2016 dan 15 Julai 2016 adalah, masing-masing, berjumlah RM3,883.88 juta dan RM3,950.64 juta. Kumpulan Wang Disatukan yang berjumlah RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016 adalah terdiri dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM2,598.08 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,352.56 juta. Kedudukan rizab negeri bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Rizab
	RM Juta
2010	1,586.88
2011	1,944.00
2012	2,619.44
2013	2,907.10
2014	3,200.91
2015	3,258.61

Bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2016, Rizab Negeri pada 15 Julai 2016 telah meningkat sebanyak 21.24% iaitu daripada RM3,258.61 juta pada 31 Disember 2015 kepada RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016. Peningkatan ini disumbangkan

oleh lebihan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1,002.50 juta. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Hasil mengikut penjenisannya adalah seperti berikut:

1) Hasil Cukai – contohnya cukai tanah dengan kutipan sebanyak RM427.03 juta iaitu 90.63% dari Anggaran Hasil 2016;

2) Hasil Bukan Cukai – contohnya Premium Tanah dengan kutipan sebanyak RM974.87 juta iaitu 90.14% dari Anggaran Hasil 2016; dan

3) Terimaan Bukan Hasil – contohnya Pemberian Persekutuan.

Manakala perbelanjaan mengurus sehingga 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM756.45 juta (iaitu 52.53% dari Belanjawan 2016). Kerajaan Negeri tidak dikecualikan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). GST yang dikenakan adalah bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding. Impak pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor adalah di mana jumlah GST yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 berjumlah RM15,737,962.02 dan bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016 berjumlah RM10,195,933.11.

Selain daripada Akaun Hasil Disatukan, komponen Kumpulan Wang Disatukan adalah termasuk Akaun Amanah Disatukan. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Rizab tunai negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang memberi pulangan tetap (*fixed income*) di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Peratusan pulangan hasil simpanan tunai tersebut setiap bulan adalah berdasarkan kadar faedah simpanan tetap dan pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan mengikut tempoh dan jenis (konvensional atau islamik) pelaburan yang dibuat iaitu di antara 3.3% hingga 4.5% setahun bagi tempoh sehingga Julai 2016. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek (STMMD) mulai 01 Januari 2016 sehingga 15 Julai 2016 adalah sebanyak RM49.98 juta. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan STMMD pada tahun 2015 adalah sebanyak RM109.23 juta.

Peningkatan jumlah rizab/Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah disumbangkan oleh faktor-faktor berikut:-

i) peningkatan hasil premium tanah disebabkan oleh pengiraan premium tanah berdasarkan nilai pasaran semasa;

ii) peningkatan cukai hasil hutan disebabkan kenaikan Kadar Royalti Kuari berkuatkuasa 1 November 2014;

iii) peningkatan hasil Caruman Parit disebabkan kenaikan kadar baru Caruman Parit berkuatkuasa 1 Julai 2015;

iv) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

v) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK) sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-

   a) menjejaki pemilik tanah yang berkenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
   b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
   c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
   d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.

vi) Kerajaan Negeri terutamanya melalui PDT sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-

   a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
   b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi PDT di kawasan pedalaman;
   c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
   d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

   Kerajaan Negeri juga telah menambah saluran pembayaran cukai tanah melalui kaunter bergerak.

vii) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah

dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua PDT;

viii) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) PDT iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah;

ix) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-

1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
3) Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperoleh melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah; dan

5) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 yang memberi penjelasan terhadap isu berbangkit berkenaan pelaksanaan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*.

x) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan;

xi) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki;

xii) Pejabat Pemungut Hasil Negeri Selangor juga, dari masa ke masa, akan membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan hasil sedia ada. Sebagai contoh, PTGS kini sedang mengkaji kadar royalti bagi bahan batuan pasir dan menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi mengelakkan ketirisan; dan

xiii) Perbendaharaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri dari masa ke masa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius akan perkembangan ekonomi global dan domestik di Malaysia. Kejatuhan harga komoditi tidak boleh lagi dijadikan alasan penyusutan nilai ringgit dan kegawatan ekonomi. Negara hari ini berdepan dengan krisis keyakinan yang memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Secara umumnya, kejatuhan mata wang ringgit dan kelembapan ekonomi negara menjejaskan ekonomi negeri Selangor dari sudut kuasa beli pengguna dan harga barang yang mempunyai komponen import. Walau bagaimanapun, impak kejatuhan dan kelembapan tersebut adalah minima ke atas prestasi kewangan dan dana yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri disebabkan tiadanya risiko pelaburan luar negara dan instrumen-instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberi kesan negatif secara langsung ke atas kewangan Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan rizab Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Jumlah peruntukan yang akan disediakan pada setiap tahun adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan serta keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November / Disember 2015 telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 bertemakan “Membangun Smart Selangor Yang Peduli” yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik melalui lima strategi iaitu :

1. Menerajui Gagasan Smart Selangor.
2. Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik.
3. Mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli.
4. Memperkukuh Kualiti Pendidikan dan Latihan.
5. Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif.

Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri dikendalikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : KOLAM TERNAKAN UDANG PKPS

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah dalam pengetahuan Kerajaan Negeri kolam ternakan udang seluas 100 ekar dalam Tanah Rancangan Api-Api, di Mukim Api-Api Daerah Kuala Selangor tidak beroperasi lagi?

b) Permasalahan apakah yang menyebabkan kolam ternakan udang tersebut berhenti beroperasi?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : BAS *SMART SELANGOR*

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan perkembangan terkini perkhidmatan Bas *Smart Selangor*?

b) Sila nyatakan sehingga setakat ini berapakah jumlah peruntukan telah dibelanjakan?

c) Sila huraikan bagaimanakah sambutan rakyat marhean terhadap perkhidmatan Bas *Smart Selangor*?

JAWAPAN:

a) dan (b)

Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015, perkhidmatan Bas Smart Selangor kini telah beroperasi di sebelas (11) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Ampang Jaya, Kajang, Selayang, Sepang, Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

Kerajaan Negeri setakat ini telah membelanjakan sebanyak RM12,317,278.64 bagi pelaksanaan di seluruh daerah di Negeri Selangor. Keseluruhan kos tersebut adalah meliputi kos sewaan bagi 34 buah bas, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan sebanyak 6 peratus.

c) Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016, penumpang Bas Smart Selangor telah menjangkau sehingga 1,951,530 penumpang. Oleh yang demikian, berdasarkan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor setakat ini dan permintaan-permintaan untuk menambah lagi jumlah perkhidmatan tersebut yang banyak diterima, Kerajaan Negeri percaya bahawa rakyat Selangor menyambut baik perkhidmatan ini di samping mengharap supaya perkhidmatan ini diperluaskan ke kawasan lain. Antara maklumbalas orang awam terhadap perkhidmatan ini adalah, ianya memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam lain yang berintegrasi dengan laluan bas ini seperti komuter dan transit aliran ringan (LRT). Oleh itu, pemantauan perkhidmatan Bas Smart Selangor dilakukan secara berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memberi

kepuasan dan memenuhi keperluan rakyat yang bergantung kepada sistem pengangkutan awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH YANG BERKESAN DI WAKTU HARI PERAYAAN

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kerajaan negeri mempunyai persiapan khas di musim perayaan bagi mengelakkan timbunan sampah bagi anak Selangor yang balik beraya?

b) Apakah tindakan kerajaan negeri supaya krisis sampah di Selat Klang semasa Hari Raya Idulfitri tidak berulang?

JAWAPAN:

a) Dan b)

Beberapa persiapan telah dilakukan pada musim perayaan untuk mengelakkan masalah sampah semasa Hari Raya Aidilfitri seperti berikut:-

i) Menyediakan sebanyak 30 unit tong ‘armroll’ bagi tujuan pembersihan sampah pukal.
ii) Mengeluarkan notis Pematuhan Syarat Penggunaan Tong dan Karung Sampah di Bazaar Ramadhan Jalan Taiping.
iii) Penyediaan tong sampah 240 liter sebanyak 40 unit sepanjang Bazaar Ramadhan di Jalan Taiping, Klang.
iv) Mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap peniaga – peniaga yang tidak mematuhi syarat – syarat perniagaan.
v) Membuat penambahan Arahan Tambahan Kuantiti (v.o) bagi kerja- kerja keperluan kontraktor pembersihan bagi Bazaar Ramadhan dan sampah pukal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : *SMART SOLUTION*

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauhmana masyarakat telah memanfaatkan Aplikasi mudah City Act yang telah dilaksanakan tahun ini?

b) Apakah usaha KNS untuk mewar-warkan perkara ni kepada rakyat dan pengguna?

c) Sejauhmana kecekapan aduan-aduan ini telah ditanggani, apakah kayu ukur yang digunakan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : PEMBELIAN LORI SAMPAH OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah kondisi lori sampah sebanyak 100 buah yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri?

b) Nyatakan kos penyeleggaraan dari tahun mula dibeli sehingga kini?

c) Apakah manfaat yang diperolehi dari pembelian kenderaan tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : SKIM BANTUAN AM KEBAJIKAN

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan susulan kerajaan terhadap teguran Ketua Audit Negara terhadap pembayaran skim bantuan am yang merupakan antara yang terendah di Malaysia memandangkan rizab kewangan kerajaan semakin kukuh?

b) Apakah garis panduan kemiskinan yang digunakan oleh JKM Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : TANAH BAWAH PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah keluasan yang terbabit di kawasan Gombak dan telah dibangunkan mengikut keperluan tanah yang dipohon?

b) Adakah terdapat tanah tersebut disewakan kepada orang lain dan Kerajaan Negeri beroleh pulangan dari aktiviti tersebut?

JAWAPAN:

a) Keluasan tanah di bawah PTP di Daerah Gombak yang telah dibangunkan ialah 159.13 hektar. Pecahan pembangunan mengikut keperluan adalah seperti Lampiran A.

b) Tanah di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) merupakan tanah kerajaan yang telah diberimilik kepada PTP serta tanah milik yang telah dibuat pengambilan bagi kegunaan tertentu oleh PTP. Selepas diberimilik, tanah-tanah ini terletak di bawah seliaan dan pemantauan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Oleh yang demikian, sebarang rekod sewaan tanah PTP adalah di bawah seliaan JKPTG. Berdasarkan rekod yang diterima daripada JKPTG, terdapat permohonan dan kelulusan sewaan diberi ke atas sebahagian tanah PTP dan hasil/pulangan daripada sewaan tersebut adalah kepada Kerajaan Persekutuan.

Lampiran `A'

TANAH PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)
Sehingga Jun 2016

KEGUNAAN	KELUASAN (Hektar (hek)	LOKASI
Sekolah	2.82 Hektar	Sk Taman Hijau,Bandar Rawang
	0.467	Bandar Rawang
	1.6744	Lot 1375b,Sk Rawang,Bandar Rawang
	2.4281	Bandar Hulu Kelang
	4.7308	Smk Seri Gombak,Mukim Batu
	1.4048	Sk Taman Selasih, Mukim Batu
	2.8535	Sk Tun Teja,Bandar Hijau
	2.428 H	Sk Taman Desa Mas. Bandar Rawang
	2.6710	Pt 5678 Bandar Rawang
	1.5783	Pt 34675 Mukim Rawang
	0.2269	Tapak SK Taman Setia,Tmn Perwira
	4.1144	Tapak Smk Sungai Kertas
	0.9614	Tapak SKJT Taman Melawati
	0.2009	Sk Gombak 1 & 2
	2.4320	SK Taman Sering Ukay
	0.467 ha	SJKT Rawang
	1.4048	Tapak Tambahan SK Tmn Selasih
	4.7308	SMK Seri Gombak
	62.7270	SK & SMK Sri Kundang
Jumlah keluasan	**100.3211 hektar**	

Balai Polis	10.0991	Bandar Country Homes,
	10.0967	Taman Daya,Kepong
	1.3962	Rawang Intergrated Sungai Dua
Rumah Pangsa Polis Ampang	3.1068	
Rumah Pangsa polis	0.7558	AU1 Ampang
Rumah Pangsa polis	1.5893	AU 1 Plot B Hulu Klang
Rumah Pangsa polis	7.5227	AU 1 Plot C Hulu Klang
Jumlah keluasan	14.5666	
Stesyen LRT	11.0145	Stesyen LRT Jelatik. Bdr Hulu Kelang
	14.3626	Terminal Taman Melati,Mk /Setapak
Jumlah Keluasan	**0.5872 Hektar**	
Terminal Bersepadu Timur (TBT)	50,742	Plot B Mukim Setapak.
	24,552	Plot B Mukim Setapak
Jumlah Keluasan	**7.529 hektar**	
Kolej Komuniti	1.862	Bandar Selayang.
	0.0170	Kolej Komuniti Ampang,
	1.8616	Kolej Komuniti Selayang
Jumlah Keluasan	**3.7406 Hektar**	
Balai Bomba & Kuarters	0.3430 Ha	Bandar Batu Arang.
Falkuti Perubatan Uitm	2.430 Ha	Tapak Tambahan Uitm Kampus Selayang.
Tabika	0.1077	Kg Bendahara,Bandar Selayang
	0.1024	Tabika Sg Bakau

Tapak Klinikal	4.445 Ha	Uitm Hospital Selayang.
Pusat Kesihatan **Jumlah Keluasan**	1.6188 **9.0469 Hektar**	Pejabat Kesihatan Daerah Gombak
Penjara	37.232 ha	Plot B penjara sg buloh
Hawker Centre	0.3725 ha	KM 21.7 arah barat L/Raya KL Kaarak
Pej. Tapak Projek lebuhraya	0.3010 ha	Lebuhraya KL - Karak
Jumlah Keluasan	**37.9055 hektar**	
JUMLAH KESELURUHAN	**159.1303 HEKTAR**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS PERCUMA SELANGOR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kos keseluruhan perkhidmatan Bas Percuma Selangor untuk setahun ?

b) Berapakah jumlah penumpang telah menggunakan perkhidmatan Bas Percuma Sejak mula operasi hingga 30 Jun 2016 ?

c) Apakah pecahanya mengikut Pihak Berkuasa Tempatan ?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi tahun 2016 untuk menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor. Kos tersebut meliputi kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan sebanyak 6 peratus.

b) dan (c)

Sejak perkhidmatan bas ini mula beroperasi pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016 di sebelas (11) kawasan pentadbiran PBT, menggunakan 34 buah Bas Smart Selangor, jumlah penumpang yang dicatatkan adalah sebanyak 1,951,530 orang. Jumlah tersebut menunjukkan bahawa sambutan yang amat menggalakkan oleh rakyat terhadap perkhidmatan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk rakyat di Selangor. Statistik penumpang mengikut pecahan PBT adalah seperti berikut:

Statistik Penumpang Bas Smart Selangor Dari 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENUMPANG
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	591,788
2	Majlis Perbandaran Subang Jaya	444,415
3	Majlis Perbandaran Klang	227,400
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	243,396
5	Majlis Perbandaran Kajang	344,903
6	Majlis Perbandaran Selayang	65,156
7	Majlis Perbandaran Sepang	4,252
8	Majlis Daerah Kuala Langat	9,417
9	Majlis Daerah Sabak Bernam	6,355
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	4,185
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	10,263
	Jumlah Keseluruhan	**1,951,530**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PASAR BAHARU KG KUALA AMPANG, HULU KELANG

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status pembinaan pasar baharu Kg Baru Kuala Ampang?

b) Berapakah kos pembinaan pasar tersebut?

c) Apakah bentuk kerjasama antara MPAJ dengan agensi Kerajaan Pusat dalam pembinaan pasar tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PELABUR KELUAR DARI SELANGOR

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci pelabur-pelabur yang keluar dari Selangor pada tahun 2015 hingga Julai 2016.

b) Apakah faktor penyebab dan inisiatif Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a) Bagi tahun 2015 sebanyak 5 syarikat sahaja yang direkodkan berpindah ke lokasi lain dan manakala bagi tahun 2016 tiada syarikat yang berpindah ke lokasi lain yang direkodkan oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja Selangor.

Maklumat syarikat yang berkaitan seperti berikut;-

NAMA MAJIKAN	ALAMAT MAJIKAN	PEKERJA		SEBAB	SEKTOR	TARIKH
		TEMPATAN	ASING			
ANSELL SHAH ALAM SDN. BHD	LOT 16 PERSIARAN PERUSAHAAN SEKSYEN 23 40000 SHAH ALAM	144	0	Penutupan Perniagaan Sepenuhnya (Pemberhentian Serta-Merta)	Pembuatan	29/04/2015
PK AGRO-INDUSTRIAL PRODUCTS (M) SDN. BHD	PT 1051, BATU 29 1/4, JALAN MORIB KANCHONG LAUT 42700 BANTING	1	0	Syarikat Berpindah Ke Lokasi Lain	Pembuatan	17/04/2015
JVC MANUFACTURING MALAYSIA SDN. BHD	NO. 1, PERSIARAN JUBLI PERAK JALAN 22/1 SEKSYEN 22 40300 SHAH ALAM	238	0	Penutupan Perniagaan Sepenuhnya (Serta-Merta) Syarikat Berpindah Ke Lokasi Lain	Pembuatan	14/05/2015

DIALOG FABRICATORS SDN BHD	LOT 486 MUKIM TELUK PANGLIMA GARANG 42600 BANTING	3	0	Syarikat Berpindah Ke Lokasi Lain	Pembuatan	6/11/2015
COCOAHOUSE INDUSTRIES SDN BHD	LOT 6,JLN.SLTN.HISHAM UDDIN 1/20,KAW. PERUSAHAAN SELAT KLANG UTARA,PEL.KLANG 42000 KLANG	1	0	Penutupan Perniagaan Sepenuhnya (Serta-Merta) Syarikat Berpindah Ke Lokasi Lain	Pembuatan	6/4/2015
AMERICAN AIR FILTER MANUFACTURING S/B	LOT 6, JLN PENGAPIT, 15/19 SEKSYEN 15 40000 SHAH ALAM	8	0	Sebahagian Operasi Pindah Ke Tempat Lain	Pembuatan	28/07/2015

b) Antara faktor-faktor penyebab syarikat menutup perniagaan atau berpindah ke lokasi lain yang direkodkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Selangor seperti;-

i. Kos pengeluaran meningkat.
ii. Kejatuhan permintaan dalam pasaran
iii. Kejatuhan pasaran produk
iv. Tiada permintaan produk / perkhidmatan
v. Penjualan syarikat
vi. Penggulungan syarikat
vii. Sukar mendapat pekerja

**Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Selangor.*

Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengekalkan para pelabur untuk terus melabur di Negeri Selangor adalah seperti berikut;-

i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.

ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakkan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.

iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.

iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.

v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.

vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.

vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded.*

viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

ix. Initiatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.

x. Invest Selangor Talent initiative – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.

xi. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur yang memerlukan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PROGRAM FOOD STAMP

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan pembekal-pembekal barangan dalam program food stamp dan jumlah peruntukkan yang dibayar kepada setiap pembekal.

b) Adakah pembekal dipilih melalui tender terbuka? Jika ya, senaraikan syarikat yang menyertai tender ini.

c) Berapakah kos seunit untuk setiap barangan asas yang dibeli?

JAWAPAN:

a) b) dan c)

Bagi Program 'Smart Selangor Food Stamp', saya akan menjawab bersekali dengan soalan mulut yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat Balakong (No. 158), Damansara Utama (No. 179), soalan bertulis dari Ahli Yang Berhormat Seri Serdang dan Kota Damansara.

Buat masa kini, Kerajaan Negeri telah mensasarkan kepada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap DUN untuk menerima bantuan makanan asas. Sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat bercadang untuk membuat penambahan bilangan penerima bantuan program ini, ahli-ahli Yang Berhormat boleh menggunakan peruntukan sendiri dan barangan tambahan tersebut akan disediakan oleh pihak Hijrah Selangor sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MMKN Ke 20/2016. Walau bagaimanapun, sekiranya ada diantara DUN yang tidak dapat memenuhi kuota bilangan penerima yang telah ditetapkan, maka DUN berkenaan perlu memaklumkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor supaya kuota berkenaan dapat dimaksimakan dan disalurkan kepada kawasan DUN yang lebih memerlukan.

Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri dapat membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Pelaksanaan program ini juga sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga yang miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan

kepada mereka dengan menerima bantuan makanan asas secara bulanan disamping menggunakan gaji yang diterima bagi bulan tersebut untuk memenuhi keperluan lain keluarga berkenaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016 yang bersidang pada 15 Jun 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Program 'Smart Selangor Food Stamp'. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Penerima bagi program 'Smart Selangor Food Stamp' ini adalah terdiri daripada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap 56 DUN di Selangor dimana Kerajaan Negeri telah mendapatkan senarai nama-nama peserta program ini daripada pihak Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM). Ini menjadikan jumlah penerima bagi program pemberian makanan asas ini adalah seramai 5,600 keluarga dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,116,800.00.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, Program Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp' ini adalah berbeza dengan Program Jom Shopping kerana program 'Smart Selangor Food Stamp' merupakan bantuan makanan asas yang diberikan kepada keluarga yang termiskin pada setiap bulan. Makanan asas ini adalah berupa keperluan asas yang digunakan dalam kehidupan harian penduduk di Malaysia. Manakala program Jom Shopping pula merupakan bantuan yang diberikan sempena perayaan kepada keluarga yang telah dikenalpasti. Melalui program ini, penerima diberikan kebebasan untuk memilih barang-barang yang diperlukan sebagai persediaan menyambut perayaan masing-masing.

Kriteria Penerima Bantuan Makanan Asas 'Smart Selangor Food Stamp'

Kerajaan Negeri telah menetapkan empat (4) kriteria penerima bantuan program ini adalah seperti berikut:-

1. Lahir di Selangor **atau** telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman);
2. Terbuka kepada semua kaum;
3. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
4. Pengundi di DUN tersebut.

Pengendali Program ‘Smart Selangor Food Stamp’

Tiada pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri memandangkan program bantuan makanan asas ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Hijrah Selangor. Sebagai pengendali program, pihak Hijrah adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pembekalan dan penghantaran makan asas yang telah diputuskan didalam MMKN.

Pihak Hijrah juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum ‘Hari Food Stamp’ yang telah ditetapkan iaitu pada hari Jumaat minggu ketiga pada setiap bulan. Penetapan hari berkenaan adalah untuk memudahkan pengagihan bantuan barang makanan asas dilaksanakan kepada penerima bantuan disamping memudahkan ahli keluarga mengambil barangan makanan asas di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM.

Nilai Bantuan Dan Jenis Makanan Asas Program ‘Smart Selangor Food Stamp’

Kerajaan Negeri juga telah menetapkan sebanyak RM50.00 bagi setiap kos barangan makanan asas yang dibekalkan kepada setiap keluarga penerima bantuan program ini. Dengan nilai tersebut, setiap penerima bantuan akan menerima enam (6) jenis barangan makanan asas pada setiap bulan bermula Jun hingga Disember 2016 dan akan diteruskan ke tahun-tahun hadapan.

Jenis dan perbandingan kos seunit bagi barangan makanan asas adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis barangan	Kuantiti	Harga Hijrah Selangor	Harga Pembekal Lain
1.	Beras 5% 10 kilogram	1 unit	RM26.50	RM28.90
2.	Minyak Masak 2 kg	1 unit	RM8.00	RM8.70
3.	Gula Pasir 1 kilogram	1 unit	RM2.40	RM2.40
4.	Tepung Gandum 1 kg	2 unit	RM5.68	RM5.68
5.	Bihun 450 gram	1 unit	RM3.95	RM4.20
6.	Susu Pekat Manis 500g	2 unit	RM3.50	RM4.10
	JUMLAH		RM50.03	RM53.98

Nilai barangan yang dibekalkan kepada penerima bantuan tidak ditolak dengan kos pengurusan yang dikendalikan oleh pihak Hijrah Selangor. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat di Selangor berhak menerima nilai

bantuan yang telah ditetapkan tanpa sebarang kos tersembunyi bagi mengelakkan perkara yang diluar jangkaan berlaku pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PENGLIBATAN BELIA DALAM MENANGANI KEJATUHAN MORAL DIKALANGAN REMAJA

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah penglibatan belia dalam menangani kejatuhan moral dikalangan remaja?

JAWAPAN:

a) Belia memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah Negeri dan Negara. Namun, kita perlu menyedari kualiti belia yang mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut. Dalam membuat perancangan pembangunan belia, program yang dirancang perlu mengambil kira rangka kerja atau model yang sesuai dengan keperluan menepati belia dan kuantiti belia yang mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Oleh itu, peranan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan adalah penting untuk memastikan belia mempunyai keupayaan dan kemampuan yang diperlukan untuk menjadi belia yang cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab untuk diri, keluarga, masyarakat dan negeri.

Pelbagai aktiviti telah dirangka bagi menggalakkan penglibatan belia dalam menangani kejatuhan moral di kalangan remaja iaitu dengan mengadakan program seperti Program Qiamullail dan Sahur Perdana Negeri Selangor 2016 yang telah diadakan pada 26 Jun 2016 (Ahad) bertempat di Masjid Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor. Program ini dirancang bagi mengajak dan menggalakkan anak muda untuk mengimarahkan Ramadan dengan Qiamullail. Secara tidak langsung, amalan ini juga akan meningkatkan kekuatan rohani, memantapkan jiwa serta memperkasakan jati diri mereka sebagai seorang generasi muda muslim dalam meraih redha Allah S.W.T dan seterusnya mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut mengadakan Program Cub Prix Malaysia AAM Petronas Musim 2016 Pusingan Ke-1. Program ini diadakan pada 12 hingga 13 Mac 2016 bertempat di perkarangan Parkir MAEPS, Serdang. Program ini telah memberi impak yang positif kepada Kerajaan Negeri dengan mengambil peduli

Generasi Muda yang bergiat aktif dan berminat dalam bidang permotoran di Selangor dan Malaysia. Selain itu, program ini dapat mengurangkan gejala tidak sihat remaja seperti melepak, merempit dan berlumba haram di jalan raya.

Kerajaan Negeri turut mengadakan Program Permotoran di Litar Lumba Rakyat Kuala Selangor dengan kehadiran lebih kurang 5,000 orang generasi muda yang turut terlibat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : TABUNG BIASISWA MENTERI BESAR SELANGOR

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah syarat-syarat untuk mendapat biasiswa di bawah Tabung Biasiswa Menteri Besar Selangor?

b) Senaraikan penerima-penerima,jenis kursus dan jumlah nilai biasiswa yang diterima sejak pelancaran Tabung Biasiswa Menteri Besar Selangor.

c) Adakah penerima biasiswa diwajibkan untuk bekerja dengan Kerajaan Selangor setelah tamat pengajian?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Tabung Biasiswa Menteri Besar Selangor atau rasminya dikenali sebagai Program Khas Selangor Brain Bank telah diluluskan oleh MMKN pada 2 Disember 2015. Memandangkan program seumpama ini adalah julung kali diadakan, pelbagai dasar dan mekanisme pelaksanaan perlu dibuat dan diteliti bagi memastikan pelaksanaan program ini memenuhi objektif. Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku Urus Setia TKWBNS telah mengadakan 2 siri bengkel bagi memuktamadkan pelbagai perkara berkaitan program ini.

Kertas cadangan bagi penetapan dasar dan mekanisme pelaksanaan program ini telah diangkat untuk pertimbangan Lembaga TKWBNS dan permohonan buat kali pertama akan dibuka kepada awam selepas mendapat kelulusan Lembaga. Buat masa ini, belum ada penerima Biasiswa Selangor Brain Bank kerana permohonan belum dibuka. Semua syarat dan terma program belum dapat dihebahkan kepada umum buat masa ini memandangkan keputusan Lembaga belum diperolehi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : RIZAB NEGERI

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah rizab kewangan negeri dari tahun 2010 hingga 2016?

b) Bagaimanakah rizab kewangan yang tinggi dapat membantu peningkatan ekonomi negeri demi manfaat rakyat?

JAWAPAN:

a) Rizab negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan bagi Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Sehingga 15 Julai 2016 jumlah rizab negeri adalah berjumlah RM3,950.64 juta. Manakala kedudukan rizab negeri bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Rizab
	RM Juta
2010	1,586.88
2011	1,944.00
2012	2,619.44
2013	2,907.10
2014	3,200.91
2015	3,258.61

.

b) Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan rizab Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November / Disember 2015 telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 bertemakan “Membangun

Smart Selangor Yang Peduli" yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik melalui lima strategi iaitu :

1. Menerajui Gagasan Smart Selangor.
2. Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik.
3. Mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli.
4. Memperkukuh Kualiti Pendidikan dan Latihan.
5. Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : KEJADIAN RUMAH MENDAP DI SEPANJANG JALAN SP 7/15, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli-pembeli rumah di sepanjang Jalan SP 7/15, Bandar Saujana Putra, Jenjarom dimana kejadian mendapan dan keretakan bangunan rumah serius berlaku?

b) Apakah tindakan penguatkuasaan berlandaskan Undang-Undang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju perumahan?

JAWAPAN:

a)

1. Mengarahkan pemaju mengemukakan laporan diperakui oleh Jurutera berdaftar berkaitan punca keretakan bangunan dan mendapan tanah yang berlaku.
2. Pemaju perlu membaiki kerosakan rumah (jika berkaitan) dan perlu mengemukakan laporan kaedah/cadangan kerja-kerja pembaikan terhadap kerosakan rumah-rumah yang terlibat serta tempoh masa.
3. Pemaju perlu mendapatkan ulasan dan pandangan daripada Jabatan Mineral dan Geosains berkaitan mendapan tanah yang berlaku.
4. Pemaju perlu mengemukakan Surat Perakuan Jaminan daripada Arkitek dan Jurutera bahawa rumah kediaman tersebut adalah selamat untuk diduduki atau sebaliknya.

b) Kegagalan pemaju mematuhi arahan tersebut di atas, mereka boleh diambil tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan di bawah Undang-Undang Kecil 258, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Kegagalan Pada Bangunan).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : KAJIAN PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status kajian rancangan pengangkutan untuk Negeri Selangor?

b) Adakah kerajaan negeri sedia untuk membiayai perlaksaan pembinaan laluan rel sepertimana yang diusahakan oleh Pulau Pinang?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman YB, Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor telah dimulakan pada Ogos 2016 dan pada Januari 2016 Kerajaan Negeri telah menerima deraf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Selanjutnya, Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi keterlibatan (*engagement)* deraf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor bersama pihak ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat bagi mendapatkan maklum balas dan input berkaitan pelan induk tersebut.

   Maklum balas dan input tambahan melalui sesi tersebut akan diambilkira bagi memuktamadkan Laporan Akhir pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) dalam tempoh yang terdekat.

b) Penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor dilaksanakan dengan objektif untuk menyediakan satu dokumentasi yang akan menjadi rujukan semua agensi dan *stakeholder* Kerajaan Negeri Selangor terutama yang terlibat dengan perancangan jaringan perhubungan dan pengangkutan seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Pelan ini adalah selari dengan dasar Kerajaan Negeri ke arah nisbah pengangkutan awam kepada kenderaan persendirian sebanyak 60:40. Ia merupakan salah satu komitmen Kerajaan Negeri untuk merapatkan jurang yang besar antara penggunaan pengangkutan awam dengan penggunaan kenderaan persendirian ekoran penumpuan yang terlalu lama oleh Kerajaan Persekutuan terhadap pembinaan infrastruktur lebuh raya.

Pelan yang turut meliputi cadangan jajaran rel dan bas merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam merangka jajaran perkhidmatan rel yang menepati kehendak dan keperluan rakyat Negeri Selangor secara khusus dan Negara secara amnya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan sebagai pelaksana adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan infrastruktur pengangkutan dan perhubungan di Malaysia termasuk kemudahan rel dan Kerajaan Negeri pada masa ini masih belum bercadang untuk membiayai pelaksanaan perkhidmatan rel.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : REZAB NEGERI

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Di manakah rezab tunai negeri dilabur dan disimpan

b) Berapa peratuskan pulangan hasil simpanan tunai tersebut setiap bulan

c) Nyatakan pendapatan kerajaan negeri hasil dari faedah simpanan rezab tunai

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Rizab Negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 Jun 2016 dan 15 Julai 2016 adalah, masing-masing, berjumlah RM3,883.88 juta dan RM3,950.64 juta. Kumpulan Wang Disatukan yang berjumlah RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016 adalah terdiri dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM2,598.08 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,352.56 juta. Kedudukan rizab negeri bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Rizab
	RM Juta
2010	1,586.88
2011	1,944.00
2012	2,619.44
2013	2,907.10
2014	3,200.91
2015	3,258.61

Bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2016, Rizab Negeri pada 15 Julai 2016 telah meningkat sebanyak 21.24% iaitu daripada RM3,258.61 juta pada 31 Disember 2015 kepada RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016. Peningkatan ini disumbangkan

oleh lebihan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1,002.50 juta. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Hasil mengikut penjenisannya adalah seperti berikut:

1) Hasil Cukai – contohnya cukai tanah dengan kutipan sebanyak RM427.03 juta iaitu 90.63% dari Anggaran Hasil 2016;

2) Hasil Bukan Cukai – contohnya Premium Tanah dengan kutipan sebanyak RM974.87 juta iaitu 90.14% dari Anggaran Hasil 2016; dan

3) Terimaan Bukan Hasil – contohnya Pemberian Persekutuan.

Manakala perbelanjaan mengurus sehingga 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM756.45 juta (iaitu 52.53% dari Belanjawan 2016). Kerajaan Negeri tidak dikecualikan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). GST yang dikenakan adalah bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding. Impak pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor adalah di mana jumlah GST yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 berjumlah RM15,737,962.02 dan bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016 berjumlah RM10,195,933.11.

Selain daripada Akaun Hasil Disatukan, komponen Kumpulan Wang Disatukan adalah termasuk Akaun Amanah Disatukan. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Rizab tunai negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang memberi pulangan tetap (*fixed income*) di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Peratusan pulangan hasil simpanan tunai tersebut setiap bulan adalah berdasarkan kadar faedah simpanan tetap dan pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan mengikut tempoh dan jenis (konvensional atau islamik) pelaburan yang dibuat iaitu di antara 3.3% hingga 4.5% setahun bagi tempoh sehingga Julai 2016. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek (STMMD) mulai 01 Januari 2016 sehingga 15 Julai 2016 adalah sebanyak RM49.98 juta. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan STMMD pada tahun 2015 adalah sebanyak RM109.23 juta.

Peningkatan jumlah rizab/Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah disumbangkan oleh faktor-faktor berikut:-

i) peningkatan hasil premium tanah disebabkan oleh pengiraan premium tanah berdasarkan nilai pasaran semasa;

ii) peningkatan cukai hasil hutan disebabkan kenaikan Kadar Royalti Kuari berkuatkuasa 1 November 2014;

iii) peningkatan hasil Caruman Parit disebabkan kenaikan kadar baru Caruman Parit berkuatkuasa 1 Julai 2015;

iv) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

v) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK) sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-

   a) menjejaki pemilik tanah yang berkenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
   b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
   c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
   d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.

vi) Kerajaan Negeri terutamanya melalui PDT sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-

   a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
   b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi PDT di kawasan pedalaman;
   c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
   d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

   Kerajaan Negeri juga telah menambah saluran pembayaran cukai tanah melalui kaunter bergerak.

vii) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah

dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua PDT;

viii) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) PDT iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah;

ix) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-

1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
3) Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperoleh melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah; dan

5) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 yang memberi penjelasan terhadap isu berbangkit berkenaan pelaksanaan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*.

x) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan;

xi) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki;

xii) Pejabat Pemungut Hasil Negeri Selangor juga, dari masa ke masa, akan membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan hasil sedia ada. Sebagai contoh, PTGS kini sedang mengkaji kadar royalti bagi bahan batuan pasir dan menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi mengelakkan ketirisan; dan

xiii) Perbendaharaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri dari masa ke masa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius akan perkembangan ekonomi global dan domestik di Malaysia. Kejatuhan harga komoditi tidak boleh lagi dijadikan alasan penyusutan nilai ringgit dan kegawatan ekonomi. Negara hari ini berdepan dengan krisis keyakinan yang memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Secara umumnya, kejatuhan mata wang ringgit dan kelembapan ekonomi negara menjejaskan ekonomi negeri Selangor dari sudut kuasa beli pengguna dan harga barang yang mempunyai komponen import. Walau bagaimanapun, impak kejatuhan dan kelembapan tersebut adalah minima ke atas prestasi kewangan dan dana yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri disebabkan tiadanya risiko pelaburan luar negara dan instrumen-instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberi kesan negatif secara langsung ke atas kewangan Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan rizab Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Jumlah peruntukan yang akan disediakan pada setiap tahun adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan serta keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November / Disember 2015 telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 bertemakan “Membangun Smart Selangor Yang Peduli” yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik melalui lima strategi iaitu :

1. Menerajui Gagasan Smart Selangor.
2. Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik.
3. Mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli.
4. Memperkukuh Kualiti Pendidikan dan Latihan.
5. Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif.

Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri dikendalikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status dan kesan implementasi pengambilalihan pengurusan sisa pepejal di Majlis Perbandaran Kelang oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan penglibatan syarikat kepada PBT lain?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PROGRAM BRAIN BANK

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif pelaksanakan program tersebut?

b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan program tersebut?

JAWAPAN:

a) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku Urus Setia Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor telah mengadakan 2 siri bengkel bagi tujuan menggubal dasar dan mekanisme pelaksanaan program ini. Bengkel ini telah dihadiri oleh pakar akademik daripada universiti awam dan swasta serta pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan program mencapai objektif.

   Kertas cadangan dasar dan mekanisme pelaksanaan telah dimuktamadkan dan di angkat kepada Lembaga TKWBNS untuk kelulusan.

b) Peruntukan tahunan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) adalah sebanyak RM8.0 juta setahun. Peruntukan awal sebanyak RM5.0 juta telah pun disalurkan kepada TKWBNS untuk pelaksanaan pada tahun 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PERMOHONAN PERUNTUKAN OLEH TOURISM SELANGOR

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh Tourism Selangor kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016.

b) Nyatakan status terkini 5 permohonan peruntukan yang dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan setelah pembentangan Tourism Selangor sebagai tindakan susulan lawatan YB Menteri Pelancongan ke Kuala Kubu Bharu.

JAWAPAN:

a) Tourism Selangor telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pelancongan (Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Selangor) melalui permohonan bertulis, bertarikh **15 Mac 2016.** Sejajar dengan lawatan yang telah dilakukan oleh YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ke Negeri Selangor pada tahun 2015 di Hulu Selangor dan Klang, serta pada tahun 2016 lepas di sekitar Daerah Sabak Bernam.

Bersama Tourism Selangor beberapa PBT dan agensi turut mengemukakan permohonan peruntukan seperti yang berikut :

BIL.	AGENSI	PROJEK PERMOHONAN	ANGGARAN PERMOHONAN PERUNTUKAN (RM)
1.	**Tourism Selangor**	i. Menaiktaraf Chongkak Park & Resort ii. Membaiki dan menaiktaraf Rumah Rehat Sri Berkat	**7.668 juta**

2.	**Majlis Perbandaran Klang**	i. Menaiktaraf kemudahan Royal Klang Heritage Walk ii. Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Pulau Ketam	**2.2 juta**
3.	**Majlis Daerah Hulu Selangor**	i. Menaiktaraf The Gap ii. Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Hutan Pendidikan Kuala Kubu Bharu iii. Menaiktaraf Bandar Kuala Kubu Bharu, Warisan Bandar Taman vi. Menaik Taraf Balai Bomba Lama Kuala Kubu Bharu v. Menaiktaraf Labour Lines , Bukit Fraser vi. Pembinaan Kemudahan Pelancongan di lokasi Bersejarah Darurat Pembangunan Sir Henry Gurney	**17.947 juta**
4.	**Majlis Daerah Sabak Bernam**	i. Menaiktaraf Pusat Pemerhatian Kelip-Kelip Sg Pakeh ii. Menaiktaraf Pusat Konservasi Burung Enggang iii. Menaiktaraf Pantai Redang	**4.5 juta**
5.	**Galeri Diraja Klang**	i. Menaiktaraf Ruang Pameran dan Setor Penyimpanan Galeri Diraja	**2.5 juta**
		JUMLAH (RM):	**34.815 juta**

b) Dimaklumkan satu sesi taklimat dan pembentangan ***(Second Rolling Plan)*** bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diadakan pada **16 Mac 2016 (Rabu)** di **e.City Hotel@One City Subang Jaya**.

Tourism Selangor dan agensi-agensi lain iaitu, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz telah menyenaraikan serta memohon peruntukan kepada Kementerian Pelancongan dan kebudayaan Malaysia dengan menghantar kertas kerja dan cadangan projek pembangunan dan menaiktaraf tempat pelancongan bagi projek RMK11.

Berikut adalah senarai taklimat yang telah diberikan oleh pihak agensi yang berkaitan:-

BIL.	AGENSI	TAKLIMAT PROJEK PERMOHONAN
1.	**Tourism Selangor**	i. Menaiktaraf Chongkak Park & Resort ii. Membaiki dan menaiktaraf Rumah Rehat Sri Berkat
2.	**Majlis Perbandaran Klang**	i. Menaiktaraf kemudahan Royal Klang Heritage Walk ii. Pembangunan Kemudahan Pelancongan di Pulau Ketam
3.	**Majlis Daerah Hulu Selangor**	i. Menaiktaraf The Gap ii. Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Hutan Pendidikan Kuala Kubu Bharu iii. Menaiktaraf Bandar Kuala Kubu Bharu, Warisan Bandar Taman vi. Menaik Taraf Balai Bomba Lama Kuala Kubu Bharu v. Menaiktaraf Labour Lines , Bukit Fraser vi. Pembinaan Kemudahan Pelancongan di lokasi Bersejarah Darurat Pembangunan Sir Henry Gurney
4.	**Majlis Daerah Sabak Bernam**	i. Menaiktaraf Pusat Pemerhatian Kelip-Kelip Sg Pakeh

		ii. Menaiktaraf Pusat Konservasi Burung Enggang iii. Menaiktaraf Pantai Redang
5.	**Galeri Diraja Klang**	i. Menaiktaraf Ruang Pameran dan Setor Penyimpanan Galeri Diraja

Berikutan dengan sesi taklimat itu, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak **EPU *(Economic Planning Unit)*** di Jabatan Perdana Menteri. Pihak EPU akan menyenarai pendek projek yang dipilih untuk sesi taklimat yang berikutnya. Dijangka keputusan permohonan akan diperolehi pada bulan September 2016.

Walau bagaimanapun Tourism Selangor telah berjaya peruntukan sebanyak **RM 2.5 juta** melalui **projek pembangunan pelancongan Hutan Lipur Kancing bagi RMK11 *(First Rolling Plan)*** dan status terkini projek pembangunan tersebut ialah diperingkat pemilihan kontraktor yang dijalankan sendiri oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : USAHA MENGATASI KESESAKAN JALAN RAYA DI KAWASAN BANDAR & PINGGIR BANDAR

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan setuju bahawa punca utama kesesakan jalan raya di kawasan-kawasan berkenaan ialah kerana kekurangan sistem pengangkutan awam yang efisyen (sepertiLRT) dan kerana terlampau banyak lampu isyarat serta menggunakan lampu isyarat bodoh.

b) Nyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan?

JAWAPAN:

a) Kesesakan jalan raya sering berlaku di kawasan padat terutamanya di kawasan bandar. Namun, pada waktu-waktu tertentu seperti musim perayaan, kawasan luar bandar turut mengalami kesesakan apabila penduduk bandar mulai pulang ke kampung halaman.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kesesakan jalan raya sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Antaranya adalah keadaan jalan raya yang tidak dapat menampung jumlah kenderaan yang banyak pada satu-satu masa. Selain itu, aktiviti penyelenggaraan jalan turut menyumbang kepada kesesakan jalan raya apabila kerja-kerja membaik pulih jalan raya yang rosak dilaksanakan. Ia menyebabkan laluan kenderaan menjadi lebih kecil dan sempit sehingga kenderaan yang melalui kawasan tersebut terpaksa bergerak secara perlahan-lahan.

Kesesakan jalan raya juga didorong oleh pertumbuhan industri automobil yang pesat dan kemampuan rakyat membeli kenderaan. Jumlah kenderaan semakin meningkat sekaligus penggunaan kenderaan persendirian yang tinggi sebagai pengangkutan utama rakyat. Di samping itu, perkhidmatan bas dan teksi yang kurang efisyen menyebabkan kurangnya keyakinan masyarakat terhadap sistem pengangkutan awam sedia ada.

Sehubungan dengan itu, lampu isyarat yang banyak bukanlah penyebab utama kesesakan jalan raya kerana tujuan pemasangan lampu isyarat adalah untuk mendidik dan mendisiplin pengguna jalan raya agar lebih berhemah. Sikap dan

toleransi pengguna jalan raya terutamanya pemilik kenderaan persendirian yang lebih berhemah semasa memandu mampu mengurangkan kadar kemalangan mahupun kesesakan di sesuatu tempat.

b) Kerajaan Negeri sedar tentang keperluan memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor melalui langkah jangka pendek dan panjang. Oleh itu, di dalam perancangan pembangunan yang dilaksanakan sama ada di bandar atau luar bandar, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memainkan peranan penting dengan mewajibkan penyediaan pelan pengurusan lalu lintas yang teratur bagi mengenalpasti beberapa penyelesaian alternatif atau penambahbaikan untuk mengatasi masalah pengurusan lalu lintas. Kerajaan Negeri juga yakin bahawa peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh PBT adalah selaras dengan perancangan kerajaan dalam merangka pembangunan yang mampan dan menyeluruh.

Kerajaan juga telah melancarkan Bas *Smart* Selangor bermula pada 1 Julai 2015 yang kini telah meliputi 11 daripada 12 PBT di Selangor kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah memiliki bas komuniti sendiri. Inisiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Program Bas Smart Selangor bukanlah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Sebaliknya, objektif Bas Smart Selangor ini adalah untuk menggalakkan penggunakan pengangkutan awam oleh semua lapisan masyarakat seterusnya mengurangkan jumlah kenderaan individu di jalanraya, disamping dapat mengurangkan bebanan kewangan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menggunakan perkhidmatan awam di dalam urusan harian.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor dengan objektif untuk menyediakan satu dokumentasi perancangan jangka panjang yang akan menjadi rujukan semua agensi dan *stakeholder* Kerajaan Negeri Selangor terutama yang terlibat dengan perancangan jaringan perhubungan dan pengangkutan seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Pelan ini adalah selari dengan dasar Kerajaan Negeri ke arah nisbah pengangkutan awam kepada kenderaan persendirian sebanyak 60:40 meliputi cadangan baru bagi jajaran sistem pengangkutan awam yang menepati kehendak dan keperluan rakyat Negeri Selangor secara khusus dan Negara secara amnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : TANAH PERKUBURAN

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tapak baru yang telah dikenalpasti untuk tanah perkuburan baru Islam dan Bukan Islam di Selangor?

b) Nyatakan lokasi, nombor lot, luas, tanah perkuburan apa, bila dibuka.

c) Berapakah jumlah yang terkumpul dalam Tabung Amanah Perkuburan? Apakah penggunaan kutipan tabung sehingga kini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pengenalpastian tapak-tapak perkuburan yang baharu hanya dapat dikenalpasti apabila sesuatu permohonan kebenaran merancang itu dikemukakan terutamanya yang melibatkan keluasan tapak cadangan pemajuan yang besar; melebihi 250 ekar seperti di cadangan pembangunan oleh Kwasa Land, Sime Darby Bukit Raja dan Setia Ecohills, Kajang. Merujuk kepada Manual Garis Panduan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua), keperluan penyediaan tapak perkuburan ialah 1 hektar bagi setiap 5,000 janaan penduduk pada masa akan datang.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui JPBD Negeri Selangor dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah Daerah sedang mengemaskini maklumat-maklumat tapak-tapak perkuburan di setiap PBT dari masa ke semasa.

Buat masa kini, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) Negeri Selangor telah mengenalpasti dua (2) tapak perkuburan yang baharu yang terletak di 2 buah PBT iaitu di Majlis Daerah Kuala Selangor (273 ekar) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (55 ekar). Ia merupakan tambahan kepada 3 tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) yang telah dikenalpasti melalui Laporan Inventori Tanah

Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Negeri Sehingga 2060 di Negeri Selangor yang telah disediakan pada tahun 2010.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan Inventori Tanah Perkuburan ini telah mengenalpasti tiga (3) tapak perkuburan baharu yang berfungsi sebagai Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) seperti berikut:-

LOKASI	NO. LOT	KELUASAN	STATUS
Mukim Sepang	5756	400 ekar	Di dalam proses pengambilan tanah oleh pihak Kerajaan Negeri.
RRIM, Mukim Sungai Buloh	2282 dan sebahagian lot 2804	74.13 ekar (Cadangan tapak perkuburan di bawah pentadbiran MBPJ adalah seluas 24.89 ekar dan MBSA seluas 50 ekar.)	Pelan susunatur bagi keseluruhan tapak RRIM masih di peringkat kebenaran merancang.
Mukim Hulu Semenyih	1172, 448, 1174, 504, 648, 495, 170, 547, 600, 395, 449, 296, 586, 722, 587, 552, 540, 725, 721, 588, 1690, 872, 723, 1100, 727, 726, 724, 541, 302 dan 728.	168.74 ekar	Masih dalam proses pengukuran tapak melalui penyeiaan pelan persempadanan.

c) *UPEN : Selaku Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KAWASAN PENIAGA KECIL

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mewujudkan Kawasan Khas Baru di setiap PBT bagi memberi peluang perniagaan makanan dan minuman?

b) Mohon nyatakan statistik (1) gerai dan peniaga yang dikenakan tindakan kerana berniaga tanpa lesen dan (2) Nilai barangan yang dirampas.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan dalam tindakan menyediakan dan mengemaskini Garis Panduan Trak Bergerak Makanan, Barangan dan Perkhidmatan Negeri Selangor bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk berniaga secara berlesen di kawasan yang telah ditetapkan oleh PBT.

b) Berikut adalah statistik gerai dan peniaga yang dikenakan tindakan kerana berniaga tanpa lesen dan statistik nilai barangan yang dirampas mengikut PBT :

PBT	BILANGAN GERAI DAN PENIAGA	NILAI BARANGAN YANG DIRAMPAS (RM)
MBSA	839	2,412.00
MBPJ	794	240, 582.00
MPK	403	22,000.00
MPAJ	1,216	140,500.00
MPSJ	339	27,120.00
MPS	399	80, 000.00
MPKj	455	129,800.00
MPSp	173	0
MDKL	65	16,250
MDHS	48	10,200.00
MDKS	52	29,250.00
MDSB	86	1,000.00
JUMLAH	**4869**	**699,114.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : PEMBAKARAN HARAM DI KG SRI AMAN PUCHONG

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Jelaskan sebab kegiatan pembakaran haram di Kg Sri Aman Puchong yang telah lama berlarutan masih belum diselesaikan.

b) Jelaskan tindakan yang telah diambil terhadap aduan tersebut.

c) Nyatakan jumlah rampasan tanah yang telah dilaksanakan terhadap kesalahan pembakaran/ pembuangan haram sejak 2014.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah telah dikenalpasti penambahbaikan proses kelulusan permohonan?

b) Berapakah petugas dan kakitangan pengurusan TUNAS?

c) Sehingga Julai 2016, apakah masalah kelewatan serahan sumbangan kepada pemohon dan tadika?

JAWAPAN:

a) Proses kelulusan permohonan Skim TUNAS dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) dengan kerjasama Unit Pendidikan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Pada masa ini proses tersebut perlu melalui beberapa peringkat di mana setiap permohonan oleh pengusaha tadika kepada RMSB akan diproses untuk kelulusan. Senarai pengusaha tadika yang telah diluluskan oleh RMSB akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) untuk pertimbangan bayaran secara *direct grant.* Peringkat akhir adalah pengeluaran cek bayaran oleh Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat SUK Selangor.

   Semua proses ini perlu melalui beberapa peringkat untuk memastikan agihan kelulusan dan bayaran Skim TUNAS dilaksanakan secara telus. Walau bagaimanapun, RMSB bersama-sama Unit Pendidikan BPSM sentiasa berusaha untuk memastikan kelancaran kelulusan permohonan dan agihan bayaran kepada setiap pengusaha tadika supaya bantuan ini memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

b) Petugas yang terlibat di dalam memproses permohonan di RMSB adalah sebanyak 3 orang dan kakitangan yang terlibat di dalam proses pembayaran adalah seorang.

c) Permohonan bagi mendapatkan Skim TUNAS untuk setiap tahun akan dibuka mulai 1 November dan akan ditutup pada awal tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2016 Skim TUNAS telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta menjadikan peruntukan keseluruhan Skim TUNAS 2016 adalah sebanyak RM5 juta. Atas faktor tersebut tarikh tutup permohonan Skim TUNAS 2016 dilanjutkan sehingga 29 Mac 2016 yang menyebabkan sedikit kelewatan proses penilaian bagi tujuan kelulusan oleh RMSB sebelum senarai pemohon yang berjaya dapat dikemukakan kepada UPEN dan PNS bagi kelulusan *direct grant*.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah KRA dan KPI yang digunakan bagi memantau perlaksanaan program dan pencapaian PWB setiap DUN?

b) Sila nyatakan peruntukan yang telah dikeluarkan untuk setiap DUN sehingga Jun 2016.

c) Mengapakah peruntukan yang berikan tidak sepenuhnya di salurkan kepada setiap PWB?

JAWAPAN:

a) Pusat Wanita Berdaya merupakan antara komponen penting bagi merealisasikan agenda pemberdayaan wanita di Negeri Selangor. Penubuhannya selaras dengan kehendak semasa wanita di Negeri Selangor yang memerlukan sebuah platform latihan, menimba ilmu, mengasah bakat dan kemahiran, melahirkan wanita yang bersahsiah tinggi dan berkepimpinan serta membantu ekonomi rumahtangga.

Kerajaan Negeri telah meletakkan beberapa Bidang Keberhasilan Utama atau *Key Result Area* (KRA) dalam memantau dan pelaksanaan program serta pencapaian PWB. Berikut adalah empat KRA yang ditetapkan beserta Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPIs) masing-masing.

KRA dan KPI Pusat Wanita Berdaya Selangor

KRA	KPI
Penglibatan/Sentuhan	Seramai 150 orang peserta dilibatkan dalam program dan aktiviti PWB setiap bulan di setiap DUN
Pembangunan dan Latihan	Purata sekurang-kurangnya dua(2) program harus dijalankan setiap bulan
	Sekurang-kurangnya tiga modul program berstruktur dilaksanakan dalam setahun
Peruntukan Pembangunan	Purata sebanyak RM2,500.00 dibelanjakan bagi melaksanakan sesuatu program sebulan
	Sekurang-kurangnya 95% peruntukan dibelanjakan
Produktiviti	Purata sekurang-kurangnya dua(2) orang pemimpin wanita diperingkat masyarakat setempat dapat dilahirkan
	Purata sekurang-kurangnya tiga(3) orang peserta berjaya menjana pendapatan sampingan keluarga
	Peratusan (%) kepuasan hati peserta mengikuti program PWB
	Setiap PWB mempunyai produk utama untuk dipasarkan

b) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan serius dalam membangunkan wanita di Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan setiap tahun bagi menjayakan agenda Pemerdayaan Wanita Selangor. Jumlah tersebut adalah sebanyak RM 1,680,000.00 setahun. Sehingga Jun 2016, sebanyak RM 568,885.00 yang telah digunakan oleh PWB diseluruh Selangor daripada RM 1,680,000.00 yang diperuntukkan oleh

Kerajaan Negeri. Peruntukan yang telah digunakan oleh setiap DUN adalah seperti di Lampiran A.

c) Kerajaan Negeri memandang serius dengan agenda Program Pemerdayaan Wanita di Selangor. Sehubungan itu, Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan satu badan yang bertindak sebagai agen penghubung Kerajaan Negeri dangan masyarakat akar umbi dalam melaksanakan program-program pemberdayaan wanita tersebut. Maka Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM1,680,000.00 setahun untuk disalurkan kepada Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor bagi melaksanakan program-program pemerdayaan wanita.

Dengan jumlah tersebut setiap PWB DUN telah mendapat agihan sebanyak RM30,000.00 dan telah disalurkan sepenuhnya kepada setiap PWB DUN bagi menjalankan program-program pemberdayaan wanita berskala kecil dalam bentuk program berstruktur dan program tidak program berstruktur mengikut keperluan wanita di DUN masing-masing. Namun demikian, peruntuk sebanyak RM30,000.00 tersebut adalah dibawah seliaan Pejabat Daerah/Tanah dan para penyelia boleh menuntut bayaran pelaksanaan program dengan menggunakan kaedah bayaran balik ke Pejabat Daerah/Tanah yang masing-masing.

JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DIBELANJAKAN SETIAP PWB DUN PADA JANUARI SEHINGGA JUN TAHUN 2016

BIL	DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)
1	N.01 - SUNGAI AIR TAWAR	9,300.00
2	N.02 - SABAK	15,290.00
3	N.03 - SUNGAI PANJANG	15,090.00
4	N.04 - SEKINCHAN	16,600.00
5	N.05 - HULU BERNAM	3,500.00
6	N.06 - KUALA KUBU BAHARU	3,050.00
7	N.07 - BATANG KALI	5,560.00
8	N.08 - SUNGAI BURONG	7,650.00
9	N.09 - PERMATANG	11,400.00
10	N.10 - BUKIT MELAWATI	18,250.00
11	N.11 - IJOK	9,000.00
12	N.12 - JERAM	3,200.00
13	N.13 - KUANG	14,840.00
14	N.14 - RAWANG	15,550.00
15	N.15 - TAMAN TEMPLER	4,500.00
16	N.16 - BATU CAVES	13,800.00
17	N.17 - GOMBAK SETIA	9,900.00
18	N.18 – HULU KLANG	0.00
19	N.19 - BUKIT ANTARABANGSA	13,000.00

BIL	DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)
20	N.20 - LEMBAH JAYA	18,080.00
21	N.21 - CHEMPAKA	11,700.00
22	N.22 - TERATAI	13,000.00
23	N.23 - DUSUN TUA	17,250.00
24	N.24 - SEMENYIH	4,800.00
25	N.25 - KAJANG	16,510.00
26	N.26 - BANGI	14,900.00
27	N.27 - BALAKONG	14,560.00
28	N.28 - SERI KEMBANGAN	8,620.00
29	N.29 - SERI SERDANG	5,700.00
30	N.30 - KINRARA	10,900.00
31	N.31 – SUBANG JAYA	0.00
32	N.32 - SERI SETIA	12,040.00
33	N.33 - TAMAN MEDAN	7,700.00
34	N.34 - BUKIT GASING	13,900.00
35	N.35 - KAMPUNG TUNKU	0.00
36	N.36 - DAMANSARA UTAMA	0.00
37	N.37 - BUKIT LANJAN	0.00
38	N.38 - PAYA JARAS	14,130.00
39	N.39 - KOTA DAMANSARA	17,300.00
40	N.40 - KOTA ANGGERIK	5,000.00

BIL	DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN (RM)
41	N.41 - BATU TIGA	8,700.00
42	N.42 - MERU	13,520.00
43	N.43 - SEMENTA	12,200.00
44	N.44 – SUNGAI PINANG	1,500.00
45	N.45 – SELAT KLANG	27,055.00
46	N.46 - PELABUHAN KLANG	13,300.00
47	N.47 - PANDAMARAN	12,260.00
48	N.48 - KOTA ALAM SHAH	3,500.00
49	N.49 - SERI ANDALAS	6,800.00
50	N.50 - SRI MUDA	10,400.00
51	N.51 - SIJANGKANG	4,500.00
52	N.52 - TELOK DATOK	1,200.00
53	N.53 - MORIB	16,130.00
54	N.54 - TANJONG SEPAT	4,200.00
55	N.55 - DENGKIL	21,350.00
56	N.56 - SUNGAI PELEK	16,700.00
	JUMLAH (RM)	**568,885.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PENYELENGGARAAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DAN TAMAN REKREASI

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa banyak perbelanjaan yang digunakan untuk menyelenggara Taman-taman Permainan Kanak-Kanak dan taman rekreasi mengikut PBT sejak 5 tahun lalu?

b) Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi atau membaik pulih peralatan di taman permainan kanak-kanak yang rosak bagi mengurangkan risiko bahaya?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah perbelanjaan yang digunakan untuk menyelenggara taman-taman permainan kanak-kanak dan taman rekreasi mengikut PBT sejak lima tahun lalu :

PBT	PERBELANJAAN MENYELENGGARA TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK				
	2011	2012	2013	2014	2015
MBSA	0	733,406.04	1,671,732.71	2,578,589.74	4,509,495.95
MBPJ	2,939,964.00	4,619,847.00	4,352.759.00	3,743,502.00	6,729,632.00
MPK	200,000.00	200,000.00	58,495.00	86,300.00	373,068.00
MPAJ	1,600,000.00	1,049,990.00	1,096,820.00	1,049,990.00	1,049,990.00
MPSJ	0	0	1,040,894.50	1,207,921.20	1,121,956.00
MPS	750,000.00	1,000,000.00	1,250,000.00	2,000,000.00	4,000,000.00
MPKj	0	0	1,518,286.00	1,157,920.00	631,800.00
MPSp	35,500.00	70,000.00	169,300.00	200,000.00	200,000.00
MDKL	756,406.00	960,280.07	749,440.50	1,333,175.20	1,038,786.70
MDHS	240,000.00	300,000.00	180,000.00	480,000.00	700,000.00
MDKS	150,000.00	150,000.00	150,000.00	150,000.00	150,000.00
MDSB	0	162,000.00	223,581.00	136,900.00	109,158.00
JUMLAH	**6,671,870.00**	**9,245,523.11**	**12,461,308.71**	**14,124,298.14**	**20,613,886.65**

Nota : Sumber dari PBT

PBT	PERBELANJAAN MENYELENGGARA TAMAN REKREASI				
	2011	2012	2013	2014	2015
MBSA	0	0	0	0	0
MBPJ	743,790.00	626,223.00	909,357.00	655,560.00	1,042,613.00
MPK	10,249,900.00	13,727,769.00	12,643,918.00	12,051,281.00	10,517,900.00
MPAJ	252,666.60	850,000.00	65,432.60	3,205,331.00	308,000.00
MPSJ	0	0	0	0	0
MPS	400.000.00	400,000.00	450,000.00	450,000.00	500,000.00
MPKj	0	0	215,550.00	1,163,430.00	600,800.00
MPSp	236,706.00	1,342,863.40	1,637,863.40	728,016.12	1,491,016.12
MDKL	0	0	0	0	0
MDHS	44,000.00	44,000.00	59,000.00	64,000.00	71,000.00
MDKS	0	0	0	0	0
MDSB	1,197,770.00	0	0	464,374.00	0
JUMLAH	**13,124,832.60**	**16,990,855.40**	**15,981,121.00**	**18,781,992.12**	**14,531,329.12**

Nota : Sumber dari PBT

b) Tindakan yang diambil untuk mengatasi atau membaik pulih peralatan di taman permainan kanak-kanak yang rosak bagi mengurangkan risiko bahaya adalah seperti berikut :

i. Pemantauan rutin di tapak –Penyelenggaraan kecil dilakukan oleh pekerja PBT sendiri.
ii. Peralatan yang rosak dibuka dan di baiki serta digantikan dengan yang baru.
iii. Kerja kerja menaiktaraf kemudahan rekreasi mengikut perancangan kerja setiap tahun

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan program-program kerajaan negeri yang telah di anjurkan di luar negeri Selangor dan jelaskan rasionalnya

b) Nyatakan program-program yang telah di anjurkan sempena PRN Sarawak

JAWAPAN:

a) Berdasarkan semakan tiada program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang dijalankan di luar Negeri Selangor.

b) Berdasarkan semakan tiada jabatan / agensi Kerajaan Negeri yang menganjurkan program-program sempena Pilihanraya Negeri Sarawak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : KESELAMATAN DALAM BANDAR

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan untuk meningkatkan keselamatan harta benda awam daripada kecurian dan vandalisme?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : MEMBAIK PULIH KOTA DARUL EHSAN (TAMBAH SEMPADAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR)

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kos keseluruhan untuk membaik pulih Kota Darul Ehsan?

b) Apakah kerja-kerja yang telah ditawarkan?

c) Siapa yang membiayai keseluruhan kerja-kerja tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : HAIWAN LIAR DI TAMAN PERUMAHAN

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan yang boleh dilakukan terhadap gangguan haiwan liar seperti anjing, babi hutan dan monyet yang menganggu penduduk di taman-taman perumahan?

b) Bagaimana penduduk boleh membuat aduan dan agensi manakah yang berkaitan dengan masalah ini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : KESAMARATAAN ELAUN DAN PERUNTUKAN UNTUK KETUA KAMPUNG, KETUA KAMPUNG BARU DAN KETUA KOMUNITI INDIA

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah sebab Kerajaan Selangor tidak dapat memberikan elaun dan peruntukan yang sama kepada Ketua Kampung, Ketua Kampung Baru dan Ketua Komuniti India?

b) Adakah skop kerja ketiga-tiga jawatan tersebut sama?

c) Jika tidak, sila nyatakan skop kerja mereka.

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor yang telah dikeluarkan pada tahun 2001, JKKK ditubuhkan di kampung-kampung adalah bertujuan untuk memastikan kelancaran pembangunan Negara. JKKK diketuai oleh Ketua Kampung atau Pengerusi JKKK. Bagi memastikan kelancaran pentadbiran JKKK, beberapa orang ahli jawatankuasa (AJK) akan dilantik untuk membantu Ketua Kampung antaranya AJK Kerohanian, AJK Sukan, AJK Teknologi Maklumat dan sebagainya. Bagi kampung yang di dalamnya terdapat komuniti kaum India, seorang AJK juga akan dilantik untuk menjaga komuniti tersebut. AJK tersebut lebih dikenali dengan nama Ketua Komuniti India (KKI). KKI dibayar elaun sebanyak RM500.00 sebulan dan diberikan peruntukan tahunan sebanyak RM10,000.00 untuk mentadbir dan menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di kalangan komuniti masing-masing. Disebabkan skop kerja yang lebih kecil, Kerajaan Negeri tidak memberikan elaun yang sama seperti mana yang diterima oleh Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Baru.

b) dan c) :

Secara dasarnya tugas Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Baru dan Ketua Komuniti India adalah berbeza kerana Ketua Komuniti India hanya melibatkan komuniti India sahaja berbanding Ketua Kampung akan melibatkan semua penduduk di kawasan tersebut. Setiap Ketua Kampung bertanggungjawab untuk menyampaikan kepada penduduk akan dasar-dasar Kerajaan, menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri dan penduduk kampung, berusaha ke arah kemajuan kampung, menggalakkan orang kampung untuk membayar apa-apa hasil kepada Kerajaan seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang serta menggalakkan semangat kerjasama di kalangan penduduk.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : BANTUAN KHUSUS UNTUK IBU TUNGGAL DAN OKU

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah skim atau rancangan khusus Kerajaan Negeri untuk membantu nasib golongan tersebut?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin terhadap kebajikan kepada golongan ini. Justeru itu, pelbagai bantuan terhadap ibu tunggal dan Orang Kelainan Upaya (OKU) telah disediakan sebagaimana berikut:

<u>Ibu Tunggal :</u>

1. **Bantuan modal perniagaan**

   Kerajaan Negeri menyediakan skim pinjaman mikrokredit untuk ibu tunggal sehingga RM50,000.00 melalui HIJRAH Selangor bagi mengembangkan aktiviti perniagaan.

2. **Bantuan Kesihatan**

   Bagi golongan Ibu Tunggal yang layak, boleh mendapat Bantuan Kesihatan Sihat Selangor bagi 5 jenis bantuan iaitu penyakit katarak, rawatan dialisis buah pinggang, pembedahan kecil, bantuan kaki palsu dan kos rawatan lain- lain di hospital-hospital kerajaan.

3. **Pemeriksaan Saringan Mammogram Percuma**

   Ibu Tunggal yang berumur 35 tahun dan ke atas layak untuk mendapat manfaat pemeriksaan saringan mammogram secara percuma di pusat pemeriksaan panel Kerajaan Negeri sebagai langkah pencegahan terhadap kanser payu dara.

4. **Hadiah Anak Masuk Universiti**

   Bagi anak-anak kelahiran Selangor yang berjaya mendapat tawaran menyambung pelajaran di IPT/IPTS yang di iktiraf Kerajaan, layak untuk mendapat manfaat Hadiah Anak Masuk Universiti berjumlah RM1,000.00 daripada Kerajaan Negeri.

5. **Bantuan Yuran Anak ke Nurseri/Taska – Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKembar)**

   Bantuan yuran nurseri/taska sebanyak RM 100 setiap bulan kepada golongan ibu tunggal yang ingin menghantar anak-anak yang berumur 4 tahun dan ke bawah ke nurseri atau taska.

6. **Bantuan Pendidikan Anak - Pusat Tuisyen Rakyat (PTRS)**

   Bantuan pendidikan untuk anak-anak berbentuk kelas tambahan (tuisyen) kepada para pelajar yang memperolehi keputusan yang sederhana atau lemah.

7. **Bantuan Anak ke Tadika – Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)**

   Bantuan yuran tadika sebanyak RM50, setiap bulan kepada kanak-kanak tadika daripada keluarga yang layak.

8. **Program dan latihan kemahiran – Pusat Wanita Berdaya (PWB)**

   Pelbagai program kursus dan latihan kemahiran serta pembangunan bagi wanita terutama golongan ibu tunggal dan surirumah disediakan di Pusat Wanita Berdaya di setiap DUN.

<u>Orang Kelainan Upaya (OKU):</u>

1. **Bantuan Kewangan - Elaun Pekerja Cacat**

   Bantuan sebanyak RM350 sebulan bagi OKU yang bekerja sebagai penyenggaraan pendapatan (income maintenance) serta insentif untuk menggalakkan OKU bekerja dan hidup berdikari.

2. **Bantuan OKU Tidak Bekerja**

   Bantuan sebanyak RM200 sebulan kepada OKU yang tidak bekerja untuk membantu menyara kehidupan golongan OKU yang tidak berupaya untuk bekerja.

3. **Bantuan Penjaga OKU Terlantar**

   Bantuan sebanyak RM300 sebulan kepada penjaga OKU sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga OKU bagi membantu meringankan beban perbelanjaan penjagaan OKU terlantar.

4. **Bantuan Kesihatan Sihat Selangor**

   Terdapat 5 jenis bantuan iaitu bagi merawat penyakit katarak, rawatan dialisis buah pinggang, pembedahan kecil, bantuan kaki palsu dan kos rawatan lain- lain di hospital-hospital kerajaan atau pembelian peralatan sokongan/alat tiruan seperti alat pendengaran, tongkat tangan, kalipers dan lain-lain yang disyorkan pegawai/pakar perubatan.

5. **Bantuan Tongkat Putih ”White Cane” dan Mesin Braille**

   Bantuan pembelian “White Cane” dan Mesin Braille bagi OKU cacat penglihatan.

6. **Bantuan Perniagaan**

   Skim Pengembangan Usahawan oleh Hijrah Selangor menyediakan pinjaman sehingga RM50,000.00 bagi usahawan OKU yang ingin mengembangkan perniagaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : POLISI KEDAI DAN GERAI MAMPU MILIK

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah polisi Kerajaan Negeri untuk memastikan wujudnya kedai dan gerai mampu milik bagi menggalakkan perkembangan perniagaan kecil sederhana dan bilakah polisi ini dilaksanakan?

b) Senaraikan lokasi,jumlah unit dan harga jualan untuk kedai dan gerai mampu milik mengikut pecahan PBT.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, Polisi/Dasar pengenaan Kedai Mampu Milik (Kedai Kos Rendah) telah mula diperkenalkan secara rasmi melalui Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Pertama yang telah diluluskan pemakaiannya pada 6 Ogos 2006.

Bagi pembangunan perniagaan yang mempunyai 50 unit kedai atau melebihi, disyaratkan perlu menyediakan 20% Kedai Mampu Milik. Harga jualan Kedai Mampu Milik pula ditetapkan pada kadar RM120,000 seunit. Manakala bagi pembangunan Kompleks Perniagaan disyaratkan perlu menyediakan 10% daripada keseluruhan ruang lantai bersih sebagai Kedai Mampu Milik dalam bentuk saiz lot kecil atau kiosk untuk disewa.

Dasar ini diwujudkan untuk membantu peniaga kecil samaada memiliki premis perniagaan sendiri ataupun menyewa kiosk untuk mereka memulakan perniagaan. Sebelum ini pemilihan pembeli adalah melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah namun bermula tahun 2010, senarai nama pembeli 100% adalah diperolehi daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

b) Senarai lokasi,jumlah unit dan harga jualan untuk kedai mampu milik mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :

Bil	Projek	Jumlah Unit	Harga Jualan	Daerah	PBT
1	Alam Impian	8	RM120,000	Klang	MBSA
2	Emira, Seksyen 13 Shah Alam	23	RM120,000	Petaling	MBSA
3	USJ Heights	4	RM120,000	Petaling	MPSJ
4	One South, Seri Kembangan	107	RM120,000	Petaling	MPSJ
5	Sazean Business Park	20	RM120,000	Klang	MPK
6	Plaza Crystalville	12	RM120,000	Sepang	MPSp
7	Cyber Valley Commercial Centre	8	RM120,000	Sepang	MPSp
8.	Pusat Perniagaan Gemilang	18	RM120,000	Sepang	MPSP
9	Jati 4, Puncak Bistari	30	RM120,000	Kuala Selangor	MDKS
10	Sentrovue	102	RM120,000	Kuala Selangor	MDKS

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PEMANTAUAN KONTRAKTOR PEMBENTUNGAN DI KAJANG

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Pihak manakah yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan peraturan kerja-kerja Pembentungan Kajang 2 yang dilaksanakan di Kajang.

b) Kerosakan rumah dan jalanraya telah berlaku akibat kerja pembentungan tersebut. Adakah gantirugi sewajarnya dibayar kepada penduduk yang terlibat?

JAWAPAN:

a) Projek Pembetungan Kajang 2 adalah dibawah penguatkuasaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA). Segala perjalanan kemajuan kerja dan pemantauan dibawah tanggungjawab Kementerian tersebut.

b) Segala ganti rugi atau kerosakan terhadap struktur rumah atau jalan yang disebabkan kerja-kerja pembetungan adalah dibawah tanggungjawab pihak KETTHA.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : STATISTIK KEMALANGAN MAUT JALAN RAYA

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila menyatakan lokasi jalan dan tempat kekerapan terjadi kejadian kemalangan maut di Daerah Kuala Langat, Sepang dan Klang.

b) Sila menyatakan statistik angka kemalangan maut pada Tahun 2015 hingga Bulan Jun 2016 di ketiga-tiga Daerah tersebut.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PREMIUM TANAH KAMPUNG BARU DAN BAGAN

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jumlah kampung Baru dan Bagan yang bakal luput tempoh pajakan tanah?

b) Sila perjelaskan apakah rasional kadar premium lanjutan pajakan tanah Kampung Baru dan Bagan dikira mengikut kadar semasa?

c) Sila nyatakan kenapa Pekeliling PTG 4/99 tidak digunapakai?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : MASALAH TEMPAT MELETAK KENDERAAN DI STATION LRT 10 PUCHONG PERDANA

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah mengatasi permasalahan tempat meletak kenderaan di station LRT 10 Puchong Perdana sedangkan tapak parking dijadikan *food court*?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan Kerajaan dalam pembangunan ekonomi kampung-kampung tradisi dan kampung baru?

b) Apakah rancangan struktur yang dilaksanakan untuk mengekal dan memperkembangkan warisan kampung-kampung tersebut?

c) Adakah persempadanan kawasan dilakukan untuk kampung-kampung tersebut ?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sangat komited untuk meningkatkan ekonomi penduduk kampung di Negeri Selangor. Bermula tahun 2008, pelbagai program dijalankan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan di bandar dan di desa khususnya. Melalui pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang diadakan pada tahun 2015, penglibatan daripada peserta adalah seramai 600 orang. Program ini pada dasarnya bertujuan untuk memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan. Program ini telah dilaksanakan secara berasingan di INPENS International College dan Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara (ITKAU) pada bulan Ogos dan September tahun 2015. Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM210,124.00.

Manakala bagi Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Industri Komuniti Kampung telah dilaksanakan pada bulan November tahun 2015. Program ini merupakan lanjutan Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang bertujuan memberi pengetahuan dan tambah nilai dari segi kemahiran kepada belia atau masyarakat di desa yang tidak berpeluang untuk meneruskan pengajian secara formal serta memberi peluang kepada masyarakat di desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan

keusahawanan. Program ini telah dihadiri oleh 95 orang peserta dengan jumlah peruntukan sebanyak RM793,300.00. Pada masa ini hampir kesemua peserta bagi program Industri Komuniti Kampung telah memulakan perniagaan masing-masing dan memperoleh peningkatan pendapatan lebih 30%. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada peserta program, program ini akan diteruskan pada tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM992,500.00.

Pada tahun 2015 juga, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000.00 untuk melaksanakan Program 1 Daerah 1 Inkubator yang telah melibatkan sebanyak 4 buah inkubator di 4 daerah yang berasingan. Program ini dicadangkan untuk memberdayakan ekonomi warga desa dan kampung tradisi. Program ini juga akan meningkatkan taraf sosial rakyat Negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri. Inkubator yang disediakan adalah melibatkan kursus-kursus seperti berikut :

Daerah	Jenis Inkubator
Klang	Penyaman Udara & Pendawaian Elektrik
Kuala Langat	Pusat Kecantikan, Dandanan Rambut & Jahitan
Sabak Bernam	Bengkel Motosikal
Hulu Selangor	

Setakat ini dua (2) inkubator iaitu di Klang dan Hulu Selangor telah memulakan operasi manakala dua (2) buah inkubator lagi berada pada peringkat penyediaan tempat dan urusan-urusan pentadbiran.

Melalui Karnival 3K pula, Kerajaan Negeri telah memberikan peluang dan ruang bagi peniaga-peniga serta usahawan kampung untuk memperkenal dan memasarkan produk-produk mereka sepanjang karnival berlangsung.

b) Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) merupakan organisasi yang bertanggungjawab dalam mengekal dan memperkembangkan warisan kampung-kampung tradisi di Negeri Selangor. Tumpuan utama PADAT adalah kepada aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan dan pengumpulan koleksi bagi muzium di negeri Selangor sejak tahun 1975 di bawah Enakmen No.6 Tahun 1975. Kini, PADAT dinaungi oleh D.Y.M.M Sultan Selangor. Terdapat banyak program yang dilaksanakan di bawah PADAT yang dirancang untuk membangun, memelihara dan menyebarluas adat Melayu dan warisan Negeri Selangor. Antaranya melalui Karnival Kampungku Kesayanganku (3K),

terdapat beberapa pengisian program yang dirancang bertujuan untuk memperkenalkan warisan kampung kepada masyarakat seperti pertandingan masakan tradisi, pertandingan gubahan sirih junjung dan sebagainya. PADAT juga mengembangkan seni muzik cempuling yang masih diamalkan di kampung tradisi yang kini kian pupus di Selangor. PADAT telah mengumpulkan 10 kumpulan untuk menyertai Temasya Muzik Cempuling 25 Jam Tanpa Henti (Malaysia Book of Record) yang telah diadakan pada 19-20 Disember 2015.

Selain itu, PADAT terlibat untuk memperkenalkan masakan tradisi kampung-kampung di Selangor ke peringkat persekutuan seperti di Karnival Makanan Warisan 1 Malaysia yang telah diadakan pada 26 Februari 2016. PADAT juga telah memperkembangkan warisan Wau Kapal melalui Pertandingan Wau Kapal Terbuka Negeri Selangor 2016 yang akan diadakan pada 31 Julai 2016, Program Tekat Gubah Bunga Tanjung Terpanjang di Malaysia pada 27 Ogos 2016, Perkahwinan Melayu Selangor serta pelbagai program lain yang diadakan di dalam Temasya PADAT pada 20-22 November 2015.

Melalui Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik pula, Kerajaan Negeri melalui PADAT berusaha untuk memartabatkan dan mengiktiraf struktur rumah lama yang masih dipelihara sehingga kini.

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan persempadanan kawasan sedia ada serta tiada rancangan untuk membuat persempadanan yang baru. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan, perkara ini akan diteliti semula dan akan dipertimbangkan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : WABAK DENGGI

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan statistik terkini kes denggi di Selangor?

b) Nyatakan penambahbaikan yang dilakukan untuk menurunkan jumlah kes denggi?

JAWAPAN:

a) Jumlah kes yang terkumpul bagi tahun 2016 sehingga 23 Julai 2016 adalah sebanyak 34,212 di mana mencatatkan penurunan sebanyak 11% berbanding tahun 2015 iaitu 38,5244 kes bagi tempoh yang sama. Jumlah kematian pula mencatatkan penurunan sebanyak 43% iaitu hanya 51 kes berbanding 89 kes daripada bilangan kes kematian tahun 2015. Daerah Petaling, Hulu Langat, Klang dan Gombak mencatatkan bilangan kes tertinggi. Pecahan bilangan kes mengikut daerah adalah seperti Jadual 2.

DAERAH	MINGGU EPID 29/2016	KUMULATIF KES 2016	KUMULUTIF KEMATIAN
PETALING	435	14,4468	20
HULU LANGAT	296	7,094	18
KLANG	117	5,354	6
GOMBAK	155	3,618	2
SEPANG	53	1,235	1
HULU SELANGOR	15	748	2
DAERAH	**MINGGU EPID 29/2016**	**KUMULATIF KES 2016**	**KUMULUTIF KEMATIAN**
KUALA LANGAT	20	1,054	1
KUALA SELANGOR	8	440	1
SABAK BERNAM	2	201	0
JUMLAH	**1,101**	**34,212**	**51**

Jadual 2 : Statistik kes Demam Denggi sehingga 23 Julai 2016

b) Penambahbaikan yang dilakukan di peringkat Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan untuk menurunkan jumlah kes Denggi di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

i. Mesyuarat Tindakan Denggi peringkat Negeri diadakan setiap dwi mingguan untuk membincangkan masalah Denggi dan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan.

ii. Mesyuarat Denggi peringkat daerah diadakan pada setiap minggu yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya. Mesyuarat ini melibatkan semua agensi di daerah tersebut termasuk PBT, PKD, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), wakil Hospital, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Ahli Majlis dan Penghulu. Mesyuarat ini akan membincangkan kaedah penyelesaian sesuatu isu di kawasan wabak terutama Hotspot dan tindakan segera yang perlu dilakukan.

iii. Blueprint Menangani Wabak Denggi sedang dalam peringkat penyediaan dan telah mengenal pasti 8 garis panduan untuk diseragamkan di semua PBT negeri Selangor. Blueprint ini juga akan melibatkan semua Agensi di bawah pentadbiran Negeri Selangor.

iv. Bagi PBT yang mempunyai kawasan *hotspot* berpanjangan, beberapa petugas khas Denggi akan ditempatkan di kawasan tersebut bagi mengesan dan mengawal penularan kes. Petugas ini akan melakukan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), *fogging* dan *larvasiding* dalam tempoh di tetapkan sehingga tiada kes dicatatkan di kawasan tersebut.

v. Menggalakkan penglibatan Ahli Majlis di peringkat PBT dalam melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.

vi. Melibatkan ADUN dengan memperuntukan sebanyak RM10,000 setiap kawasan bagi menjalankan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.

vii. Melantik *Pest Controller Operator* (PCO) bagi PBT yang berkemampuan untuk membantu melakukan aktiviti kawalan penularan denggi dan menurunkan jumlah kes denggi di kawasan wabak *hotspot.*

viii. Menetapkan setiap pemaju perumahan melantik PCO (Pest Control Operator) dan melaporkan tindakan pencegahan yang dijalankan setiap bulan sehingga projek pembangunan siap.

ix. Taklimat denggi kepada semua pemaju dan syarikat PCO di tapak bina di setiap PBT bagi menerangkan kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya pembiakan jentik-jentik.

x. Taklimat kepada kontraktor pembersihan di kawasan sekolah-sekolah dan kawasan PBT bagi menerangkan kawasan yang perlu diambil perhatian semasa membuat pembersihan dan kaedah menghapuskan tempat pembiakan Aedes.

xi. Mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah persendirian dan premis kotor yang berpotensi berlaku pembiakan jentik-jentik supaya tidak menjadi tempat pembuangan sampah haram dan tempat pembiakan Aedes.

xii. Tindakan penguatkuasaan ke atas 4 premis seperti tapak bina, Premis Barang Lusuh, tapak semaian serta kawasan komersial sedang digiatkan. Bagi penemuan jentik-jentik di tapak bina, tindakan penutupan selama 2 minggu dikenakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PROJEK LANGAT 2

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek Langat 2?

b) Berapakah jumlah isipadu yang telah disalurkan dari Pahang ke Langat 2 untuk pemprosesan?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali:

1. Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Mengikut perancangan, apabila loji Langat 2 ini siap sepenuhnya (Fasa 1 dan Fasa 2), ia boleh membekalkan air terawat sebanyak 2,260 JLH. Pada ketika ini, kerja-kerja pembinaan adalah hanya untuk Loji Langat 2 Fasa 1 yang dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2019 dengan pengeluaran air terawat berkapasiti 1,130 JLH. Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan kelulusan untuk pelaksanaan projek Langat 2 ini.

2. Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh dari Pengurusan aset Air Berhad (PAAB), pembinaan Loji Rawatan Air Fasa 1 melibatkan 18 pakej kerja. Satu pakej telah siap pembinaannya iaitu Pakej 1A (Paip Air Terawat dari Loji Rawatan ke Kolam Air Imbangan Bkt Enggang). Manakala 8 pakej kerja berikut telah mula kerja-kerja fizikal di tapak, iaitu:-

i.	Pakej 1B	Air Mentah
ii.	Pakej 2A	Loji Rawatan Langat 2
iii.	Pakej 4	Kolam Air Imbangan Bkt Enggang
iv.	Pakej 5	Paip Air Terawat ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat & Kolam Sediada Hulu Langat

v.	Pakej 6	Paip Air Terawat dari Kolam Air Ampang ke Kolam Air AU3 (Koridor Utara)
vi.	Pakej 9	Kolam Air AU3
vii.	Pakej 10	Paip Air Terawat dari Kolam Air Imbangan Bkt Enggang ke Sg. Besi (paip koridor barat)
viii.	Pakej 11	Paip Air Terawat dari Sg. Besi ke Puchong (paip koridor barat)

3 pakej lagi telah selesai dengan pelantikan kontraktor tetapi masih dalam proses menyerahkan tapak bina iaitu:-

i.	Pakej 7	Kolam Air Imbangan Hulu Langat
ii.	Pakej 12	Kolam Air Sg. Besi
iii.	Pakej 13	Kolam Air Bkt Jalil

Dan 6 pakej kerja masih dalam peringkat kajian reka bentuk dan siasatan tanah. Pakej-pakej itu adalah seperti berikut:-

i.	Pakej 2B	Kuaters Pekerja
ii.	Pakej 3	Perlupusan Enapcemar
iii.	Pakej 6A	Terowong Koridor Utara
iv.	Pakej 8	Kolam Air Ampang
v.	Pakej 14	Kolam Air Petaling
vi.	Pakej 15	*Interconnection*

3. Secara keseluruhannya, kemajuan fizikal di tapak adalah 49% berbanding yang dijadualkan sebanyak 56%.

4. Memandangkan Projek Langat 2 belum siap untuk dioperasikan, belum ada air mentah yang disalurkan ke Langat 2 untuk pemprosesan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : ELNINO 2016

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah sektor yang paling teruk terjejas di negeri Selangor kesan dari Elnino baru-baru ini?

b) Bagaimanakah pertanian Selangor mengatasi masalah ini dan apakah pelan jangka panjang jika fenomena ini berterusan?

c) Apakah kesan Elnino kepada tahap kesihatan dan aktiviti ekonomi di Selangor

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : AIR SELANGOR

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha yang sedang/akan dilakukan oleh Air Selangor tentang bekalan air yang terganggu disbabkan paip pecah?

b) Bagaimana atasi masalah kawasan yang tekanan air rendah?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PERMOHONAN RUMAH SELANGORKU

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah permohonan Rumah Selangorku mengikut jenis dan daerah?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memenuhi pemohonan Rumah Selangorku yang semakin meningkat?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PERKEMBANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAJET 2016 AGENSI-AGENSI KERAJAAN

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peratus perbelanjaan pembangunan dalam bajet 2016 telah dibelanja oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan jabatan-jabatan lain? Sila beri butiran.

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya perbelanjaan adalah mengikut jadual dan memastikan projek-projek adalah value-for-money?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : ISU JENAYAH DAN KESELAMATAN BERPUNCA DARIPADA WARGA ASING

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Kedudukan kuasa Kerajaan Negeri dan kekangan-kekangannya berkaitan pengambilan dan pengawalan terhadap pekerja asing, termasuk PATI?

b) Sila nyatakan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu jenayah dan keselamatan yang berpunca daripada warga asing ini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : BEBAS HALANGAN OKU

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Smart State & liveable City,apakah rancangan KNS bagi memastikan semua kemudahan adalah bebas halangan untuk OKU?

b) Siapakah dan berapa kerap pemantauan di buat?

c) Bilakah perancangan KNS untuk setiap bandaraya akan mencapai Bebas halangan untuk OKU?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Selaras dengan saranan kerajaan Negeri Selangor yang ingin menjadikan Negeri Selangor sebagai mesra OKU dan bebas halangan, melalui Pelan Tindakan LA21 Pihak Berkuasa Tempatan telah mewujudkan Jawatankuasa Bandar Selamat Dan Bebas Halangan. Jawatankuasa berkenaan telah dipertanggungjawabkan untuk memberi penekanan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di mana golongan tersebut adalah sebahagian daripada masyarakat yang berhak menerima perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata.

Jawatankuasa ini juga berperanan membuat pemantauan secara berkala melalui audit akses ke atas pembangunan dan kemudahan bagi mencapai bebas halangan OKU.

Selain itu, Kerajaan Negeri tidak menetap satu sasaran yang sama bagi mencapai bebas halangan OKU memandangkan setiap PBT mempunyai pelan perancangan bandar bebas halangan yang berbeza mengikut keperluan dan isu setempat yang terdapat di setiap PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : KEBENARAN MERANCANG (DO)

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri melakukan semakan DO keatas semua projek pembinaan di Selangor?

b) Nyatakan tindakan yang pernah diambil oleh Kerajaan Negeri keatas pemaju yang melaksanakan projek pembinaan tanpa DO?

JAWAPAN:

a) Merujuk kepada subseksyen 2(1) Akta 172, kebenaran merancang ditakrifkan sebagai **'kebenaran yang diberikan, dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan pemajuan'.**

Keperluan bagi mendapat Kebenaran Merancang adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 19(1), Akta 172 iaitu:

"Tiada seorang pun, lain daripada pihak berkuasa tempatan, boleh memula, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah Seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah Seksyen 24(3)".

Berdasarkan Seksyen 2, Akta 172 , Pihak Berkuasa Tempatan ditafsirkan sebagai mana-mana majlis bandaraya, majlis perbandaran atau majlis daerah, majlis bandaran, lembaga bandaran, majlis tempatan, lembaga luar bandar, atau mana-mana pihak berkuasa lain seumpamanya yang ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

Ini bermakna kelulusan suatu kebenaran merancang adalah di bawah bidang oleh Pihak Berkuasa PBT yang merupakan PBPT kawasan berkenaan mengikut subseksyen 5(1), Akta 172.

PBT bertanggungjawab untuk mengawalselia suatu projek pembinaan daripada peringkat permohonan kepada peringkat kelulusan dan mempunyai 'duty of care'

di bawah 'common law' bagi memastikan suatu kebenaran merancang yang diluluskan dipatuhi.

b) Kawalan perancangan Bahagian IV Akta 172 mengandungi peruntukan-peruntukan arahan bagi penguatkuasaan pengawalan perancangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Semua pemajuan hendaklah memperolehi kelulusan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Jika pemajuan dijalankan tanpa kebenaran merancang pemaju boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 27 Akta 172.

Seksyen 27, Akta 172 memperuntukkan kesalahan berhubung dengan sesuatu pemajuan yang sedang atau siap diusaha atau dijalankan tanpa kebenaran merancang iaitu melanggar Seksyen 19, Akta 172;

PBPT boleh mengeluarkan notis untuk menghentikan aktiviti pemajuan tanpa kebenaran merancang tersebut atau mengarahkan supaya tanah tersebut dikembalikan kepada keadaan asal jika aktiviti pemajuan itu masih berjalan;

Notis untuk memberhentikan aktiviti pemajuan tersebut dikeluarkan apabila PBPT berpendapat, kebenaran merancang tidak akan diberikan sekiranya permohonan kebenaran merancang itu akan menghasilkan bentuk pemajuan dalam keadaan yang sedang atau telah dimajukan itu;

Sekiranya PBPT masih tidak berpuas hati sebagaimana yang dikehendaki dalam notis itu, satu lagi notis menyatakan pelanggaran seksyen 19, Akta 172 boleh dikeluarkan dan seterusnya menghendaki daripada orang itu supaya suatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan aktiviti pemajuan tu disampaikan kepada PBPT itu;

Pengeluaran notis ini tidak boleh dianggap bahawa kebenaran merancang akan diberi. Jika permohonan kebenaran merancang dikemukakan, proses seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 21 dan 22, Akta 172 akan dijadikan panduan;

Keingkaran mematuhi arahan notis ini akan dikenakan denda sehingga RM 100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya akan dikenakan dan denda tambahan sehingga RM 5,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu;

Seterusnya jika tiada permohonan diterima oleh PBPT dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maka satu notis lagi boleh dikeluarkan kepada orang yang menjalankan aktiviti pemajuan itu dan menghendaki supaya tanah berkenaan dipulihkan kepada keadaan yang dinyatakan dalam notis itu;

Notis yang sama boleh dikeluarkan jika PBPT menolak permohonan untuk kebenaran merancang yang dibuat di atas; dan

Akhirnya, mana-mana orang yang tidak mematuhi notis yang dikeluarkan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda sehingga RM 100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya akan dikenakan dan denda tambahan sehingga RM 5,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR DI SELANGOR

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pengambilalihan dan penukaran pihak pengurusan Puncak Niaga, Syabas, Abass dan Splash?

b) Apakah beza peranan UPEN dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan pembinaan dan penyelenggaraan aset air di Selangor

c) Adakah Kerajaan Negeri sanggup melepaskan pengambilalihan Splash?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : BANTUAN RAWATAN DIALISIS

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah perbelanjaan diperuntukan bagi permohonan bantuan ini setiap tahun?

b) Adakah telah dikenalpasti pusat dialisis sediada mencukupi?

c) Apakah pelan tindakan awal bagi menghadapi peningkatan pesakit ini dari segi kewangan, pusat rawatan dan kesedaran pencegahan pesakit ini?

JAWAPAN:

a) Sejak tahun 2013 sehingga 2016, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM2,622,433.30 untuk bantuan rawatan Dialisis. Berikut adalah jumlah yang diperuntukkan bagi rawatan Dialisis mengikut tahun :

TAHUN	JUMLAH BANTUAN (RM)
2013	224,181.90
2014	253,727.30
2015	854,479.00
Sehingga Julai 2016	1,290,045.10
JUMLAH	**2,622,433.30**

b) Jumlah pesakit Dialisis yang mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan adalah seramai 424 orang. Terdapat 7 buah Hospital yang mempunyai mesin Dialisis iaitu seperti Jadual 1.

HOSPITAL	**BILANGAN MESIN DIALISIS**
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	30
Hospital Shah Alam	20
Hospital Selayang	38
Hospital Serdang	37
Hospital Ampang	25
Hospital Kajang	22
Hospital Banting	14
JUMLAH	186

Jadual 1: Jumlah Mesin Dialisis di Hospital Kerajaan

Jumlah ini tidak termasuk jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di pusat rawatan swasta. Bagi pusat rawatan swasta, sebanyak 127 pusat Dialisis berlesen dan mempunyai 980 mesin dialisis.

Kerajaan Negeri telah melantik sebanyak 20 buah Panel Dialisis yang akan memberi rawatan kepada pesakit yang mendapat Bantuan Kesihatan Selangor. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri akan menambah sebanyak 80 buah Panel Dialisis bagi menjayakan Program Panel Dialisis Negeri Selangor. Hanya Panel Dialisis yang dilantik sahaja akan menerima Bantuan Kesihatan Selangor. Panel Dialisis ini melibatkan hampir 90% pusat rawatan Dialisis swasta yang terdapat di negeri Selangor.

c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Kesedaran kepada masyarakat melalui Program Karnival Sihat Selangor yang dilaksanakan bersama PBT. Program ini memberi kesedaran bahawa awam mengenai kepentingan amalan gaya hidup sihat dan cergas, memupuk amalan bersenam dan beriadah di kalangan masyarakat, membentuk sikap positif dalam kehidupan seharian dan membolehkan masyarakat menjalani pemeriksaan kesihatan percuma. Jadual pelaksanaan Program tersebut adalah seperti Jadual 1.

PBT	Tarikh	Fokus
MBPJ	23 JULAI 2016	CANCER
MPS	30 JULAI 2016	DADAH
MDHS	13 OGOS 2016	BUAH PINGGANG
MPAJ	14 OGOS 2016	TB
MDKS	20 OGOS 2016	DIABETES
MDKL	27 OGOS 2016	JANTUNG
MPK	25 SEPTEMBER 2016	DIABETES
MBSA	10 OKTOBER 2016	STRESS
MPSJ	15 OKTOBER 2016	PENGURUSAN STRESS
MPKJ	16 OKTOBER 2016	DARAH TINGGI/STRESS
MPSP	22 OKTOBER 2016	OBESITI
MDSB	30 OKTOBER 2016	PEMAKANAN SIHAT

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : MEMBAIK PULIH MASJID NEGERI SELANGOR

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kos keseluruhan untuk membaik pulih masjid tersebut?

b) Apakah kerja-kerja yang telah ditawarkan?

c) Bilakah dijangkakan siap sepenuhnya?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAK BERNAM (JPSSB)

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah JPS bercadang untuk membina sebuah lagi pintu air kedua di Sungai Air Tawar?

b) Bagaimanakah JPS mengalirkan air dari Kampung Tebuk Mufrad ke Kampung Tebuk Jawa yang kerap tenggelam akibat banjir?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi meningkat publisiti Program Merakyatkan Ekonomi Selangor khususnya di luar bandar memandangkan terdapat penduduk yang tidak mempunyai akses internet?

b) Nyatakan OKU yang berdaftar dengan Skim Mesra Usia Emas mengikut tahun sejak 2008.

JAWAPAN:

a) Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor mempunyai sebanyak 18 program yang dirangka khusus bagi membantu golongan-golongan sasar untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi iaitu :

(1) Program Hijrah Selangor;
(2) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS);
(3) Hadiah Anak Masuk Universiti;
(4) Skim Mesra Usia Emas;
(5) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang;
(6) Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M^2);
(7) Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL);
(8) Insentif Perkahwinan Belia;
(9) Pusat Tuisyen Rakyat;
(10) Pusat Dialisis Rakyat;
(11) Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR);
(12) Skim Bantuan Tadika (TUNAS);
(13) Cuti Bersalin 90 Hari;
(14) Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari;
(15) Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari;
(16) Jom Shopping (Warga Emas + Ibu Tunggal);
(17) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC); dan
(18) Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral.

Maklumat lanjut kesemua program ini boleh didapati melalui portal MES yang

dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi kemudahan rakyat. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak menolak kemungkinan masih lagi terdapat penduduk yang tidak mempunyai akses internet bagi menyemak dan berdaftar secara atas talian. Bagi membendung permasalahan ini, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan agensi bertanggungjawab bagi program-program ini mengadakan *roadshow* atau membuka *booth* di seluruh Selangor untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan rakyat mengenai program-program yang telah diperkenalkan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut telah mewujudkan pusat maklumat sehenti di setiap DUN yang berperanan untuk memberi maklumat atas sebarang aduan, maklumat dan pertanyaan yang dihadapi oleh penduduk. Pusat tersebut juga menyediakan borang untuk diisi secara manual oleh penduduk dan juga risalah atau brosur mengenai setiap program yang dijalankan. Selain itu, setiap DUN juga dari semasa ke semasa akan mengadakan sesi Program Mesra Rakyat yang menjadi platform antara YB DUN dan juga penduduk setempat bagi menjelaskan hal-hal semasa, menyelesaikan mengenai isu-isu berbangkit di kawasan setempat dan juga memberi penerangan mengenai program-program kebajikan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Setakat ini penyertaan di bawah program MES sangat memberangsangkan dan ini menunjukkan bahawa segala usaha yang telah digembleng oleh setiap agensi yang dipertanggungjawabkan membuahkan hasil dan berjaya menarik perhatian rakyat Negeri Selangor.

b) Skim Mesra Usia Emas (SMUE) merupakan satu skim khairat kematian yang dilancarkan pada 31 Ogos 2008 bagi menjaga kebajikan rakyat Selangor khususnya warga emas dan OKU yang meninggal dunia serta memenuhi syarat dan telah berdaftar tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan kedudukan sosial mereka. Ringkasan jumlah OKU yang berdaftar dengan SMUE mengikut tahun sejak 2008 adalah seperti jadual berikut :-

TAHUN/ UMUR	0-1	1-6	6-12	13-17	18-23	24-30	31-40	41-50	51-60	70-74	75-79	JUMLAH
2008	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2009	2	65	95	140	150	137	187	196	192	11	3	1178
2010	5	71	104	129	131	113	133	205	160	0	2	1053
2011	1	31	50	92	106	131	176	225	165	1	1	979
2012	0	7	23	195	144	188	277	370	318	3	0	1525
2013	0	0	0	100	134	103	177	235	260	0	0	1009
2014	3	22	62	82	80	89	136	204	275	4	3	960
2015	3	26	38	57	76	65	117	181	234	7	4	808
2016	2	16	21	36	49	31	77	101	173	1	0	507
JUMLAH	16	238	393	831	870	857	1280	1717	1777	27	13	8019

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PENGANGKUTAN PANGSAPURI KOS RENDAH

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa peratuskah pangsapuri kos rendah di Selangor yang telah mendapat manfaat pengangkutan bas percuma smartSelangor?

b) Adakah PBT telah mengkaji keperluan laluan lebih utama bagi rakyat Selangor?

JAWAPAN:

a) Buat masa ini, tiada perkiraan terperinci dibuat bagi jumlah pangsapuri kos rendah di Selangor secara keseluruhannya. Walaubagaimanapun, laluan Bas Smart Selangor di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat telah mengambilkira sasaran penumpang di kalangan penduduk berpendapatan rendah khususnya di kawasan pangsapuri-pangsapuri yang berdekatan.

b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sangat komited dalam menyediakan perkhidmatan bas secara percuma bagi meningkatkan mutu dan tahap sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor. Dalam penyediaan laluan Bas Smart Selangor, cadangan laluan akan terlebih dahulu dibentang dan dinilai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dengan penglibatan semua PBT yang berkaitan dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Laluan-laluan yang cadangkan oleh PBT dipertimbangkan dengan mengambilkira pandangan dan kajian keperluan laluan di samping mengambilkira kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:
   (1) Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
   (2) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain; dan
   (3) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersial dan kompleks perniagaan.

Oleh itu, penentuan laluan Bas Smart Selangor telah dijalankan dengan teliti bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berdasarkan kriteria tersebut, laluan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor bukanlah untuk bersaing dengan pengangkutan awam yang lain, namun ia adalah perkhidmatan yang berorientasikan keperluan pengguna terutama golongan berpendapatan rendah di kawasan yang disasarkan. Ianya selaras dengan prinsip keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : *COUNCIL HOME* DALAM KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI SELANGOR

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai council home dan rumah transit yang mencukupi untuk menempatkan setinggan,mangsa bencana alam serta golongan yang memerlukan?

b) Senaraikan lokasi dan jumlah unit serta tujuan council home mengikut pecahan PBT.

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali

Council Home dan rumah transit di bawah selian PBT seperti berikut:-

Jadual: Pecahan *Council Home* mengikut PBT

PBT	JUMLAH UNIT	LOKASI
MBSA	980	(3 Blok Pangsapuri Kos Rendah) Di Atas Lot No 4, Jalan Belimbing 26/36, Kampung Baru Hicom, Seksyen 26
MBPJ	3004	Pihak Majlis hanya menguruskan 8 blok rumah transit iaitu PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang
MPK	20	Blok K, Jalan Batu Nilam 15, Bandar Bukit Tinggi, Klang
MPAJ	60	Pangsapuri Desa Lembah Jaya (Utara), Lembah Jaya

MPSJ	212 (termasuk bencana alam/sewaan setinggan)	- Pangsapuri Seri Kayan di Jalan Pinggiran 2/1, Taman Pinggiran USJ, Subang Jaya - Pangsapuri Enggang di Jalan BK 6F, Bandar Kinrara, Puchong
Jumlah	**4276**	

Nota: Lain-Lain PBT Tidak Mempunyai *Council Home.*

Tujuan penyediaan *Council Homes* ini adalah bagi golongan sasar seperti berikut:

i. Setinggan (sekiranya terdapat penempatan setinggan baru);
ii. Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan;
iii. Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU);
iv. Pemohon yang mempunyai tanggungan ramai;
v. Pesara Kerajaan seperti tentera, polis dan kakitangan awam yang menerima pencen;
vi. Mangsa banjir atau kebakaran; dan
vii. Pekerja kilang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PEMIKIRAN PLURALISME DAN LIBERALISME DI SELANGOR

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai statistik berkenaan penyebaran pemikiran pluralisme dan liberalisme di Selangor?

b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menyekat penyebaran pemikiran ini?

JAWAPAN:

a) Tiada statistik khusus berkenaan penyebaran pluralisme dan liberalisme di Selangor. Maklumat yang diperolehi berdasarkan badan-badan/organisasi yang membawa fahaman tersebut sebagaimana fatwa fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang telah diwartakan **pada 31 Julai 2014.**

b) Usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan adalah :

1. Khutbah Jumaat berkenaan IS dan konsep Jihad yang telah dibaca di setiap masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di seluruh negeri Selangor pada 26 Februari 2016, bertajuk : Fahaman Liberal Perosak Akidah

2. Program Bicara Fatwa Selangor. Dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa secara umum termasuklah juga fatwa berkaitan pluralisme dan liberalisme di Selangor.

   Setakat Mei jadual program ini adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	SASARAN PESERTA	TEMPAT
1.	24 Februari 2016 Rabu	Pemegang Tauliah	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
2.	29 Februari 2016 Isnin	Pelajar	Sek. Men. Keb. Setia Alam, Shah Alam
3.	24 Mac 2016 Khamis	Pelajar	Sek. Jenis Keb. Cina Yoke Kuen, Sekinchan
4.	29 Mac 2016 Selasa	Pelajar	Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh

5.	28 April 2016 Khamis	Pelajar	Masjid Kampung Johan Setia, Klang
6.	4 Mei 2016 Rabu	Pelajar	Masjid Sultan Abdul Samad KLIA, Sepang

3. Siaran di Akhbar Nasional (Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, Utusan, Selangor Kini)

4. Program Turun Padang " Dialog Fatwa @ Mesra Ummah Bersama JMNS"
   Program ini di laksanakan di masjid-masjid terpilih di negeri Selangor dan di dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan secara umum dan mengadakan sesi dialog atau soal jawab berkaitan fatwa yang telah dijelaskan dan isu-isu berkaitan hukum syarak di lokasi-lokasi berikut :

   a) Masjid Ijtimai', Tebuk Pulai
   b) Masjid Al Bakri, Bukit Naga
   c) Masjid As Syakirin, Dengkil
   d) Masjid Ubudiyah, Kerling
   e) Masjid Rinching Hilir, Semenyih
   f) Masjid Ara Damansara, Petaling
   g) Masjid Bukit Antarabangsa, Bukit Antarabangsa

5. Radio (Selangor.fm)
   Slot di Selangor.fm 2 kali seminggu iaitu pada hari Khamis dan Jumaat, bermula jam 6.15 petang hingga 6.45 petang. Di dalam slot ini pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor menjelaskan tentang-tentang fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan termasuklah fatwa dan isu berkaitan IS

6. Laman Web JMNS

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN LRT

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah cagaran yang dikenakan terhadap projek pembinaan LRT untuk kegunaan membaiki kerosakan infrastruktur di sekitar tapak projek.

b) Adakah kerajaan akan mempertimbangkan kadar cagaran yang lebih tinggi supaya dapat menampung kos pembaikan kerosakan yang diakibatkan oleh projek landasan yang lain?

JAWAPAN:

a) dan b)

Projek pembinaan LRT merupakan projek di bawah Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh pihak Prasarana Malaysia Berhad. Segala keperluan dan kemudahan infrastruktur perlu disediakan sewajarnya dan dibawah tanggungjawab pemaju projek. Pihak Prasarana telah membayar cagaran sebanyak RM5 juta bagi kedua-dua laluan LRT di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya. Cagaran tersebut adalah bagi kerja-kerja pengorekan jalan di dalam kawasan Majlis sahaja. Jumlah cagaran yang dikenakan adalah bergantung kepada jarak pengorekan.

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan memastikan kerja-kerja yang dilakukan oleh pemaju projek menepati dan mematuhi syarat-syarat pembangunan di kawasan tersebut. Oleh itu, penetapan jumlah cagaran adalah bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan berdasarkan permohonan pembangunan yang dikemukakan oleh pihak pemaju.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : BAYARAN BALIK PAMPASAN SERTA BAIK PULIH KEROSAKAN RUMAH-RUMAH AKIBAT PEMBINAAN LRT

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah bayaran balik pampasan serta baik pulih kerosakan rumah-rumah akibat pembinaan LRT disekitar DUN Seri Serdang?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : MASYARAKAT HARMONI

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan kerajaan dalam meningkatkan kesefahaman dan penghayatan ketamadunan budaya majmuk masyarakat kita ?

b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan mewujudkan institusi atau akademi pengajian ketamadunan di Negeri Selangor?

c) Adakah kerajaan mempunyai rancangan menggalakkan forum atau dialog antara kaum bagi merapatkan hubungan?

JAWAPAN:

a) Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kesefahaman dan penghayatan ketamadunan budaya majmuk masyarakat adalah dengan menganjurkan program perayaan bagi setiap agama secara terbuka bagi membolehkan semua masyarakat di Negeri Selangor dapat bersama-sama merasai dan memahami budaya agama yang lain. Ini akan meningkatkan rasa hormat menghormati antara kaum kerana masing-masing mempunyai cara tersendiri untuk menyambut hari kebesaran masing-masing.

b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk mewujudkan institusi atau akademi pengajian ketamadunan di Negeri Selangor dan sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkannya.

c) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengadakan forum atau dialog antara kaum tetapi sekiranya memerlukan aktiviti bagi merapatkan hubungan, Kerajaan Negeri akan menganjurkan program kebudayaan yang melibatkan semua kaum utama di negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : KES SAMAN ANAK SYARIKAT NEGERI

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci kes saman melibatkan semua anak syarikat negeri dari tahun 2008-2015?

b) Nyatakan keputusan saman tersebut dan hukuman yang dikenakan?

JAWAPAN:

a) Bagi persoalan ini, Kamar Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat dan data berkenaan dengan kes saman yang melibatkan semua anak syarikat Negeri. Ini kerana Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor tidak mewakili mana-mana anak syarikat Negeri sekiranya sesuatu anak syarikat Negeri disaman di Mahkamah. Kewajipan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan Kamarnya adalah berdasarkan Perkara 52(2)*(b)* Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor yang menyatakan seperti yang berikut:

"**Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan**
LII. (1) …

(2) … *(b)* Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah memberikan nasihat tentang perkara undang-undang yang dirujukkan kepadanya oleh Duli Yang Maha Mulia atau Kerajaan Negeri.".

b) Seharusnya, persoalan ini hendaklah diajukan kepada setiap anak syarikat Negeri sendiri kerana anak syarikat Negeri akan mengambil peguam masing-masing untuk mewakili mereka bagi setiap kes di Mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : KENDERAAN TERBENGKALAI

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan permasalahan yang disebabkan kerana kenderaan-kenderaan terbengkalai di setiap PBT

b) Jelaskan usaha negeri untuk menambahbaik prosedur sediada untuk menyelesaikan permasalahan ini

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : LEBUHRAYA SUKE

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status semasa perlaksanaan projek lebuhraya SUKE (dalam bidang kuasa kerajaan negeri)

b) Apakah keuntungan yang diterima oleh kerajaan dan rakyat Selangor hasil pelepasan rezab hutan simpang bagi projek ini

c) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani bantahan (alam sekitar & pencemaran)

JAWAPAN:

a) Seperti umum sedia maklum, projek Lebuhraya SUKE telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 16/2012 pada 2 Mei 2012 dan disahkan oleh MMKN Ke 17/2012 pada 9 Mei 2012. Status semasa pelaksanaan projek ini (dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri sahaja) adalah seperti berikut:

(i) Pelan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan tanah 1960 telah diluluskan dan telah diwartakan pada 23 Julai 2015 untuk Daerah Hulu Langat dan 8 Oktober 2015 untuk Daerah Gombak. Proses perbicaraan untuk pengambilan tanah ini masih dijalankan untuk kedua-dua daerah; dan

(ii) Pewartaan jajaran SUKE dalam Rancangan Tempatan (RT) PBT yang berkaitan iaitu MPAJ dan MPKj telah dibuat iaitu pada 21 Jan 2016 untuk Rancangan Tempatan (RT) MPAJ dan 9 April 2015 untuk Rancangan Tempatan (RT) MPKj.

b) Dalam melaksanakan pembinaan projek lebuhraya ini, terdapat dua (2) kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang terlibat di negeri Selangor iaitu Hutan Simpan Bukit Sungai Putih Selatan dan Hutan Simpan Bukit Sungei Putih Utara. Kawasan HSK yang terlibat adalah masing-masing seluas 24.378 hektar dan 5.604 hektar. Dalam hal ini, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah bersetuju untuk menerima pelan gantian di sebahagian Plot 1 PT 37790 (HSD 161498) di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat yang berkeluasan 101.183 hektar

sebagai gantian tapak HSK yang akan dimajukan. Ini adalah kerana tapak cadangan kawasan gantian ini adalah bersempadanan dengan Hutan Simpan Ulu Langat. Selain itu, kawasan cadangan gantian ini juga mempunyai keluasan melebihi tiga (3) kali ganda besarnya berbanding kawasan yang dipohon. Oleh yang demikian, bukan sahaja Kerajaan Negeri masih dapat mengekalkan sekurang-kurangnya 30 peratus (%) keluasan hutan simpan di negeri ini selaras dengan dasar semasa yang sedang diamalkan bahkan dalam pada masa yang sama meningkatkan jumlah keluasan hutan simpanan Negeri Selangor berbanding sebelumnya.

c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dikehendaki untuk melaksanakan proses Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014 selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 11, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985, sebelum kawasan HSK yang terlibat dikeluarkan daripada HSK yang telah diwartakan di bawah Seksyen 10, Enakmen (Pemakaian) akta yang sama. Bagi menjalankan penyiasatan awam ini, satu notis pemberitahuan dikeluarkan untuk mengemukakan bantahan secara bertulis kepada Pengarah Perhutanan Negeri Selangor mengenai cadangan pemansuhan HSK yang terlibat. Melalui kaedah ini maklum balas daripada orang awam boleh diperolehi mengenai isu-isu yang ingin dibangkitkan seperti risiko banjir dan tanah runtuh serta isu-isu alam sekitar yang lain. Isu-isu yang dibangkitkan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam dan laporan penuh penyiasatan awam mengenai bantahan akan dibentang kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Selain menangani bantahan dari sudut undang-undang, Kerajaan Negeri turut mengarahkan supaya pihak syarikat dengan kerjasama LLM dan juga PBT berkaitan mengadakan sesi taklimat dan dialog dengan penduduk setempat dan meneruskan rundingan berkenaan dari semasa ke semasa supaya penduduk sentiasa dimaklumkan akan setiap *progress* kerja yang dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : GERAI BERGERAK

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah KNS mempunyai rancangan untuk memperluaskan dan menguatkkuasakan konsep perniagaan yang menggunakan kenderaan- Food Truck ?

b) Bilakah sasaran perlaksanaannya?

c) Apakah cadangan untuk membantu perniaga untuk tujuan keseragaman dan memiliki Food Truck ini terutama kepada ushawan golongan rendah?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : KERJASAMA PERSEKUTUAN & NEGERI

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar kerajaan negeri tentang sebarang program dan projek dengan pihak Persekutuan?

b) Senaraikan semua projek dan program usahasama Persekutuan dan Negeri sejak tahun 2008 hingga kini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PEMBINAAN LEBUHRAYA

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar Kerajaan untuk meluluskan pembinaan Lebuhraya yang melibatkan tanah di Selangor?

b) Apakah syarat-syarat ("pre-condition") yang harus syarikat konsesi lebuhraya patuhi sebelum Kerajaan Selangor meluluskan pembinaan lebuhraya?

c) Berapakah kelulusan telah diluluskan dalam tempoh tahun 2008-Mei 2013 dan Jun 2013- kini?

JAWAPAN:

a) Pembinaan lebuhraya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan). Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam hal ehwal tanah dan pengurusan Kerajaan Tempatan (Jadual Kesembilan Senarai II – Senarai Negeri) serta perimbangan kuasa antara Persekutuan dan Negeri dalam hal perancangan bandar dan desa (Jadual Kesembilan Senarai III – Senarai Bersama) .

Berdasarkan peruntukan kuasa yang diberikan, Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2015 bertarikh 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan supaya projek-projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan lebuhraya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek yang berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Sehubungan dengan itu, tatacara yang digunapakai dalam mempertimbangkan dan meluluskan pembinaan lebuhraya di Selangor selepas tarikh tersebut dibuat melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Untuk makluman Y.B. sekalian, pelaksanaan proses rundingan ini dibuat melalui penurunan kuasa oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) kepada Jawatankuasa Teknikal – Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT-JPNS). JKT-JPNS akan menjalankan proses rundingan berdasarkan arahan EXCO-MTES, MMKN dan JPNS. Proses ini membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum dan menyelaras perkara-perkara dasar, peruntukan akta serta syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi sebelum projek berkenaan dilaksanakan. Hasilnya, pembangunan yang dicadangkan akan dilaksanakan berdasarkan kepada perancangan keseluruhan serta memudahkan kerja-kerja penyelarasan fizikal kelak.

Antara perkara-perkara yang diambilkira dalam rundingan adalah seperti berikut:

(i) Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambilkira faktor *zoning*, guna tanah, koridor pembangunan, penjanaan ekonomi, kemudahsampaian, kesan kepada alam sekitar, kesan sosial dan pemilikan tanah; dan

(ii) Pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat teknikal semasa perancangan dan pelaksanaan projek.

Setelah cadangan pembinaan diluluskan dan diperakukan oleh PBN, cadangan pembinaan perlu melalui proses-proses berkaitan dengan pemilikan atau pengambilan balik tanah serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh PBN dari semasa ke semasa.

b) Seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, dasar pembangunan berkualiti rakyat dipeduli akan tetap menjadi teras dalam setiap pembangunan di negeri Selangor. Kerajaan Negeri tidak pernah menolak sebarang pembangunan asalkan hasilnya dapat memberi keselesaan dan dapat dinikmati oleh rakyat. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuhraya di Negeri Selangor dengan syarat-syarat seperti berikut:

(i) Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment* - TIA) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuh raya dan juga penduduk sekitar dengan mengambil kira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;

(ii) Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (*Return Of Investement* - ROI); dan

(iii) Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.

Maka, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;

(ii) Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;

(iii) Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal; dan

(iv) Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (*OSA*).

c) Dalam tempoh bermula tahun 2008 sehingga kini, sebanyak tujuh (7) lebuhraya telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan pembinaannya. Secara umumnya, Kerajaan Negeri hanya memberikan kelulusan secara dasar terhadap jajaran lebuhraya yang dicadangkan, pemantauan ke atas cadangan jajaran untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Tempatan (RT) PBT yang terlibat, kelulusan di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 serta pewartaan jajaran sebagai rizab jalan. Senarai tujuh (7) lebuhraya berkenaan adalah seperti yang dilampirkan.

LAMPIRAN

SENARAI KELULUSAN PEMBINAAN LEBUHRAYA DI NEGERI SELANGOR OLEH KERAJAAN NEGERI

Kelulusan cadangan pembinaan lebuhraya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan). Kerajaan Negeri hanya memberikan kelulusan secara dasar terhadap jajaran lebuhraya yang dicadangkan, pemantauan jajaran dalam Rancangan Tempatan (RT) Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat, kelulusan Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 dan pewartaan jajaran sebagai rizab jalan.

Senarai lebuhraya yang telah diberi kelulusan untuk dilaksanakan pembinaannya di negeri ini sejak tahun 2008 adalah seperti berikut:

1) Lebuhraya Pantai Barat (WCE)

- MMKN Ke 20/2005 yang diadakan pada 30 November 2005 secara dasar bersetuju dengan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE).

2) Lebuhraya Serdang – Kinrara – Putrajaya (SKIP)

- MMKN Ke 14/2012 pada 18 April 2012 dan disahkan oleh MMKN Ke 15/2012 pada 26 April 2012 telah meluluskan secara dasar Projek Penswastaan Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP) dan bersetuju dengan jajaran lebuhraya tersebut.

3) Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH)

- MMKN Ke 15/2012 pada 26 April 2012 dan disahkan oleh MMKN Ke 16/2012 pada 2 Mei 2012 telah bersetuju bagi memasukkan jajaran Lebuhraya DASH ke dalam Pelan Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Untuk itu, pendengaran awam akan diadakan dan dipengerusikan oleh Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- Berdasarkan keputusan MMKN berkenaan, kedua-dua jajaran telah pun dimasukkan dalam Rancangan Tempatan PBT yang berkaitan.

4) Lebuhraya Sg Besi – Ulu Kelang (SUKE)

- MMKN Ke 16/2012 pada 2 Mei 2012 dan disahkan oleh MMKN Ke 17/2012 pada 9 Mei 2012 telah bersetuju dengan Projek Lebuhraya Bertingkat SUKE kerana ia membawa impak positif kepada pembangunan negeri.

5) Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE)

- MMKN Ke 45/2014 pada 19 November 2014 dan disahkan oleh MMKN Ke 47/2014 pada 10 Disember 2014 telah menimbang dan bersetuju dengan jajaran jalan Fasa I Projek EKVE dan diwartakan sebagai Rizab Jalan (lebuhraya) serta hasil rumusan mesyuarat penyelarasan antara agensi yang diselaraskan oleh pihak JPBD Selangor pada 22 September 2014 perlu dipatuhi dalam melaksanakan projek ini.

6) Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX2)

- MMKN Ke 3/2016 pada 20 Januari 2016 dan disahkan oleh MMKN 4/2016 pada 27 Januari 2016 telah bersetuju membenarkan Syarikat Konsesi MEX II memulakan kerja pembinaan di jajaran dalam Daerah Sepang dan Daerah Kuala Langat masing-masing setelah pengosongan tapak setinggan dibuat dan rundingan isu tapak yang menempatkan Rumah Pam diselesaikan.

7) Lebuhraya Paroi-Senawang-KLIA-Salak Tinggi (SKLIA)

- MMKN Ke 7/2016 pada 24 Februari 2016 dan disahkan oleh MMKN Ke 8/2016 pada 2 Mac 2016 bersetuju dan mengesahkan jajaran Lebuhraya SKLIA Fasa 1 dengan penyelarasan penyambungan persimpangan (*interchange*) ke Jalan B48 dari Bandar Salak Tinggi ke Pekan Sepang bersekali dengan cadangan menaik taraf Jalan B48 oleh JKR Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PEMASANGAN KEMUDAHAN LAMPU AWAM JALAN KAMPUNG

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah permohonan telah diterima upen sejak 2014?

b) Berapa dan dimana lokasi telah diluluskan bagi dun meru?

c) Berapa peratuskah telah dibelanjakan bagi kemudahan lampu awam daripada peruntukan kemudahan asas desa tahun 2016?

JAWAPAN:

a) Sejak 2014, pihak UPEN telah menerima permohonan daripada 2 Pejabat Daerah/Tanah sahaja bagi pemasangan kemudahan lampu Jalan Kampung iaitu daripada Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam dan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor sahaja seperti berikut:

BIL.	PEJABAT DAERAH/TANAH	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN	STATUS TERKINI
1.	PDT Sabak Bernam	Cadangan Kerja-Kerja Memasang Sistem Lampu Jalan Solar *Power* L.E.D. Di Jalan Teruna Jaya Parit Baru Daerah Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan	RM32,860.00	Projek ini telah disiapkan menggunakan peruntukan tahun 2016.
2.	PDT Hulu Selangor	Cadangan Kerja-Kerja Pemasangan dan Pendawaian Bagi Lampu Jalan di Sekitar Kampung-Kampung Di Hulu Selangor	RM178,568.00	Projek ini masih menunggu senarai dan *Bill of Quantity* yang lengkap dari Pejabat/Daerahh Tanah Hulu Selangor.

b) Sehingga Julai 2016, pihak UPEN tidak pernah menerima apa-apa permohonan melibatkan pemasangan lampu awam di kawasan DUN Meru.

c) Bagi Bajet Pembangunan tahun 2016, sebanyak RM32,860.00 atau 0.3% telah dibelanjakan untuk pemasangan lampu awam iaitu kepada Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam.

Permohonan pemasangan lampu jalan awam adalah berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui Pejabat Daerah / Tanah sama ada daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan aduan penduduk dan permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Seterusnya, permohonan tersebut akan dinilai melalui permohonan drpd JKKK kepada pihak Pejabat Daerah/Tanah mengikut tahap kritikal/keperluan sesuatu kawasan. Permohonan yang dikemukakan perlu dinilai sewajarnya memandangkan apabila lampu jalan disediakan, Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan tambahan bagi pembayaran bil bulanan. Perancangan Kerajaan Negeri lebih tertumpu kepada projek-projek fizikal yang memberikan impak kepada penduduk luarbandar secara keseluruhan.

Bagi kemudahan lampu awam, Kerajaan Negeri Selangor pada masa kini telah menggariskan beberapa kriteria dan keperluan bagi mencapai hasrat dan objektif tersebut. Kriteria pemasangan lampu jalan awam adalah seperti berikut:

1. **Kawasan *Hotspot*** iaitu kawasan yang mempunyai rekod jenayah tinggi / kemalangan seperti disahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM);

2. Jalan masuk utama ke kawasan kampung, pondok bas, bonggol jalan, dewan, Masjid, surau, rumah ibadat, sekolah dan lain-lain tempat tumpuan awam;

3. Jalan-jalan yang didapati bahaya melibatkan kemalangan seperti selekoh dan persimpangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : RUMAH KERAJAAN PRIHATIN DI NEGERI SELANGOR

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri untuk kenaikan harga syiling rumah kerajaan prihatin?

b) Apakah tindakan kerajaan negeri kepada kontraktor yang gagal menyiapkan pembinaan dalam tempoh yang ditetapkan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : BERIKUTAN DENGAN LAPORAN JABATAN METEOROLOGI BARU-BARU INI

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Negeri Selangor mungkin dilanda LA NINA. Apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor dalam menangani fenomena ini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : TINDAKAN KERAJAAN MEMBANTU RAKYAT TERBEBAN GST

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi membantu rakyat mengatasi beban kewangan rakyat dengan memberi ilmu kepenggunaan yang tinggi?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri prihatin dan peduli tentang rakyat yang terbeban Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) terutamanya golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Sewaktu GST mula diperkenalkan pada tahun 2014, beberapa taklimat kesedaran dan pengenalan GST serta program berkaitan GST telah dilaksanakan bagi mendidik dan memberi penerangan kepada pengguna, peniaga, Pihak Berkuasa Tempatan dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Senarai program dan taklimat yang telah diadakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara	Tempat
1.	1 Julai 2014	Program Taklimat Cukai GST Peringkat Negeri Selangor	Auditorium Bangunan Annex, SUK Selangor
2.	8 Julai 2014	Taklimat GST untuk PBT & Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	Auditorium Bangunan Annex, SUK Selangor
3.	25 Sept 2014	Program Pendaftaran GST untuk PBT & Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	Foyer, Bangunan SUK Selangor

Selain itu, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan bagi mengurangkan beban rakyat, antaranya mengecualikan beberapa cukai melibatkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana iaitu cukai taksiran bagi rumah kos rendah, rumah kampung serta fi lesen penjaja kecil dan pasar malam pada tahun 2016.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan program-program bagi membantu mengurangkan beban rakyat untuk menjalani kehidupan seharian. Sebagai contoh Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan program Jom Shopping kepada individu yang telah dikenalpasti untuk menerima bantuan baucer perayaan sebanyak RM100.00 bagi setiap keluarga yang layak mengikut perayaan kaum.

Kerajaan Negeri juga turut menyediakan bantuan-bantuan lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa tetap Negeri Selangor seperti bantuan peralatan, bina semula atau baik pulih, dana usahawan dan sebagainya kepada golongan yang layak menerima bantuan untuk membantu mereka menjana pendapatan sendiri untuk jangka masa yang panjang.

Manakala, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna pula melaksanakan program pendidikan GST kepada pengguna melalui Program Jelajah Kepenggunaan sejak tahun 2014 lagi di peringkat PBT Negeri Selangor. Program ini melibatkan pelbagai acara seperti ceramah dan kempen-kempen kepenggunaan Negeri Selangor, sesi soal jawab berhubung GST serta pameran dari pelbagai agensi. Program ini turut melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Kastam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Institusi Kewangan dan program-program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor (MES).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : SETIAP TAHUN LEBIH 4,000 ANAK LUAR NIKAH BERDAFTAR DI NEGERI SELANGOR

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan menganjurkan program khas untuk membantu mereka

b) Apakah program yang telah dan sedang dilaksanakan

c) Berapakah peruntukan yang disediakan

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PREMIS PERJUDIAN MESIN SLOT

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri sedar aktiviti perjudian mesin slot dalam kawasan PBT, khasnya di Majlis Daerah Kuala Selangor?

b) Berapakah bilangan premis perjudian tersebut yang telah dikenalpasti dalam kawasan PBT yang berkenaan?

c) Adakah premis-premis berkenaan mempunyai kebenaran beroperasi?

JAWAPAN:

a) Aktiviti perjudian adalah tertakluk di bawah **Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953** yang diguna pakai oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), walau bagaimanapun Majis Daerah Kuala Selangor (MDKS) turut mengambil tindakan mengikut kuasa sedia ada seperti kesalahan tanpa lesen atau melanggar undang-undang bertulis. MDKS boleh mengeluarkan kompaun, notis, sitaan, menutup premis dan pendakwaan di mahkamah.

b) Sebanyak **84 premis** yang disenaraikan oleh pihak Polis.

c) Tiada kebenaran untuk beroperasi dari pihak MDKS.

****Sumber: Majlis Daerah Kuala Selangor*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PENDIDIKAN BELIA DI NEGERI SELANGOR

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan statistik belia-belia Negeri Selangor yang gagal menamatkan pendidikan peringkat rendah dan menengah?

b) Sila nyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh KNS bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya?

c) Sila huraikan apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh KNS?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PERUNTUKAN TANAH-TANAH TERBIAR UNTUK DIJADIKAN PROJEK PERTANIAN OLEH PEBT

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bolehkah melalui PeBT diperuntukkan tanah-tanah terbiar untuk dijadikan projek pertanian fetigasi atau setempat?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-alukan peranan dan pembabitan golongan generasi muda untuk turut sama mengusahakan tanah-tanah pertanian yang terbiar khususnya di dalam penanaman berkonsepkan fertigasi. Sokongan Kerajaan Negeri Selangor ke atas golongan generasi muda tersebut boleh diselaraskan melalui program-program seperti berikut :-

1. Program Agro Generasi Muda (AGROGEMS)
   Program AGROGEMS adalah merupakan satu program yang bertujuan untuk mengenal pasti golongan generasi muda yang telah memulakan projek-projek pertanian dan seterusnya mereka ini akan dibantu dari segi bantuan peralatan ataupun kursus dan latihan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap produktiviti dan kualiti produk manakala bagi yang belum memulakan projek pertanian tetapi berminat akan diberikan pendedahan melalui program seminar dan kursus yang disesuaikan mengikut minat mereka.

2. Program Ladang #SmartSelangor
   Program ini diwujudkan bagi memberikan peluang kepada semua golongan termasuk golongan generasi muda yang berpengalaman, berpengetahuan dan berminat untuk menceburi sektor pertanian tetapi tidak mempunyai tanah atau kawasan yang boleh dimajukan. Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada keluasan kawasan pertanian makanan yang baharu dibuka diperuntukkan kepada golongan generasi muda melalui Program AGROGEMS untuk diusahakan secara berkelompok atau di dalam satu kawasan khas.

6. Program Kebun Komuniti

Program ini diwujudkan bagi memastikan setiap inci tanah milik Kerajaan Negeri Selangor yang terbiar khususnya di kawasan bandar dapat dibangunkan untuk tujuan mengeluarkan hasil tanaman makanan secara berkelompok dengan menggunakan teknologi-teknologi pertanian yang moden sebagai contoh tanaman berkonsepkan fertigasi mamandangkan keluasan tanah khususnya di kawasan bandar amat terhad.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : ZIARAH MEDIK

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah objektif yang ingin dicapai dari ziarah ini ?

b) Siapakah yang terlibat dalam menjayakan program ini?

c) Bagaimana bentuk perlaksanaannya, nyatakan DUN yang telah melaksanakan program ini.

JAWAPAN:

a) Program Ziarah Medik adalah salah satu program yang menunjukkan keprihatinan pihak Kerajaan Negeri terhadap rakyat yang kurang upaya kerana mengalami masalah kesihatan dan menghadapi masalah kewangan. Objektif bagi pelaksanaan program Ziarah Medik adalah aktiviti turun padang bagi mengetahui lebih dekat keadaan dan situasi pesakit-pesakit di Hospital dan mempromosi Bantuan Kesihatan Selangor kepada yang layak. Kerajaan Negeri sedang merangka Program Ziarah Medik rumah ke rumah dengan kerjasama NGO-NGO di kawasan DUN.

b) Program ini melibatkan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan ADUN kawasan serta pengurusan hospital berkenaan.

c) Program ini berbentuk program ziarah ke hospital dan rumah perlindungan atau kebajikan. Pada tahun ini, Program Ziarah Medik telah diadakan ke empat (4) buah Hospital dan sebuah Pusat Jagaan Orang Tua di Negeri Selangor seperti berikut:

a. Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam
b. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
c. Hospital Sungai Buloh, Petaling
d. Hospital Banting, Kuala Langat
e. Pusat Jagaan Titian OKU Nur, Rawang

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah terkini rizab kerajaan negeri Selangor?

b) Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan jumlah rizab?

JAWAPAN:

a), b)

Rizab Negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 Jun 2016 dan 15 Julai 2016 adalah, masing-masing, berjumlah RM3,883.88 juta dan RM3,950.64 juta. Kumpulan Wang Disatukan yang berjumlah RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016 adalah terdiri dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM2,598.08 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,352.56 juta. Kedudukan rizab negeri bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Rizab
	RM Juta
2010	1,586.88
2011	1,944.00
2012	2,619.44
2013	2,907.10
2014	3,200.91
2015	3,258.61

Bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2016, Rizab Negeri pada 15 Julai 2016 telah meningkat sebanyak 21.24% iaitu daripada RM3,258.61 juta pada 31 Disember 2015 kepada RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebihan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1,002.50 juta. Akaun Hasil

Disatukan mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Hasil mengikut penjenisannya adalah seperti berikut:

1) Hasil Cukai – contohnya cukai tanah dengan kutipan sebanyak RM427.03 juta iaitu 90.63% dari Anggaran Hasil 2016;

2) Hasil Bukan Cukai – contohnya Premium Tanah dengan kutipan sebanyak RM974.87 juta iaitu 90.14% dari Anggaran Hasil 2016; dan

3) Terimaan Bukan Hasil – contohnya Pemberian Persekutuan.

Manakala perbelanjaan mengurus sehingga 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM756.45 juta (iaitu 52.53% dari Belanjawan 2016). Kerajaan Negeri tidak dikecualikan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). GST yang dikenakan adalah bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding. Impak pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor adalah di mana jumlah GST yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 berjumlah RM15,737,962.02 dan bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016 berjumlah RM10,195,933.11.

Selain daripada Akaun Hasil Disatukan, komponen Kumpulan Wang Disatukan adalah termasuk Akaun Amanah Disatukan. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Rizab tunai negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang memberi pulangan tetap (*fixed income*) di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Peratusan pulangan hasil simpanan tunai tersebut setiap bulan adalah berdasarkan kadar faedah simpanan tetap dan pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan mengikut tempoh dan jenis (konvensional atau islamik) pelaburan yang dibuat iaitu di antara 3.3% hingga 4.5% setahun bagi tempoh sehingga Julai 2016. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek (STMMD) mulai 01 Januari 2016 sehingga 15 Julai 2016 adalah sebanyak RM49.98 juta. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan STMMD pada tahun 2015 adalah sebanyak RM109.23 juta.

Peningkatan jumlah rizab/Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah disumbangkan oleh faktor-faktor berikut:-

i) peningkatan hasil premium tanah disebabkan oleh pengiraan premium tanah berdasarkan nilai pasaran semasa;

ii) peningkatan cukai hasil hutan disebabkan kenaikan Kadar Royalti Kuari berkuatkuasa 1 November 2014;

iii) peningkatan hasil Caruman Parit disebabkan kenaikan kadar baru Caruman Parit berkuatkuasa 1 Julai 2015;

iv) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

v) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK) sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-

   a) menjejaki pemilik tanah yang berkenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
   b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
   c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
   d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.

vi) Kerajaan Negeri terutamanya melalui PDT sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-

   a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
   b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi PDT di kawasan pedalaman;
   c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
   d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

   Kerajaan Negeri juga telah menambah saluran pembayaran cukai tanah melalui kaunter bergerak.

vii) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah

dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua PDT;

viii) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) PDT iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah;

ix) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-

1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
3) Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperoleh melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah; dan

5) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 yang memberi penjelasan terhadap isu berbangkit berkenaan pelaksanaan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*.

x) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan;

xi) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki;

xii) Pejabat Pemungut Hasil Negeri Selangor juga, dari masa ke masa, akan membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan hasil sedia ada. Sebagai contoh, PTGS kini sedang mengkaji kadar royalti bagi bahan batuan pasir dan menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi mengelakkan ketirisan; dan

xiii) Perbendaharaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri dari masa ke masa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius akan perkembangan ekonomi global dan domestik di Malaysia. Kejatuhan harga komoditi tidak boleh lagi dijadikan alasan penyusutan nilai ringgit dan kegawatan ekonomi. Negara hari ini berdepan dengan krisis keyakinan yang memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Secara umumnya, kejatuhan mata wang ringgit dan kelembapan ekonomi negara menjejaskan ekonomi negeri Selangor dari sudut kuasa beli pengguna dan harga barang yang mempunyai komponen import. Walau bagaimanapun, impak kejatuhan dan kelembapan tersebut adalah minima ke atas prestasi kewangan dan dana yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri disebabkan tiadanya risiko pelaburan luar negara dan instrumen-instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberi kesan negatif secara langsung ke atas kewangan Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan rizab Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Jumlah peruntukan yang akan disediakan pada setiap tahun adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan serta keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November / Disember 2015 telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 bertemakan “Membangun Smart Selangor Yang Peduli” yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik melalui lima strategi iaitu :

1. Menerajui Gagasan Smart Selangor.
2. Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik.
3. Mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli.
4. Memperkukuh Kualiti Pendidikan dan Latihan.
5. Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif.

Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri dikendalikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN YAYASAN SELANGOR

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kedudukan terkini projek pembangunan semula Bangunan Yayasan Selangor di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada masa sekarang?

JAWAPAN:

a) Yayasan Selangor (YS) ketika ini sedang melaksanakan proses “Request for Proposal (RFP)” untuk melaksanakan projek pembangunan semula bagi jangka panjang. Tujuan projek pembangunan ini dapat memberikan Yayasan Selangor pulangan yang lebih tinggi berbanding penyewaan jangka pendek oleh kerana pemaju dapat memaksimakan keuntungan mereka melalui tempoh pajakan yang lebih lama.

   YS telah pun membuka iklan untuk RFP ini pada 4 Julai 2016 melalui laman sesawang dan telah pun mengadakan taklimat /lawatan tapak pada 18 Julai 2016. Pembelian dokumen dibuat pada 25 Julai 2016 dan tarikh tutup untuk cadangan projek pembangunan semula ini pada 5 September 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PENYEDIAAN TANAH TAPAK BALAI POLIS KLANG UTARA

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah telah dirancangkan penyediaan tapak Balai Polis Klang Utara? berapa keluasan?

b) Apakah asas rujukan penyediaan tapak balai dalam pembangunan bandar dan penduduk?

c) Adakah apa-apa inisiatif bagi menempatkan semula Balai Polis Meru diatas tanah yang sesuai?

JAWAPAN:

a) Ya, ada. Berdasarkan pelan lulus susun atur Majlis Bil:MPK/KU83/2007 yang bertarikh 27.6.2013, rizab Balai Polis ada disediakan di Taman Sungai Kapar Indah, Mukim Kapar, Daerah Klang. Rizab Balai berkeluasan 8 ekar.

b) Penyediaan tapak Balai Polis dalam pembangunan Bandar berdasarkan kepada Manual Garis Panduan, Piawaian dan Pembangunan Negeri Selangor (Edisi Kedua) Tahun 2010.

1) Bilangan Penduduk 10,000 – 15,000 : Perlu disediakan 1 Tapak Rizab Balai Polis Bandar berkeluasan 5 – 10 ekar.

Terdapat Tapak Rizab Polis milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan seluas 0.8 ekar di Pekan Meru iaitu bekas tapak Pondok Polis untuk dicadang dan dibina Balai Polis oleh Pihak Kementerian Dalam Negeri bagi kemudahan penduduk di kawasan Meru, Bukit Kapar dan Bukit Raja. Pembinaan Balai di tapak tersebut adalah mendesak merujuk jumlah penduduk yang hampir 100,000 orang Meru dan statistik kes jenayah yang agak ketara yang meningkat dari masa ke semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA ANAK SYARIKAT SELANGOR

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan anak-anak syarikat Selangor dan subsidiarinya.

b) Senaraikan anak-anak syarikat Selangor yang dorman dan apakah tindakan Kerajaan Negeri terharap syarikat-syarikat dorman ini bagi memastikan anak syarikat Selangor bersaing secara kompetitif dan mencapai misi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : MASALAH BAU BUSUK PASAR BASAH MERU KLANG

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan yang telah diambil untuk pastikan bau busuk dan kebersihan pasar-pasar basah Meru Klang diatasi?

JAWAPAN:

a) Tindakan yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Klang untuk mengatasi masalah bau busuk dan kebersihan di pasar – pasar basah Meru adalah seperti berikut:-

1) Menjalankan operasi pemantauan pembersihan berkala untuk memastikan penyewa-penyewa menjaga kebersihan pasar setiap masa.

2) Pembersihan secara harian oleh Kontraktor yang dilantik.

3) Kutipan sampah dalam tong ’roro’ dibuat secara harian dan berjadual.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA ANAK-ANAK SYARIKAT MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan terkini penstrukturan semula anak-anak syarikat Menteri Besar Incorporated (MBI) dan Darul Ehsan Investment Group (DEIG)?

b) Siapakah ahli lembaga pengarah MBI dan DEIG sekarang?

c) Adakah inisiatif penstrukturan semula telah memberi kesan positif kepada MBI secara keseluranhannya?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PRESTASI DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan status dan prestasi terkini DEIG?

b) Bagaimanakah perkembangan DEIG kini dapat dimanfaatkan oleh rakyat?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : GERAI SEMENTARA JUALAN IKAN DI SG HAJI DORANI

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap status gerai sementara tersebut?

b) Benarkah peniaga gerai tersebut telah menerima notis tidak dibenarkan berniaga?

JAWAPAN:

a) Peniaga-peniaga gerai sementara jualan ikan di Sungai Haji Dorani masih dibenarkan beroperasi ditapak sedia ada. Kebenaran merancang dan pelan bangunan bagi pembinaan bazar terbuka hasil laut telah diluluskan di tapak sediada. Cadangan untuk memulakan kerja-kerja di tapak pembinaan masih dalam tindakan pihak pemaju yang dilantik.

b) Pentadbiran Majlis Daerah Sabak Bernam masih belum lagi mengeluarkan sebarang notis arahan pemberhentian perniagaan kepada semua peniaga gerai di kawasan tersebut sehingga satu tarikh yang ditetapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : ASRAMA YAYASAN SELANGOR KAMPUNG PANDAN

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status asrama Yayasan Selangor di Kampung Pandan?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di tanah tersebut?

JAWAPAN:

a) Asrama Yayasan Selangor di Kampong Pandan telah ditutup sepenuhnya bagi memberi laluan kepada projek pembangunan komersil.

b) Pihak pengurusan Yayasan Selangor merancang untuk membangunkan tanah tersebut sebagai pembangunan bercampur yang akan menjana pendapatan yang maksima. Pemilihan pemaju akan dilaksanakan secara tender terbuka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : HAD PERTUMBUHAN PENDUDUK

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Jika semua lot tanah yang belum dibangunkan di bina mengikut zoning yang dibenarkan dalam rancangan tempatan hari ini, berapakah bilangan penduduk yang diunjurkan di kawasan MBPJ, MPSJ dan MPAJ, iaitu 3 PBT yang terpadat di Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PROJEK PERINTIS PUSAT SEHENTI RAWATAN AUTISME

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan status terkini projek tersebut?

b) Nyatakan secara terperinci lokasi dan kos perbelanjaan projek tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap golongan autisme yang mana golongan ini perlu diberikan perhatian yang khusus dalam memupuk kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap keistimewaan mereka. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor dalam Ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2016 yang lalu, sebanyak RM500,000.00 akan diperuntukkan bagi melaksanakan Pusat Didikan Dan Terapi Smart Selangor atau DIDIK Smart Selangor.

Pelaksanaan pusat ini adalah bertujuan menjadi pusat sehenti bagi rawatan autisme yang diharapkan dapat mengurangkan beban keluarga terutama bagi yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri telah menerima beberapa kertas cadangan dan mengadakan lawatan ke premis agensi pelaksana bagi melihat dengan lebih jelas mengenai keberkesanan pengoperasian pusat autisme yang bakal dilaksanakan serta menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri dalam menyediakan prasarana yang boleh menjadi kebanggaan di Negeri Selangor.

Cadangan-cadangan berkenaan kini dalam penelitian Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan sebelum diangkat ke dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Manakala lokasi pusat sehenti ini akan diumumkan kelak apabila telah diluluskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : TANAH PAJAKAN

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan polisi kerajaan terhadap tanah-tanah yang tamat tempoh pajakan 99 tahun?

b) Bagaimanakah proses penilaian semula dibuat?

c) Nyatakan jumlah dan lokasi tanah pajakan semasa mengikut daerah?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PAIP AIR LAMA DI SELANGOR

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan status terkini Program Penggantian Paip Air Lama di Selangor secara terperinci.

b) Nyatakan jumlah kes dan kos penyelenggaraan paip pecah mengikut daerah pada Januari hingga Jun tahun 2016.

c) Nyatakan jumlah 'Zon Pengurusan Tekanan' yang ditubuhkan mengikut daerah.

JAWAPAN:

a) Untuk tahun 2016, kawasan *hotspot* yang telah dikenal pasti untuk daerah Hulu Selangor adalah seperti berikut :
Kawasan : Kg Assam Kumbang
Anggaran bil Penduduk Terlibat : 1,444 orang
Anggaran panjang paip yang akan diganti : 3.47 km

b) Tertakluk kepada peruntukan kewangan untuk penggantian paip air lama daripada Kerajaan Negeri dan PAAB bagi tahun 2017 sehingga 2019, tujuh (7) lagi projek penggantian paip di kawasan *hotspots* Hulu Selangor sedang dirancang untuk pelaksanaan seperti berikut:

Bil.	Kawasan	Panjang (km)
1	Jln Syed Mansor Kuala Kubu Baharu	1.2
2	Kg Genting Permai Batang Kali	2.6
3	Kg Sg Buaya Peringkat 1	2.0
4	Kg Lim Tan Rawang	2.0
5	Jln Besar Kg Keliang	3.0
6	Kg Pasir Putih Kalumpang	5.0
7	Rumah Murah Rasa	1.0
Jumlah		**16.8**

c) Tidak ada sebarang unsur sabotaj yang menyebabkan kejadian paip pecah di kawasan Kuala Kubu Baru. Kejadian paip pecah adalah disebabkan faktor usia paip yang telah lama ataupun disebabkan oleh kecuaian pihak ketiga ketika melakukan kerja berhampiran dengan paip air sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang telah digunakan dan belum digunakan untuk tahun 2016?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan setiap peruntukan yang disalurkan memberi impak kepada rakyat Selangor?

c) Senarai peruntukan MARRIS yang telah digunakan untuk kawasan DUN Jeram?

JAWAPAN:

Dijawab Bersekali dengan Soalan No. 54 dan 140.

a) Seperti mana sedia maklum, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM 600 juta** sebagai Siling Peruntukan MARRIS pada tahun 2016. Dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri juga menimbangkan dan meluluskan siling tambahan bagi membiayai kerja-kerja kecemasan dan kesegeraan yang dibenarkan di bawah skop MARRIS berjumlah **RM 77,550,624.10. Ini menjadikan Siling Kemaskini Peruntukan MARRIS bagi tahun 2016 setakat 15 Julai 2016 sebanyak RM 677,550,624.10.**

b) Berdasarkan rekod, jumlah komitmen/perbelanjaan MARRIS tahun 2016 bagi tempoh sama oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah / Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor adalah sebanyak **RM 287,620,726.58 atau 42.45%** daripada Siling Kemaskini. Jumlah komitmen/perbelanjaan ini mewakili senarai projek yang telah selesai proses perolehan secara sebut harga/tender dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikemuka untuk tuntutan kepada pihak Perbendaharaan Negeri Selangor. Kesemua agensi pelaksana telah melaksanakan tugas dengan proaktif dan komited kepada sasaran Kerajaan Negeri untuk membelanjakan kesemua baki Siling Peruntukan MARRIS tahun 2016 selewat-lewatnya pada 30 September 2016.

(Perincian Kepada Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS Tahun 2016 setakat 15 Julai 2016 ditunjukkan seperti jadual di Lampiran A - helaian berkembar.)

c) Perlu ditekankan di sini, komitmen/perbelanjaan berjumlah **RM 287,620,726.58** yang direkodkan tersebut telah pun sebenarnya mencapai tahap **100.58%** jika dibandingkan dengan jumlah terimaan Geran MARRIS dari Kerajaan Persekutuan setakat 15 Julai 2016 yang berjumlah **RM 285,952,461.77**. Kerajaan Negeri menampung perbezaan atau kurangan yang direkod tersebut menerusi baki Kumpulanwang yang terkumpul. Justeru, bukanlah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk tidak membelanjakan sepenuhnya peruntukan MARRIS. Perkara ini dapat dilihat menerusi statistik perbelanjaan peruntukan MARRIS pada tahun 2014 dan 2015 (**ditunjukkan pada Jadual 1)** yang masing-masing telah melebihi jumlah terimaan sebenar dari Kerajaan Persekutuan.

Jadual 1

Rekod Perbelanjaan Geran MARRIS Berbanding Terimaan Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	% PERBELANJAAN
2014	523,486,773.00	547,484,728.54	104.58
2015	468,774,527.00	644,794,155.82	137.54
2016*	285,952,461.77	287,620,726.58	100.58

* Setakat 15 Julai 2016.

d) Rekod ini dapat dicapai menerusi perancangan yang teliti dan kerjasama yang jtu dari kalangan semua agensi pelaksana yang terlibat. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa berhati-hati dalam peringkat pelaksanaan khususnya dalam memastikan bahawa setiap projek yang dilaksanakan itu benar-benar akan memberi impak kepada rakyat Negeri Selangor. Justeru, beberapa langkah penting telah diambil seperti berikut:-

i. Menyemak senarai kerja yang dikemukakan oleh agensi pelaksana bagi memastikan ianya mematuhi semua skop penyelenggaraan yang dibenarkan di bawah Garis Panduan MARRIS sahaja;

ii. Memantau kualiti kerja menerusi proses ujian *Bitumen Content* dan Ujian *Coring* pada setiap projek turapan semula jalan yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana yang menyelia projek;

iii. Meneruskan pemberian peruntukan sebanyak RM 3 juta setahun mengikut kawasan Dewan Negeri yang disalurkan menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khusus bagi memastikan peruntukan MARRIS dibelanjakan secara menyeluruh;

iv. Selain aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan kerja kecemasan dan kesegeraan seperti keruntuhan jalan dan jambatan yang selaras dengan skop MARRIS.

e) Permintaan Yang Berhormat Jeram untuk mendapatkan senarai peruntukan MARRIS yang telah digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan di kawasan DUN Jeram akan kemukakan secara bertulis.

(Senarai Projek MARRIS DUN Jeram Bagi Tahun 2015 dan 2016 ditunjukkan pada jadual seperti di Lampiran B).

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PERUNTUKAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2016

BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN NEGERI SELANGOR (RM3JUTA / DEWAN NEGERI)

PBT : MAJLIS DAERAK KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	GST (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	Kerja-Kerja Membaiki dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Persiaran 1, Bandar Puncak Alam, Jeram, Daerah Kuala Selangor.	JERAM	500,000.00	375,740.00	22,544.40	398,284.40	101,715.60	FAUZAY ENTERPRISE	23.5.2016	20.6.2016
2	Kerja-Kerja Membaiki dan Menurap Semula Jalan Di Lorong Naluri Sukma 8/18, 8/8A, dan 8/8B, Fasa 2 Bandar Puncak Alam, Jeram, Daerah Kuala Selangor.	JERAM	260,000.00	194,850.00	-	194,850.00	65,150.00	MAJU NGAREP ENTERPRISE	23.5.2016	6.6.2016
3	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Seroja 1/1, Seroja 1/3 dan Seroja 1/5, Saujana Utama, Jeram, Daerah Kuala Selangor	JERAM	180,000.00	143,457.00	8,607.42	152,064.42	27,935.58	TERATAI MAHIR ENTERPRISE	23.5.2016	20.6.2016
4	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Anggerik 3/1, Saujana Utama, Jeram, Daerah Kuala Selangor	JERAM	140,000.00	112,120.00	6,727.20	118,847.20	21,152.80	HASRUL ELEKTRIKAL NIAGA	23.5.2016	4.7.2016
5	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran 1, Saujana Utama, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	80,000.00	67,060.00	4,023.60	71,083.60	8,916.40	SAZA SOLUTION ENTERPRISE	23.5.2016	22.6.2016
6	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran 4, Saujana Utama, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	100,000.00	77,796.00	4,667.76	82,463.76	17,536.24	FASA ELEKTRIKAL ENTERPRISE	23.5.2016	22.6.2016
7	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran Elmina, Saujana Utama, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	120,000.00	92,284.00	5,537.04	97,821.04	22,178.96	SENGGARANG JAYA ENTERPRISE	23.5.2016	4.7.2016
8	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran Puncak Alam 3, Puncak Alam, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	50,000.00	38,900.00	2,334.00	41,234.00	8,766.00	KILAS MUTIARA ENTERPRISE	23.5.2016	22.6.2016
9	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Persiaran Puncak Alam 1, Puncak Alam, Jeram, Selangor Darul Ehsan.	JERAM	100,000.00	85,020.00	-	85,020.00	14,980.00	IRAH ELECTRICAL SERVICES	23.5.2016	20.6.2016
10	Kerja-kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Di Lorong Cakera Purnama 12/29 Dan 12/30, Puncak Alam Fasa 3, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor.	JERAM	300,000.00	266,340.00	15,980.40	282,320.40	17,679.60	INRO ENTERPRISE	23.5.2016	11.7.2016
Jumlah			**1,830,000.00**	**1,453,567.00**	**70,421.82**	**1,523,988.82**	**306,011.18**			
Jumlah Keseluruhan			**1,830,000.00**	**1,453,567.00**	**70,421.82**	**1,523,988.82**	**306,011.18**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 6

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA PROJEK (RM)	GST (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN NALURI SUKMA 8/13, 8/14, 8/15, 8/16, 8/17, DAN 8/18 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	340,000.00	258,500.00	15,510.00	274,010.00	PERNIAGAAN EMZEK	19.10.2015	2.11.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN AZ - ZAHARAH 10/B SERTA MENYELENGGARA TANDA JALAN DAN PERABOT JALAN DI JALAN SINAR ALAM, FASA 2, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	150,000.00	124,850.00	0.00	124,850.00	RENTAK SEKATA ENTERPRISE	19.10.2015	2.11.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MAHKOTA IMPIAN 2/34, 2/35 DAN 2/36, FASA 1, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	100,000.00	74,490.00	4,469.40	78,959.40	IKZA BINA CONSTRUCTION	19.10.2015	2.11.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ALAM SURIA 16/22 HINGGA 16/32, ALAM SURIA, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	300,000.00	244,444.00	0.00	244,444.00	TANJUNG GLOBAL RESOURCES	19.10.2015	16.11.2015
5	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN DAN MENURAP SEMULA JALAN SELENGGARA SALIRAN DI JALAN MASJID SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	200,000.00	146,649.40	0.00	146,649.40	SS TWO CRYSTAL ENTERPRISE	19.10.2015	30.11.2015
6	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN AZ-ZAHARAH 10/2 DAN JALAN AZ-ZAHARAH 10/3, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR	JERAM	90,000.00	48,565.00	0.00	48,565.00	SJM UZMA SDN BHD	19.10.2015	16.11.2015
	JUMLAH	**6**	**1,180,000.00**	**897,498.40**	**19,979.40**	**917,477.80**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 5

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA PROJEK (RM)	GST (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN NALURI SUKMA 8/7, 8/8, 8/9, 8/10, 8/11, DAN 8/12 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	300,000.00	239,250.00	14,355.00	253,605.00	BUDI ABADI TRADING	19.10.2015	16.11.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN SELENGGARA SALIRAN SERTA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN CAKERA PURNAMA 12/1 DAN 12/2 FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	120,000.00	103,160.00	0.00	103,160.00	PERMATA SEJAGAT ENTERPRISE	19.10.2015	21.12.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN CAKERA PURNAMA 12/14, 12/15, 12/16, 12/17, 12/18, 12/19 DAN 12/20 FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	370,000.00	270,570.00	0.00	270,570.00	APELYN ENTERPRISE	19.10.2015	16.11.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN SASARAN, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	300,000.00	246,227.70	14,773.66	261,001.36	WARISAN JERAM ENTERPRISE	19.10.2015	21.12.2015
5	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI LORONG MAHKOTA IMPIAN 2/1, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR	JERAM	80,000.00	71,610.00	4,296.60	75,906.60	HIJRAH LETRIK (SEL) SDN BHD	19.10.2015	16.11.2015
6	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENEBANGAN POKOK TEDUHAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN SERI PERTAMA, SG. BULOH, TAMAN PERMAI DAN TAMAN KENARI, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	JERAM	30,000.00	25,424.04	1,525.44	26,949.48	SEGAK JAYA	26.10.2015	14.12.2015
7	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN SELENGGARA JAMBATAN MOTORSIKAL SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PEKAN SUNGAI BULOH, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	50,000.00	50,110.00	3,006.60	53,116.60	MOHD JAIS SEMAN	19.10.2015	16.11.2015
	JUMLAH	**7**	**1,250,000.00**	**1,006,351.74**	**37,957.30**	**1,044,309.04**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 1

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG GUGUSAN ALAM 7/1, 7/2, 7/3 DAN 7/4 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	210,000.00	177,810.60	10,668.00	188,478.60	ZUFI PESONA	23.4.2015	21.5.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN AZ -ZAHARAH 10/3, LORONG AZ-ZAHARAH 10/8, 10/9, 10/10, 10/11, 10/12, 10/13, 10/14, 10/15 DAN 10/24 SHAH ALAM 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	400,000.00	331,770.00	19,906.20	351,676.20	ZUMY ENGINEERING	23.4.2015	21.5.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG AZ -ZAHARAH 10/1, 10/1A, 10/2, DAN 10/3 SHAH ALAM 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	310,000.00	238,093.30	14,285.60	252,378.90	BAGAN LONA ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ASTANA ALAM 13/1 DAN 13/2 FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	130,000.00	100,060.00	-	100,060.00	ZULKAY ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
5	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG CAKERA PURNAMA 12/12, 12/13, 12/13A HINGGA 12/13G FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	330,000.00	266,715.00	16,002.90	282,717.90	SYARIKAT MUDA JAYA	23.4.2015	21.5.2015
6	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN SENOHONG 1, TAMAN SENOHONG, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	100,000.00	78,420.00	-	78,420.00	PURNAMA LIMA ENT	23.4.2015	21.5.2015
7	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN 1, 2, 3, 5, 7 DAN 7/1 TAMAN SUNGAI SEMBILANG DAN JALAN 1, 2, 3, 5 DAN 5/1 TAMAN SEJAHTERA, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	250,000.00	158,460.00	9,507.60	167,967.60	JAJ AUTO ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
8	KERJA-KERJA MEMBAIKI SISTEM SALIRAN DI SEKITAR PEKAN SUNGAI BULOH JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	150,000.00	121,750.00	7,305.00	129,055.00	INTAN MAHIR ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 1

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
9	KERJA-KERJA MEMBAIKI SISTEM SALIRAN DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN SASARAN, PEKAN SUNGAI BULOH JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	400,000.00	384,888.00	23,093.28	407,981.28	THERATAI ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
	JUMLAH	**9**	**2,280,000.00**	**1,857,966.90**	**100,768.58**	**1,958,735.48**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 1

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
8	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MAHKOTA IMPIAN 2/2, FASA 1 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	400,000.00	315,300.00	-	315,300.00	RSA WARISAN ENTERPRISE	18.5.2015	
9	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI PERSIARAN ALAM PERDANA, TAMAN ALAM PERDANA, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	132,410.00	75,964.00	-	75,964.00	AMAT ELECTRICAL	18.5.2015	
10	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN SEROJA 1/1 DAN JALAN MELATI 1/1, SBCR, SAUJANA UTAMA, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR	JERAM	86,500.00	88,030.00	5,281.80	93,311.80	WARTAPRIMA RESOURCES SDN BHD	18.5.2015	
11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN SEKOLAH PERSIARAN SAUJANA 4, SAUJANA UTAMA, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	55,600.00	49,250.00	2,955.00	52,205.00	KEJURUTERAAN ELEKTRIK MIRATEK	18.5.2015	
	JUMLAH	**4**	**674,510.00**	**528,544.00**	**8,236.80**	**536,780.80**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI & PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 1 (MAKLUMBALAS KUIRI)

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST 6% (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
PERUNTUKAN DEWAN NEGERI									
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG NALURI SUKMA 8/19, 8/20, 8/21, 8/22, 8/23 DAN 8/24 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	210,000.00	175,628.00	10,537.68	186,165.68	FARMER GREEN ENGINEERING	23.4.2015	4.6.2015
2	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG GUGUSAN ALAM 7/20, 7/21 DAN 7/22 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	210,000.00	167,160.00	10,029.60	177,189.60	TUH KRIMUN SDN. BHD	23.4.2015	21.5.2015
3	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG NALURI SUKMA 8/1, 8/2, 8/3, 8/4, 8/5, 8/5A DAN 8/6 FASA 2 BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	270,000.00	203,340.76	12,200.44	215,541.20	PEMBINAAN AL - BARR FITRAH	23.4.2015	7.5.2015
4	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN 1, 2, 3, 5 DAN 7 TAMAN KENARI, SUNGAI BULOH, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	140,000.00	106,230.00	6,373.80	112,603.80	BUMI PERMATA BINA ENTERPRISE	23.4.2015	21.5.2015
	JUMLAH	**4**	**830,000.00**	**652,358.76**	**39,141.52**	**691,500.28**			
PERUNTUKAN PANJANG JALAN									
11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN DC 4/1, JALAN DC 4/3, JALAN DC 4/5 DAN TAPAK PASAR MALAM DESA COALFIELD, BANDAR DESA COALFIELD, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	70,610.00	69,890.00	4,193.40	74,083.40	KEJURUTERAAN ABAD RIA	18.5.2015	15.6.2015
	JUMLAH	**1**	**70,610.00**	**69,890.00**	**4,193.40**	**74,083.40**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 2

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	HARGA SELEPAS GST (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ALAM SURIA 16/1 HINGGA 16/12, ALAM SURIA, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	440,000.00	370,250.00	392,465.00	FARMER GREEN ENGINEERING	10.9.2015	8.10.2015
	JUMLAH	**1**	**440,000.00**	**370,250.00**	**392,465.00**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DEWAN NEGERI
- TUNTUTAN 3

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	HARGA SST (RM)	GST (RM)	HARGA SELEPAS GST (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN WARNASARI 13/1, FASA 3, BANDAR PUNCAK ALAM, JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR.	JERAM	180,000.00	135,900.00	8,154.00	144,054.00	IME PRO ENTERPRISE	10.9.2015	8.10.2015
	JUMLAH	**1**	**180,000.00**	**135,900.00**	**8,154.00**	**144,054.00**			

TUNTUTAN BAYARAN BAGI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2015
BAGI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS) DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN NEGERI DAN BERDASARKAN PANJANG JALAN
- TUNTUTAN 8 (MAKLUMBALAS KUIRI PERAKUAN PERTUKARAN TAJUK PROJEK)

PBT : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL.	TAJUK PROJEK	DUN	HARGA PROJEK (RM)	GST (RM)	HARGA KONTRAK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH MULA KERJA	TARIKH SIAP KERJA
PERUNTUKAN BERDASARKAN PANJANG JALAN								
3	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI PERSIARAN GARDEN SAUJANA UTAMA, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	86,925.00	5,215.50	92,140.50	ELEKTRIK DANDAN BIDARA ENTERPRISE	11.5.2015	8.6.2015
4	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DI JALAN ELMINA 1, 2 & 3, SAUJANA UTAMA , SELANGOR DARUL EHSAN.	JERAM	95,060.00	0.00	95,060.00	AFANDY ELECTRICAL & CONSTRUCTION	18.5.2015	22.6.2015
	JUMLAH	**2**	**181,985.00**	**5,215.50**	**187,200.50**			

LAMPIRAN A

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2016

(SETAKAT 15 JULAI 2016)

BIL.	JABATAN	SILING ASAL (RM)	SILING TAMBAHAN (RM)	SILING KEMASKINI (RM)	PERUNTUKAN TELAH SALUR (RM)	PERUNTUKAN SEDANG DIPROSES (RM)	JUMLAH KOMITMEN/ BELANJA (RM)	PERATUS (%)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	392,000,000.00	76,524,510.18	468,524,510.18	63,478,573.91	130,853,474.71	194,332,048.62	41.47%
2.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor	196,000,000.00	0.00	196,000,000.00	83,278,009.43	0.00	83,278,009.43	42.48%
3.	Pejabat Daerah / Tanah (PDT)	10,000,000.00	1,026,113.92	11,026,113.92	8,532,705.53	0.00	8,532,805.53	77.38%
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor	2,000,000.00	0.00	2,000,000.00	999,093.00	478,870.00	1,477,963.00	73.89%
JUMLAH		**600,000,000.00**	**77,550,624.10**	**677,550,624.10**	**156,288,381.87**	**131,332,344.71**	**287,620,726.58**	**42.45%**

Disediakan oleh:

Bahagian Perolehan & Pengurusan Aset (PPA)
Perbendaharaan Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : SUMBER MINERAL DAN GALIAN NEGERI

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan sumber mineral dan galian Selangor terurus dengan baik?

b) Berapakah jumlah perolehan dari sumber mineral dan galian pada tahun 2015?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan implikasi kewangan terhadap kerajaan negeri dalam melaksanakan program bantuan kesihatan dari tahun 2013 hingga kini.

b) Nyatakan jumlah permohonan bantuan yang telah dilulus dan masih dalam proses bagi tahun 2016.

c) Sejauh manakah penambahbaikan program yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN:

a) Implikasi kewangan terhadap Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Program Bantuan Sihat Selangor dari tahun 2013 hingga 2016 adalah sebanyak RM4,072,927.65. Pecahan mengikut jenis bantuan adalah seperti Jadual 1 yang dilampirkan.

b) Setakat 22 Julai 2016, jumlah permohonan bantuan yang telah diluluskan adalah sebanyak 645 permohonan berjumlah RM1,755,489.10 dan jumlah permohonan yang masih dalam proses adalah sebanyak 30 permohonan.

c) Kerajaan Negeri akan melancarkan satu sistem permohonan online bagi Program Bantuan Sihat Selangor yang akan berkuatkuasa bermula 1 Januari 2017. Sistem ini boleh diakses dari mana-mana yang mempunyai capaian internet sekaligus memudahkan pemohon untuk membuat permohonan dan semakan. Objektif utama sistem ini adalah memudahkan rakyat negeri Selangor untuk berhubung secara terus dengan Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan Gagasan *Smart* Selangor iaitu ke arah mengukuhkan *Digital Open Government.*Program ini akan melibatkan semua Pejabat Ahli Dewan Negeri dalam menjayakan pelaksanaan sistem ini nanti di peringkat masing-masing.

Kerajaan Negeri telah melantik sebanyak 20 buah Panel Dialisis yang akan memberi rawatan kepada pesakit yang mendapat Bantuan Kesihatan Selangor. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri akan menambah sebanyak 80 buah lagi Panel Dialisis bagi menjayakan Program Panel Dialisis Negeri Selangor. Hanya Panel Dialisis yang dilantik sahaja akan menerima Bantuan Kesihatan Selangor. Panel Dialisis ini melibatkan hampir 90% pusat rawatan Dialisis swasta yang terdapat di negeri Selangor.

JUMLAH PERBELANJAAN BAGI PROGRAM BANTUAN KESIHATAN SIHAT SELANGOR DARI TAHUN 2013 – JULAI 2016

JENIS BANTUAN / TAHUN	2013		2014		2015		JAN – JULAI 2016		JUMLAH 2013 – JULAI 2016	
	BIL LULUS	PERUNTUKAN (RM)	BIL LULUS	PERUNTUKAN (RM)	BIL LULUS	PERUNTUKAN (RM)	BIL LULUS	PERUNTUKAN (RM)	BIL LULUS	PERUNTUKAN (RM)
DIALISIS	160	224,181.90	122	253,727.30	250	854,479.00	420	1,290,045.10	952	2,622,433.30
KATARAK MATA	32	17,425.00	25	13,580.00	39	27,266.30	84	64,082.00	180	122,353.30
PEMBEDAHAN KECIL	1	1,361.00	26	73,647.45	17	53,412.00	34	110,963.00	78	239,383.45
KAKI PALSU	**Termasuk di dalam lain-lain rawatan**				13	42,100.00	1	2,000.00	14	44,100.00
LAIN-LAIN RAWATAN	120	323,277.60	57	170,283.60	86	262,697.40	106	228,399.00	369	984,657.60
JUMLAH	**313**	**566,245.50**	**230**	**511,238.35**	**405**	**1,239,954.70**	**645**	**1,755,489.10**	**1,593**	**4,072,927.65**

Jadual 1

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 (LRAL2)

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini LRAL2?

b) Adakah Kerajaan Negeri memantau pembinaan LRAL2?

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali:

1. Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Mengikut perancangan, apabila loji Langat 2 ini siap sepenuhnya (Fasa 1 dan Fasa 2), ia boleh membekalkan air terawat sebanyak 2,260 JLH. Pada ketika ini, kerja-kerja pembinaan adalah hanya untuk Loji Langat 2 Fasa 1 yang dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2019 dengan pengeluaran air terawat berkapasiti 1,130 JLH. Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan kelulusan untuk pelaksanaan projek Langat 2 ini.

2. Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh dari Pengurusan aset Air Berhad (PAAB), pembinaan Loji Rawatan Air Fasa 1 melibatkan 18 pakej kerja. Satu pakej telah siap pembinaannya iaitu Pakej 1A (Paip Air Terawat dari Loji Rawatan ke Kolam Air Imbangan Bkt Enggang). Manakala 8 pakej kerja berikut telah mula kerja-kerja fizikal di tapak, iaitu:-

i.	Pakej 1B	Air Mentah
ii.	Pakej 2A	Loji Rawatan Langat 2
iii.	Pakej 4	Kolam Air Imbangan Bkt Enggang
iv.	Pakej 5	Paip Air Terawat ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat & Kolam Sediada Hulu Langat
v.	Pakej 6	Paip Air Terawat dari Kolam Air Ampang ke Kolam Air AU3 (Koridor Utara)

vi.	Pakej 9	Kolam Air AU3
vii.	Pakej 10	Paip Air Terawat dari Kolam Air Imbangan Bkt Enggang ke Sg. Besi (paip koridor barat)
viii.	Pakej 11	Paip Air Terawat dari Sg. Besi ke Puchong (paip koridor barat)

3 pakej lagi telah selesai dengan pelantikan kontraktor tetapi masih dalam proses menyerahkan tapak bina iaitu:-

i.	Pakej 7	Kolam Air Imbangan Hulu Langat
ii.	Pakej 12	Kolam Air Sg. Besi
iii.	Pakej 13	Kolam Air Bkt Jalil

Dan 6 pakej kerja masih dalam peringkat kajian reka bentuk dan siasatan tanah. Pakej-pakej itu adalah seperti berikut:-

i.	Pakej 2B	Kuaters Pekerja
ii.	Pakej 3	Perlupusan Enapcemar
iii.	Pakej 6A	Terowong Koridor Utara
iv.	Pakej 8	Kolam Air Ampang
v.	Pakej 14	Kolam Air Petaling
vi.	Pakej 15	*Interconnection*

3. Secara keseluruhannya, kemajuan fizikal di tapak adalah 49% berbanding yang dijadualkan sebanyak 56%.

4. Memandangkan Projek Langat 2 belum siap untuk dioperasikan, belum ada air mentah yang disalurkan ke Langat 2 untuk pemprosesan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : MASALAH LONGKANG DAN PERPARITAN

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mempastikan kekotoran longkang longkang dan parit parit dalam kawasan PBT dapat dibersihkan.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : BANTUAN PERSEKOLAHAN

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada semua SAR, SJKC dan SJKT sejak 2009 mengikut DUN masing-masing

b) Jelaskan mekanisme pembahagian peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman YB Balakong, senarai setiap jumlah peruntukan untuk setiap DUN bagi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) adalah terlalu banyak untuk saya bacakan di sini seperti di Lampiran A.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada SAR, SJKC dan SJKT di 56 DUN daripada tahun 2009 sehingga 2015 adalah sebanyak RM100,955,661.80 juta. Bagi tahun 2016 sehingga 30 Jun pula, pecahan peruntukan yang diterima bagi tiga kategori sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	SAR (RM)	SJKC (RM)	SJKT (RM)	Jumlah
8.	2016 (Jun)	4,000,000.00	2,560,000.00	3,585,000.00	10,325,000.00

b) Mekanisme pembahagian peruntukan Program Bantuan Sekolah akan melalui empat peringkat seperti berikut:

(i) Peringkat pertama, permohonan oleh pihak sekolah kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan menyertakan butiran permohonan dan dokumen yang lengkap serta telah disokong oleh Pejabat Dun masing-masing.

(ii) Peringkat kedua, semua permohonan akan dibentangkan di dalam mesyuarat penilaian bantuan sekolah yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan dihadiri oleh Ahli Dewan Negeri atau Pegawai Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat bagi setiap kawasan Dewan Negeri. Mesyuarat ini dilaksanakan untuk mendapatkan input terperinci berkenaan permohonan yang di buat oleh sekolah-sekolah di kawasan masing-masing;

(iii) Peringkat ketiga, proses penilaian dan pertimbangan kelulusan agihan bantuan sekolah akan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan bersama pegawai-pegawai lain dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- rekod penerimaan bantuan pada tahun-tahun sebelumnya;
- jumlah pelajar dan guru;
- keadaan kewangan sekolah; dan

keadaan infrastruktur sekolah

(iv) Peringkat akhir adalah agihan bantuan di dalam bentuk cek melalui majlis agihan atau pejabat Ahli Dewan Negeri dan Pusat Khidmat Masyarakat.

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN SJKC 2009-2016			
BIL	DUN		JUMLAH (RM)
1	**N01**	Sg. Air Tawar	405,000.00
2	**N02**	Sabak	300000.00
3	**N03**	Sungai Panjang	170000.00
4	**N04**	Sekinchan	485000.00
5	**N05**	Hulu Bernam	120000.00
6	**N06**	Kuala Kubu Bharu	605000.00
7	**N07**	Batang Kali	340000.00
8	**N08**	Sg. Burong	304000.00
9	**N09**	Permatang	190000.00
10	**N10**	Bukit Melawati	225000.00
11	**N11**	Ijok	160000.00
12	**N12**	Jeram	375000.00
13	**N13**	Kuang	31000.00
14	**N14**	Rawang	150,000.00
15	**N15**	Taman Templer	210000.00
16	**N16**	Batu Caves	170000.00
17	**N17**	Gombak Setia	-
18	**N18**	Hulu Kelang	-
19	**N19**	Bukit Antarabangsa	80000.00
20	**N20**	Lembah Jaya	20000.00
21	**N21**	Cempaka	50000.00
22	**N22**	Teratai	
23	**N23**	Dusun Tua	300000.00
24	**N24**	Semenyih	370000.00
25	**N25**	Kajang	240000.00
26	**N26**	Bangi	290000.00
27	**N27**	Balakong	310000.00
28	**N28**	Seri Kembangan	60000.00
29	**N29**	Seri Serdang	680000.00
30	**N30**	Kinrara	70000.00
31	**N31**	Subang Jaya	197500.00

32	**N32**	Seri Setia	-
33	**N33**	Taman Medan	490000.00
34	**N34**	Bukit Gasing	-
35	**N35**	Kampung Tunku	60000.00
36	**N36**	Damansara Utama	371000.00
37	**N37**	Bukit Lanjan	665700.00
38	**N38**	Paya Jaras	10000.00
39	**N39**	Kota Damansara	240000.00
40	**N40**	Kota Anggerik	20000.00
41	**N41**	Batu Tiga	160000.00
42	**N42**	Meru	750000.00
43	**N43**	Sementa	240000.00
44	**N44**	Sg. Pinang	-
45	**N45**	Selat Klang	845000.00
46	**N46**	Pelabuhan klang	370000.00
47	**N47**	Pandamaran	625000.00
48	**N48**	Kota Alam Shah	120000.00
49	**N49**	Seri Andalas	490000.00
50	**N50**	Sri Muda	566000.00
51	**N51**	Sijangkang	185000.00
52	**N52**	Teluk Datuk	420000.00
53	**N53**	Morib	280000.00
54	**N54**	Tg. Sepat	95000.00
55	**N55**	Dengkil	465000.00
56	**N56**	Sungai Pelek	550000.00

PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN SJKT 2009-2016			
BIL	**DUN**		**JUMLAH (RM)**
1	**N01**	Sg. Air Tawar	30,000.00
2	**N02**	Sabak	107500.00
3	**N03**	Sungai Panjang	-
4	**N04**	Sekinchan	91000000.00
5	**N05**	Hulu Bernam	846380.00
6	**N06**	Kuala Kubu Bharu	654980.00
7	**N07**	Batang Kali	423928.00
8	**N08**	Sg. Burong	180000.00
9	**N09**	Permatang	1343360.00
10	**N10**	Bukit Melawati	904580.00
11	**N11**	Ijok	571650.00
12	**N12**	Jeram	333390.00
13	**N13**	Kuang	356714.00
14	**N14**	Rawang	337,584.00
15	**N15**	Taman Templer	-
16	**N16**	Batu Caves	192.580.00
17	**N17**	Gombak Setia	-
18	**N18**	Hulu Kelang	117889.00
19	**N19**	Bukit Antarabangsa	90.000.00
20	**N20**	Lembah Jaya	-
21	**N21**	Cempaka	-
22	**N22**	Teratai	-
23	**N23**	Dusun Tua	-
24	**N24**	Semenyih	769423.00
25	**N25**	Kajang	283000.00
26	**N26**	Bangi	351250,00
27	**N27**	Balakong	-
28	**N28**	Seri Kembangan	15000.00
29	**N29**	Seri Serdang	459800.00
30	**N30**	Kinrara	314480.00
31	**N31**	Subang Jaya	408254.00
32	**N32**	Seri Setia	393364.00

33	**N33**	Taman Medan	50000.00
34	**N34**	Bukit Gasing	222440.00
35	**N35**	Kampung Tunku	-
36	**N36**	Damansara Utama	-
37	**N37**	Bukit Lanjan	175000.00
38	**N38**	Paya Jaras	105000.00
39	**N39**	Kota Damansara	627050.00
40	**N40**	Kota Anggerik	374480.00
41	**N41**	Batu Tiga	265500,00
42	**N42**	Meru	628700.00
43	**N43**	Sementa	689634.00
44	**N44**	Sg. Pinang	100000.00
45	**N45**	Selat Klang	266623.00
46	**N46**	Pelabuhan klang	505685.00
47	**N47**	Pandamaran	233100.00
48	**N48**	Kota Alam Shah	-
49	**N49**	Seri Andalas	473894.00
50	**N50**	Sri Muda	617200.00
51	**N51**	Sijangkang	475753.00
52	**N52**	Teluk Datuk	817350.00
53	**N53**	Morib	542920.00
54	**N54**	Tg. Sepat	421480.00
55	**N55**	Dengkil	655426.00
56	**N56**	Sungai Pelek	1087350.00

BANTUAN PENDIDIKAN SAR 2009-2016			
BIL	**DUN**		**JUMLAH (RM)**
1	**N01**	Sg. Air Tawar	352,000.00
2	**N02**	Sabak	10,972,72.00
3	**N03**	Sungai Panjang	228,000.00
4	**N04**	Sekinchan	-
5	**N05**	Hulu Bernam	16,200.00
6	**N06**	Kuala Kubu Bharu	40,000.00
7	**N07**	Batang Kali	54,530.00
8	**N08**	Sg. Burong	1,945,000.00
9	**N09**	Permatang	60,000.00
10	**N10**	Bukit Melawati	148,000.00
11	**N11**	Ijok	120,000.00
12	**N12**	Jeram	593000.00
13	**N13**	Kuang	203000.00
14	**N14**	Rawang	15,000.00
15	**N15**	Taman Templer	202,000.00
16	**N16**	Batu Caves	593,000.00
17	**N17**	Gombak Setia	108,800.00
18	**N18**	Hulu Kelang	1,372,150.00
19	**N19**	Bukit Antarabangsa	40,000.00
20	**N20**	Lembah Jaya	608,000.00
21	**N21**	Cempaka	195,000.00
22	**N22**	Teratai	173,000.00
23	**N23**	Dusun Tua	528,000.00
24	**N24**	Semenyih	185,000.00
25	**N25**	Kajang	639,000.00
26	**N26**	Bangi	1,369,000.00
27	**N27**	Balakong	460,000.00
28	**N28**	Seri Kembangan	15,000.00
29	**N29**	Seri Serdang	1,397,000.00
30	**N30**	Kinrara	293,000.00
31	**N31**	Subang Jaya	497,000.00
32	**N32**	Seri Setia	293,000.00
33	**N33**	Taman Medan	663,000.00
34	**N34**	Bukit Gasing	10,000.00
35	**N35**	Kampung Tunku	30,000.00
36	**N36**	Damansara Utama	15,000.00

37	**N37**	Bukit Lanjan	2,109,000.00
38	**N38**	Paya Jaras	2,294,000.00
39	**N39**	Kota Damansara	527,100.00
40	**N40**	Kota Anggerik	133,100.00
41	**N41**	Batu Tiga	255,000.00
42	**N42**	Meru	1,265,000.00
43	**N43**	Sementa	531,000.00
44	**N44**	Sg. Pinang	254,000.00
45	**N45**	Selat Klang	7,274,000.00
46	**N46**	Pelabuhan klang	515,000.00
47	**N47**	Pandamaran	1,050,00.00
48	**N48**	Kota Alam Shah	85,000.00
49	**N49**	Seri Andalas	130,000.00
50	**N50**	Sri Muda	1,164,000.00
51	**N51**	Sijangkang	1,305,000.00
52	**N52**	Teluk Datuk	235,000.00
53	**N53**	Morib	25,000.00
54	**N54**	Tg. Sepat	4,550,000.00
55	**N55**	Dengkil	421,200.00
56	**N56**	Sungai Pelek	70,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT NEGERI

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan prestasi semasa setiap anak syarikat negeri tahun 2016?

b) Apakah KPI setiap anak syarikat ini bagi tahun 2016?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pengiktirafan UEC di UNISEL?

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memperluaskan pengiktirafan UEC ke institusi pendidikan yang lain?

JAWAPAN:

a), b)

UNISEL telah memohon kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) berkaitan tambahan syarat kemasukan menggunakan sijil UEC bagi kursus pengajian pada 21 April 2016. Berdasarkan maklum balas KPT bertarikh 20 Julai 2016, permohonan tersebut masih dalam proses pertimbangan dan sebaran keputusan akan dimaklumkan kemudian.

Selain UNISEL, institusi di bawah Kerajaan Negeri iaitu KUIS dan INPENS telah menerima kemasukan pelajar yang mempunyai sijil UEC untuk melanjutkan pengajian di kedua-dua institusi tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : INSENTIF KEPADA SEKTOR SWASTA YANG BEKERJSAMA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PENDUDUK SELANGOR

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan memberi sebarang insentif kepada pihak swasta yang memberi sumbangan (dalam bentuk kewangan atau barang keperluan) kepada penduduk Selangor?

b) Apakah insentif berkenaan?

JAWAPAN:

a) Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang insentif yang khusus kepada pihak swasta yang memberi sumbangan (dalam bentuk kewangan atau barang keperluan) kepada penduduk di Selangor.

Walau bagaimanapun, syarikat swasta yang terlibat dalam memberi sumbangan secara langsung (sumbangan wang tunai) kepada Kerajaan Negeri boleh memohon pengecualian/penolakan cukai atas perbelanjaan bagi cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri selaras dengan Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan mengemukakan resit rasmi Kerajaan sebagai dokumen sokongan.

b) Tidak berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mohon senaraikan tarikh dan lokasi semua gangguan bekalan air yang berlaku di Selangor pada tahun 2016 mengikut daerah

b) Apakah kaedah notis atau pemberitahuan kepada pengguna berkaitan berlakunya gangguan air

c) Apakah perkembangan pentadbiran terkini Air Selangor yang menggantikan Syabas

JAWAPAN:

a) dan b) dijawab bersekali:

1. Tahun 2016 telah mencatatkan pengaktifan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) sebanyak 14 kes disebabkan oleh gangguan bekalan air. Senarai lengkap lokasi, tarikh dan tempoh gangguan bekalan air yang berlaku di Selangor pada tahun 2016 adalah seperti di Lampiran 1.

2. Sekiranya Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) diaktifkan, SYABAS akan memaklumkan kepada Kementerian KETTHA, Pejabat Menteri Besar, Pejabat SUK, SPAN, PBT dan agensi kerajaan lain. Seterusnya SYABAS akan menyediakan Kenyataan Media berkenaan dengan gangguan bekalan air yang berlaku dan kawasan-kawasan gangguan kepada media massa untuk pemakluman kepada semua pembaca/pengguna yang terlibat. Untuk kemudahan pengguna air di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, selain daripada talian bebas tol PUSPEL (1 800 88 5252), SYABAS telah menyediakan beberapa medium saluran maklumat yang boleh diakses terus oleh pengguna dengan mudah dan pantas untuk mendapatkan maklumat / status semasa gangguan yang berlaku seperti aplikasi telefon bimbit "mySYABAS", laman web www.syabas.com.my, Facebook atau Twitter SYABAS. Selain daripada itu, SYABAS juga telah mewujudkan kumpulan dalam "Whatsapp" untuk memaklumkan kepada ahli-ahli yang berkenaan.

3. SYABAS dari masa ke semasa akan sentiasa mengemas kini maklumat-maklumat berkenaan dengan status semasa gangguan bekalan air yang berlaku, status kerja-kerja pembaikan semasa (jika berkenaan), tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan serta lain-lain informasi yang berguna kepada pengguna.

c) SYABAS, PNSB Water, ABASS dan KASB buat masa ini diurus oleh Pasukan Pengurusan Kanan Air Selangor. Anak-anak syarikat Air Selangor diurus sebagai satu kumpulan dengan warga kerja disatukan sedemikian supaya kumpulan boleh menyampaikan tahap perkhidmatan yang tertinggi kepada pelanggan.

LAMPIRAN 1

BIL.	WILAYAH	KES / KRISIS	PENGESAHAN NOTIS MAKLUMAN ERP	PENGAKTIFAN (MASA/ TARIKH)	PENUTUPAN (MASA/ TARIKH)	TEMPOH PENGAKTIFAN (JAM)
1	KUALA LUMPUR	PENURUNAN PARAS KOLAM YANG DISEBABKAN KEROSAKAN ALTITUD VALVE DI BUKIT PETALING	5-Jan-2016	5-1-16 11:30	6-1-16 11:30	24
2	KLANG	PAIP HDPE 250MM BOCOR DI SG. LIMA PULAU KETAM SERTA MISI PENGHANTARAN BANTUAN AIR KECEMASAN	8-Jan-2016	8-1-16 21:00	14-1-16 15:00	138
3	KUALA LANGAT	PENUTUPAN LOJI RAWATAN AIR BUKIT TAMPOI KERANA PENCEMARAN MAGNESE	9-Jan-2016	9-1-16 18:00	17-01-16 9:30	183.5
4	KLANG	MASALAH KOLAM UTAMA JELUTONG U8 & KOLAM HICOM	11-Jan-2016	11-1-16 18:00	12-01-16 17:00	23
5	HULU LANGAT	HENTITUGAS LRA CHERAS BATU 11 EKORAN PENCEMARAN AIR MENTAH (PERLANGGARAN AMMONIA DAN MANGAN)	14-Jan-2016	14-1-16 15:00	17-01-16 9:30	66.5
6	KUALA LANGAT	MASALAH GANGGUAN BEKALAN AIR DI KAWASAN SIJANGKANG YANG MENERIMA BEKALAN AIR DARI KOLAM AIR LIPAT KAJANG	19-Jan-2016	19-01-16 9:30	20-01-16 9:30	24
7	KUALA LUMPUR & HULU LANGAT	PENAMBAHBAIKAN KECEKAPAN SISTEM RAWATAN AIR DENGAN MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP BOCOR DI DALAM LRA SUNGAI LANGAT	28-Jan-2016	28-01-16 9:00	28-01-16 19:00	10
8	HULU LANGAT	HENTITUGAS LRA CHERAS BATU 11 EKORAN PENCEMARAN AIR MENTAH (PERLANGGARAN AMMONIA)	31-Jan-2016	31-01-16 18:00	03-02-16 18:00	72
9	KUALA LANGAT	PENUTUPAN LOJI RAWATAN AIR BUKIT TAMPOI KERANA PENCEMARAN AMMONIA	18-Feb-2016	18-2-16 18:00	05-03-16 8:30	374.5
10	HULU LANGAT	HENTITUGAS LRA CHERAS BATU 11 EKORAN PENCEMARAN AIR MENTAH DI SUNGAI LANGAT	21-Feb-2016	21-02-16 8:00	24-02-16 8:30	72.5
11	HULU LANGAT	PENUTUPAN SEMENTARA LRA SUNGAI LANGAT EKORAN PENCEMARAN BAU AIR MENTAH DI SUNGAI LANGAT	27-Feb-2016	27-02-16 15:00	29-02-16 8:30	41.5
12	HULU LANGAT	PENURUNAN PARAS KOLAM CHERAS HIGH LEVEL DAN KOLAM TERMINAL BANGI DISEBABKAN PERMINTAAN BEKALAN AIR YANG TINGGI	1-Apr-2016	31-03-16 20:00	28-04-16 9:30	661.5
13	HULU SELANGOR	PENGURANGAN PENGELUARAN LRA SELISEK	4-Apr-2016	04-04-16 9:00	13-04-16 17:00	224
14	KUALA LUMPUR	MASALAH TEKNIKAL DI RUMAH PAM KEPONG ESTATE	7-Apr-2016	06-04-16 14:00	07-04-16 17:30	27.5

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : TANAH PKPS SUNGAI TENGAR UTARA,SABAK BERNAM

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status tanah tersebut selepas diteroka dan dibiarkan semak-samun?

b) Berapakah kos yang telah dilaburkan di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PERUBAHAN CUACA YANG SEMAKIN PANAS DI NEGARA KITA

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan Negeri Selangor memberi insentif kepada pemaju Yang berupaya melaksanakan projek perumahan "Go Green" ?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum memberikan sebarang insentif kepada pemaju yang berupaya melaksanakan projek perumahan *Go Green* secara menyeluruh di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang memberikan insentif secara langsung kepada pemaju yang melaksanakan projek *Go Green / Green Building* di kawasan pentadbiran masing-masing. Misalnya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang memberikan insentif kepada pemaju seperti berikut :-

i) Penyediaan *perimeter planting* di mana penyediaan 2 meter *perimeter planting* diambilkira dalam 6 meter anjakan bangunan.

ii) Pematuhan Dasar “Best Planning Practice” – Penyediaan kawasan lapang – 1,000 orang / 2 hektar di mana pencapaian minima 60% untuk membolehkan pertimbangan Kebenaran Merancang (KM) dibuat.

iii) Pertimbangan untuk menaikkan densiti pembangunan mengikut kesesuaian lokasi.

iv) Pertimbangan untuk menaikkan plot ratio pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat puan juga, terdapat projek yang pertama mendapat pengiktiran *1st Malaysia In Green Building Index Certified Affardable Homes* iaitu projek Rumah Selangorku di Puchong Utama, Subang Jaya yang dibangunkan oleh Tetuan Hillcrest Gerden Sdn. Bhd.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : DANA TABUNG AMANAH NEGERI SELANGOR

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tujuan dan fungsi tabung amanah diwujudkan?

b) Berapakah jumlah dana dan peruntukan yang diterima setiap tahun?

c) Siapakah yang bertanggungjawab menguruskan dana dan pengangihan?

JAWAPAN:

a) Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966;
ii) Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam Negeri, Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Dewan Negeri Selangor dan Badan Berkanun Negeri;
iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu; dan
iv) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ditubuhkan di bawah Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara.

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957.

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit am merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

b) Jumlah dana dan peruntukan yang diterima pada setiap tahun adalah tidak sama. Bagi tahun 2015, dana dan peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM1,882.25. Perincian seperti di Lampiran 1.

c) Pengurusan dana dan pengagihan Akaun Amanah dilaksanakan oleh setiap Pegawai Pengawal mengikut jenis dan tujuan Akaun Amanah.

LAMPIRAN 1

Perihal	Dana Terimaan / Peruntukan RM Juta	Catatan
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN		
Kumpulan Wang Pembangunan	1,023.29	i) Pinjaman Persekutuan – RM99.68 juta; ii) Caruman Kerajaan Negeri – RM907.66 juta; iii) Pemberian Persekutuan – RM15.95 juta
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	-	Tiada tambahan caruman
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	547.11	i) Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan-badan Berkanun dan Badan Lain – Caruman Kerajaan Negeri : RM15.42 juta; ii) Terimaan bagi Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM470.58. iii) Tabung Warisan Negeri Selangor – RM50.58 juta iv) Tabung Amanah Bencana Alam – RM10.53 juta
Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	8.82	i) Caruman Kerajaan Negeri – RM4.78 juta; ii) Ses Kayu Balak – RM4.04
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM		
Kumpulan Wang Amanah Awam	308.03	Jumlah termasuk terimaan peruntukan oleh sesuatu Jabatan daripada Jabatan yang mengawal selia Akaun Amanah.

LAMPIRAN 2

Perihal	Pengurusan
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	
Kumpulan Wang Pembangunan	Pengurusan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor berdasarkan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	Pengurusan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil 1 Tahun 2016
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	Pengurusan berdasarkan Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan Enakmen yang berkaitan.
Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	Pengurusan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor berdasarkan Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara.
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	
Kumpulan Wang Amanah Awam	Pengurusan oleh Pegawai Pengawal dan Jawatankuasa Pentadbir Akaun Amanah berdasarkan Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan Pekeliling Perbendaharaan WP10.4 – Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957.
AKAUN DEPOSIT	
Akaun Deposit	Pengurusan Akaun Deposit adalah berdasarkan peruntukan Arahan Perbendaharaan. Akaun Deposit hendaklah dibuka mengikut jenis deposit yang diterima. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab atas penyenggaraan betul akaun deposit di bawah jagaannya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : INDUSTRI AERO ANGKASA

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk menjayakan industri ini di Selangor?

b) Nyatakan secara terperinci syarikat dan alamat yang mempergiatkan industri aero angkasa di Selangor?

c) Berapakah jumlah pelaburan industri aero angkasa pada tahun 2015?

JAWAPAN:

a) Bagi menjayakan industri Aero Angkasa di Selangor, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **Majlis Aeroangkasa Selangor Atau '*Selangor Aerospace Council*** untuk memacu dan memperkasakan industri aero angkasa di Negeri Selangor sebagai salah satu industri yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi negeri dan menjadikan Selangor sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia.

Majlis Aeroangkasa Selangor Atau '*Selangor Aerospace Council* berperanan untuk;-

i. Menentukan halatuju industri Aero Angkasa Smart Selangor.
ii. Menentukan bidang-bidang industri Aero Angkasa yang perlu diberi keutamaan.
iii. Merancang polisi pembangunan modal insan di dalam industri Aero Angkasa di Negeri Selangor
iv. Merancang dan membentuk Smart Selangor Aerospace Blueprint & Action Plan.
v. Merancang, membentuk serta melengkapkan satu ekosistem untuk industri aeroangkasa yang berdayasaing di Sepang, Subang dan Serendah.
vi. Memantau dan memberi fokus pelaburan masuk dari sektor aeroangkasa yang memberi impak kepada negeri Selangor

Matlamat & Misi Majlis Aeroangkasa Selangor:

i. Membangunkan Selangor sebagai hab pelaburan industri aeroangkasa di rantau Asia Pasifik.

ii. Mempertingkatkan ekosistem dan pelaburan dari sektor aeroangkasa di Selangor.

iii. Menjana peluang pekerjaan, pemindahan teknologi tinggi dan penubuhan institusi serta pusat latihan bertaraf dunia khusus untuk sektor aeroangkasa di Selangor.

iv. Menarik pelaburan langsung asing dan juga tempatan ke negeri Selangor dalam sektor berkenaan.

Bidang Kerja Utama Majlis Aeroangkasa Selangor:

i. Memberi penekanan dari aspek pembangunan industri aeroangkasa di negeri Selangor merangkumi seluruh ekosistem yang berkaitan.
ii. Memberi penekanan terhadap pembangunan negeri Selangor sebagai Hab Aeroangkasa di rantau Asia Pasifik.

b) Antara syarikat yang terlibat dalam industri Aero Angkasa di Selangor adalah seperti berikut;-

Bil.	Nama Syarikat	Alamat syarikat
1.	Ge Engine Services Malaysia Sdn. Bhd.	Mas Complex A-AA 1802, Sultan Abdul Aziz Shah Airport, 47200 Subang, Selangor
2.	Spirit Aerosystems Malaysia Sdn. Bhd.	Pusat Aero Angkasa Antarabangsa Malaysia, Jalan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47200 Subang Selangor
3.	Sepang Aircraft Engineering Sdn. Bhd.	Lot PT 16 Jalan Klia S7, Southern Support Zone,

		Kuala Lumpur International Airport, 64000 Sepang, Selangor
4.	Umw Aerospace Sdn. Bhd.	Lot 29138, Mukim Bandar Serendah, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan
5.	Upeca Aerotech Sdn Bhd	Lot 2-22, Jalan Su 6A, Lion Industrial Park, Section 22, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
6.	Airfoils Services Sdn Bhd	No 12, Jalan Teknologi, Selangor Science Park 1, Kota Damansara, PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor
7.	SME Aerospace Sdn Bhd	Lot 14643, 47000 Sungai Buloh, Selangor
8.	Blue Lines Sdn Bhd	Skypark Regional Aviation Centre Hangar A Jalan Riyal U3/36, Bukit Jelutong Industrial Park, 40150 Shah Alam, Selangor
9.	Aerex Sdn Bhd	No 7, Jalan Permai 1J, Kota Pandamar, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan

10.	Muhibbah Airline Support Industries Sdn Bhd	Lot 586 & 579, 2nd Mile, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan
11.	Hamilton Standard Customer Support Centre	9 Lengkok Kululi 2, Bukit Raja Industrial Estate, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.

c) Bagi tahun 2015 sebanyak **3 projek perkilangan** dalam industri aero angkasa telah diluluskan oleh *Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)* di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 352,633,600**

** Sumber : Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan projek PKPS yang mencatat keuntungan dan kerugian sejak 2013-2015.

b) Sila senaraikan jumlah pendapatan Ladang Kelapa Sawit PKPS sejak 2013-2015

c) Sila nyatakan perancangan PKPS untuk 5 tahun akan datang dalam usaha menjana sektor pertanian Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : KUTIPAN ZAKAT DI SELANGOR

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kutipan zakat di Selangor sehingga Julai 2016 mengikut daerah?

b) Nyatakan jumlah kutipan zakat di Selangor yang belum diagihkan sehingga Disember 2015?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : TANAH TERBIAR MILIK KERAJAAN NEGERI

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah keluasan tanah terbiar milik Kerajaan Negeri yang boleh diguna pakai untuk aktiviti pertanian?

b) Bersediakah Kerajaan Negeri untuk memberi kebenaran kepada usahawan-usahawan muda menjalankan aktiviti pertanian secara komersil di atas tanah-tanah tersebut?

JAWAPAN:

a) Menurut maklumat daripada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, tiada istilah tanah-tanah Kerajaan yang dikategorikan sebagai tanah terbiar di Negeri Selangor. Melalui semakan, Pejabat Tanah dan Daerah telah mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi untuk diguna pakai bagi aktiviti pertanian yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani.

b) Kerajaan Negeri bersedia untuk merizabkan tanah-tanah yang terbiar bagi tujuan pertanian di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan Program Ladang 'Smart Selangor' bagi membolehkan usahawan-usahawan muda yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan serta keinginan dalam menjalankan projek pertanian.
Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakan dan peluang kepada golongan muda menceburi bidang pertanian. Pelbagai usaha sedang giat dijalankan ke arah meningkatkan pengeluaran hasil pertanian makanan dan antaranya adalah :-

Program Ladang #SmartSelangor

Melalui program ini, tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang tidak diusahakan akan dijadikan sebagai kawasan pertanian makanan. Golongan generasi muda boleh memohon untuk menyertai program tersebut. Walau bagaimanapun, setiap peserta yang berminat perlulah melalui proses pemilihan yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh YB Tuan Zaidy, Bin Abdul Talib selaku Pengerusi Tetap Jawatankuasa Pemodenan Pertanian Dan Industri

Asas Tani, UPEN, Jabatan Pertanian Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor dan juga Jabatan Perikanan Selangor.

Melalui Program Ladang #SmartSelangor juga sejumlah sekurang-kurangnya 30% dari keseluruhan kawasan yang dikenalpasti untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian makanan akan menempatkan khusus kepada golongan generasi muda.

Program Usahawan AGROGEMS (Agro Generasi Muda Selangor)

Program pertanian yang khusus untuk rakyat Negeri Selangor berusia di antara 18 hingga 40 tahun. Program Usahawan AGROGEMS ini adalah merupakan satu program yang akan memperkasakan dan mewujudkan golongan generasi muda yang berminat untuk melaksanakan projek pertanian. Melalui Program AGROGEMS ini, peserta diberikan pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diperolehi daripada bidang pertanian. Peserta juga akan diberikan latihan dan pengalaman secara ‘hands-on’ berkenaan ilmu pertanian di ladang samada projek tanaman, penternakan atau akuakultur.

Program Kebun Komuniti

Bagi pelaksanaan pertanian di kawasan bandar, Kerajaan Negeri telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan yang boleh dilaksanakan projek tersebut di bawah Program Kebun Komuniti yang merangkumi kawasan seluas kurang dari 5 ekar untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian makanan dan golongan muda boleh memohon terus untuk diusahakan secara berkelompok kepada Kerajaan Negeri jika terdapat kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian.

Dalam hal ini kerajaan negeri akan memastikan kawasan pertanian makanan yang sedia ada dikekalkan dan meningkatkan produktiviti dengan penggunaan kaedah berteknologi moden. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri akan mengenalpasti kawasan-kawasan pertanian di atas tanah milik Kerajaan untuk dijadikan sebagai Ladang #SmartSelangor serta kawasan Kebun Komuniti dan secara berperingkat projek-projek pertanian di Negeri Selangor akan berkonsepkan ke arah MYGAP iaitu akreditasi sektor pertanian yang menjamin akan keselamatan makanan.

Dalam pada itu juga, Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor akan disiapkan pada tahun ini di mana kajian tersebut antara lain adalah untuk mencukupkan bekalan makanan dalam Negeri Selangor *(SSL)* berada pada tahap yang memuaskan berlandaskan konsep *food priority*. Salah satu terma rujukan di dalam kajian tersebut adalah untuk mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang terbiar untuk diusahakan dengan projek pertanian berasaskan makanan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : SISTEM BIOMETRIK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Huraikan sejarah ringkas dan kos pelaksanaan sistem ini dalam pengurusan tanah.

b) Adakah benar bahawa runner tidak perlu meletakkan thumbprint pada pengimbas tetapi mereka boleh menurunkan thumbprint mereka dalam surat rasmi syarikat atau firma guaman ketika berurus dengan Pejabat Tanah?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PERMATANG KUARZA GOMBAK SELANGOR (PKGS)

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan untuk menjadi Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) tapak warisan kebangsaan dan UNESCO?

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memelihara PKGS?

c) Adakah kerajaan negeri proaktif dalam mempromosikannya sebagai tempat pelancongan? Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : PROSES PENAWARAN KERJA KONTRAK DI NEGERI SELANGOR

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah mekanisme yang digunakan untuk melantik kontraktor bagi pelaksanaan projek di Negeri Selangor?

b) Apakah Syarikat GLC Negeri Selangor seperti DEIG, MBI, KDEB, Hebat Abadi, Worldwide dan lain-lain memperoleh projek Kerajaan Negeri melalui proses tender terhad,tender terbuka atau rundingan terus?

JAWAPAN:

a) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri sentiasa menekankan agar setiap agensi/jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri mematuhi tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa dalam urusan pelantikan kontraktor iaitu secara perolehan terbuka (sebut harga dan tender). Semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan juga hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik *(good governance practices)* dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti berikut:-

i. Akauntabiliti awam *(public accountability)*
ii. Diuruskan secara telus (*transparent*)
iii. Nilai faedah yang terbaik (*best value for money*)
iv. Saingan terbuka *(open competition)*
v. Adil dan saksama (*fair dealing)*

Mekanisme pelantikan kontraktor secara rundingan terus akan hanya dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu di mana tatacara perolehan terbuka tidak bersesuaian khususnya bagi perkara-perkara yang ada elemen keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, satu punca pembekal/pembuat, melibatkan keselamatan strategik, kontrak dengan syarikat bumiputera atau lain-lain justifikasi yang wajar seperti yang digariskan oleh **1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK7.13 Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Secara Rundingan Terus.**

b) Syarikat GLC Negeri Selangor yang telah memperolehi projek Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 secara rundingan terus adalah seperti berikut:-

1. Worldwide Holdings Sdn Bhd

Bil	Tajuk projek	Kaedah Perolehan	Jumlah (RM)
(a)	Kelulusan Lantikan Terus Worldwide Holdings Berhad (WHB) Bagi Melaksanakan Projek Menaiktaraf Dan Pemuliharaan Tapak Pelupusan Panchang Bedena (TPPB) Kepada Tapak Pelupusan Sanitari Di Daerah Sabak Bernam, Selangor	Rundingan Terus	6,907,200.00
Jumlah			**6,907,200.00**

2. Hebat Abadi Sdn Bhd

Bil	Tajuk projek	Kaedah Perolehan	Jumlah (RM)
(a)	Pelantikan Secara Terus Syarikat Hebat Abadi Sdn. Bhd. Bagi Perkhidmatan Kerja Kutipan Sampah Pukal Di Kawasan Perumahan Bertingkat Kos Rendah Yang Dikenalpasti Sebagai Hot Spot Wabak Denggi Di Negeri Selangor.	Rundingan Terus	86,500.00
(b)	Kelulusan Lantikan Terus Hebat Abadi Sdn. Bhd. (HASB) Bagi Melaksanakan Perkhidmatan Kutipan Sampah di Pulau Ketam Dan Bagan Sungai Lima, Pelabuhan Klang	Rundingan Terus	1,056,000.00

Bil	Tajuk projek	Kaedah Perolehan	Jumlah (RM)
(c)	Kelulusan Pelantikan Secara Terus Syarikat Hebat Abadi Sdn. Bhd. Sebagai Kontraktor Bagi Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Sampah Pukal Di Kawasan Perumahan Bertingkat Lokasi Hot Spot Wabak Denggi Negeri Selangor Dalam Tempoh Enam Bulan	Rundingan Terus	1,100,280.00
Jumlah			**2,242,780.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PROJEK KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD (KHSB)

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan projek KHSB yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun 2016?

b) Nyatakan lokasi dan nilai projek tersebut?

JAWAPAN:

a) Dalam tahun 2016, tumpuan KHSB lebih menjurus kepada penyediaan kertas cadangan pembangunan bagi mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang ("KM") bagi beberapa tanah milik anak syarikat MBI yang telah dikenalpasti. Untuk tujuan tersebut, KHSB telah menyertai proses "Reguest for Proposal – RFP" anjuran MBI atau anak syarikatnya.

b) Beberapa lokasi tanah yang telah kenalpasti adalah di sekitar Kundang, Shah Alam dan Bangi. Nilai Pembangunan Kasar bagi setiap projek adalah dianggarkan dalam sekitar RM50 ke RM60 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : "TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT" DAN "URBAN SPRAWL"

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Jika kerajaan negeri sedang mempromosikan "Transit Oriented Development", dengan nisbah plot yang tinggi di kawasan tepu bina di Lembah Klang, mengapa masih meluluskan project umpama "urban sprawl" seperti Rimbayu di Kuala Langat dan Gamuda Gardens di Kuang?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : NELAYAN SUNGAI

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah terkini nelayan sungai yang didaftarkan?

b) Apakah kriteria untuk seseorang nelayan didaftarkan sebagai nelayan sungai?

c) Apakah faedah-faedah bagi nelayan sungai yang berdaftar?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KEROSAKAN JALAN AKIBAT PAIP PECAH

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Kejadian paip pecah telah menyebabkan jalanraya rosak. Apakah kaedah yang dilakukan oleh Syabas untuk menurap jalan dengan sempurna selepas pembaikan paip selesai

b) Sekiranya turapan jalan tidak memuaskan, apakah tindakan yang dilakukan selanjutnya oleh pihak terbabit?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : ISU RUMAH LADANG SUNGAI BELATA HULU SELANGOR

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini terhadap 64 keluarga bekas pekerja Ladang Sungai Belata yang telah menandatangani perjanjian dengan pemaju untuk membeli rumah kos rendah pada tahun 2001?

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu tersebut?

JAWAPAN:

a), b)

Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang amat menitikberatkan nasib bekas pekerja ladang di Negeri Selangor demi menjaga hak dan kebajikan mereka. Berhubung isu bekas pekerja Ladang Sungai Belata yang pernah ditipu oleh pihak pemaju pada tahun 2001, Kerajaan Negeri berusaha untuk menyelesaikan isu ini dengan cara terbaik bagi memuaskan hati semua pihak. Terkini, satu mesyuarat dengan melibatkan Pihak Pemaju Clarity Crest Sdn. Bhd. dan Jawatankuasa Bekas Pekerja Ladang Sungai Belata telah diadakan di mana pemaju telah menawarkan 64 plot tanah sebagai ganti kepada Rumah Kos Rendah.

Namun begitu, Jawatankuasa Bekas Pekerja Ladang Sungai Belata menyatakan pihak mereka memerlukan sedikit masa untuk menimbangkan tawaran berkenaan memandangkan terma tawaran tidak jelas dan dikatakan tidak berbaloi untuk membiayai ganti rugi yang dialami oleh pembeli rumah teres kos rendah berikutan kadar hutang dengan pihak bank bagi pinjaman perumahan telah meningkat.

Oleh yang demikian, kata putus perlu dimuktamadkan oleh Bekas Pekerja Ladang Sungai Belata dan pihak pemaju melalui satu perbincangan khas antara mereka bagi menyelesaikan isu ini. Keputusan susulan daripada perbincangan tersebut akan dipanjangkan secara bertulis kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh mesyuarat.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengambil langkah – langkah keselamatan dalam memastikan segala urusan jual beli dan perkara berkaitan yang melibatkan ladang – ladang di Negeri Selangor harus melalui *Estate Land Board (ELB)* yang bertindak sebagai satu badan yang bertanggungjawab memastikan setiap urusan dan perkara yang berkaitan dapat dilaksana dan diselesaikan dengan teratur yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat agar kejadian sebegini dapat dielakkan di masa hadapan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : KEHADIRAN ADN-ADN KE PERSIDANGAN DEWAN DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan peratusan kehadiran bagi setiap ADN ke persidangan dewan dari tahun 2014 hingga 2016.

b) Nyatakan jumlah mesyuarat yang telah diadakan oleh setiap jawatankuasa pilihan dari tahun 2014 hingga 2016 serta peratusan kehadiran setiap ahlinya.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : STATUS NAIK TARAF MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek naik taraf Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah?

b) Adakah projek ini dijangka siap mengikut tarikh yang ditetapkan?

c) Adakah terdapat kenaikan kos dan nyatakan sekiranya ada?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : KADAR NON REVENUE WATER (NRW)

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peratusan terkini NRW di Selangor?

b) Adakah jumlah ini menepati matlamat pengurangan NRW di Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh setiap kawasan masing-masing dengan pencapaiannya

b) Nyatakan jumlah peserta program-program yang telah di anjurkan mengikut kawasan masing-masing

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan serius dalam membangunkan wanita di Selangor. Jesteru itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan setiap tahun bagi menjayakan agenda Pemberdayaan Wanita Selangor yang berjumlah RM1,680,000.00 melalui aktiviti dan program pembangunan serta latihan Pusat Wanita Berdaya. Sehingga Jun 2016, sebanyak RM568,885.00 telah digunakan oleh PWB di seluruh Selangor daripada jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

b) Kerajaan Negeri memandang serius agenda Program Pemberdayaan Wanita di Selangor bagi meningkatkan keupayaan wanita dalam mengharungi cabaran arus globalisasi. Sehubungan itu, Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan satu badan yang bertindak sebagai agen penghubung Kerajaan Negeri dangan masyarakat akar umbi dalam melaksanakan program-program pemberdayaan wanita tersebut. Berikut adalah jumlah peserta yang telah mengikut program-program yang dianjurkan oleh PWB mengikut kawasan masing-masing seperti di Lampiran A.

Lampiran A

JUMLAH PESERTA PROGRAM PWB SETIAP DUN PADA JANUARI SEHINGGA JUN TAHUN 2016

BIL	DUN	JUMLAH PROGRAM YANG DIJALANKAN	JUMLAH PESERTA PROGRAM PWB (ORANG)
1	N.01 - SUNGAI AIR TAWAR	8	321
2	N.02 - SABAK	11	501
3	N.03 - SUNGAI PANJANG	16	387
4	N.04 - SEKINCHAN	9	445
5	N.05 - HULU BERNAM	3	90
6	N.06 - KUALA KUBU BAHARU	5	50
7	N.07 - BATANG KALI	6	115
8	N.08 - SUNGAI BURONG	8	220
9	N.09 - PERMATANG	11	345
10	N.10 - BUKIT MELAWATI	10	409
11	N.11 - IJOK	6	236
12	N.12 - JERAM	3	72
13	N.13 - KUANG	14	356
14	N.14 - RAWANG	13	373
15	N.15 - TAMAN TEMPLER	3	460
16	N.16 - BATU CAVES	10	333
17	N.17 - GOMBAK SETIA	10	232
18	N.18 – HULU KLANG	0	0
19	N.19 - BUKIT ANTARABANGSA	8	295
20	N.20 - LEMBAH JAYA	4	437
21	N.21 - CHEMPAKA	7	372
22	N.22 - TERATAI	8	254
23	N.23 - DUSUN TUA	18	410
24	N.24 - SEMENYIH	3	107
25	N.25 - KAJANG	10	834
26	N.26 - BANGI	8	214

Lampiran A

BIL	DUN	JUMLAH PROGRAM YANG DIJALANKAN	JUMLAH PESERTA PROGRAM PWB (ORANG)
27	N.27 - BALAKONG	10	302
28	N.28 - SERI KEMBANGAN	7	232
29	N.29 - SERI SERDANG	3	136
30	N.30 - KINRARA	8	480
31	N.31 – SUBANG JAYA	0	0
32	N.32 - SERI SETIA	7	336
33	N.33 - TAMAN MEDAN	6	327
34	N.34 - BUKIT GASING	9	418
35	N.35 - KAMPUNG TUNKU	0	0
36	N.36 - DAMANSARA UTAMA	0	0
37	N.37 - BUKIT LANJAN	0	0
38	N.38 - PAYA JARAS	10	222
39	N.39 - KOTA DAMANSARA	10	266
40	N.40 - KOTA ANGGERIK	3	540
41	N.41 - BATU TIGA	5	137
42	N.42 - MERU	12	404
43	N.43 - SEMENTA	7	394
44	N.44 – SUNGAI PINANG	1	30
45	N.45 – SELAT KLANG	21	973
46	N.46 - PELABUHAN KLANG	9	483
47	N.47 - PANDAMARAN	7	251
48	N.48 - KOTA ALAM SHAH	3	227
49	N.49 - SERI ANDALAS	5	150
50	N.50 - SRI MUDA	5	137
51	N.51 - SIJANGKANG	3	150
52	N.52 - TELOK DATOK	1	25
53	N.53 - MORIB	10	361
54	N.54 - TANJONG SEPAT	5	97

Lampiran A

BIL	DUN	JUMLAH PROGRAM YANG DIJALANKAN	JUMLAH PESERTA PROGRAM PWB (ORANG)
55	N.55 - DENGKIL	13	654
56	N.56 - SUNGAI PELEK	11	597
	JUMLAH	**403**	**16,197**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENJUALAN ASET ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua aset-aset milik anak syarikat Kerajaan Negeri yang telah dijual sehingga Julai 2016?

b) Nyatakan lokasi, harga dan kaedah jualan aset-aset tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peserta yang telah mengikuti program PeBT pada tahun 2015 mengikut PBT?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menentukan kejayaan program dibawah PeBT?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : KOS PEMBELAJARAN DAN PERBELANJAAN ANAK MUDA YANG MENINGKAT

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah polisi dan program Kerajaan Negeri untuk membantu anak muda yang menghadapi kos perbelanjaan dan pembelajaran yang sangat tinggi?

b) Berapakah bilangan anak muda yang mendapat manfaat daripada polisi atau program Kerajaan Negeri tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat prihatin dan menyedari akan kepentingan pendidikan kepada golongan belia khususnya di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membantu dan meringankan beban anak muda yang menghadapi kos perbelanjaan dan pembelajaran yang sangat tinggi pada masa kini dengan mengadakan pelbagai program sebagaimana berikut :-

Bil	**Program**	**Penerima Faedah (Orang)**
1.	Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif)	28
2.	Tabung Warisan Anak Selangor	235,622
3.	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	13,708
4.	Hadiah Anak Masuk Universiti	58,105
5.	Pusat Tuisyen Rakyat	4,419
6.	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor	20,718
7.	Program Khas Universiti Islam Madinah (2015-2016)	10
8.	Program Khas Biasiswa Selangorku (2016)	102
Jumlah Keseluruhan		**332,712**

Melalui pelaksanaan program-program tersebut, Kerajaan Negeri dapat membantu untuk meringankan tanggungan ibubapa dalam proses pembelajaran bermula daripada fasa kelahiran sehinggalah ke peringkat universiti.

Di samping itu, program-program yang dilaksanakan ini juga dapat mengurangkan masalah pengangguran di kalangan anak muda dan sekaligus dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran di dalam sektor pekerjaan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAK BERNAM (JPSSB)

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah projek membaik pulih ban Sungai Bernam akan bermula?

b) Berapakah kos keseluruhan membaik pulih tebing sungai tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : ISU PERPADUAN ANTARA KAUM

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Isu Perpaduan antara kaum di Malaysia masih memerlukan penambahbaikan. Apakah langkah Negeri Selangor supaya misi Perpaduan antara kaum dapat disempurnakan?

JAWAPAN:

a) Usaha-usaha yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menyempurnakan misi perpaduan antara kaum adalah dengan menganjurkan Program Perayaan bagi setiap agama secara terbuka bagi membolehkan semua masyarakat di Negeri Selangor dapat bersama-sama merasai dan memahami budaya agama yang lain. Ini akan meningkatkan rasa hormat menghormati antara kaum kerana masing-masing mempunyai cara tersendiri untuk menyambut hari kebesaran masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : KES MAHKAMAH MELIBATKAN KERAJAAN NEGERI

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua kes mahkamah yang melibatkan Kerajaan Negeri yang belum selesai?

b) Senaraikan semua kes mahkamah dan keputusannya yang melibatkan Kerajaan Negeri yang telah selesai?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi kewangan Negeri Selangor sehingga 30 Jun 2016?

b) Sila huraikan sejauh manakah faktor kelembapan ekonomi global mempengaruhi prestasi kewangan Negeri Selangor?

c) Sila nyatakan apakah kesan pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Rizab Negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 Jun 2016 dan 15 Julai 2016 adalah, masing-masing, berjumlah RM3,883.88 juta dan RM3,950.64 juta. Kumpulan Wang Disatukan yang berjumlah RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016 adalah terdiri dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM2,598.08 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM1,352.56 juta. Kedudukan rizab negeri bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Rizab
	RM Juta
2010	1,586.88
2011	1,944.00
2012	2,619.44
2013	2,907.10
2014	3,200.91
2015	3,258.61

Bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2016, Rizab Negeri pada 15 Julai 2016 telah meningkat sebanyak 21.24% iaitu daripada RM3,258.61 juta pada 31 Disember 2015 kepada RM3,950.64 juta pada 15 Julai 2016. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebihan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1,002.50 juta. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Hasil mengikut penjenisannya adalah seperti berikut:

1) Hasil Cukai – contohnya cukai tanah dengan kutipan sebanyak RM427.03 juta iaitu 90.63% dari Anggaran Hasil 2016;

2) Hasil Bukan Cukai – contohnya Premium Tanah dengan kutipan sebanyak RM974.87 juta iaitu 90.14% dari Anggaran Hasil 2016; dan

3) Terimaan Bukan Hasil – contohnya Pemberian Persekutuan.

Manakala perbelanjaan mengurus sehingga 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM756.45 juta (iaitu 52.53% dari Belanjawan 2016). Kerajaan Negeri tidak dikecualikan daripada dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). GST yang dikenakan adalah bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding. Impak pelaksanaan GST terhadap prestasi kewangan Negeri Selangor adalah di mana jumlah GST yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 berjumlah RM15,737,962.02 dan bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016 berjumlah RM10,195,933.11.

Selain daripada Akaun Hasil Disatukan, komponen Kumpulan Wang Disatukan adalah termasuk Akaun Amanah Disatukan. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Rizab tunai negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang memberi pulangan tetap (*fixed income*) di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Peratusan pulangan hasil simpanan tunai tersebut setiap bulan adalah berdasarkan kadar faedah simpanan tetap dan pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan mengikut tempoh dan jenis (konvensional atau islamik) pelaburan yang dibuat iaitu di antara 3.3% hingga 4.5% setahun bagi tempoh sehingga Julai 2016. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek (STMMD) mulai 01 Januari 2016 sehingga 15 Julai 2016 adalah sebanyak

RM49.98 juta. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan STMMD pada tahun 2015 adalah sebanyak RM109.23 juta.

Peningkatan jumlah rizab/Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri adalah disumbangkan oleh faktor-faktor berikut:-

i) peningkatan hasil premium tanah disebabkan oleh pengiraan premium tanah berdasarkan nilai pasaran semasa;

ii) peningkatan cukai hasil hutan disebabkan kenaikan Kadar Royalti Kuari berkuatkuasa 1 November 2014;

iii) peningkatan hasil Caruman Parit disebabkan kenaikan kadar baru Caruman Parit berkuatkuasa 1 Julai 2015;

iv) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

v) pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah/Tanah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Bahagian Teknologi Maklumat, SUK (BTM, SUK) sebagai satu pasukan (Ops. Kutip) seperti berikut:-

   a) menjejaki pemilik tanah yang berkenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah;
   b) menerima bayaran cukai tanah secara ansuran;
   c) memberikan pengurangan fi tunggakan (denda lewat); dan
   d) tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak.

vi) Kerajaan Negeri terutamanya melalui PDT sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah berikut:-

   a) mengenal pasti serta mengasingkan semua hak milik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
   b) membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi PDT di kawasan pedalaman;
   c) membuka kaunter pada waktu rehat; dan
   d) menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara atas talian (*online*) dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

Kerajaan Negeri juga telah menambah saluran pembayaran cukai tanah melalui kaunter bergerak.

vii) Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang berfungsi untuk memantau pelaksanaan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua PDT;

viii) Kerajaan Negeri turut mewujudkan pasukan *Taskforce* Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di empat (4) PDT iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah;

ix) Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-

1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
3) Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah

melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperoleh melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah; dan

5) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 yang memberi penjelasan terhadap isu berbangkit berkenaan pelaksanaan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*.

x) pelaksanaan dasar pemilikan tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1,000.00 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan. Rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan;

xi) pelaksanaan dasar penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium / premium tambahan (sama ada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali kes pemberimilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki;

xii) Pejabat Pemungut Hasil Negeri Selangor juga, dari masa ke masa, akan membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan hasil sedia ada. Sebagai contoh, PTGS kini sedang mengkaji kadar royalti bagi bahan batuan pasir dan menambahbaik sistem pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi mengelakkan ketirisan; dan

xiii) Perbendaharaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Mengkaji Hasil Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri bersama-sama Pejabat Pemungut Hasil Negeri dari masa ke masa mengkaji dan memperhalusi elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang diberikan seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius akan perkembangan ekonomi global dan domestik di Malaysia. Kejatuhan harga komoditi tidak boleh lagi dijadikan alasan penyusutan nilai ringgit dan kegawatan ekonomi. Negara hari ini berdepan dengan krisis keyakinan yang memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Secara umumnya, kejatuhan mata wang ringgit dan kelembapan ekonomi negara menjejaskan ekonomi negeri Selangor dari sudut kuasa beli pengguna dan harga barang yang mempunyai komponen import. Walau bagaimanapun, impak kejatuhan dan kelembapan tersebut adalah minima ke atas prestasi kewangan dan dana yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri disebabkan tiadanya risiko

pelaburan luar negara dan instrumen-instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberi kesan negatif secara langsung ke atas kewangan Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan rizab Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Jumlah peruntukan yang akan disediakan pada setiap tahun adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan serta keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November / Disember 2015 telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 bertemakan “Membangun Smart Selangor Yang Peduli” yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik melalui lima strategi iaitu :

1. Menerajui Gagasan Smart Selangor.
2. Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik.
3. Mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli.
4. Memperkukuh Kualiti Pendidikan dan Latihan.
5. Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif.

Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri dikendalikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : MASALAH DENGGI DI SELANGOR

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh mana tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri berjaya mengatasi masalah denggi di negeri selangor sehingga kini.

JAWAPAN:

a) Jumlah kes yang terkumpul bagi tahun 2016 sehingga 23 Julai 2016 adalah sebanyak 34,212 dimana mencatatkan penurunan sebanyak 11% berbanding tahun 2015 iaitu 38,5244 kes bagi tempoh yang sama. Jumlah kematian pula mencatatkan penurunan sebanyak 43% daripada bilangan kes kematian tahun 2015 iaitu hanya 51 kes daripada 89 kes. Ringkasan penurunan kes seperti di Jadual 1.

TAHUN	2015	2016
JUMLAH KES TERKUMPUL	38,524	34,212
JUMLAH KES KEMATIAN	89	51

Jadual 1: Jumlah kes denggi pada 2015 dan 2016

Ini menunjukkan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan kes tahunan Denggi bagi negeri Selangor. Di antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengatasi masalah Denggi di Negeri Selangor untuk menurunkan jumlah kes Denggi adalah seperti berikut :

a. Mesyuarat Tindakan Denggi peringkat Negeri telah diadakan setiap dwi mingguan untuk membincangkan masalah Denggi dan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan.

b. Mesyuarat Denggi peringkat daerah telah diadakan pada setiap minggu yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya. Mesyuarat ini melibatkan semua agensi di daerah tersebut termasuk PBT, PKD, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), wakil Hospital, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Ahli Majlis dan Penghulu. Mesyuarat ini akan membincangkan

kaedah penyelesaian sesuatu isu di kawasan wabak terutama Hotspot dan tindakan segera yang perlu dilakukan.

c. Blueprint Menangani Wabak Denggi sedang dalam peringkat penyediaan dan telah mengenal pasti 8 garis panduan untuk tindakan semua PBT. Blueprint ini juga akan melibatkan semua Agensi di bawah pentadbiran Negeri Selangor.

d. Bagi PBT yang mempunyai kawasan hotspot berpanjangan, beberapa petugas khas Denggi akan ditempatkan di kawasan tersebut bagi mengesan dan mengawal penularan kes. Petugas ini akan melakukan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), fogging dan larvasiding dalam tempoh di tetapkan sehingga tiada kes dicatatkan di kawasan tersebut.

e. Menggalakkan penglibatan Ahli Majlis di peringkat PBT dalam melaksanakan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.

f. Melibatkan ADUN dengan memperuntukan sebanyak RM10,000 setiap kawasan bagi menjalankan aktiviti pencegahan di kawasan masing-masing.

g. Melantik *Pest Controller Operator* (PCO) bagi PBT yang berkemampuan untuk membantu melakukan aktiviti kawalan penularan denggi dan menurunkan jumlah kes denggi di kawasan wabak *hotspot.*

h. Menetapkan setiap pemaju perumahan melantik PCO (Pest Control Operator) dan melaporkan tindakan pencegahan yang dijalankan setiap bulan sehingga projek pembangunan siap.

i. Taklimat denggi kepada semua pemaju dan syarikat PCO di tapak bina di setiap PBT bagi menerangkan kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya pembiakan jentik-jentik.

j. Taklimat kepada kontraktor pembersihan di kawasan sekolah-sekolah dan kawasan PBT bagi menerangkan kawasan yang perlu diambil perhatian semasa membuat pembersihan dan kaedah menghapuskan tempat pembiakan Aedes.

k. Mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah persendirian dan premis kotor yang berpotensi berlaku pembiakan jentik-jentik supaya tidak menjadi tempat pembuangan sampah haram dan tempat pembiakan Aedes.

l. Tindakan penguatkuasaan ke atas 4 premis seperti tapak bina, Premis Barang Lusuh, tapak semaian serta kawasan komersial sedang digiatkan. Bagi penemuan jentik-jentik di tapak bina, tindakan penutupan selama 2 minggu dikenakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN UNTUK KEDIAMAN PERSENDIRIAN (PEKELILING PTGS BIL. 6/2011)

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah permohonan yang telah berjaya diproses di setiap daerah sejak pelaksanaan pekeliling ini pada tahun 2011?

b) Senaraikan anggaran jumlah premium penuh yang perlu dibayar oleh setiap pemohon seandainya pekeliling ini tidak dilaksanakan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : TANAH KERAJAAN ANAK-ANAK SYARIKAT DAN BADAN BERKANUN

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh Menteri Besar Incorporated (MBI), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Yayasan Selangor serta subsidiari-subsidiari mereka?

b) Berapakah peratus di antaranya tidak menjana pendapatan mengikut anak-syarikat/badan berkanun tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : KUBUR

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memastikan tapak kubur adalah mencukupi untuk penduduk Petaling Jaya?

b) Senaraikan semua tapak kubur di Selangor dan kapasitinya.

c) Senaraikan semua tapak kubur yang dalam perancangan untuk dibangunkan.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa penyediaan tapak perkuburan merupakan satu cabaran bagi Negeri Selangor kerana kedapatan tanah yang terhad dan kesukaran mendapatkan lokasi/tanah yang strategik bagi menempatkan kemudahan ini. Saiz lot tanah yang kecil juga menyukarkan penyediaannya.

Merujuk kepada Laporan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan di Negeri Selangor sehingga tahun 2060 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD Negeri Selangor) telah mendapati bahawa berlaku ketidakcukupan Tapak Perkuburan Islam bermula tahun 2010 (Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)) dan 2033 (di Majlis Perbandaran Klang (MPK)) serta 2043 (di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)). Manakala, berlaku ketidakcukupan Tapak Perkuburan Selain Islam bermula tahun 2010 (di MBPJ, MPSJ, MPK dan MPAJ).

Justeru, untuk mengatasi masalah ketidakcukupan ini, Kerajaan Negeri telah mencadangkan pengwujudan tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) yang berfungsi untuk menampung keperluan tapak perkuburan bagi pembangunan-pembangunan yang kurang 250 ekar di mana pengecualian dan caruman kubur disyaratkan.

Bagi kegunaan penduduk di Daerah Petaling, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tapak PWB di kawasan cadangan pembangunan RRIM, Mukim Sungai Buloh dengan keluasan 74.13 ekar. Pelan susunatur bagi keseluruhan tapak RRIM masih di peringkat kebenaran merancang yang turut melibatkan tapak PWB ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah menyatakan dengan jelas di dalam Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 melalui *Dasar MM11 : Kemudahan Keagamaan Akan Disediakan Dengan Mencukupi Bagi Setiap Penganut Agama Utama* dengan pengenalpastian Inisiatif Pelaksanaan P8 dan P9 yang telah menyentuh secara jelas seperti berikut:-

P8 : Menyediakan tapak perkuburan seperti yang diunjurkan bagi kegunaan semua penganut agama

P9 : Menggalakkan penyediaan kubur awam secara bersepadu dengan mengambilkira keperluan kemudahan-kemudahan sokongan dengan pengurusan sistematik yang berkesan.

b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, senarai tapak-tapak kubur dan kapasitinya boleh didapati melalui Laporan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan di Negeri Selangor sehingga tahun 2060 yang telah disediakan pada tahun 2010 oleh JPBD Negeri Selangor dengan kerjasama semua Pejabat Tanah dan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Berikut dinyatakan rumusan kepada Laporan Inventori tersebut:-

BIL.	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN**	**JUMLAH KELUASAN TAPAK (EKAR)**	**KAPASITI TAHAP KEKOSONGAN**	
			EKAR	**%**
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	652.49	368.2	56.43
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	99.40	45.0	45.27
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	106.36	74.56	70.1

4.	Majlis Perbandaran Klang	435.88	224.87	51.59
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	75.35	25.83	34.28
6.	Majlis Perbandaran Selayang	379.52	177.20	46.69
7.	Majlis Perbandaran Sepang	308.37	248.33	80.53
8.	Majlis Perbandaran Kajang	816.42	461.85	56.57
9.	Majlis Daerah Sabak Bernam	217.19	138.22	63.64
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	436.91	282.46	64.65
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	280.99	152.58	54.30
12	Majlis Daerah Hulu Selangor	666.30	414.97	62.28

c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sekalian, terdapat 4 tapak perkuburan awam bersepadu sedang dalam proses perancangan dan pembangunan iaitu:-

LOKASI	NO. LOT	KELUASAN	STATUS
Mukim Sepang	12338, 12339 dan 12340	25 ekar	Telah selesai proses Kebenaran Merancang.
	5756	400 ekar	Di dalam proses pengambilan tanah oleh pihak Kerajaan Negeri.
RRIM, Mukim Sungai Buloh	2282 dan sebahagian lot 2804	74.13 ekar (Cadangan tapak perkuburan di bawah pentadbiran MBPJ adalah seluas 24.89 ekar dan MBSA seluas 50 ekar.)	Pelan susunatur bagi keseluruhan tapak RRIM masih di peringkat kebenaran merancang.

Mukim Hulu Semenyih	1172, 448, 1174, 504, 648, 495, 170, 547, 600, 395, 449, 296, 586, 722, 587, 552, 540, 725, 721, 588, 1690, 872, 723, 1100, 727, 726, 724, 541, 302 dan 728.	168.74 ekar	Masih dalam proses pengukuran tapak melalui penyeiaan pelan persempadanan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : KES KESALAHAN DI BAWAH ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI SELANGOR) 2007

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah ladang-ladang unggas yang dikenakan tindakan mengikut Seksyen 16, 17 dan 18 di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 mengikut daerah sejak 2008.

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melarang ladang-ladang menjual/memberi tahi unggas kepada pekebun kecil sebagai baja tanaman?

JAWAPAN:

a) Jumlah ladang-ladang unggas yang dikenakan tindakan di bawah seksyen 16, 17, dan 18 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 sejak tahun 2008 adalah seperti berikut :

SEKSYEN	LADANG UNGGAS	TINDAKAN	STATUS TERKINI
16 Kesalahan melepaskan sisa unggas dan kumbahan ke sungai	Tiada aduan	-	-
17 Kesalahan mengeluarkan bau busuk	Ladang Unggas Lay Hong, Batu 20, Jeram, K. Selangor Kod Ladang : TIADA	Pemberhentian operasi dan perobohan reban	Ladang dirobohkan dan ditutup
	Ladang Selasih Aman, Hulu Selangor Kod Ladang : BHSAT001	Notis penambahbaikan	Penambahbaikan telah dilakukan
	Ladang Krishnamorthy a/l Marimuthu, Kuala Langat Kod Ladang : BKLAD082	Notis penambahbaikan	Penambahbaikan telah dilakukan
18	Ladang Yong Tuan Eng,	Notis	Tutup operasi

Kesalahan membenarkan pembiakan lalat, serangga atau makhluk perosak	Kuala Langat Kod Ladang : BKLAD037	penambahbaikan ladang	sehingga penambahbaikan dijalankan

b) Kaedah tindakan yang boleh diambil ke atas sebarang pelanggaran undang-undang adalah :

i. Arahan penambahbaikan
ii. Kompaun
iii. Arahan untuk menghentikan operasi sementara sehingga penambahbaikan dijalankan
iv. Arahan ladang ditutup (Ladang dirobohkan)

b) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk melarang ladang ternakan menjual/memberi najis unggas kepada pekebun kecil sebagai baja tanaman kerana ianya telah terbukti sebagai baja yang berkesan dan mesra alam berbanding baja kimia. Namun, Kerajaan Negeri (melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar) menggalakkan ladang ternakan merawat najis ayam seperti mengkompos menggunakan “Effective Microbe” atau E.M. sebelum menjualnya kepada pekebun/petani. Kerajaan Negeri (melalui Jabatan Pertanian) juga menggalakkan pekebun supaya menggunakan najis yang telah dirawat. Kerajaan Negeri menggesa pemimpin setempat seperti wakil rakyat turut mendidik pekebun di kawasan masing-masing demi kepentingan masyarakat dan pekebun itu sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : CAJ JETI PENDARATAN

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rasional caj jeti pendaratan dilaksanakan?

b) Adakah kerajaan negeri akan mangkaji semula kadar RM 600 caj jeti pendaratan?

JAWAPAN:

a) Caj jeti pendaratan ikan dilaksanakan adalah bertujuan untuk:

i. Menyokong Kerajaan Negeri di dalam menjalankan program-program berkaitan perancangan dan pembangunan serta pemeliharaan sumber air terutamanya berkaitan aktiviti jeti yang sememangnya memerlukan kos dan perbelanjaan yang tinggi;

ii. Membantu dalam pelaksanaan aktiviti pengawalan dan pemantauan menggunakan kaedah kawalan dan kawal seliaan bagi memastikan persekitaran sumber air tidak mengalami kesan yang teruk akibat daripada aktiviti jeti ini; dan

iii. Mewujudkan sikap/nilai tanggungjawab kepada pemegang lesen sekali gus mendukung aspek pengawalan dan pemantauan terhadap sumber air yang digunakan. Konsep *"Payment For Ecosystem"* ini telah digunapakai di seluruh dunia.

b) Kerajaan Negeri memutuskan bahawa cadangan LUAS untuk mengenakan caj RM600 setahun terhadap jeti nelayan tidak dilaksanakan sehingga selesai inventori dijalankan dan cadangan semakan semula caj dikemukakan dengan mengambil kira pandangan para nelayan dan pihak-pihak yang berkepentingan semasa inventori dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PROJEK DATUM JELATEK

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek Datum Jelatek?

b) Senaraikan secara terperinci pembeli-pembeli bumiputra dan bukan bumiputra rumah projek tersebut?

JAWAPAN:

a) Status terkini pembinaan projek Datum Jelatek adalah di dalam peringkat pembinaan `basement' aras dua. Maklumat terperinci mengenai projek tersebut adalah seperti di bawah :

i. Kemajuan projek (sebenar) : 18.82%
ii. Tarikh siap projek (dirancang) : 31 Mei 2018

b) Setakat ini, tiada sebarang penjualan unit secara rasmi telah dilakukan. Proses menandatangani perjanjian jual beli diantara pemaju dan pembeli dijangka akan dilakukan pada bulan Oktober 2016 apabila lesen APDL diperolehi. Berikut merupakan maklumat mengenai jumlah prospek pembeli yang berdaftar setakat 30 Jun 2016 :

<u>Jumlah prospek pembeli yang berdaftar:</u>

i. Bumiputera – 1,224 orang
ii. Bukan Bumiputera – 1,082 orang

Berikutan itu, sebanyak 119 unit telah ditempah dari keseluruhan 708 unit. Kesemua tempahan tersebut adalah daripada pembeli berstatus bumiputera dan juga merupakan penduduk setempat ataupun waris penduduk setempat di sekitar AU, Keramat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : PUSAT CUCI KERETA TANPA KELULUSAN

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah pusat cuci kereta tanpa kelulusan yang beroperasi di dalam kawasan PBT masing-masing.

b) Nyatakan tindakan yang telah di ambil terhadap pengusaha-pengusaha tersebut dan jelaskan sebab mengapa aktiviti ini masih berleluasa.

JAWAPAN:

a) Jumlah pusat cuci kereta tanpa kelulusan yang beroperasi di kawasan PBT masing-masing adalah seperti berikut :

PBT	BILANGAN PUSAT CUCI KERETA TANPA KELULUSAN
MBSA	37
MBPJ	144
MPK	50
PBT	**BILANGAN PUSAT CUCI KERETA TANPA KELULUSAN**
MPAJ	54
MPSJ	79
MPS	110
MPKj	128
MPSp	18

MDKL	17
MDHS	8
MDKS	8
MDSB	TIADA
JUMLAH	**653**

Nota : Sumber dari PBT

b) Tindakan Notis Amaran , Sitaan dan Notis Tawaran Kompaun telah dikeluarkan kepada pengusaha pusat cuci kereta yang beroperasi tanpa kelulusan. Aktiviti ini masih berleluasa kerana terdapat pengusaha-pengusaha yang tidak mematuhi arahan Notis Amaran yang dikeluarkan seperti enggan memindahkan lokasi perniagaan cuci kereta ke lokasi yang sesuai atau premis yang boleh dilesenkan. Selain itu, tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan agar lebih berkesan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : JALAN PENYAMBUNGAN KAWASAN ZON 24 DENGAN ZON-ZON LAIN DI BAWAH DUN TERATAI

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan satu jalan yang menyambung Zon 24 dengan zon-zon lain di DUN Teratai?

b) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyiapkan jalan penyambungan tersebut?

JAWAPAN:

a) Keseluruhan jalan di kawasan Zon 24 boleh digunakan ke jalan-jalan lain.

b) Tidak berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : BUDAYA

301. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan kerajaan Negeri Selangor dalam membantu rakyat berbilang kaum untuk mengurangkan perselisihan antara kaum akibat tidak memahami Budaya kaum lain?

JAWAPAN:

a) Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan perselisihan antara kaum adalah dengan menganjurkan program perayaan bagi setiap agama secara terbuka bagi membolehkan semua masyarakat di Negeri Selangor dapat bersama-sama merasai dan memahami budaya agama yang lain. Ini akan meningkatkan rasa hormat menghormati antara kaum kerana masing-masing mempunyai cara tersendiri untuk menyambut hari kebesaran masing-masing.

Bagi usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam, terdapat penyaluran peruntukan kepada semua jenis rumah Ibadat Selain Islam melalui persatuan-persatuan yang menguruskan rumah ibadat tersebut untuk melaksanakan aktiviti keagamaan serta membaikpulih bangunan keagamaan supaya lebih kondusif untuk beribadat. Sejak 2009 hingga 2016, sebanyak RM32 juta telah disalurkan kepada rumah ibadat bagi menghidupkan amalan keagamaan mengikut agama yang dianuti seperti sambutan perayaan, aktiviti pendidikan agama dan bantuan pengajaran dan pembelajaran keagamaan dan seumpamanya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

302. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah pinjaman boleh dituntut kerajaan negeri kepada badan berkanun negeri, pihak berkuasa tempatan, anak-anak syarikat dan agensi-agensi? Sila berikan butiran terperinci terumatanya nama-nama peminjam serta nilai, faedah, tempoh dan tarikh lupus pinjaman.

b) Senaraikan pinjaman yang diluluskan pada 2013-2015.

JAWAPAN:

a) Jumlah pinjaman boleh dituntut Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Anak-anak Syarikat dan agensi-agensi pada seperti pada 30 Jun 2016 adalah seperti berikut:-

i.	Jumlah pinjaman pokok	: RM1,328,132,623.32
ii.	Jumlah faedah	: RM132,677,502.09
iii.	Jumlah bayaran balik	: RM379,381,267.58
iv.	Baki pinjaman	: RM1,037,731,312.22
v.	Jumlah tunggakan	: RM43,924,383.33

Perincian kepada maklumat pinjaman tersebut mengikut nama peminjam, nilai, faedah, tempoh dan tarikh lupus pinjaman mengikut agensi adalah seperti di **Lampiran A.**

b) Jumlah pinjaman yang diluluskan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah sebanyak **RM756,044,012.49**. Ringkasan bagi jumlah pinjaman yang diluluskan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

i.	Tahun 2013	: RM518,327,316.48
ii.	Tahun 2014	: RM156,199,195.37
iii.	Tahun 2015	: RM81,517,500.64

Perincian bagi pinjaman tersebut adalah seperti di **Lampiran B.**

Lampiran A

KEDUDUKAN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT/AGENSI, BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SEHINGGA 30 JUN 2016

Bil	Perkara	Jumlah Pinjaman		Bayaran Balik (RM)	Baki Pinjaman (RM)	Tunggakan pada 30 Jun 2016 (RM)	Tempoh Pinjaman
		Pokok (RM)	Faedah (RM)				
Anak Syarikat / Agensi / Badan-badan Berkanun							
1.	PIYS	39,840,986.48	18,451,466.92	1,241,109.33	57,051,344.07	22,598,132.17	2007-2027
2.	KDEB	636,700,000.00	44,993,711.50	6,400,000.00	675,293,711.50	700,000.00	2012-2020
3.	PKNS	210,914,502.90	3,200,000.00	110,114,502.90	104,000,000.00	0.00	1982-2036
4.	PKPS	37,670,314.28	600,000.00	38,270,314.28	0.00	0.00	1996-2018
5.	Yayasan Selangor	27,806,698.07	4,501,154.76	32,307,852.83	0.00	0.00	Hapuskira
6.	KUIS	4,000,000.00	0.00	2,699,999.73	1,300,000.27	133,333.32	2009-2018
7.	INPENS	18,208,533.18	0.00	17,000,000.00	1,208,533.18	0.00	Dipermodalkan
8.	ASAS	20,000,000.00	0.00	16,000,000.00	4,000,000.00	0.00	1998-2017
9.	LPHS	143,115,144.73	55,252,427.40	123,118,715.45	31,551,311.07	80,563.16	1990-2025
10.	SSI	15,050,000.00	0.00	709,885.32	14,340,114.68	14,340,114.68	2015-2019
11.	ABASS	30,000,000.00	0.00	0.00	30,000,000.00	0.00	2013-2030
12.	PHSSB	518,000.00	0.00	130,000.00	388,000.00	0.00	2011-2015
13.	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	33,224,219.00	0.00	0.00	33,224,219.00	0.00	2015-2016
JUMLAH		**1,217,048,398.64**	**126,998,760.58**	**347,992,379.84**	**952,357,233.77**	**37,852,143.33**	
Pihak BerkuasaTempatan (PBT)							
1.	MPAJ	23,478,426.27	0.00	2,168,620.00	21,309,806.27	0.00	2006-2018
2.	MPKj	24,704,832.70	3,593,358.80	19,679,296.74	8,618,894.76	0.00	2005-2017
3.	MPS	11,101,858.39	0.00	682,800.00	10,419,058.39	0.00	2006-2017
4.	MDSB	10,617,000.00	1,806,120.00	2,715,300.00	8,987,820.00	4,986,120.00	2007-2022
5.	MBSA	7,472,160.00	556,312.00	3,892,871.00	4,135,601.00	0.00	2012-2019
6.	MDKS	16,100,000.00	442,950.71	2,250,000.00	14,292,950.71	1,086,120.00	2012-2018
7.	MPSJ	17,609,947.32	0.00	0.00	17,609,947.32	0.00	2013-2019
JUMLAH		**111,084,224.68**	**5,678,741.51**	**31,388,887.74**	**85,374,078.45**	**6,072,240.00**	
JUMLAH KESELURUHAN		**1,328,132,623.32**	**132,677,502.09**	**379,381,267.58**	**1,037,731,312.22**	**43,924,383.33**	

Lampiran B

SENARAI PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT/AGENSI, BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Bil	Anak Syarikat / Agensi / Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan	Tujuan Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)
TAHUN 2013			
1.	PIYSB	Pembayaran bonus kepada kakitangan PIYSB	3,123,486.48
2.	KDEB	Pengambilan saham KHSB	413,200,000.00
3.	PKNS	Pembiayaan Projek Datum In City	80,000,000.00
4.	KDEB	Pembelian 12 unit kompaktor	3,500,000.00
5.	MPAJ	Projek penstabilan cerun	2,168,620.00
6.	MPKj	Pengurusan pelupusan sisa pepejal	2,000,000.00
7.	MDSB	Penyelesaian tunggakan dengan AFSB	1,600,000.00
8.	MBSA	Persimpangan bertingkat Jalan Mat Raji, Sek 17, S Alam	3,995,210.00
9.	MPSJ	Projek kawalan banjir	8,740,000.00
JUMLAH TAHUN 2013			**518,327,316.48**
TAHUN 2014			
1.	PIYSB	Membaik pulih asrama dan sistem kumbahan UNISEL	60,000,000.00
2.	KUIS	Pembinaan infrastruktur kampus	48,544,150.00
3.	INPENS	Membiayai kos pembangunan INPENS	4,316,500.00
4.	PHSSB	Membiayai kerja baik pulih Projek Perumahan Rakyat	518,000.00
5.	MPAJ	Projek penstabilan cerun	25,853,485.37
6.	MPSJ	Pembinaan jalan masuk ke Sek Kbg Tmn Desaminium	1,467,060.00
7.	MPSJ	Pembinaan persimpangan bertingkat di Jalan Puchong	15,500,000.00
JUMLAH TAHUN 2014			**156,199,195.37**
TAHUN 2015			
1.	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	Pembelian loan stocks SYABAS yang dipegang oleh ISY Holding	33,224,219.00
2.	MPKj	Pembinaan kolam takungan dan menaiktaraf longkang	2,130,619.51
3.	MBSA	Pembinaan pasar di Sek 25, S Alam	27,940,526.49
4.	MPKj	Pembelian jentera dan peralatan untuk operasi MPKj	3,222,135.64
5.	MDKL	Pembinaan bangunan pejabat 9 tingkat MDKL	15,000,000.00
JUMLAH TAHUN 2015			**81,517,500.64**
JUMLAH KESELURUHAN			**756,044,012.49**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengatasi kesesakan di Lebuhraya Persekutuan?

b) Dengan inisiatif-inisiatif seperti yang dihuraikan, apakah penambahbaikan waktu perjalanan yang disasarkan?

c) Adakah mana-mana pihak telah mencadangan pembinaan lebuhraya bertingkat untuk Lebuhraya Persekutuan

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : REBAN AYAM

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah reban ayam berlesen bagi setiap PBT.

b) Jelaskan secara ringkas proses permohonan lesen reban ayam.

c) Jelaskan secara ringkas bagaimanakah PBT menangani aduan-aduan terhadap reban ayam?

JAWAPAN:

a) Jumlah reban ayam adalah sebanyak 49 reban. Jumlah secara terperinci mengikut PBT adalah seperti jadual :

BIL	PBT	JUMLAH REBAN AYAM BERLESEN
1.	MBSA	TIADA
2.	MBPJ	TIADA
3.	MPK	TIADA
4.	MPAJ	TIADA
5.	MPSJ	TIADA
6.	MPS	TIADA
7.	MPSp	TIADA
8.	MPKj	2
9.	MDKL	TIADA
10.	MDHS	23
11.	MDKS	19
12.	MDSB	5
JUMLAH		49

b) Lesen Peladangan Unggas akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Veterinar. Pihak Jabatan Veterinar akan hanya memberi kebenaran kepada pengusaha selepas bangunan reban berkenaan mendapat kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan dari pihak PBT.

c) PBT menggunapakai peraturan di bawah kacauganggu Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dalam menangani aduan berkaitan dengan ayam. Di antara tindakan yang dikenakan adalah mengeluarkan Notis Kacauganggu bertempoh dan Notis Kesalahan jika berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : PERKHIDMATAN PERMOHONAN SECARA EKSPRES

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jenis permohonan yang PBT menawarkan perkhidmatan ekspres dengan tempoh kelulusan masing-masing.

JAWAPAN:

a) PBT memberikan kelulusan pada permohonan yang dikemukakan dalam tempoh seawal serta merta, 1 jam ke 24 jam berdasarkan jenis permohonan. Antara perkhidmatan ekspres yang ditawarkan ialah :

1. Permohonan Pelan Kediaman
2. Permohonan Pelan Setara
3. Permohonan permit meletak bahan binaan
4. Sewaan padang & dewan
5. Lesen Tidak Berisiko
6. Pelan Tambahan/ Ubahsuai & sebagainya

Perincian perkhidmatan yang ditawarkan oleh PBT adalah seperti di **lampiran 1**:

LAMPIRAN 1

PBT	Jenis Permohonan	Tempoh Kelulusan Ekspress
MBSA	Permohonan Kelulusan Pelan Kediaman Untuk Cadangan Baru Banglo,	1 Hari
	Permohonan Kelulusan Pelan Kediaman Untuk Cadangan Tambahan/Pindaan Rumah Kediaman,	1 Hari
	Permohonan Kelulusan Pelan Setara (Standard Plan) Untuk Cadangan Tambahan/Pindaan Rumah Kediaman Jenis Teres 1 Tingkat atau 2 Tingkat,	1 Jam
	Permohonan Kelulusan Pelan Setara (SP) Permit Binaan Sementara bagi Tambahan/Pindaan Bumbung Sengkuap 'Awning' / Dinding Sesekat 'Partition' / Dinding Kongsi Sama 'Party Wall' untuk Kedai Pejabat	1 Hari
	Permohonan Kelulusan Pelan Setara (SP) Permit Binaan Sementara bagi Tambahan/Pindaan Bumbung Sengkuap / Tangga Keselamatan Untuk Kediaman Yg dijadikan Premis Tadika/Taska	1 Hari
	Permohonan Permit Meletak Bahan Binaan	1 Hari
	Perkhidmatan Lesen 1 Jam - 90 aktiviti perniagaan tidak berisiko semenjak tahun 2012 dan; - 27 aktiviti perindustrian tidak berisiko pada tahun 2016.	1 jam
MBPJ	Kiosk Bukan Makanan (Pusat Beli Belah Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Jam	Serta Merta
	Kedai Alat Tulis	Serta Merta
	Kedai Buku	Serta Merta
	Kedai Bunga	Serta Merta
	Kedai Kasut	Serta Merta
	Kedai Beg	Serta Merta
	Kedai Pakaian	Serta Merta
	Bilik Pameran Menjual Rumah	Serta Merta
	Kedai Jahit	Serta Merta

	Butik Pengantin	Serta Merta
	Kedai Aksesori Lelaki/ Wanita	Serta Merta
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Kedai Cenderamata/ Kraftangan	Serta Merta
	Kedai Barangan Bayi	Serta Merta
	Kedai Hiasan Dalaman Rumah (Cadar/ Langsir/ Lampu)	Serta Merta
	Kedai Kunci	Serta Merta
	Kedai Peralatan Logam/ Elektrik (Hardware) (Diy)	Serta Merta
	Kedai Dobi	Serta Merta
	Kedai Telefon Bimbit/ Aksesori Telefon	Serta Merta
	Kedai Barangan Elektrik Rumah	Serta Merta
	Kedai Perisian Komputer	Serta Merta
	Kedai Barangan Penjagaan Diri	Serta Merta
	KEDAI MAKANAN KESIHATAN (Menjual Produk Siap Pek Sahaja)	Serta Merta
	KEDAI MAKANAN KESIHATAN (Ada Membei Sampel Untuk Pelanggan)	Serta Merta
	Farmasi	Serta Merta
	KEDAI UBAT TRADISIONAL (Akar Kayu/ Jamu)	Serta Merta
	Klinik	Serta Merta
	Kedai Peralatan Sukan	Serta Merta
	Galeri Seni	Serta Merta
	Pusat Pameran, Hisan Dalaman Rumah/ Kabinet Dapur/ Bilik Mandi/ Ruang Tamu	Serta Merta
	Galeri Perabot	Serta Merta
	Kedai Perabot	Serta Merta
	KEDAI ALAT PERMAINAN KANAK-KANAK (Tanpa Perkhidmatan Sewaan)	Serta Merta
	KEDAI HOBI (Permainan Dewasa) Cth Kawalan Jauh ‘RC’, Replika)	Serta Merta
	Kedai Barangan Antik	Serta Merta
	KEDAI RUNCIT/ SERBANEKA/ PASAR MINI	Serta Merta

	Cth 7-Eleven, Sppedmart99	
	Kedai Menjual Barangan Keagamaan	Serta Merta
	Kedai Menjual Alat Muzik	Serta Merta
	Kedai Gambar	Serta Merta
	Kedai Fotostat	Serta Merta
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Perkhidmatan Penghantaran (Kurier)	Serta Merta
	Bank	Serta Merta
	Kedai Emas	Serta Merta
	Pejabat Pengurusan	Serta Merta
	STOR (Kecuali Stor Makanan Dan Stor Yang Dinyatakan Di Senarai Aktiviti Lesen Kritikal)	Serta Merta
MPK	Sewaan Dewan dan Padang	Serta – merta (jika terdapat kekosongan).
	Carian Maklumat Harta yang dikenakan Cukai TaksiraN	Serta – Merta
	Lesen Serta Merta	24 jam
MPAJ	Permohonan lesen tidak berisiko seperti permohonan lesen kedai serbaneka, butik pakaian dan kedai aksesori kereta. Sebanyak 124 aktiviti perniagaan disenaraikan di bawah lesen serta-merta.	Serta-merta (30 minit)
	Permohonan permit sementara yang tidak memerlukan ulasanteknikal seperti permit sementara kain rentang di hadapan premis dan permit jualan tidak melebihi 1 khemah.	Serta-merta (30 minit)
	Permohonan tutup jalan bagi pemasangan khemah majlis perkahwinan, kematian dan keraian yang tidak melebihi tempoh 2 hari	
MPSJ	Kedai Aksesori Kereta (Jual Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Aksesori Wanita	Serta Merta
	Kedai Alat-alat Sukan	Serta Merta
	Kedai Barang Hiasan / Hiasan Dalaman	Serta Merta

	Kedai Barangan Elektrik / Alat Hawa Dingin	Serta Merta
	Kedai Barangan Plastik & Pinggan Mangkuk	Serta Merta
	Kedai Basikal	Serta Merta
	Kedai Bingkai Gambar	Serta Merta
	Kedai Bot / Jet Ski (Jual Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Buku dan Alat Tulis	Serta Merta
	Kedai Bunga	Serta Merta
	Kedai Cermin Mata	Serta Merta
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Kedai Dobi (4 Mesin)	Serta Merta
	Kedai Emas	Serta Merta
	Kedai Gambar	Serta Merta
	Kedai Gunting Rambut 61 hingga 100 meter persegi 101 hingga 200 meter persegi Melebihi 200 meter persegi	Serta Merta
	Kedai Jahit Pakaian	Serta Merta
	Kedai Jam	Serta Merta
	Agen Insuran	Serta Merta
	Kedai Jual Cermin Kereta dan Ekzos Kereta (Jual Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Menjual Ubat Cina / Ubat Tradisional	Serta Merta
	Kedai Pasu	Serta Merta
	Kedai Komputer	Serta Merta
	Kedai Kraftangan / Cenderamata	Serta Merta
	Kedai Kunci	Serta Merta
	Kedai Mainan Kanak-Kanak	Serta Merta
	Kedai Menjual Permaidani / Cermin	Serta Merta
	Kedai Pakaian / Butik	Serta Merta
	Kedai Perabot (Tingkat Bawah Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Peralatan Rumah / Dapur	Serta Merta
	Kedai Fotostat	Serta Merta
	Kedai Plumbing	Serta Merta
	Kedai Jahitan	Serta Merta

	Kedai Telefon / Aksesori	Serta Merta
	Pejabat Urusan	Serta Merta
	Kedai Menjual Peralatan Keagamaan	Serta Merta
	Kedai Menjual Peralatan Makmal / Sainstifik	Serta Merta
	Kedai Kasut	Serta Merta
	Kedai Kelengkapan Bilik Mandi	Serta Merta
	Kedai Perhiasan Lampu (Tingkat Bawah Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Andaman Pengantin (Tanpa Perkhidmatan Urut)	Serta Merta
	Kedai Akuarium	Serta Merta
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Pusat Senaman / Aerobik	Serta Merta
	Kedai Menjual Jubin	Serta Merta
	Kedai Bahan-Bahan Besi atau Logam	Serta Merta
	Kedai Menjual Kereta / Motosikal Baru	Serta Merta
	Studio Muzik / Rakaman	Serta Merta
	Kedai Kosmetik	Serta Merta
	Iklan / Papan Iklan Tidak Bercahaya / Papan Tanda Premis (kurang 8 meter persegi) Tambahan 1 meter persegi atau sebahagiannya	Serta Merta
	Iklan / Papan Iklan Bercahaya / Papan Tanda Premis (kurang 8 meter persegi) Tambahan 1 meter persegi atau sebahagiannya	Serta Merta
	Kedai Aiskkrim / Kedai Kek	Serta Merta
	Kedai Kawalan Serangga (jual Sahaja)	Serta Merta
	Kedai Runcit / Pasar Mini	Serta Merta
	Kedai Produk Kesihatan / Makanan Kesihatan	Serta Merta
	Restoran / Kedai Makan / Kafe (1 unit & tingkat bawah sahaja bagi lot kedai)	Serta Merta
	Tadika / Taska	Serta Merta
	Pelan Setara Rumah Kediaman	Serta-merta
	Pelan Tambahan Ubahsuai Rumah Kediaman Sedia Ada	1 hari

	Pelan Kelulusan Rumah Sesebuah Berinfrastruktur	1 hari
	Permit Pembinaan	1 hari
	Permit Telco	1 hari
	Rembahan Permit Pembinaan Dan Telco	1 hari
	Permit Harian	Serta-merta
	Pelan Setara Bangunan Perniagaan	1 hari
	Permit Ramp Penutup Longkang & Awning Bangunan Perniagaan Dan Industri	1 Hari
MPS	Kelulusan lesen premis perniagaan dan iklan serta merta.	5 minit sekiranya permohonan lengkap.
	Kelulusan permohonan lesen anjing.	24 jam hari bekerja sekiranya permohonan lengkap.
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Permohonan pelan bangunan untuk tambahan rumah kediaman dan pelan setara (buku panduan) untuk kerja-kerja kecil rumah kediaman.	24 jam hari bekerja sekiranya permohonan lengkap.
MPKj	I. Pelan Setara II. Permit Kerja Kecil III. Permit *Ramp*	1 Jam
	I. Pelan Tambahan/ Ubahsuai II. Permit Binaan Sementara Papan Dendeng	24 Jam
	Sebanyak 53 aktiviti dan jenis perniagaan yang boleh diberikan kelulusan segera melalui Permohonan Kelulusan Lesen Segera Premis Perniagaan dengan syarat bangunan perniagaan mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) serta borang permohonan lengkap	
MPSp	1. Kedai Aiskrim	Serta Merta
	2. Kedai Aksesori Kereta (Jual Sahaja)	Serta Merta

	3. Kedai Aksesori Wanita	Serta Merta
	4. Kedai Alat-Alat Sukan	Serta Merta
	5. Kedai Barangan Hiasan/Dalaman	Serta Merta
	6. Kedai Barangan Elektrik	Serta Merta
	7. Alat Hawa Dingin	Serta Merta
	8. Kedai Barangan Plastik& Pinggan Mangkuk	Serta Merta
	9. Kedai Basikal	Serta Merta
	10. Kedai Bingkai Gambar	Serta Merta
	11. Kedai Bot/Jet Ski (Jual Sahaja)	Serta Merta
	12. Kedai Buku & Alat Tulis	Serta Merta
	13. Kedai Bunga	Serta Merta
	14. Kedai Cermin Mata	Serta Merta
	15. Kedai Dobi	Serta Merta
	16. Kedai Emas	Serta Merta
	17. Kedai Gambar	Serta Merta
	18. Kedai Gunting Rambut < 3 Kerusi	Serta Merta
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	19. Kedai Gunting Rambut > 3 Kerusi	Serta Merta
	20. Kedai Jahitan Pakaian	Serta Merta
	21. Kedai Batu Nesan & Keranda	Serta Merta
	22. Kedai Jual Ubatan Cina/ Ubat Tradisonal	Serta Merta
	23. Kedai Kasut	Serta Merta
	24. Kedai Kawalan Serangga (Jual Sahaja)	Serta Merta
	25. Kedai Komputer (Jual Sahaja)	Serta Merta
	26. Kedai Kraf Tangan (Jual Sahaja)	Serta Merta
	27. Kedai Kunci	Serta Merta
	28. Kedai Mainan Kanak-Kanak	Serta Merta
	29. Kedai Menjual Permaidani / Cermin	Serta Merta
	30. Kedai Pakaian/Batik	Serta Merta
	31. Kedai Perabot	Serta Merta
	32. Kedai Peralatan Rumah/Dapur	Serta Merta
	33. Kedai Fotostat	Serta Merta

	34. Kedai Plumbing/Hardware (Jual Sahaja)	Serta Merta
	35. Kedai Runcit	Serta Merta
	36. Pasar Mini(Jual Ikan Dan Sayur)	Serta Merta
	37. Kedai Sekolah Jahitan	Serta Merta
	38. Kedai Telefon/Aksesori	Serta Merta
	39. Pasar (Pasar Raya) > 2 Pintu	Serta Merta
	40. Pasar (Persendirian) – Termasuk Pakaian	Serta Merta
	41. Pejabat Urusan	Serta Merta
	42. Insurans	Serta Merta
	43. Butik Pakaian (Pakaian/Kasut/Kosmetik)	Serta Merta
	44. Stor (Tidak Berisiko)	Serta Merta
	45. Kedai Kelengkapan Bilik Mandi	Serta Merta
	46. Kedai Perhiasan Lampu	Serta Merta
	47. Kedai Produk Kesihatan/Makanan Kesihatan	Serta Merta
	48. Kedai Akuarium	Serta Merta
	49. Pusat Senaman/Aerobik	Serta Merta
	50. Kedai Jubin	Serta Merta
	51. Kedai Bahan-Bahan Besi Atau Logam	Serta Merta
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	52. Kedai Jual Kereta/ Motosikal Baru	Serta Merta
	53. Pusat Studio Muzik/Rakaman	Serta Merta
	54. Restoran/Kedai Kopi Dan Kedai Makanan	Serta Merta
	55. Taska/Tadika	Serta Merta
	56. Farmasi/Kedai Ubat	Serta Merta
MDKL	Kedai Aksesori Kereta	1 hari bekerja
	Kedai Aksesori Wanita	1 hari bekerja
	Kedai Alat-Alat Sukan	1 hari bekerja
	Kedai Barang Hiasan/Hiasan Dalaman	1 hari bekerja
	Kedai Barangan Elektrik/Alat Penghawa Dingin	1 hari bekerja
	Kedai Barangan Plastik/Pinggan Mangkuk	1 hari bekerja
	Kedai Basikal	1 hari bekerja

	Kedai Bingkai Gambar	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Bot/Jet Ski	1 hari bekerja
	Kedai Buku & Alat Tulis	1 hari bekerja
	Kedai Bunga	1 hari bekerja
	Kedai Cermin Mata	1 hari bekerja
	Kedai Dobi	1 hari bekerja
	Kedai Emas	1 hari bekerja
	Kedai Gambar	1 hari bekerja
	Kedai Gunting Rambut	1 hari bekerja
	Kedai Jahit Pakaian	1 hari bekerja
	Kedai Jam	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Batu Nesan & Keranda	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Cermin Kereta & Ekzos	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Ubatan Cina/Tradisional	1 hari bekerja
	Kedai Kasut	1 hari bekerja
	Kedai Komputer	1 hari bekerja
	Kedai Kraftangan/Cenderamata	1 hari bekerja
	Kedai Kunci	1 hari bekerja
	Kedai Mainan Kanak-Kanak	1 hari bekerja
	Kedai Permaidani/Cermin	1 hari bekerja
	Kedai Pakaian	1 hari bekerja
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Kedai Perabot	1 hari bekerja
	Kedai Peralatan Rumah/Dapur	1 hari bekerja
	Kedai Fotostat	1 hari bekerja
	Kedai Plumbing	1 hari bekerja
	Kedai Runcit/Pasar Mini	1 hari bekerja
	Kedai/Perkhidmatan Sekolah Jahitan	1 hari bekerja
	Kedai Telefon/Aksesori Telefon	1 hari bekerja
	Pejabat Urusan/Insurans	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Peralatan Keagamaan	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Peralatan Makmal/Saintifik	1 hari bekerja

	Butik (Pakaian/Kasut/Kosmetik)	1 hari bekerja
	Stor (Tidak Berisiko)	1 hari bekerja
	Kedai Kelengakapan Bilik Mandi	1 hari bekerja
	Kedai Perhiasan Lampu	1 hari bekerja
	Kedai Andaman Pengantin	1 hari bekerja
	Kedai Akuarium	1 hari bekerja
	Pusat Senaman/Aerobik	1 hari bekerja
	Kedai Jual Jubin	1 hari bekerja
	Kedai Bahan-Bahan Besi / Logam (Hardware)	1 hari bekerja
	Pusat Studio Muzik/Rakaman	1 hari bekerja
	Kedai Jual Kereta/Motosikal Baru	1 hari bekerja
	Tadika/Taska	1 hari bekerja
	Kedai Produk Kesihatan	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Kawalan Serangga	1 hari bekerja
	Kedai Menjual Ais Krim	1 hari bekerja
MDHS	Permohonan Buku Panduan Rumah Teres Sahaja	Satu Hari
MDKS	Permit Pembaikan Kecil (Minor Repair)	1 jam
	Pelan Setara (Standard Plan)	1 jam
	Sebahagian permohonan lesen anjing diberi “on the spot” semasa rondaan ke taman perumahan jika ada penduduk membela anjing	1 jam
	Permohonan Lesen Serta Merta	24 jam
PBT	**Jenis Permohonan**	**Tempoh Kelulusan Ekspress**
	Permit Berniaga Sementara/Khemah (tapak sediada/premis berlesen)	24 jam
	Permit Iklan (premis berlesen)	24 jam
	Permit Bazar Ramadhan (Mematuhi syarat)	2 jam
	Permit Khemah Perkahwinan	24 jam
MDSB	Permohonan pelan tambahan bangunan 24 jam	Serta merta
	Permohonan Lesen perniagaan Kategori Serta Merta. cth: lesen kedai baju, runcit, gambar dll	Serta merta

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : JETI PENAMBANG

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status tentang pembinaan jeti penambang di Sungai Sepang Besar di kawasan Sungai Pelek?

JAWAPAN:

a) Jeti penambang di Sungai Besar, Sungai Pelek akan didaftarkan semasa inventori jeti yang akan dijalankan di Daerah Sepang pada bulan September. Walau bagaimanapun, sebarang pembinaan baru atau naiktaraf jeti sedia ada akan dilaksanakan setelah selesai inventori dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : KERJA-KERJA NAIKTARAF PERSIMPANGAN DI JALAN PERSEKUTUAN 1 TANJUNG MALIM - RAWANG (FT001)

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah JKR Hulu Selangor mempunyai maklumat terkini mengenai kerja-kerja naiktaraf persimpangan Jalan FT001 ke Genting Highland? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

b) Apakah sebab-sebabnya kerja-kerja naiktaraf persimpangan di Jalan Kuala Kali - Rasa (B115) ke Jalan FT001 belum dimulakan lagi?

JAWAPAN:

a) Ini adalah Jalan Persekutuan FT001. Projek ini telah dipohon untuk dimasukkan dalam Senarai Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi tidak diluluskan.

b) Projek ini belum dimulakan kerana perancangan projek berdasarkan kepada peruntukan siling yang telah diluluskan.

b)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PELAN KAJIAN LALULINTAS SERTA PENGANGKUTAN AWAM DUN TERATAI

308. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Selangor mempunyai pelan kajian lalulintas serta pengangkutan awam di DUN Teratai?

b) Bilakah keadaan lalulintas di DUN Teratai boleh ditambahbaik memandangkan bas percuma Smart Selangor tidak melalui DUN Teratai serta pelan asal MRT 2 telah dipinda?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PERLANTIKAN KETUA KOMUNITI

309. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah perkembangan tentang isu Perlantikan Ketua Komuniti?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : BANTUAN KHAS AIDILFITRI 2016

310. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jumlah kakitangan KNS yang layak menerima manfaat tersebut?

b) Sila nyatakan pemberian Khas Aidilfitri dan bonus 1.5 bulan terhadap implikasi kewangan Negeri?

c) Sila nyatakan secara perbandingan pemberian khas Aidilfitri kakitangan KNS dengan Persekutuan sejak 3 tahun yang lepas?

JAWAPAN:

a) Jumlah kakitangan perkhidmatan awam Negeri Selangor yang layak menerima Bantuan Khas Kewangan dan di bayar pada 1 Julai 2016 melalui sistem gaji berkomputer adalah sebanyak 17,142 orang.

b) Pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak 1 ½ bulan gaji ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM41,564,105.84 seperti yang dibayar melalui sistem gaji berkomputer.

c) Perbandingan pemberian khas sempena Hari Raya Aidilfitri kepada kakitangan kerajaan Negeri Selangor dengan pemberian oleh kerajaan Persekutuan bagi tempoh 3 tahun lepas adalah seperti berikut:

TAHUN	Jumlah Pemberian Kerajaan Negeri Selangor	Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan
2014	1 Bulan Gaji (jumlah implikasi kewangan sebanyak RM28,029,070.03)	RM500.00
2015	1 Bulan Gaji (jumlah implikasi kewangan sebanyak RM28,280,988.94)	RM500.00
2016	1 1/2 Bulan Gaji (jumlah implikasi kewangan sebanyak RM41,564,105.84)	RM500.00